

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

---

Bil. 19

Rabu

15 Ogos 2018

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntukan Semula  
Peruntukan Perbelanjaan) 2018

**Jawatankuasa:-**

**Jadual:-**

Maksud B. 32	(Halaman 33)
Maksud B. 45	(Halaman 98)
Maksud B. 46	(Halaman 139)
Maksud B. 47	(Halaman 169)
Maksud B. 62	(Halaman 181)
Maksud B. 63	(Halaman 194)
Maksud B. 10	(Halaman 206)

**USUL-USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada  
Peraturan Mesyuarat (Halaman 40 & 213)

Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula  
Peruntukan Perbelanjaan) 2018

**Jawatankuasa:-**

Maksud P. 32	(Halaman 33)
Maksud P. 45	(Halaman 98)
Maksud P. 46	(Halaman 139)
Maksud P. 47	(Halaman 169)
Maksud P. 62	(Halaman 181)
Maksud P. 63	(Halaman 194)
Maksud P. 10	(Halaman 206)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT PERTAMA**

Rabu, 15 Ogos 2018

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan secara terperinci, tentang pelaksanaan Program Satu Daerah Satu Industri (SDSI) seperti jumlah daerah yang terlibat, jenis industri yang diusahakan, jumlah atau bentuk bantuan bagi sesebuah industri di sesebuah daerah serta contoh-contoh daerah yang telah berjaya dalam program tersebut.

**Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Mohd Redzuan Yusof]:** Tuan Yang di-Pertua, Program Satu Daerah Satu Industri merupakan program pembangunan ekonomi yang dijalankan oleh komuniti setempat berdasarkan kepada produk atau perkhidmatan unik yang beridentitikan sebuah daerah. Sehingga kini, seramai 7,212 usahawan SDSI telah berdaftar dengan lima kementerian peneraju, mengikut kluster seperti berikut:

- (i) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) sebagai peneraju kluster produk makanan dan minuman;
- (ii) Kementerian Pelancongan sebagai peneraju kluster *homestay*;
- (iii) Kementerian Pembangunan Luar Bandar sebagai peneraju kluster produk perkhidmatan kesihatan;
- (iv) Perbadanan Kemajuan Kraf Tangan Malaysia di bawah MOTAC sebagai peneraju kluster produk kraf; dan
- (v) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sebagai peneraju kluster promosi, pemasaran dan

pembangunan keusahawanan yang telah dipindahkan kepada Kementerian Pembangunan Usahawan (MED).

Antara produk utama Program SDSI adalah kluster makanan dan minuman, kerepek, kek lapis, produk sejuk beku, dan *ready to cook paste*.

Kluster produk dan perkhidmatan kesihatan adalah kopi herba dan produk herba kosmetik.

Kluster produk kraf serta aktiviti kebudayaan adalah batik, *pewter*, seramik, tekatan, manik, mutiara dan songket.

Kluster *homestay* adalah ekonomi masyarakat desa.

Daerah-daerah yang terlibat termasuk daerah Sepang, Selangor menghasilkan produk kerepek; daerah Lawas-Limbang, Sarawak menghasilkan produk ikan tahai; daerah Kuala Kangsar, Perak menghasilkan produk seramik; daerah Keningau, Sabah menghasilkan produk anyaman buluh, serta Homestay Kampung Santubong Sarawak, dan Homestay Bangkulis, Selangor.

Bantuan dan sokongan yang disediakan di bawah SDSI kepada usahawan adalah bantuan peningkatan kemahiran dan modal insan seperti Program Pembangunan Modal Insan, latihan dan juga kursus-kursus. Bantuan prasarana dan mesin seperti penyediaan bangunan prasarana, menaik taraf premis, program pembangunan produk dan bantuan rangsangan ekonomi seperti geran dan pinjaman, program promosi serta perdagangan eksport ke luar negara. Bantuan rangsangan perniagaan dan bantuan pemasaran produk juga diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah kementerian yang baru ditubuhkan pada 2 Julai 2018, Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) bersedia menambah baik program sedia ada dan akan melaksanakan proses rasionalisasi ke atas kesemua agensi yang berkaitan dengan Program SDSI. Ini bertujuan untuk menaik taraf dan menambah baik inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan serta mengelakkan pertindihan kerja, pembaziran belanjawan dan mengurangkan kerenah birokrasi. Terima kasih.

**Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jadi soalan tambahan saya, adalah adakah program ini atau industri yang dimaksudkan ini terhad kepada produk-produk sampingan seperti hasil kraf tangan atau makanan yang telah diproses seperti kerepek ataupun keropok.

Jadi apa yang saya mahu tahu adalah adakah hasil tani seperti buah-buahan dan sayur-sayuran atau madu seperti madu lebah dan madu kelulut juga termasuk dalam program ini? Sejauh manakah keberkesanan pemasaran produk yang dibantu

oleh pihak kementerian? Ini kerana apa yang saya lihat di kebanyakan kawasan terutamanya di kawasan luar bandar terlalu banyak produk yang diperkenalkan tetapi pemasaran tidak ada. Maksudnya tidak ada bantuan dari segi pemasaran produk.

Contohnya di kawasan saya sendiri, Skim Penternakan Ikan Keli, skim penternakan macam-macam lagi yang diperkenalkan tetapi akhirnya produk-produk itu untuk makanan diri sendiri sahaja. Untuk penggunaan keluarga tersebut sahaja, tidak ada pemasaran di peringkat yang lebih tinggi. Terima kasih.

**Tuan Mohd Redzuan Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalannya nampak ada dua bahagian. Nombor satu, boleh saya rumuskan iaitu kita sentiasa akan menggalakkan produk-produk lain untuk diusahakan di bawah SDSI tadi.

Nombor dua, dari segi penggunaannya atau pemasarannya, *the economics of skill* yang kita akan tambah baik untuk memastikan *supply chain* itu secara menyeluruh.

#### ■1010

Sekiranya ada pasaran yang menggalakkan, kita akan memberi bantuan seperti yang saya sebutkan tadi dari segi meningkatkan prasarana yang kita boleh wujudkan di dalam Kementerian Pembangunan Usahawan. Terima kasih.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Soalan tambahan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Paya Besar.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** *[Bangun]*

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** *[Bangun]*

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya mempersilakan Yang Berhormat Paya Besar. Ya, saya bagi yang hujung dulu.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri.

SDSI ini merupakan satu perkara yang saya kira sudah lama Yang Berhormat Menteri, kalau tidak salah saya lebih kurang 30 tahun lebih. Nampaknya, SDSI ini dalam kementerian dahulu pun tidak mempunyai sesuatu peningkatan daripada segi kebolehupayaan untuk kita jadikan SDSI ini sebagai produk kebanggaan Kerajaan Malaysia ataupun kementerian Yang Berhormat Menteri.

Cumanya, persoalan saya adalah, berkaitan kita hari ini menghadapi satu keadaan Revolusi Industri 4.0. Bagaimanakah kementerian melihat, MED melihat bagaimana *trade* dan *trend* yang harus kita lakukan untuk melakukan pengurusan data? Saya yakin Yang Berhormat Menteri menjelaskan dalam jawapan tadi, banyak sangat

perkara-perkara yang berlaku di daerah-daerah. Bagaimana MED melihat pengurusan data ini dapat diuruskan dengan baik supaya satu hari nanti akan ada satu *website* yang mirip kepada *Lazada* dan akhirnya ia membantu ekonomi di akar umbi?

**Tuan Mohd Redzuan Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat yang bertanya. Tuan Yang di-Pertua, mengenai kejayaan ataupun *success story* yang boleh saya rumuskan hari ini. Industri SDSI ini seingat saya ataupun apa yang kita tengok daripada data-data yang diberi kepada saya, diwujudkan bermula tahun 2006. Program ini di model kan dari negara Jepun dan juga selepas itu dari negara Thailand. Program-program di negara itu amat berjaya dari segi pemasaran global. Berbagai kelemahan kita telah lihat di dalam pemudah cara ataupun pengawalseliaan Program SDSI terdahulunya, bermula 2006 dan kita nampak beberapa penambah baikan yang kita boleh buat. Umpamanya, produk-produk ini memerlukan satu usaha untuk kita membawa ke depan melalui satu platform, satu pelantar, di mana boleh perkenalkan melalui *e-commerce*.

*Database* ini kita akan satukan untuk memastikan orang memahami dari segi *supply chain aspect* itu, memastikan produk-produk SDSI ini boleh dipasarkan di peringkat global. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih. Saya...

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Satu lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** ...Hanya benarkan dua soalan saja. Saya hendak teruskan kepada pertanyaan yang kedua, saya jemput Yang Berhormat Maran.

**2. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]** minta Menteri Kewangan menyatakan, status terkini pembinaan Projek Keretapi Pantai Timur (ECRL), dan apakah justifikasi peningkatan kos pembinaan daripada RM55 bilion kepada RM70 bilion.

**Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada soalan daripada Yang Berhormat Maran.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional telah mengumumkan kos sebanyak RM55 bilion untuk Projek ECRL yang hanya melibatkan kos asas pembinaan iaitu bagi Fasa 1 bermula dari ITT Gombak, Selangor ke Wakaf Baru, Kelantan. Melibatkan kos sebanyak RM46 bilion, manakala bagi Fasa 2 dari ITT Gombak ke

Pelabuhan Klang, Selangor berjumlah RM9 bilion. Kos yang diumumkan oleh Kerajaan Barisan Nasional tidak merangkumi fasa penambahbaikan berjumlah RM11.78 bilion yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada tahun 2017. Ini melibatkan jajaran tambahan daripada Wakaf Baru hingga Pengkalan Kubor, Kelantan dan pembinaan landasan berkembar sepanjang jajaran ECRL.

Oleh yang demikian, jumlah kos asas pembinaan landasan kereta api bagi Fasa 1, Fasa 2 dan fasa penambahbaikan adalah sebanyak RM66.78 bilion. Selepas mengambil kira kos pengambilan tanah sebanyak RM2.5 bilion, modal kerja RM50 juta dan lain-lain kos operasi RM500 juta. Keseluruhan kos pembangunan adalah RM69.83 bilion. Akan tetapi itu pun bukan kos muktamad. Jumlah kos Projek ECRL yang sebenar adalah meningkat sampai RM80.92 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, kos tambahan ini terdiri daripada kos pembangunan sebanyak RM69.83 bilion dan kos pembiayaan- *financing cost* sebanyak RM11.09 bilion merangkumi bayaran faedah kupon Sukuk, yuran komitmen dan yuran pengurusan semasa pembinaan iaitu kos faedah pinjaman. Kita kena ingat bahawa kos faedah pinjaman untuk sepanjang projek ini belum diambil kira lagi. So, sekiranya diambil kira, akan lebih daripada RM81 bilion yang saya sebut tadi.

Kos dinyatakan ini adalah bukan kos yang baru kerana anggaran kos keseluruhan ini adalah daripada pentadbiran kerajaan terdahulu dan tidak pernah didedahkan kepada umum sehingga berlakunya perubahan kuasa pada 9 Mei 2018.

Pecahan keseluruhan kos RM80.92 bilion akan saya perincikan dalam jawapan bertulis kepada Yang Berhormat dalam bentuk rajah, supaya lebih senang difahami. Akan tetapi itu adalah mengikuti apa yang saya umumkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini, kerajaan masih belum memuktamadkan hala tuju Projek ECRL, sama ada untuk meneruskan projek ini atau tidak, adalah tertakluk kepada hasil rundingan yang sedang dijalankan. Lagipun, Kerajaan Negeri Selangor telah menentang Projek ECRL kerana rangkaian kereta api daripada Gombak ke Pelabuhan Klang akan menjaskan permohonan Tapak Warisan Sedunia, UNESCO yang dalam proses akhir ke Bangsa-Bangsa Bersatu.

Sekiranya kerajaan bercadang untuk meneruskan projek ini, kajian teliti harus dilaksanakan dari segi persetujuan Kerajaan Negeri Selangor, skop spesifikasi dan kaedah pelaksanaan, supaya kos keseluruhan projek dapat dikurangkan agar dapat meringankan lagi beban kewangan kerajaan.

Sekiranya kerajaan bercadang untuk tidak meneruskan projek ini, kemungkinan besar ia akan dirujuk kepada prosedur perundangan bagi menentukan jumlah bayaran pampasan jika ia perlu dibayar.

Buat masa ini, memandangkan projek ini perlu dikaji semula, kerajaan telah mengarahkan Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. atau MRL, syarikat khusus di bawah milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan mengeluarkan Notis Penggantungan Kerja atau *Work Suspension Notice* serta-merta pada 3 Julai 2018 kepada kontraktor utama, iaitu *China Communications Construction Company*.

Oleh yang demikian, semua kerja dan perkhidmatan berkaitan Projek ECRL telah digantung sehingga notis selanjutnya dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan.

ECRL projek mega yang amat dialu-alukan oleh penduduk Pantai Timur, terutamanya di Pahang, Terengganu dan Kelantan. Kerja telah ditangguhkan dan tahukah Yang Berhormat, beribu-ribu hektar tanah penduduk terlibat beku tidak dapat digunakan dan belum dibayar pampasan. Lebih kurang 2,000 pekerja telah pun diberhentikan, terutamanya pekerja tempatan. Hari ini jika kita pergi ke kampung, kita lihat ramai pekerja-pekerja ini merayau-rayau di kampung-kampung.

#### ■1020

Persoalan saya, apakah tindakan kerajaan dalam membela pemilik-pemilik tanah terlibat termasuk membayar pampasan ataupun kerugian dihadapi oleh mereka kerana tanah mereka tidak boleh digunakan kerana telah dikenal pasti sebagai tapak laluan projek ini? Apakah bayaran pampasan yang diberikan kepada pekerja-pekerja yang telah diberhentikan, terutamanya pekerja tempatan ini? Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Maran. Tentang dua soalan yang ditujukan, kalau kita lihat daripada segi pampasan pemilik tanah, kita tertakluk kepada Akta Pengambilan Tanah. Sekiranya bayaran pampasan belum dibuat kerana pengambilan tanah belum disempurnakan, maka pampasan akan bergantung kepada apa-apa kerugian yang dialami. Akan tetapi sekiranya pampasan dibayar, tentulah ia akan menjadi milik pihak Kerajaan Persekutuan.

So, di sini saya tidak lihat masalah yang timbul kerana pihak kerajaan akan mematuhi peruntukan undang-undang yang termaktub dalam Akta Pengambilan Tanah.

Berkaitan dengan pekerja-pekerja, saya harap Yang Berhormat, seperti yang sedia dimaklumkan oleh Yang Berhormat, pekerja-pekerja ini diambil bukan oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Ia diambil oleh syarikat dari negara China iaitu *China Communications Construction Company* atau CCCC. So, dari segi pampasan, ia harus diuruskan dengan syarikat tersebut.

Walau bagaimanapun, apabila keputusan muktamad diambil, pihak kerajaan tentulah sedia untuk memberikan bantuan sekiranya perlu tapi di sini saya ingin tegaskan seperti Yang Berhormat Maran pun sedar, bukan sahaja pekerja tempatan di sana sahaja, ada lebih ramai lagi pekerja-pekerja asing yang ini kita tidak dapat bantu. Kita hanya boleh bantu pekerja-pekerja tempatan sahaja. Terima kasih.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Kewangan. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adalah, kita pada hari ini kita nampak ada satu *Suspension Order* yang telah pun dikeluarkan untuk projek ini pada lebih kurang awal bulan Julai dan saya ingin tahu sebab utama kenapa *Suspension Order* ini dikeluarkan dan juga sebab utama kenapa Kerajaan Persekutuan perlu mempertimbangkan semula projek ini? Ini nombor satu, dan nombor dua, berkenaan dengan status rundingan semula yang dilaporkan sebelum ini akan dilaksanakan antara kerajaan dengan Syarikat CCCC ini, sama ada kerajaan boleh memberikan satu *update* berkenaan dengan status rundingan tersebut. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Sebenarnya kerajaan terpaksa untuk mengeluarkan satu Notis Penggantungan Kerja selepas mendapat nasihat daripada Peguam Negara yang menyatakan, adalah perlu untuk membuat tindakan sedemikian sekiranya kita buat keputusan untuk memberhentikan projek ini. Ia akan dapat mengurangkan kos yang ditanggung oleh pihak kerajaan. Kos dari segi membayar bayaran kemajuan kerja.

Sekiranya penggantungan kerja tidak dikeluarkan atau Notis Penggantungan Kerja tidak dikeluarkan dan Syarikat CCCC terus menjalankan kerja maka kerajaan terpaksa bertanggungjawab ke atas kos-kos kemajuan kerja.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini Kerajaan Malaysia menerusi anak syarikat operasi miliknya Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL) telah membayar kepada CCCC sebanyak RM19.68 bilion. Jumlah RM19.68 bilion terdiri daripada bayaran pendahuluan sebanyak RM10 bilion, dan bayaran kemajuan sebanyak RM9.67 bilion. Itu adalah satu jumlah yang agak besar, dan sekiranya kita tidak mengeluarkan

Notis Penggantungan Kerja maka yang kita bayar bayaran atau kos kemajuan akan bertambah lagi.

Oleh sebab itu, adalah lebih baik sehingga satu keputusan muktamad diambil, pihak kerajaan memberhentikan kerja sementara waktu dan ini saya rasa adalah sesuatu tindakan yang dijangka apabila projek ECRL sedang dikaji semula.

Berkaitan dengan soalan tambahan nombor dua iaitu hasil rundingan. Hasil rundingan masih berjalan sungguhpun belum mencapai satu titik muafakat yang boleh dipersetujui oleh kedua-dua pihak, tetapi selepas mendapat maklumat daripada semua pihak termasuk Tun Daim Zainuddin yang telah pergi ke China sebagai duta khas, wakil khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Memang saya rasa kedudukan adalah rapat sedikit tetapi usaha ataupun niat pihak Kerajaan Persekutuan supaya kita dapat kurangkan beban hutang ini yang mempersoalkan *viability* dan *feasibility* projek ini. Saya rasa itu masih menjadi sesuatu persoalan yang amat besar.

Saya sebut sedemikian Tuan Yang di-Pertua, kerana kita perlu ingat, kos operasi sekiranya projek ini dapat disempurnakan adalah sangat tinggi kerana projek ini tidak dapat menampung pun kos operasi. Jangan sebut tentang *capital expenditure*, jangan sebut tentang *capex*. *Opex* pun tidak dapat ambil balik setiap tahun, dan ia dijangka di antara RM600 juta hingga RM1 bilion setiap tahun. Itu adalah satu tanggungan yang amat besar.

Oleh sebab itu perkara ini adalah sesuatu isu yang besar dan jelas sekali projek ini mesti dikaji semula supaya Kerajaan Malaysia tidak tanggung atau dibebani dengan hutang yang maha besar. Mega projek tapi itu pun akan menimbulkan mega hutang. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**3. Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]** minta Menteri Industri Utama menyatakan, strategi kerajaan untuk meningkatkan eksport minyak sawit Malaysia khususnya dalam mendepani cabaran pemasaran di Eropah dan China.

**Timbalan Menteri Industri Utama [Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah di atas soalan yang baik, yang strategik yang telah dikemukakan kepada Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, cabaran utama yang dihadapi bagi pemasaran minyak sawit di Kesatuan Eropah (EU) adalah dari aspek kemapanan dan juga pemakanan.

Dalam usaha untuk menangani cabaran ini dan meningkatkan lagi perdagangan minyak sawit Malaysia ke negara tersebut kerajaan akan mempergiatkan lagi perbincangan dan perkongsian data serta maklumat berhubung industri sawit dan kemapanan ini. Di samping itu, kerajaan juga akan mempergiat kajian dan memperkuuh pengetahuan dan analisa berhubung formula *indirect land use change* atau ILUC, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, supaya dapat memenuhi keperluan *low-ILUC* yang telah ditetapkan oleh EU.

Aktiviti-aktiviti lain juga akan dipergiatkan seperti lawatan kerja, misi ekonomi dan teknikal ke negara-negara anggota EU serta penyertaan dalam pelbagai persidangan ekspo perdagangan, pameran dan juga yang lain-lain. Ini bertujuan untuk berinteraksi dengan penggiat industri minyak sayuran dan lelemak serta pihak-pihak yang berkepentingan.

#### ■1030

Selain itu Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Kesatuan Eropah (MEUFTA) yang masih dalam proses rundingan boleh dimanfaatkan bagi meningkatkan lagi perdagangan minyak sawit Malaysia ke rantau Eropah. Kerjasama turut diadakan dengan perikatan *alliance*, dengan izin, AEU yang terlibat dalam industri sawit untuk menggalakkan lagi penggunaan minyak sawit. Ini termasuk *European Palm Oil Alliance* (EPOA), *European Sustainable Palm Oil Advocacy Group* (ESPOAG), dan *Belgian Alliance for Sustainable Palm Oil*. Kerjasama ini dapat membantu penyebaran imej positif minyak sawit di EU dan seterusnya meningkatkan lagi penerimaan dan penggunaan minyak sawit.

Tuan Yang di-Pertua, antara strategi kerajaan untuk meningkatkan eksport minyak sawit Malaysia, khususnya dalam mendepani cabaran pemasaran di negara China adalah dengan membentuk kerjasama perdagangan yang lebih erat dengan Kerajaan China melalui memorandum kerjasama dan rundingan perdagangan bebas untuk memudahkan pengeksportan produk minyak sawit Malaysia ke Negara China.

Dalam usaha ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dijadualkan akan ke negara China pada bulan Ogos ini dan akan digunakan sebagai satu platform untuk mengadakan pertemuan dan perbincangan bagi mewujudkan kerjasama dengan Kerajaan China. Yang Berhormat Menteri pun ada maklumkan kepada saya bahawa beliau telah pun buat pertemuan dengan Duta Negara China ke Malaysia dan saya yakin akan ada berita gembira buat negara kita nanti.

Selain itu, kerajaan melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) juga menganjurkan pelbagai forum dan menjalankan penyelidikan berkaitan penggunaan

minyak sawit dan produk berasaskan sawit di negara tersebut bagi meningkatkan lagi eksport minyak sawit Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Salah satu strategi kita yang selalu diuar-uarkan untuk mengatasi masalah dan rintangan kita hadapi di Eropah dan di peringkat global ialah kita mengeluarkan pensijilan yang disebut *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO). Soalan saya adalah setakat manakah pengkritik-pengkritik minyak sawit Malaysia menerima MSPO dan tentang pengkritik-pengkritik kita yang paling vokal seperti Pertubuhan Greenpeace? Apakah kita pernah mengadakan *engagement*? Apakah kita pernah berdialog dan berbincang dengan mereka, apa hasilnya, dan apa reaksi mereka? Terima kasih.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah di atas soalan yang pada saya begitu penting. Kita semua perlu dimaklumkan bahawa kita mempunyai satu skim seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO). Kerajaan berpendirian bahawa skim ini merupakan salah satu usaha kita untuk mendapatkan dan mewujudkan akses pasaran yang lebih luas untuk minyak sawit Malaysia ini.

Bagi pasaran Eropah, kita mempunyai pelanggan yang meminta supaya memastikan agar minyak sawit yang akan dihantar ke Eropah nanti adalah minyak sawit yang dihasilkan dengan cara yang *sustainable*, dengan izin, dengan cara yang mampan. Justeru, kita tidak punya banyak cara kecuali dengan melayani kehendak pelanggan ini sebagai pengeluar yang baik. Justeru kita meletakkan atau memaklumkan kepada mereka kita mempunyai pensijilan yang tersendiri yang akan dijadikan mandatori pada 31 Disember tahun depan. Ini merupakan satu langkah mewujudkan satu sistem kemampunan yang diterima secara global di samping kita menjenamakan semula minyak sawit agar diterima sebagai pilihan utama pengguna global.

Berkaitan dengan Greepeace dan sebagainya, kita sedia maklum bahawa di Eropah ini seperti mana yang saya sebutkan tadi dalam jawapan awal kita membuat beberapa *engagement* dengan pelbagai kumpulan termasuk yang saya sebutkan tadi iaitu *European Palm Oil Alliance*, pihak MPOB misalnya ataupun MPOC mempunyai para pegawai yang berada di sana untuk melakukan *engagement*, dengan izin, dengan kesemua pihak.

Tentulah kita mengalu-alukan pihak-pihak yang berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang khasiat, tentang penggunaan minyak sawit yang baik dan

sebagainya. Jadi, yang pada saya dalam hal ini kita melakukan *engagement*, yes! Kita melakukan perundingan dengan semua pihak dan kita bercakap dengan pelbagai pihak termasuk yang terbaru ini kerajaan juga mendengar pandangan daripada mereka yang mengeluarkan sijil-sijil yang lain seperti RSPO dan sebagainya.

Justeru, kita tidak menutup pintu kepada perbincangan cumanya kerajaan komited untuk memastikan agar sijil yang kita kemukakan iaitu MSPO ini dijalankan dengan baik dan kita meletakkan *dateline*, tarikh akhirnya pada 31 Disember 2019. Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** *Alhamdulillah.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri semasa penggulungan Yang Berhormat Menteri dalam perbahasan baru ini mengatakan lambakan atau lebihan stok minyak sawit di pasaran dunia terutama sekali di negara kita untuk hantar ke Negara China dan sebagainya.

Saya menafikan fakta tersebut dan kita tahu bahawa nilai eksport atau nilai import minyak kelapa sawit Malaysia ke negara China adalah RM9.4 bilion pada tahun 2017 dan menurun apabila negara China tidak lagi memfokuskan pembelian atau import minyak kelapa sawit Malaysia tetapi beralih ke Indonesia. Soalan saya, pada tahun lepas kerajaan terdahulu telah mengenakan dan melaksanakan Skim Eksport Minyak Sawit Mentah tanpa duti eksport iaitu lima peratus.

Adakah kerajaan bercadang untuk menggantung atau tidak mengenakan lima peratus nilai duti eksport minyak kelapa sawit ini ke negara China dan negara-negara lain? Apakah langkah-langkah yang betul-betul berkesan bagi menaikkan harga minyak kelapa sawit terutama sekali apabila kempen Ahli-ahli Parlimen negara-negara EU yang mahu penggunaan minyak kelapa sawit di pasaran dunia sifar pada tahun 2020? Apakah langkah drastik yang telah diambil oleh kementerian sekarang ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krau. Soalan yang begitu susah sebenarnya hendak jawab tetapi saya cuba.

Dia begini, tentang apa yang disebut tadi berkaitan dengan *total ban*, diharamkan sepenuhnya. Sebenarnya saya hendak betulkan sikit Yang Berhormat punya fakta itu bukan tahun tahun 2020, tahun tahun 2021 iaitu Parlimen Eropah telah meluluskan pada 17 Januari tahun ini iaitu ada pindaan terhadap teks asal REDII, iaitu dipanggil sebagai

*Renewable Energy Directive II* yang mana dalam Parlimen Eropah telah mencadangkan bio bahan api, ataupun bio diesel ini berasaskan sawit diharamkan sepenuhnya dalam sektor pengangkutan di Kesatuan Eropah mulai tahun 2021.

Justeru, apa tindakan kerajaan? Kita mengadakan rundingan tiga hala di antara Parlimen Eropah, Majlis Kesatuan Eropah atau *Council of the European Union*, dengan izin, dan juga Suruhanjaya Eropah- *European Commission*, yang mana kita telah mencapai satu keputusan untuk menunda larangan yang dicadangkan ke atas bio bahan api ini berasaskan tanaman yang memiliki saya sebutkan tadi dalam jawapan *high indirect land use change, high-ILUC* sehingga tahun 2030 dari cadangan asal iaitu daripada tahun 2021. Jadi, dari segi itu sudah ada keputusan. Akan tetapi apakah kita akan mengambil langkah yang selesa? Tidak. Ini kerana kita telah mengambil juga beberapa langkah yang proaktif untuk menangani cadangan pindaan ini. Apa dia langkah-langkahnya?

Pertama, rundingan dua hala dengan negara-negara individu Kesatuan Eropah serta perkongsian data dan maklumat. Kedua, kita juga dalam perancangan untuk mempergiat kajian dan memperkuuh pengetahuan dan analisa berhubung formula ILUC ini sebab tidak ramai negara-negara yang memahami. Konsep ILUC ini bagaimana? *Indirect land use change*. Bagaimana konsepnya, bagaimana formulanya? Ini supaya kita dapat memenuhi keperluan *low ILUC* yang diterapkan oleh EU.

EU mengatakan kita ada *high ILUC*, kita kata, *no!* Kita hendak penuhi keperluan *low ILUC, there must be some formula*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Ketiga, misi ekonomi dan juga promosi yang telah kita adakan di negara Sepanyol, Belgium, Jerman, *United Kingdom, Italy*, Poland di mana pertemuan dua hala dengan Menteri serta wakil Menteri yang bertanggungjawab bagi tenaga pertanian dan perdagangan serta wakil-wakil industri tersebut dan negara tersebut telah pun dijalankan.

Kita juga mengadakan perbincangan dengan Pesuruhjaya EU, pegawai-pegawai Suruhanjaya Eropah, serta pertemuan dengan Ahli-ahli Parlimen, duta negara-negara pengeluar minyak sawit serta wakil tetap Bulgaria ke AEU. Jadi, kita buat *very intensive* Tuan Yang di-Pertua. Malah...

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Minta tarikh-tarikh yang telah diadakan perbincangan tersebut yang dikatakan kita telah, kita telah itu, ada tarikh tidak pihak Menteri dan Timbalan Menteri telah mengadakan perbincangan? Minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

**■1040**

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin:** Baik, yang ini nanti saya bagi secara bertulislah kerana detil pertemuan itu sudah pasti Yang Berhormat minat sebab semalam kita sudah adakan pertemuan dengan Ahli Parlimen.

Saya tidak pasti Yang Berhormat Kuala Krau datang atau tidak semalam. Kita bagi makan siap. Jadi yang itu kita hendak bagi detil data-data dan sebagainya.

Cuma saya hendak sebut begini. Dalam mesyuarat tersebut, apa pendirian kita? Pendirian kerajaan ialah kita hendak bela dan hendak pastikan 650,000 pekebun kecil sawit negara kita dan lebih kurang tiga juta rakyat Malaysia yang bergantung kepada industri sawit ini dijaga dengan baik. Itulah komitmen kerajaan... [Tepuk]

Untuk itu kita buat segala usaha yang perlu bersungguh-sungguh untuk pastikan adanya pasaran baru, adanya penggunaan secara maksimum minyak sawit ini agar kenaikan harga itu berlaku dan membantu rakyat terutamanya pekebun-pekebun kecil. Perkara lain saya akan bagi jawapan secara bertulis.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Peruntukan lima peratus?

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin:** Saya akan bagi kerana saya jawab soalan. Tuan Yang di-Pertua bagi satu soalan sahajakan tambahan, bukan dua.

**4. Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]** minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan:

- (a) apakah pihak kementerian telah mengenal pasti potensi pelancongan Sungai Pengkalan Datu dan potensi pelancongan kawasan pantai di Pengkalan Chepa; dan
- (b) berapakah peruntukan yang telah dan akan diluluskan Kementerian untuk membaik pulih kawasan yang terlibat dengan hakisan terutama kawasan yang berisiko tinggi seperti Pantai Mek Mas dan Pantai Kundur dan berapakah jumlah peruntukan pelancongan yang telah disalurkan dan akan disalurkan dalam memajukan ekopelancongan kawasan ini.

**Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik]:** Tuan Yang di-Pertua,

*Buah rambutan buah kelapa;  
Ini jawapan untuk Yang Berhormat Pengkalan Chepa.*

*Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, bagi pembangunan potensi pelancongan di Sungai Pengkalan Datu dan kawasan pantai di Pengkalan Chepa, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya memfokuskan kepada produk pelancongan yang berdasarkan ekopelancongan di samping menonjolkan kepelbagaiannya budaya dan adat warisan di negeri Kelantan secara amnya.

Bagi tujuan tersebut, kluster pelancongan Kota Bharu, Kubang Kerian dan Pengkalan Chepa yang berpotensi untuk dibangunkan di Kelantan telah dikenal pasti. Menerusi penubuhan kluster ekopelancongan ini, aktiviti pelancongan dan aktiviti berasaskan *community based tourism*, dengan izin, menerusi program *homestay*, budaya dan adat warisan di negeri Kelantan dapat dibangunkan serta dipromosikan secara holistik.

Selain daripada itu, *river based tourism* juga boleh diketengahkan dalam membangunkan produk pelancongan di kawasan ini. Kementerian melalui *Tourism Malaysia* (TM) juga menjalankan pelbagai usaha dalam mempromosikan Sungai Pengkalan Datu dan Pengkalan Chepa seperti berikut:

- (i) pengajuran Program Kayuhan Menyelusur Warisan Sungai Pengkalan Datu pada 17 Februari 2017 yang melibatkan seramai 80 orang peserta dari pelbagai latar belakang dan peringkat umur;
- (ii) kerjasama bersama Persatuan Warisan Lembangan Sungai Pengkalan Datu (WASPADA), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Majlis Bandar raya Kota Bharu (MPKBBRI) dalam membangunkan pasar tani pelancongan di Kota Pengkalan Datu yang telah menjadi tumpuan pelancong tempatan dan antarabangsa sejak 9 September 2017 hingga kini;
- (iii) penglibatan dalam Program Pakat Mari Ramai-ramai Ke Pasar Tani Pelancongan pada 10 Februari 2018 yang turut melibatkan penggiat industri pelancongan Negeri Kelantan bersama dengan penduduk setempat;
- (iv) mengadakan lawatan tinjau ke kawasan Pantai Pak Amat dengan membawa media dari rakan *Facebook* Kelantan dan pemandu pelancong negeri Kelantan pada 23 Januari 2018 bagi mempromosikan produk pelancongan di kawasan tersebut; dan

- (v) mempromosikan Pantai Sabak dan Pantai Pak Amat sebagai tempat bersejarah pendaratan tentera Jepun di Tanah Melayu pada tahun 1941 kepada penggiat industri pelancongan negeri Kelantan dan masyarakat setempat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan kedua tentang hakisan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya juga mengambil maklum akan masalah hakisan di kawasan yang berisiko tinggi seperti Pantai Mek Mas dan Pantai Kundur yang terletak di dalam kawasan Parlimen Pengkalan Chepa. Namun saya tidak dapat menjawab kerana isu hakisan ini adalah di bawah KATS.

Akan tetapi saya dimaklumkan oleh KATS bahawa Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) telah memperuntukkan sebanyak RM17 juta bagi projek mencegah hakisan pantai di Pantai Mek Mas dan Pantai Kundur. Sekian, terima kasih.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan kepada soalan saya yang spesifik berkaitan dengan ekopelancongan di kawasan saya.

Soalan tambahan saya ini berbentuk umum. Kalau kita melihat kepada statistik kehadiran pelancong Islam di negara kita pernah dicatatkan jumlahnya 3.2 juta orang pada tahun 2016.

Soalan saya, apakah sudah ada dalam perancangan pihak kementerian khususnya di bawah seliaan *Islamic Tourism Centre* (ITC) untuk memperhebatkan lagi instrumen-instrumen pelancongan Islam. Sebagai contoh, saya ambil di Mesir ada satu pantai dinamakan pantai khas untuk wanita, *ladies friendly beach* dan juga kalau di Dubai ada *Quranic Team Park* yang menanam tumbuh-tumbuhan berdasarkan kepada apa yang disebut dalam Al-Quran.

Dua instrumen ini saya rasa dalam kerangka kemampuan kerajaan untuk dilaksanakan. Ia boleh menjadi satu daya penarik kepada kehadiran pelancong ke negara kita. Apa perancangan kementerian terhadap memperhebatkan instrumen pelancongan Islam ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Sebenarnya ada soalan yang bertulis daripada tidak silap saya Yang Berhormat Bachok mengenai soalan yang sama berkenaan dengan produk pelancongan Islam. Sebenarnya kita yang penting di sini ialah kita bersifat inklusif. Dari segi produk pelancongan Islam sendiri, kalau kita hendak lihat kepada pelancongan ataupun budaya Islam, kebersihan juga salah satu kebudayaan Islam.

Memelihara alam sekitar juga satu daripada produk ataupun budaya Islam. Saya lihat di Kelantan, kebersihan dan alam sekitar tidak nampak dititik beratkan. Jadi kadang-kadang kalau ikut Islam, kita sepatutnya menjadi satu negeri yang lebih bersih dan menjaga alam sekitar. Macam tidaklah ada pembalakan di Lojing dan sebagainya. Itu melihat kepada alam sekitar.

Jadi kalau hendak lihat kepada pelancongan Islam, memang kita telah menitik beratkan. Sebenarnya macam Malaysia juga menduduki tempat pertama dalam *Global Muslim Travel Index* sebagai destinasi terbaik bagi pelancongan Islam oleh agensi *MasterCard. CrescentRating* pula telah menyenaraikan Kuala Lumpur sebagai destinasi membeli belah kedua terbaik di dalam *Muslim Travel Shopping Index* selepas bandar raya Dubai, Emirate Arab Bersatu dan UAE. Pulau Pinang pula menduduki tempat ke sembilan dalam kategori yang sama sebagai destinasi membeli belah yang disukai oleh pelancong-pelancong Islam.

Sebenarnya pada hari Isnin ini, kami pegawai-pegawai daripada MOTAC akan melawat negeri Kelantan dan akan berjumpa sendiri dengan Exco Pelancongan daripada Kelantan. Kita tidak menganak tiri negeri mana pun di Malaysia. Jadi kita akan bekerjasama dan akan melihat kepada mana-mana tempat ekopelancongan yang boleh diketengahkan untuk kita *promote* sama-sama, bekerjasama dengan kerajaan negeri dan juga pihak berkuasa tempatan. Sekian.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa pegawai akan melawat Kelantan. Maknanya ada kerjasama. Jadi yang pertama saya hendak jawapan Yang Berhormat. Yang Berhormat kata berbagai-bagai usaha telah dilakukan untuk memajukan kawasan berkenaan.

Jadi yang penting ialah kajian impak. Kalau dengar itu banyak usaha telah dilakukan. Apakah kementerian sudah membuat kajian impak tentang hasil usaha tersebut dari segi meningkatkan kemasukan pelancong ke Kelantan?.

Keduanya, berkaitan kerjasama ini. Apakah Kerajaan Pusat bercadang untuk tambah peruntukan bagi Kelantan melihat kepada potensi pantai-pantai di Kelantan dan lain-lain tarikan? Ini kerana walaupun pelbagai usaha dilakukan, jika dibandingkan dengan negeri-negeri seperti Pulau Pinang Yang Berhormat sebut tadi ataupun Melaka, Kelantan jelas terkebelakang. Jadi adakah Kerajaan Pakatan Harapan bercadang untuk tambah peruntukan bagi menggalakkan promosi pelancongan ke Kelantan. Terima kasih.

**■1050**

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Tentang peruntukan untuk negeri Kelantan, sebenarnya kita telah pun memperuntukkan daripada RMK10 sebanyak RM18.3 juta untuk projek-projek pembangunan di negeri Kelantan dan untuk RMK10 iaitu 2016-2020, ada tiga program yang akan kita buat iaitu peningkatan kemudahan pelancongan di kawasan Pantai Geting, Tumpat, Kelantan. Kita telah membuat stage dan juga tempat *parking* kereta di situ sebanyak satu juta. Kita juga menaiktarafkan kemudahan pelancongan di galeri kebudayaan wayang kulit di Kampung Laut, Tumpat, Kelantan sebanyak RM500,000 dan pemberian di Tambatan Diraja sebanyak RM150,000.

Untuk rancangan masa hadapan, macam saya sebut tadi, pada hari Isnin nanti kita akan *go through* ataupun melihat semula ekopelancongan dan tempat-tempat potensi yang kita ingin majukan. Umpamanya di Kelantan ada terdapat satu air terjun di Gunung Stong iaitu antara air terjun yang paling tinggi di Asia Tenggara, 303 meter tetapi tempat itu tidak dipromosikan.

Pada awal bulan ini, Pengarah MOTAC Kelantan telah membawa beberapa media untuk melawat sendiri tempat itu supaya kita boleh- dalam rancangan kita untuk majukan lagi Gunung Stong di daerah Dabong. *Insya-Allah*, macam saya sebut tadi, kita sedia bekerjasama dengan kerajaan negeri dan juga pihak berkuasa tempatan untuk memajukan lagi pelancongan di negeri Kelantan.

Daripada segi *connectivity*, saya rasa akan tambah satu lagi *direct flight* ke Surat Thani kalau tak silap saya, ke Kota Bharu dan kita juga akan bekerjasama dengan AirAsia dalam mengenal pasti banyak lagi *direct flight* ke Kota Bharu. Jadi *insya-Allah* kita harap dengan usaha-usaha yang kita buat ini boleh memajukan lagi pelancongan negeri Kelantan, *insya-Allah*. Terima kasih.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Mohon soalan tambahan satu. Kubang Kerian. Berkaitan sangat dengan soalan ini. Dengan izin, mohon.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya benarkan dua sahaja soalan tambahan. Saya perlu teruskan.

**5. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer al Rajaji [Jelutong]** minta Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan akan menyalurkan dana yang diperlukan untuk melaksanakan projek-projek tebatan banjir di Sungai Pinang di Jelutong, Pulau Pinang di mana Kerajaan Barisan Nasional telah meluluskan RM2.57 bilion di bawah rancangan perbelanjaan tetapi hanya RM1.04 bilion yang disalurkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

**Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jelutong. *Bismillahi Rahmani Rahim.* Saya tak pandai nak pantun jadi saya jawab terus ya.

Yang Berhormat Jelutong bertanya sama ada Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan akan menyalurkan dana yang diperlukan untuk melaksanakan projek-projek tebatan banjir di Sungai Pinang, Jelutong, Pulau Pinang di mana Kerajaan Barisan Nasional telah meluluskan RM2.57 bilion di bawah rancangan perbelanjaan tetapi hanya RM1.04 bilion yang disalurkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Jawapannya, ya. Kerajaan Pakatan Harapan akan menyalurkan peruntukan ini mengikut kemampuan kedudukan kewangan semasa.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Jelutong, sebanyak RM2.57 bilion yang telah diluluskan pada zaman kerajaan dahulu melibatkan anggaran kos projek daripada RMK5 sehingga RMK11. Susulan kejadian banjir pada 4 dan 5 November 2017, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jabatan Pengairan dan Saliran iaitu JPS Negeri Pulau Pinang telah membentangkan cadangan 13 projek mitigasi banjir di Pulau Pinang dengan kos projek berjumlah RM1 bilion itu saya sebutkan di sini ya.

- (i) RTB Seberang Perai Utara;
- (ii) RTB Lembangan Sungai Perai Daerah Seberang Perai Tengah;
- (iii) RTB Lembangan Sungai Pinang Daerah Timur Laut;
- (iv) RTB Sungai Junjung Daerah Seberang Perai Tengah;
- (v) RTB Parit Empat Daerah Seberang Perai Tengah;
- (vi) RTB Lembangan Sungai Juru Daerah Seberang Perai Tengah;
- (vii) RTB Teluk Kumbar Daerah Barat Daya;
- (viii) RTB Pondok Upah iaitu Sungai Burung Daerah Barat Daya;
- (ix) RTB Lembangan Sungai Jawi Daerah Seberang Perai Selatan;
- (x) RTB Sungai Kechil Daerah Seberang Perai Selatan;
- (xi) RTB Bayan Lepas Daerah Barat Daya;
- (xii) RTB Teluk Bahang Daerah Barat Daya; dan
- (xiii) RTB Kawasan Perindustrian Perai Daerah Seberang Perai Tengah.

Empat daripada 13 projek ini telah diluluskan. Yang pertama, RTB Lembangan Sungai Pinang, Daerah Timur Laut sebanyak RM150 juta dalam RP2, RMK11 peringkat lantikan perunding untuk reka bentuk terperinci. Pada asalnya projek ini adalah, dengan

izin, *design and built* tender terhad manakala di bawah Kerajaan Pakatan Harapan hari ini telah membatalkan tender terhad ini supaya ianya dibuat secara tender terbuka.

Manakala dalam RP3 RMK11, tiga projek telah diluluskan bagi Daerah Barat Daya Pulau Pinang iaitu RTB Teluk Kumbar dengan kos projek sebanyak RM10 juta. RTB Teluk Bahang dengan kos sebanyak RM8 juta dan RTB Pondok Upah Sungai Burung dengan kos projek sebanyak RM10 juta. Jumlah siling kos projek yang diluluskan untuk dilaksanakan dalam RP3 tahun 2018, RMK11 bagi ketiga-tiga projek tersebut berjumlah RM28 juta. Terima kasih.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih di atas jawapan yang telah diberikan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sesungguhnya jawapan itu akan membawa berita yang menggembirakan kepada saya dan juga semua penduduk di kawasan Jelutong yang saya yakin dan percaya sedang mengikuti perkembangan Dewan pada hari ini melalui televisyen RTM.

Saya bangun untuk bertanyakan soalan ini kerana masalah banjir di Jelutong adalah masalah yang begitu serius. Warisan yang telah saya warisi selaku Ahli Dewan Rakyat di mana masalah di situ berlaku sejak 20 atau 25 tahun yang lalu. Setiap kali berlakunya banjir, Jalan P. Ramlee dan kawasan-kawasan berdekatan mengalami masalah yang begitu teruk di mana penduduk di kawasan tersebut seolah-olah sudah pun biasa. Kalau Yang Berhormat ingin mengetahui masalah yang dihadapi, saya menjemput Yang Berhormat untuk datang melawat kawasan tersebut selepas banjir.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Soalankah apa ini, ceramahkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila ajukan soalan, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ceramah Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya sekarang membangkitkan perkara ini kerana mujurlah dengan peralihan kuasa, Pakatan Harapan sekarang telah menjanjikan pelaksanaan projek tebatan banjir.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tak faham, kena cakap Tamil kot...

[Dewan riuh]

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya ada dua perkara yang ingin saya tanya.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Masalah telinga kot.

**Seorang Ahli:** ...Jangan sampai Yang Berhormat Baling marah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Projek tebatan banjir ini adalah sesuatu yang telah dirancang oleh Kerajaan Barisan Nasional lebih kurang 10 tahun yang lalu. Adakah ia mengambil kira tentang satu lagi faktor yang saya yakin menyumbang kepada kejadian banjir iaitu iklim panas ataupun yang disebut sebagai *global warming* yang menyebabkan...

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tak makan ubat?

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Soalan, soalan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** ...Yang menyebabkan kenaikan dalam paras air laut.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Ini bukan masa bahas.

#### ■1100

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** ...Di mana aspek reka bentuk yang dicadangkan itu mungkin perlu ditukar? Ini kerana banjir ini berlaku bukan sahaja disebabkan oleh hujan yang lebat tetapi juga oleh fenomena air pasang laut. Jadi saya mencadangkan kalau boleh reka bentuk yang dicadangkan untuk digunakan untuk projek tebatan banjir ini kalau boleh dimaklumkan kepada orang ramai- satu, dan keduanya, satu *automated barrier*...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya tidak setuju yang ini. Tidak betul yang ini.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Pengadang juga dibina di muara...

**Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang]:** Soalan, soalan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Di muara sungai...

**Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang]:** Panjangnya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** ...Untuk menghalang air laut daripada memasuki semula ke dalam Sungai Pinang ketika berlakunya air pasang. Ini kerana dalam tiga minggu yang lalu di mana hujannya tidak begitu lebat tetapi ketika air pasang, kejadian banjir juga berlaku. Jadi bolehkah saya tahu sama ada reka bentuk projek tebatan banjir ini yang akan dilaksanakan boleh dikaji semula di mana satu pintu

pengadang boleh dipasang di muara Sungai Pinang untuk menghalang air laut daripada memasuki semula ke Sungai Pinang? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Ada berapa banyak soalan itu, tapi saya rasa saya jawab dua yang saya faham. Okey, faktor itu sebenarnya banyak faktorlah ya. Dari segi iklim, dari segi reka bentuk ya.

Saya ingin maklumkan di Dewan yang mulia ini, di bawah Pakatan Harapan, kita akan lebih serius dalam kita panggil pihak PBT ataupun dalam OSC, saya minta mungkin selepas ini kita akan berbincang dengan tiap-tiap negeri di mana setiap perancangan perumahan ataupun pembangunan sesuatu tempat mestilah diambil kira dengan tepatnya itu masalah air ya. Kalau kita melihat daripada pengalaman saya mungkin baru dua bulan duduk di kementerian ini, saya melihat kebanyakan bangunan-bangunan sebelum ini adalah dibangunkan semata-mata untuk dibangunkan. Tidak diambil kira masalah *flow*, pengaliran air itu.

Jadi selepas ini, Kerajaan Pakatan Harapan dengan serius akan mengambil kira masalah ini kerana dia akan melibatkan kos kerajaan. Saya bagi contoh di sini supaya Ahli-ahli Dewan yang mulia ini faham. Mungkin kita hendak menyelamatkan sesuatu keluarga ataupun satu komuniti, kita buat perumahan mungkin dalam kos RM10 juta, contohnya, tetapi kita tidak mengambil kira aliran air yang ada di kawasan itu mungkin ia akan melibatkan banjir ataupun banjir kilat dan sebagainya melebihi RM100 juta. Jadi yang paling penting sekali adalah perancangan ataupun reka bentuk asal. Itu soalan yang pertama.

Dan yang keduanya daripada Yang Berhormat Jelutong, mana-mana cadangan yang baik ya daripada Yang Berhormat Jelutong, kita akan ambil kira. Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jelutong tanya dalam bentuk pantun, saya soalan tambahan pun hendak bagi pantun jugalah ini.

*Peruntukan RM2 bilion masa Barisan;  
Yang Berhormat Jelutong bertuah dapat nikmat;  
Tuduhan temberang Yang Berhormat Menteri sudah nafikan;  
Setujukah kalau saya kata memang YB Jelutong sentiasa berniat jahat?*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pemberitaan suara]*

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Jangan bising. Nanti kena pergi Jawatankuasa Disiplin tidak lama lagi *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Silakan Yang Berhormat Ketereh.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya soalan saya ini ialah RM2 bilion lebih peruntukan yang disediakan pada zaman Kerajaan Barisan Nasional itu akan diteruskan, *alhamdulillah*. Saya fikir ini penting. Banjir ini bukan soal politik ya. Ini adalah soal masalah rakyat semua sekali. Jadi, apakah cabaran-cabaran pelaksanaan dan berapa lama tempoh agaknya keseluruhan program tebatan banjir di kawasan Pulau Pinang ini dapat disiapkan?

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Ketereh ya. Saya rasa soalan nombor satu itu soalan kelakar sajalah ya, tidak payah jawablah ya.

Okey, soalan nombor dua. Untuk pengetahuan Ahli Parlimen semua, sebanyak RM2.5 juta diperuntukkan untuk Pulau Pinang ini sebenarnya adalah daripada RMKe-5 hingga RMKe-11 ya... *[Disampuk]* Dia bermaksud daripada RMKe-5 ini ialah tahun 1986. Okey? Dia total, semua sekali jumlah dia, jumlah semua. Bukan bagi macam begitu. Maknanya benda ini pengiraan daripada RMKe-5 hingga RMKe-11. Apa yang Yang Berhormat Ketereh tanyakan tadi, kita akan siapkan mengikut kemampuan Kerajaan Pakatan Harapan, bergantung kepada duit. Kalau mungkin duit 1MDB itu dapat balik, mungkin cepat. Terima kasih... *[Tepuk]*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Itu jawapan yang saya akan terima- duit 1MDB.

**6. Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, sekiranya cadangan projek kereta nasional ketiga diteruskan, adakah kementerian akan tetap mengurangkan kadar duti eksais bagi kereta import kategori kereta pertama dengan enjin bersaiz di bawah 1,600cc.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas lantikan sebab saya belum jawab pada masa sidang Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** Pada masa yang sama, saya juga ingin mengucapkan selamat pagi kepada semua warga Malaysia khususnya di Penampang, Sabah dan juga Labuan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Soalan ini sepatutnya dijawab oleh Menteri Kewangan sebab segala polisi berkenaan dengan eksais duti adalah dalam tanggungjawab Menteri Kewangan. Akan tetapi, kami di MITI pun akan juga jawab.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan sedang dalam proses kajian semula Dasar Automatif Nasional (NAP) bagi menerapkan elemen-elemen selaras dengan kemajuan teknologi mobiliti dan industri 4.0 untuk memastikan industri automatif tempatan selari dengan perkembangan global.

Kajian semula ini akan membincangkan perkara-perkara berkaitan pembangunan industri automatif tempatan seperti pembangunan syarikat-syarikat tempatan, aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), peningkatan eksport termasuk mengambil kira cadangan projek kereta nasional baharu. Justeru itu, kerajaan juga sedia menerima dan mempertimbangkan mana-mana cadangan dalam hal pelaksanaan projek kereta nasional baharu termasuk untuk bekerjasama dengan negara lain dan *players* industri yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan buat masa ini masih mengekalkan kadar duti eksais bagi kereta import kategori pertama dengan enjin bersaiz di bawah 1,600 cc. Pengurangan kadar duti eksais sehingga kini adalah ditawarkan kepada kenderaan yang dipasang secara tempatan sahaja atau CKD.

Peningkatan keupayaan keseluruhan ekosistem industri automatif supaya lebih berdaya saing merupakan salah satu strategi yang telah ditetapkan di bawah *National Automotive Policy 2014*. Pengurangan jumlah duti eksais kepada syarikat-syarikat pengeluar kereta yang melakukan pemasangan tempatan serta nilai aktiviti nilai tambah. Insentif tersebut dapat menggalakkan syarikat-syarikat pengeluar dan pemasang kenderaan untuk mengguna pakai komponen tempatan untuk mengurangkan kos pengimporan komponen yang secara langsung dapat mengurangkan kos pemasangan dan pengeluaran kenderaan serta mendedahkan syarikat-syarikat pengeluar komponen kenderaan-kenderaan tempatan kepada teknologi, proses dan pembuatan komponen bernilai tinggi.

Dengan itu, Ahli Parlimen Labuan, *we are still working on new policies on coming up*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, polisi baru dalam *National Automotive Policy* dan

kami akan umumkan, kementerian akan umumkan pada hujung tahun ini. Terikat dengan itu adalah juga mungkin perundingan antara Menteri Kewangan dan juga kementerian kami untuk mereviewkan ataupun membuat kajian balik berkenaan dengan eksais duti ini jika ada keperluannya. Terima kasih.

■1110

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan Pada 13 Ogos 2018, Menteri Kewangan ada menyatakan bahawa projek Kereta Nasional Ketiga adalah pelaburan swasta sepenuhnya atau tidak menggunakan dana kerajaan langsung. Pelaburan swasta seperti ini saya rasa memang sentiasa digalakkan oleh kerajaan.

Soalan tambahan saya, bila agaknya kalau sudah ada tarikh pelancaran. Apakah insentif-insentif khas ataupun *preferential treatment* selain daripada *tax incentive* yang akan diberikan memandangkan ia berstatus *National Car* untuk memudahkan ia masuk ke pasaran sebagai pemain baru?

Kita juga di negara ini ingin menggalakkan rakyat menggunakan pengangkutan awam yang kita sentiasa pertingkatkan kualiti sistem dan perkhidmatannya untuk mengelakkan kesesakan jalan raya. Bukankah ini bercanggahan ataupun adanya *inconsistency*, dengan izin. Mohon jawapan. Terima kasih.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dua soalan itu, so sudah ada dua soalan tambahan *[Ketawa]*

Okey, berkenaan dengan soalan yang dihujahkan oleh Ahli Parlimen Labuan, cadangan Kereta Nasional ini hanya dalam peringkat ataupun *at this moment*, dengan izin, satu cadangan. Apa yang saya fahami daripada kenyataan Menteri Kewangan yang ada di depan kita pada hari ini, adalah ia konsisten, seperti mana saya juga bahawa projek ini akan datang daripada *private sector*, dengan izin.

Di *private sector*, we can come out with more innovative ideas, bagaimana kita membawa projek ini sebagai *National Car*. Although di terma sebagai *National Car*, bukan maksudnya duit kerajaan akan diguna. There are many ways to do business dealings today and the government will ensure that the best policy, the best decision is made, dengan izin, berkenaan dengan Kereta Nasional ini.

Berkenaan dengan insentif, we have the customized incentive, seperti mana terkandung dalam NAP 2014 dan kita akan menggunakan polisi ini kalau projek Kereta Nasional ini diumumkan sebelum NAP 2018 dikeluarkan ataupun diumumkan oleh

Kerajaan Pakatan Harapan. Berkennaan dengan soalan kedua dengan *road congestion*, jika ia bercanggah dengan polisi kita. *I think every country is moving towards more effective road transportation- mode of transport.* Dia tidak bercanggah dengan idea kerajaan untuk mengadakan suatu sistem *transport* yang *efficient* dan juga sistem *transport* yang akan mengurangkan *congestion traffic*. *I am sure Ahli Parlimen Labuan tahu di beberapa tempat di sini, Kuala Lumpur. Sejak kita jadi Ahli Parlimen, kita pun kadang-kadang stucked on traffic jammed.*

*So, if the government comes out with new policies, the new idea untuk mengurangkan jammed ini dan menggunakan public transportation, I think you and I will also use the public transportation. The more efficient our transport system are, the better for our country.* Akan tetapi *at the same time, we do not kill off the automotive industry.* Kita akan seperti mana NAP 2014 and *incoming* NAP 2018 akan cadangkan, *we will have more energy efficient vehicles on the road.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:**

Terima kasih atas penjelasan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas penjelasan Yang Berhormat Menteri. Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih atas penjelasan bahawa industri automatif ketiga ini, projek Kereta Nasional Ketiga ini sedang dirancang oleh pihak kerajaan dengan pelaburan sepenuhnya oleh pihak swasta.

Saya ingin bertanya kalau dahulu industri Kereta Nasional ditumpukan sebahagian besarnya di Pantai Barat, adakah pihak kerajaan merancang industri supaya penumpuan boleh dialihkan dari sebelah Pantai Barat bagi membantu negeri-negeri di sebelah Pantai Timur yang sudah sangat ketinggalan dengan mengemukakan insentif-insentif atau galakan-galakan tertentu pada pelabur-pelabur supaya boleh dimulakan perindustrian jenis ini, sama ada boleh jadi di Kelantan ataupun di Terengganu. Oleh sebab apa yang akan berlaku, sekali lagi rakyat daripada Terengganu dan Kelantan akan lebih ramai berhijrah ke sebelah sini dan kesesakan sekali berlaku. Terima kasih.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Parlimen Kuala Terengganu. Soalan yang baik, sebab saya pun ingin bahawa industri ini pun dibawa ke Sabah dan Sarawak. So, saya akan teliti cadangan yang ada dan dengan kerjasama yang kita ada dalam Kabinet dan juga Kementerian Kewangan dan kementerian ataupun jabatan yang berkaitan, kami akan keluarkan satu *encouragement* di mana industri ini akan juga pergi ke kawasan Pantai Timur dan juga di Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

7. **Tuan Jonathan Yasin [Ranau]** minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan, langkah-langkah yang diambil untuk menghapuskan jurang pembangunan, kemudahan infrastruktur dan kemiskinan yang amat ketara di antara Sabah dan Semenanjung.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]:** Terima kasih, Yang Berhormat Ranau. Pagi ini semua orang berpantun, saya tak *dan* hendak *prepare*.

*Hendak order bihun ter-order mi;*

*Ini jawapan daripada Menteri Ekonomi... [Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa peka dan mengambil berat terhadap pembangunan di seluruh negara dan sentiasa komited dalam menyediakan prasarana yang lengkap bagi memberikan kualiti hidup yang lebih baik kepada semua rakyat di negara ini termasuk kesejahteraan rakyat negeri Sabah.

Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan terus komited dalam usaha merapatkan jurang pembangunan di antara Sabah dan Semenanjung. Tumpuan kerajaan adalah untuk mempergiatkan pembangunan dengan meningkatkan tahap sosioekonomi melalui penyediaan kemudahan infrastruktur dan utiliti serta peningkatan pelaburan yang akan memberi manfaat langsung kepada penduduk Sabah seperti peluang pekerjaan dan keusahawanan. Usaha juga giat dilaksanakan termasuklah penyediaan rangkaian perhubungan seperti jalan raya dan pengangkutan awam serta infrastruktur asas lain seperti kemudahan air bersih terawat dan bekalan elektrik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan komited untuk menyalurkan peruntukan pembangunan secara adil dan saksama kepada semua negeri. Penyaluran peruntukan pembangunan ini akan dizahirkan dalam hala tuju baru KSP RMKe11 yang sedang dirangka oleh kerajaan. *Insya-Allah*, KSP ini akan dibentangkan pada bulan Oktober 2018.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, negeri Sabah telah menerima peruntukan pembangunan sebanyak RM20.6 bilion atau 8.6 peratus daripada jumlah peruntukan pembangunan. Manakala di bawah *Rolling Plan* Pertama 2016, dan *Rolling Plan* Ketiga 2018, negeri Sabah telah menerima peruntukan sebanyak RM13.2 bilion atau 9.5 peratus daripada jumlah keseluruhan peruntukan pembangunan negara.

Merujuk kepada isu kemiskinan, kerajaan sedar walaupun kadar kemiskinan mutlak negara telah jatuh ke paras hampir sifar, namun kadar kemiskinan mutlak di

Sabah masih tinggi iaitu pada 2.9 peratus daripada isi rumah. Bagi mengatasi perkara ini, kerajaan sedang melihat semula langkah-langkah bagi mengurangkan kesenjangan pendapatan di antara kumpulan berpendapatan rendah dan kumpulan berpendapatan tinggi termasuklah di Sabah.

Dalam hubungan ini kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kesebelas akan memperkuuh langkah-langkah bagi meningkatkan pendapatan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah atau B40. Inisiatif utama bagi meningkatkan pendapatan golongan ini adalah dengan memperkuuh kapasiti dan *capability* isi rumah melalui pendidikan dan latihan kemahiran.

#### ■1220

Ini bagi meningkatkan akses mereka terhadap pekerjaan bergaji tinggi, menggalakkan aktiviti keusahawanan serta pembiayaan mikro kredit dan meningkatkan produktiviti. Melalui pendekatan pembangunan inklusif, tumpuan akan dipergiat bagi meningkatkan pendapatan isi rumah B40 di seluruh negara termasuk isi rumah miskin di negeri Sabah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mahu bertanya, tetapi sebelum saya bertanya sesuatu perkara ingin saya sentuh beberapa hal. Mekanisme yang digunakan Kerajaan Pakatan nampaknya sama dengan apa yang dilakukan oleh Barisan Nasional di masa yang lalu dan ini gagal untuk menyelesaikan masalah ini secara tuntas. Kita melihat buat jalan raya, buat jambatan, buat ini dan itu, namun kuantiti dan kualiti yang sampai ke Sabah itu kita pertikai dengan sangat.

Kerana kita tahu di Sabah masih dalam keadaan yang mundur. Kemiskinan seperti yang telah dilaporkan *Khazanah Research Institute* pada tahun 2016 mengatakan bahawa Sabah ini masih yang tercorot, termiskin di seluruh Malaysia. Waktu saya masuk ke dalam bidang politik ini, lebih kurang 30 tahun lalu, saya masuk kerana dasar Barisan Nasional itu yang menindas rakyat Sabah. Minyak kita dikaut-dieksploitasi, dikembalikan hanya lima peratus. Cukai kita sepatutnya dikembalikan 40 peratus seperti yang ada di dalam Perlembagaan negara juga tidak dilaksanakan. Itulah harapan kami rakyat Sabah bila melihat manifesto yang diberikan oleh Pakatan Harapan, kita dijanjikan *40 percent revenue* hasil Sabah dikembalikan kepada Sabah. Kita juga minta supaya, minyak itu dinaikkan, laksanakan *20 percent revenue* dilaksanakan untuk Sabah dan Sarawak, itu harapan kita. Kita sokong Kerajaan Pakatan

dan menang. Kali ini kita berharap ini bukan hanya impian semasa pilihan raya tetapi dilaksanakan.

Jadi soalan saya ialah, kerana dasar yang berlaku di negeri Sabah sekarang ialah kerana undang-undang itu yang tidak adil buat rakyat Sabah. Saya ingin bertanya, adakah Kerajaan Pakatan Harapan akan kembalikan semua, hak-hak istimewa kepada Sabah dan juga Sarawak seperti mana yang tertulis di dalam laporan Suruhanjaya Cobbold, dan juga *IGC Report* serta Perjanjian Malaysia. Contohnya tanah, tidak pernah disebut menjadi milik Persekutuan di dalam Suruhanjaya Cobbold, di dalam *IGC Report* di dalam Perlembagaan Negara. Akan tetapi Blok L dan M yang diserahkan kepada Brunei pada tahun 2016, ini merupakan satu pencemaran terhadap apa yang telah kita janjikan tahun 1963, 53 tahun yang lalu... *[Dewan tepuk]* Sebab itu kita mahu tahu, sama ada Kerajaan PH akan melaksanakan seperti apa yang telah dijanjikan pada tahun 1963.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih Yang Berhormat Ranau. Pertamanya tentang mekanisme yang digunakan oleh kerajaan sebelum ini. Sebab itu dalam jawapan saya tadi saya tekankan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan akan melihat isu ini dan mengkajinya secara mendalam bagi melihat apakah cara yang lebih baik untuk kita lakukan dan ini akan dibentangkan di dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-11 yang akan dibentangkan di Parlimen pada bulan Oktober, itu yang pertama. Kajian Separuh Penggal ini juga akan mengambil kira isu-isu berkaitan di dalam manifesto.

Kedua, berkaitan dengan isu royalti, saya rasa Menteri Hal Ehwal Ekonomi telah menjawab secara *detail* tentang isu royalti di sini dan saya tidak bercadang untuk menyentuh hal tersebut.

Berkaitan tentang hak-hak Sabah dan Sarawak seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri dalam penggulungan sebelum ini akan ada satu jawatankuasa khas untuk melihat dan mengkaji bersama tentang perkara-perkara berkaitan dengan hak-hak Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berhubung kait dengan soalan ini, pertama sekali saya hendak dapat pengesahan sejauh mana kerajaan akan melaksanakan apa-apa projek yang telah diluluskan di bawah bajet yang lepas yang telah pun dalam proses tender. Namun saya dimaklumkan bahawa apa-apa projek yang belum sampai 15 peratus akan ditarik balik.

Jadi untuk Sabah dan Sarawak, khususnya projek yang telah diluluskan termasuklah sekolah daif dan beberapa projek infrastruktur sepatutnya diteruskan. Kalau ditangguhkan sudah pasti ia akan menambahkan kos, sebab kelewatan itu sahaja akan menambahkan kos dan dikhuatiri bahawa siling yang diperuntukkan akan tidak mencukupi bila tender dijalankan, itu yang pertama.

Kedua, dari segi peruntukan yang telah diperuntukkan di bawah Perlembagaan. Ada peruntukan khusus mesti diperuntukkan untuk Sabah dan Sarawak. Adakah di bawah kerajaan baru ini, peruntukan ini akan ditambah supaya kita akan dapat merapatkan jurang yang ketara di antara pembangunan, infrastruktur dan kemudahan asas di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Terima kasih

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih Yang Berhormat Petrajaya. Tentang penangguhan projek izin saya merujuk kepada jawapan yang diberikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada soalan lisan, Yang Berhormat Kangar pada 9 Ogos. Maknanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menjawab secara *detail* dan antara inti patinya, sama ada projek itu diteruskan ataupun tidak, tertakluk kepada keutamaan dasar dan kemampuan kewangan kerajaan.

Namun data untuk Sabah ada dengan saya, projek di negeri Sabah- di antara projek yang diteruskan untuk tahun ini sebanyak lima projek, yang ditangguhkan dan akan dikaji semula adalah sebanyak 41 projek. Untuk data negeri Sarawak, tiada dengan saya.

Merujuk kepada peruntukan khusus, saya tidak mempunyai maklumat tersebut dengan saya, izinkan saya memberikan jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Petrajaya. Sekian terima kasih.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jaminan, komitmen tinggi ke arah untuk memberi pembangunan seimbang, yang seadil-adilnya di antara wilayah. Soalan tambahan saya, saya bukan seperti Yang Berhormat Ranau dia berbahas sebelum dia tanya.

Saya hendak bertanya kepada kementerian, adakah kementerian ingin mewujudkan data bank setiap kawasan Parlimen di Malaysia supaya memudahkan pemantauan terutama sekali bagi kawasan Parlimen yang kurang membangun. Dengan data bank ini, ia dapat memberi input yang lebih meluas kepada kementerian untuk menyalurkan peruntukan dan memantau perjalanan kawasan Parlimen tersebut dari segi pembangunan infrastrukturnya, membangun ataupun tidak, terima kasih.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan, ini pertama kali dia tanya saya. Tentang data bank tersebut saya kena dapatkan maklumat lebih *detail* daripada pihak kementerian tetapi apa yang saya maklum berkaitan dengan statistik, kita ada. Pihak Jabatan Statistik sedang merangka statistik untuk setiap kawasan dan daerah di seluruh Malaysia. Data bank itu saya perlu merujuk kepada pihak kementerian dan akan memberikan jawapan bertulis. Terima kasih.

**8. Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]** minta Menteri Tenaga Manusia menyatakan, adakah kajian yang menyeluruh dibuat sebelum menetapkan garis panduan bagi semua tukang masak tanpa mengira kaum dan garis panduan ini benar-benar dapat direalisasikan memandangkan kita mempunyai kekangan dalam sektor masakan tradisional.

**Timbalan Menteri Tenaga Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat daripada Tapah. Yang Berhormat Baling dok senyum buat apa? Okey, untuk jawapan dia kerajaan sedang meneliti penggajian yang berkaitan dengan tukang masak ini dan kerajaan daripada segi prinsipnya tidak ada hal-hal yang berkaitan dengan soal apa-apa kaum untuk diambil menjadi tukang masak di restoran tempatan.

Akan tetapi sebarang keputusan muktamad berkaitan dengan isu-isu yang berkaitan dengan pengambilan bidang tukang masak itu akan dibuat selepas satu kajian yang sedang berjalan sekarang ini, yang dibuat oleh ILMIA yang akan selesai pada Oktober nanti. *Insya-Allah.*

**Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memandangkan pengumuman Yang Berhormat Menteri telah ditarik balik untuk mengurangkan tukang masak daripada luar negara satu petunjuk yang cukup baik.

## ■1130

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, memandangkan hari ini masalah besar adalah golongan belia dan apakah rancangan pihak kerajaan atau adakah sebarang rancangan untuk memberi latihan kemahiran golongan tercincir, khususnya belia hari ini?

*[Tuan Yang di-Pertua mempergerusikan Mesyuarat]*

Sebelum ini kita telah pun memperkenalkan pelbagai latihan kemahiran untuk golongan belia dan kita lihat apabila latihan-latihan ini tiada *sustainable income*, dengan izin, maka golongan ini akan kembali kepada aktiviti-aktiviti yang tidak diingini. Maka,

apakah rancangan kerajaan? Ini sebab kita lihat setelah kita mansuhkan GST dan memperkenalkan SST, kos sara hidup akan meningkat. Maka, latihan-latihan baru untuk golongan tercicir ini harus memberi *sustainable income*. Kalau tidak, kita mungkin akan pindahkan *present problem* ke *future problem*. Maka, apakah rancangan khas daripada pihak kerajaan untuk golongan tercicir yang akan memberi *sustainable income*?

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. kita meneruskan agenda latihan industri di industri latihan tempatan dalam bidang-bidang yang berkaitan. Ini bercakap dalam bidang masakan, tukang masak. Jadi, itu dalam bidang kulinari dan khusus-khusus lain yang berkaitan. So, kita mengharapkan bahawa restoran-restoran tempatan ini akan mengambil pekerja-pekerja di restoran mereka daripada mereka-mereka yang keluar daripada pusat-pusat latihan yang diwujudkan di bawah Kementerian Belia dahulu pun ada, yang sekarang ini dipindahkan kepada Kementerian Sumber Manusia dan juga yang sedia ada di bawah Kementerian Manusia melalui pusat-pusat bertauliah yang banyak melahirkan mereka yang mempunyai kemahiran dalam bidang masakan.

Hari ini, bidang masakan orang tidak pandang lekeh lagi. Akan tetapi bidang masakan ini mempunyai *glamour* yang tertentu. Mereka dianggap sebagai golongan sangat mempunyai kehebatan-kehebatan yang tertentu. Sekarang ini menarik minat dengan penampilan tokoh-tokoh tukang-tukang masak, chef tempatan kita daripada anak bangsa Malaysia di persada antarabangsa, menarik minat untuk anak-anak muda juga menceburi dalam bidang masakan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan kedua. Sebelah sana ya.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Segamat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Segamat. Silakan.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kementerian mempunyai cadangan untuk memberi lebih banyak peluang kepada golongan minoriti, termasuk juga orang asal mahupun Orang Asli dalam bidang memasak ini? Jika ya, berapakah peruntukan dan apakah tempoh pelaksanaannya? Terima kasih.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Kerajaan tidak pernah ada satu dasar untuk menghalang masyarakat asal kita untuk menceburi dalam sektor restoran sama ada sebagai pengusaha ataupun sebagai tenaga kerja. Dalam bidang latihan kemahiran masakan ini pun kita terbuka untuk semua kaum dalam negara kita ini untuk menyertai latihan-latihan kemahiran dan akhirnya mereka boleh keluar

untuk berada di pasaran kerja ataupun menjadi usahawan sendiri. Jadi, yang lain-lain yang berkaitan dengan maklumat-maklumat terperinci itu saya boleh pertimbangkan untuk dijawab secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dengan itu selesailah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

**[Sesi untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

### **USUL**

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.33 pg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk satu usul yang amat digemari oleh semua orang iaitu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 9.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 16 Ogos 2018.”

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul yang sangat digemari itu. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

**[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]**

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN  
(PENGUNTUKAN SEMULA PERUNTUKAN PERBELANJAAN) 2018****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN  
(PENGUNTUKAN SEMULA PERUNTUKAN PERBELANJAAN)  
TAHUN 2018****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan bawah “Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018 dan Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” **[Hari Kedua]**

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, hari ini Rabu 15 Ogos 2018 adalah hari terakhir perbahasan peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018.

Jadi, melihat kepada tempoh yang diberikan semalam, tiap pembahasan dihadkan pada lima minit seorang, dalam lingkungan lima minit. Kalau lebih satu minit atau dua minit tidak mengapa. Jadi, kita teruskan dengan Kementerian Wilayah.

**Maksud B.32 [Jadual] -**

**Maksud P.32 [Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018] –**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.32 dan Kepala Pembangunan P.32 di bawah Kementerian Wilayah terbuka untuk dibahas.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Labuan.

**Tuan Pengerusi:** Ya, minta Yang Berhormat Labuan berucap.

**11.35 pg.**

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Pengurus. Merujuk kepada Butiran 070100 - Perancangan Bandar dan Desa. Yang Berhormat Menteri, awal tahun ini Labuan telah menyiapkan *Labuan Development Blueprint* ataupun Perancangan Komprehensif Pembangunan Labuan 2030. Satu perancangan komprehensif yang akan memerlukan banyak peruntukan untuk pembangunan-pembangunan infrastruktur walaupun sebahagian besarnya, yang lebih besarnya adalah pembangunan-pembangunan oleh pihak swasta.

Apa yang paling utama dalam perancangan itu adalah pembinaan Jambatan Labuan ke Menumbok, Sabah yang mana telah diluluskan bajet sebanyak lebih kurang RM14.36 juta. Pada mulanya, kajian kebolehlaksanaan yang diumumkan semasa ucapan Bajet 2018 dan telah ditukar ataupun diumumkan di Labuan menjadi kajian pelaksanaan yang mana ia akan memakan masa sembilan bulan sebelum pembinaan dimulakan. Saya ingin tahu apakah status kelulusan ataupun kajian tersebut?

Untuk pengetahuan Menteri, banyak pelabur yang sudah datang ke Labuan, malah beberapa projek dalam pelaksanaan sekarang ini. Mereka membuat keputusan ataupun mendapat keyakinan untuk melabur di Labuan adalah di antaranya disebabkan oleh pengumuman jambatan tersebut. Kami melihat jambatan ini kalau dibuat, maka ia akan merangsang pembangunan.

Kita sudah lihat sekian lama- kita tidak boleh menunggu, membangun dahulu baru buat jambatan. Selain daripada itu, saya juga ingin merujuk- ini di belakang sikit, untuk Butiran 01905 - Rancangan Fizikal Negara, di mana saya difahamkan dalam Perancangan Fizikal Negara, Labuan telah di-*upgrade* statusnya menjadi bandar wilayah, *joining* ataupun bersama-sama dengan Pulau Pinang, Johor Bahru, Kuching dan juga Kota Kinabalu sebagai *regional city*. Jadi, apakah *privilege* ataupun kelebihan-kelebihan yang akan diberikan dari segi peruntukan dan sebagainya memandangkan Labuan sudah mendapat status yang lebih tinggi daripada sebelum ini?

**■1140**

Seterusnya, Butiran 02102 – Pembangunan Lanskap, dan juga Butiran 02103 – Promosi dan Pembangunan Industri.

Di Labuan ini antaranya yang perlu dibangunkan ialah industri pelancongan. Untuk pengetahuan, Perbadanan Labuan cuma mendapat RM2 juta sahaja Yang Berhormat Menteri dan itulah yang digunakan untuk sambutan Hari Wilayah, sambutan kemerdekaan dan juga lawatan-lawatan Menteri dan pegawai-pegawai tertinggi

kerajaan. Jadi memang jauh daripada cukup. Jadi saya berharap kerajaan baharu, Menteri baharu akan dapat memperjuangkan Labuan yang selalunya terlupa ini sebab ia jauh dari Putrajaya.

Seterusnya, Butiran 04000 – Program Pembasmian Kemiskinan Bandar. RM600 juta lebih, banyak ini sebenarnya. Jadi saya mahu tahu, berapakah yang disalurkan untuk Labuan? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Labuan. Ya, Yang Berhormat Pasir Gudang. Silakan.

#### 11.41 pg.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Dengan izin Tuan Pengerusi, saya merujuk Maksud P.32 Butiran 04000...

**Tuan Pengerusi:** Tidak berapa dengar ya.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Minta maaf ya. Saya merujuk kepada Butiran 04000 – Program Pembasmian Kemiskinan Bandar.

Saya mengkhususkan kepada Bandaraya Kuala Lumpur. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Menteri iaitu apakah program-program yang telah dirancang dengan peruntukan lebih RM637 juta itu dalam usaha pembasmian kemiskinan di Bandaraya Kuala Lumpur, antaranya? Ini kerana saya percaya wujud sejumlah golongan yang besar rakyat miskin kota di ibu negara kita ini. Jadi, saya inginkan butiran kalau boleh program-program yang akan dilaksanakan.

Kedua, jika boleh Yang Berhormat Menteri dapat maklumkan berapa peratus jumlah rakyat miskin khususnya golongan B40 ini dalam wilayah Bandaraya Kuala Lumpur? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ada pembahasan di sebelah sana?

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Lembah Pantai.

**Tuan Pengerusi:** Ya, silakan Yang Berhormat Pontian.

#### 11.43 pg.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, Tuan Pengerusi. Saya ingin melihat kepada Butiran 070100 – Perancangan Bandar dan Desa, merujuk kepada Putrajaya. Saya difahamkan bahawa pembangunan Putrajaya ini masih belum selesai. Saya pernah duduk di Putrajaya sepuluh tahun, jadi mengetahui keadaan di situ.

Saya juga dimaklumkan bahawa segala bangunan kerajaan yang ada di Putrajaya itu dibayar sewa setiap tahun kepada Putrajaya Holdings dan saya difahamkan sewa itu berjumlah berbilion ringgit. Ini seumpama kita ambil daripada poket kanan, masuk ke poket kiri. Saya ingin mengetahui apakah status sewaan terhadap semua bangunan kerajaan yang ada di Putrajaya dan apakah status Putrajaya Holdings itu sebagai anak syarikat Petronas yang juga adalah milik kerajaan? Ia seolah-olah macam kita memberikan kepada orang yang sama pembayaran itu pada kumpulan yang sama.

Seterusnya ialah tentang Butiran 080100 – Kesejahteraan Bandar. Saya juga duduk di Kuala Lumpur ini selepas Putrajaya hampir sepuluh tahun di kawasan pinggir bandar Kuala Lumpur. Saya ingin tahu, apakah dalam konsep kesejahteraan bandar ini yang dibuat oleh Kementerian Wilayah bagi mengatasi kesesakan lalu lintas pada setiap petang Jumaat, *confirm* sesak lalu lintas, setiap hujan renyai pun sesak lalu lintas.

Bagaimanakah perancangan Kementerian wilayah dari segi pengangkutan awam? Apakah yang patut dilakukan daripada contohnya usaha-usaha yang patut dibuat seperti penggalakan *car pooling*? Bukan semua orang bawa sebuah kereta tetapi berkongsi kereta, misalnya. Apakah lagi langkah-langkah yang patut dibuat daripada segi kemasukan kenderaan-kenderaan berat mengikut waktu puncak yang tertentu supaya Kuala Lumpur ini menjadi bandaraya yang sejahtera untuk diduduki?

Satu lagi saya ingin mengetahui dari segi prestasi Kuala Lumpur sebagai sebuah bandaraya sekarang ini berbanding dengan bandaraya dunia yang lain, nombor berapa? Apakah kriteria pengukuran daripada segi kedudukan Kuala Lumpur dibandingkan dengan bandaraya-bandaraya lain di seluruh dunia?

Saya juga ingin mengetahui apakah perancangan kerajaan bagi mengatasi kemungkinan kekurangan kehadiran pelancong-pelancong dari luar negara? Kenapakah anggapan bahawa pelancong akan kurang datang ke Bandaraya Kuala Lumpur? Antaranya ialah jika dahulu mereka datang dan mereka beli barang, cukai GST boleh mereka dapatkan balik di pintu-pintu keluar. Sekarang ini apabila GST sudah tidak ada lagi, barang-barang yang dibeli oleh pelancong, mereka tidak dapat *claim* balik cukai. Bererti pemansuhan GST itu akan mengurangkan bilangan pelancong dan pelancong akan melihat negara-negara yang ada GST untuk mereka pergi. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri tentang perkara ini? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Lembah Pantai kah itu?

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Lembah Pantai, boleh?

**Tuan Pengerusi:** Lembah Pantai bangun tadi bukan?

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Ya, ya.

**Tuan Pengerusi:** Silakan.

#### 11.46 pg.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Ya, sedikit sahaja. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya berkaitan dengan Butiran 02102 – Pembangunan Lanskap dan Butiran 02105 – Pengurusan Lanskap yang kalau kita kumpulkan kedua-dua jumlah ini bernilai lebih daripada RM29 juta. Saya ingin memohon khusus untuk Butiran 02102 – Pembangunan Lanskap, apakah boleh Yang Berhormat Menteri berikan sedikit perincian? Hal ini memandangkan ia satu jumlah yang besar dan kalau boleh mengikut kawasan Parlimen.

Untuk Butiran 02101 – Pembangunan Taman Awam yang bernilai RM33.477 juga kalau boleh diberikan sedikit perincian memandangkan ini bukan satu jumlah yang kecil.

Saya kembali kepada Butiran 02105 – Pengurusan Lanskap. Saya ingin memohon sama ada pihak kementerian ada perancangan untuk mendapatkan kepakaran *arborist* atau doktor pokok dari luar negara, memandangkan kita di Kuala Lumpur ini salah satu daripada aset kita untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar yang lebih, dengan izin, *liveable* adalah suasana persekitaran dan pokok-pokoknya. Saya sendiri pada hari semalam telah bersama-sama dengan pihak DBKL untuk menanam pokok di Lucky Garden di Bangsar. Saya menekankan keperluan melihat kepada spesies pokok yang ditanam memandangkan bukan sahaja spesies tetapi cara pokok-pokok ini dijaga, termasuk juga sama ada kawasan akar tersebut tidak disimen, tidak diletakkan *tiling* tetapi diletakkan sebagai contoh, *suspended pavement* untuk membenarkan udara dan juga air capai ke akar-akar.

Seperkara lagi satu isu yang saya ingin dapatkan pandangan daripada Yang Berhormat Menteri ialah berkaitan dengan masalah pokok-pokok dan paip-paip yang ada di kawasan Lembah Pantai khususnya kita telah mendapati di Jalan Telawi, banyak pokok yang telah ditanam sepuluh tahun sebelum ini, hari ini telah menimbulkan beberapa masalah kepada syarikat-syarikat utiliti seperti IWK di mana akar-akar pokok ini telah merosakkan paip-paip tersebut. Apakah langkah-langkah yang boleh diambil

oleh pihak kementerian untuk memastikan sama ada satu *utility masterplan* untuk seluruh Kuala Lumpur boleh diusahakan, yang mengambil kira kehadiran pokok-pokok yang tua, yang besar seperti ini dan untuk mengelakkan keadaan di mana kejadian pokok-pokok tua yang tumbang seperti yang berlaku di Jalan Ampang tidak lagi berlaku?

■1150

Seperkara lagi berkaitan dengan Butiran 01901- Rancangan Tempatan, serta Butiran 01902- Rancangan Struktur, ini saya percaya berkait rapat dengan Pelan Pembangunan Kuala Lumpur serta Pelan Struktur. Sorry. Pelan Bandaraya Kuala Lumpur dan Pelan Struktur Kuala Lumpur untuk 2020 ataupun 2040.

Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah akan dimasukkan di dalam mana-mana peruntukan untuk selebihnya pada tahun ini bagi meningkatkan literasi warga Kuala Lumpur untuk isu kerajaan tempatan, sebelum kita mengorak langkah untuk mengimplementasikan, melaksanakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan. Sekian. Terima kasih.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri Wilayah dan sidang Dewan yang saya hormati sekalian.

Saya ingin menyentuh beberapa perkara secara ringkas dalam- kalau ikut Butiran Projek 02101- Pembangunan Taman Awam dan juga 02102 - Pembangunan Lanskap selain sedikit tentang 04000 - Program Pembasmian Kemiskinan Bandar.

Oleh sebab bidang pengkhususan saya semasa pengajian dahulu ialah tentang Taman dan Rekreasi, saya hendak menyuarakan sedikit kalau boleh, Kementerian Wilayah, Yang Berhormat Menteri beri perhatian tentang situasi taman-taman awam kita yang bagi saya dibuat atau pun dirancang hanya sekadar untuk mengadakan Tuan Pengerusi, tidak bermaksud untuk dimanfaatkan secara maksimum oleh orang ramai.

Kalau kita tengok banyak taman-taman awam kita ini dari segi *accessibility* sangat lemah. Kebanyakan tempat *parking* sangat kurang. Sebelum ini kalau kita tengok pentadbiran terdahulu, mungkin bukan di bawah Kementerian Wilayah tetapi ada kaitan dengan Pembangunan Taman Awam berhampiran dengan bangunan Parlimen, ada Taman Tugu. Saya ada menulis sebuah artikel kalau Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain hendak tengok, boleh tag Taman Tugu *Cherish the Opportunity* yang mana saya memberi beberapa cadangan dalam perancangan taman kerana kebanyakan dalam aspek Pembangunan Taman Awam ini diserahkan kepada orang landskap, sedangkan sebuah taman yang berjaya, *indicator* adalah ia dapat digunakan dan dapat memenuhi tahap kepuasan pengguna. Jadi apabila pengguna tidak dapat akses maksimum kepada

taman-taman awam ini, jadi taman awam ini kita terbiar tidak dimanfaatkan sebaiknya lah.

Jadi kita banyak habiskan duit untuk selenggara pokok-pokok dan sebagainya. Akan tetapi kita kurang dapat *benefit* kepada pengguna, ini tadi yang berkaitan juga dengan landskap. Tadi Yang Berhormat Lembah Pantai sudah sebut tentang jeni-jenis pokok yang dipilih untuk ditanam.

Saya juga ingin mencadangkan, kalau boleh dilihat juga peluang-peluang untuk kita menanam lebih banyak pokok-pokok yang boleh menarik burung-burung yang pelbagai warna, pelbagai dan juga melihat dari segi taman-taman perumahan kerana pokok juga berperanan sebagai penampang kepada apa yang kita tahu sebagai *noise pollution*. Pencemaran bunyi dan juga selain daripada pencemaran udara.

Kerana hari ini kita tengok, terutama di kawasan yang padat seperti di Bangsar, rumah-rumah berdekatan dengan jalan raya. Hari ini kita tengok orang-orang di Bangsar mula jual rumah hendak pindah ke tempat lain oleh sebab faktor-faktor kualiti hidup yang semakin merosot.

Program Pembasmian Kemiskinan, kalau saya boleh minta Yang Berhormat Menteri dapat terangkan sedikit apakah jenis-jenis program yang baharu, yang mungkin sekarang dalam perancangan kementerian kerana kita tahu Program Pembasmian Kemiskinan juga melibatkan banyak kementerian-kementerian lain seperti KPKT, Keusahawanan dan sebagainya. Jadi kalau boleh, saya hendak tengok ada pendekatan baharu daripada Menteri Wilayah memandangkan dari segi statistik kita tahu di Wilayah Persekutuan sahaja ‘keluarga sandwich’ antara terbesar di Malaysia. Keluarga *sandwich* ini maksudnya anak terpaksa jaga mak ayah dan juga anak-anak. Jadi tiga generasi tinggal satu rumah. Sekian, terima kasih.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Pengurus. Saya bertanya soal Butiran Projek 0400 - Program Pembasmian Kemiskinan Bandar. Sedikit sahaja. Isunya ialah soal yang melibatkan golongan gelandangan yang menjadikan satu fenomena yang merosakkan pandangan dan memberi imej yang tidak baik, khususnya di kalangan para pelancong. Saya ingin bertanya kepada pihak Menteri, soal projek pengurusan golongan gelandangan iaitu pusat-pusat gelandangan yang dibina, saya tengok ia gagal menarik golongan gelandangan ke tempat tersebut. Mungkin ada beberapa faktor yang berlaku yang memerlukan satu penelitian semula terhadap pengurusan pusat-pusat gelandangan tersebut.

Keduanya ialah soal rancangan. Apakah rancangan kerajaan untuk mengatasi golongan B40 di kawasan perumahan, khususnya di kalangan miskin bandar ini yang melibatkan soal-soal penempatan semula mereka, juga termasuk dengan kemampuan mereka untuk membeli rumah-rumah yang mampu milik ataupun rumah yang mereka mampu untuk membayarnya. Usaha ke arah ini juga melibatkan- saya mencadangkan supaya peruntukan rumah-rumah persendirian orang tua oleh badan-badan NGO ini diberi peruntukan bagi membantu dan menggalakkan badan-badan NGO ini memberi perhatian kepada soal rumah-rumah kebajikan orang-orang tua.

Akhir sekali, ialah soal Taman Tugu. Saya tengok ada satu masalah besar tentang kedatangan pelancong yang ramai di kawasan tersebut. Masalahnya ialah laluan dan peruntukan *parking* yang sangat tidak mencukupi, bukan sahaja pada hujung minggu, pada hari biasa pun kita akui bahawa kawasan itu sangat teruk. Penyediaan *parking* yang tidak cukup untuk bas-bas yang membawa pelancong yang memerhati kawasan itu dan memerlukan suatu laluan yang lebih selesa kepada pelancong-pelancong yang datang di kawasan tersebut. Sekian. Terima kasih.

### **11.57 pg.**

**Menteri Wilayah [Tuan Khalid bin Abd. Samad]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim... [Membaca sepotong doa] Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyertai perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2018 pada kali ini dan menyentuh isu di bawah Kementerian Wilayah.

Saya mendapati bahawa jumlah yang menyertai perbahasan ini adalah satu jumlah yang di luar jangkaanlah. Memandangkan ianya mengenai Kementerian Wilayah. Akan tetapi bukan sahaja Ahli-ahli Parlimen Yang Berhormat Wilayah yang berminat tetapi juga yang dari jauh seperti Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Kangar, Yang Berhormat Kubang Kerian dan sebagainya.

Alhamdulillah, ini menunjukkan satu tahap minat yang dialu-alukan. Ia tidaklah merupakan satu perkara yang boleh dikatakan memeranjatkan oleh sebab seperti mana yang kita tahu, Wilayah itu sama ada Kuala Lumpur ataupun Putrajaya boleh dianggap sebagai wilayah-wilayah yang mencerminkan keadaan kehidupan rakyat bagi negara

khususnya bagi mereka yang datang daripada luar negara. Ia menggambarkan hala tuju ekonomi dan pembangunan negara.

Oleh sebab banyaknya soalan, maka kertas-kertas jawapan yang saya dapat pun bertimbun-timbun tetapi *insya-Allah* saya tidak yakin saya mampu untuk menjawab kesemuanya kerana ada yang tahap yang begitu detil.

Namun demikian, yang pertama daripada Yang Berhormat Wangsa Maju yang telah bertanya mengenai persoalan di bawah Butiran 02101 dan 02102 - Pembangunan Taman Awam dan benda ini pun sebenarnya bertindihlah dengan soalan-soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

#### ■1200

Untuk makluman Yang Berhormat Wangsa Maju, DBKL menyediakan peruntukan tahunan untuk kerja-kerja pengindahan dan penyelenggaraan landskap di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Ini di bawah DBKL. Manakala yang mana untuk Putrajaya yang tanya pasal Putrajaya itu ianya ditangani oleh Perbadanan Putrajaya. Kerja-kerja pengindahan landskap ini dilaksanakan secara berterusan termasuk di jalan-jalan iaitu di tepian dan di tengah jalan dan juga meliputi jalan-jalan kawasan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju tadi iaitu di Jalan Pahang, Jalan Ipoh, Jalan Petaling dan kawasan-kawasan lain seperti di Wangsa Maju, Cheras, Sentul dan Kepong.

Selain itu DBKL telah mengambil inisiatif membuat *pocket park* di kawasan yang didapati sesuai. Di antara senarai *pocket park* di Kuala Lumpur ialah laman Jalan P. Ramlee, *Japanese Garden* di Jalan Sultan Ismail, Laman Medan Tuanku, dan Laman Sultan Ismail. DBKL juga melaksanakan program penanaman pokok di kawasan tertentu contohnya di Jalan Ipoh, di *Happy Garden*, Jalan Kuari dan Tasik Sri Murni.

Saya sebenarnya telah menerima kunjungan daripada beberapa kontraktor tanaman dan pengindahan. Kebetulan baru jumpa dua hari yang lepas, mereka memberikan teguran bahawa sebenarnya di Kuala Lumpur ini pokok-pokoknya banyak tetapi malangnya ianya tidak berbunga sedangkan tujuan mengapa pokok-pokok itu ditanam termasuklah bunga kertas adalah untuk mengindahkan ibu kota dengan adanya bunga-bunga yang banyak. Mereka menunjukkan kepada saya gambar-gambar keadaan pokok bunga kertas di negara kita di Kuala Lumpur berbanding dengan yang ada di Singapura, jalan ke *Airport Changi*. Walaupun pokoknya pokok yang sama tetapi tidak menghasilkan hasil yang sama...

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** ...Mereka telah mencadangkan supaya bukan soal kita hendak tambah pokok tetapi lebih penting kita menentukan bahawa ianya mendatangkan kesan dan hasil seperti mana yang kita inginkan yang mana ke arah itu, mereka telah meminta supaya diberikan satu kawasan khas yang mereka akan berusaha secara FOC untuk membuktikan bahawa cara penyelenggaraan dan pembajaan yang ingin mereka lakukan dalam tempoh masa lebih kurang dalam dua minggu hingga ke sebulan akan mendatangkan hasil yang setaraf dengan yang ada di Changi.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]:** *[Bangun]*

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** So, maknanya yang dikatakan masalahnya ialah bukan sangat soal tidak cukup pokok, pokok itu ada dan atas usaha menanam pokok ini kita ucapkan tahniah kepada pentadbiran yang lama. Akan tetapi malangnya seperti mana mungkin yang disebut oleh Yang Berhormat Kangar tadi, ianya seolah-olah sekadar untuk hendak mengadakan tetapi tidak ada satu usaha untuk menentukan hasil yang semaksimum yang mungkin kerana mungkin cara tender ataupun pemberian kontrak yang dilakukan tidak memberikan penumpuan kepada hasil yang diinginkan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Lembah Pantai dan Yang Berhormat Wangsa Maju minta laluan.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Yang Berhormat Lembah Pantai dan Yang Berhormat Wangsa Maju, saya minta Yang Berhormat Lembah Pantai dahulu kerana dia berdiri dahulu selepas...

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merakamkan rasa dukacita di atas ketidakhadiran Yang Berhormat Putrajaya yang sebelum ini menjadi Menteri Wilayah. Ini kali kedua Menteri Wilayah pentadbiran ini menjawab tetapi Yang Berhormat Putrajaya tidak ada. Sebenarnya agak menarik kalau kita mendapat input daripada beliau sama ada beliau di mana kita pun tidak tahu, sudah lama tidak tengok kelibat beliau dalam Dewan yang mulia ini.

Apa-apa pun Yang Berhormat Menteri, saya ingin mendapat pandangan kerana rata-rata kalau kita lihat tadi Yang Berhormat Kangar menyebut tentang warga di

Lembah Pantai khususnya di kawasan Bangsar banyak daripada rungutan yang timbul berkaitan dengan isu pokok ini adalah bukan sahaja jenis pokok yang ditanam tetapi cara pokok-pokok ini dijaga. Kalau kita lihat banyak kawasan di Lembah Pantai dan juga di pelbagai tempat di Kuala Lumpur antara teknik-teknik yang digunakan seperti *pollarding*, *pollard* yang telah menyebabkan banyak daripada pokok-pokok ini terpotong, togel, *all the way to the top* dengan izin, dan ini sebenarnya merosakkan pokok-pokok ini.

Maka persoalannya Yang Berhormat Menteri, bukankah sudah tiba masanya ada satu reformasi, satu rombakan besar-besaran dari segi apa yang digunakan sebagai dasar dalam jabatan landskap bagi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memandangkan pokok-pokok ini perlu diketengahkan sebagai aset kepada Bandaraya Kuala Lumpur ini sendiri. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Wangsa Maju.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]:** Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Wilayah kerana mempunyai satu sikap yang begitu positif. Memandangkan Wangsa Maju adalah sebuah kawasan yang sudah lama dipinggirkan, saya mencadangkan sekiranya ada apa-apa projek baru ataupun projek pilot seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, saya mencadangkan supaya *pilot project* ini dilaksanakan di Wangsa Maju dan juga *pocket garden*. Saya rasa telah dikecualikan dalam senarai, saya minta dimasukkan juga ke Wangsa Maju. Sekian.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Sedikit sahaja hendak menambah.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kangar minta laluan, orang jauh.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Sedikit sahaja hendak menambah pasal Taman Tugu, tadi kita bercakap pasal pokok. Sebenarnya semasa saya menulis artikel berkaitan Taman Tugu yang diterbitkan oleh beberapa media. Saya mendapat jemputan semasa itu daripada Pengarah Urusan Khazanah Nasional iaitu Tan Sri Azman Mokhtar untuk mendapat sesi khusus. Kebetulan kata beliau berbesar hati untuk membuat sedikit taklimat kepada saya. Saya percaya oleh sebab Taman Tugu ini masih baru, Kementerian Wilayah sepatutnya mengambil kesempatan untuk mungkin bekerjasama juga dengan Kementerian Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar, panjang sangat nama dia dan juga Kementerian Pelancongan untuk menjadikan tapak Taman Tugu ini ia bukan sekadar hanya taman awam tetapi juga ada elemen pendidikan.

Sebagai contoh saya pernah pergi ke *climate house* di Bremerhaven kerana pokok ini ia juga adalah salah satu elemen tentang perubahan iklim. Jadi kalau dapat aspek perancangan pembangunan taman ini buatlah lebih daripada sekadar hanya tempat jogging, mesti ada elemen pendidikan. Saya percaya itu juga dapat menjadi satu sumber tarikan pelancong yang lebih ramai, *insya-Allah*.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Shah Alam, penjelasan. Arau.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Pengerusi, saya tahu dalam Dewan ini terlampau ramai pakar yang bercakap tentang pokok, taman dan sebagainya. Akan tetapi saya pengguna tegar. Saya menggunakan Taman Tasik Perdana seminggu empat kali bersama dengan Yang Berhormat Seputeh dan juga Yang Berhormat Kota Kinabalu pada masa yang lepas. Saya menggunakan tiga hari selepas itu di Tasik Putrajaya daripada masjid depan Jabatan Perdana Menteri pergi ke Alamanda terus pergi ke rumah Timbalan Perdana Menteri, cross jambatan dan balik ke masjid, sembilan kilometer.

Yang Berhormat, saya pengguna tegar dan saya melihat apabila saya menggunakan tempat ini, saya rasa sesuatu yang luar biasa dan kelainan. Kita boleh bercakap di Wangsa Maju, Bangsar dan sebagainya *alright*. Akan tetapi jangan *pi* buat hukum secara keseluruhan. Malah Menteri Wilayah pun belum turun lagi ke Tasik Putrajaya ataupun *Lake Garden*. Yang Berhormat turun sendiri dan melihat keindahan yang luar biasa yang cap bagus, kata bagus. Tidak bagus, kita cakap tidak bagus, *no problem* Yang Berhormat. Jadi kepada pengguna tegar tanya mereka ini apakah pokok-pokok dan taman yang terdapat di Tasik Perdana dan juga di Putrajaya itu adalah terbaik. Bagi saya berdasarkan mata memandang, terbaik. Saya pengguna, yang lain itu merancang. Kadang-kadang rancang mungkin tidak serasi dengan pengguna.

## ■1210

Jadi Yang Berhormat, saya bersetuju untuk kita hendak perbaiki, buat reformasi dan sebagainya. Akan tetapi, apakah Yang Berhormat hendak menafikan bahawa Tasik Perdana dan juga Putrajaya itu ialah di antara taman terbaik yang pernah kita lihat?

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya...

**Tuan Pengerusi:** Saya ingat ini mungkin pencelahan yang terakhir.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Yang Berhormat merujuk tadi antara- sebenarnya negara contoh macam di *Singapore*, tidak terlalu jauh untuk kita pelajari. Difahamkan sejak pada dahulu pun kita sentiasa merujuk kepada *Singapore* kalau tengok dari segi penjagaan landskap dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat sedar satu daripada punca yang menjadikan ini ialah kerana kekurangan yang betul-betul pakar membuat penyelidikan sebelum sesuatu itu dilakukan? Kadang-kadang sedih kita tengok, kita tanam pokok sudah besar elok pergi tebang balik, memakan masa berpuluh-puluh tahun.

Sebenarnya kalau tengok di mana hendak tanam pokok *frangipani*, kawasannya tertentu. Kalau *Flame of the Forest* mungkin kawasan tertentu. Kalau *fragaria fragrance* atau *acacia cincinnata* di pokok yang tertentu dan setiap pokok itu ada *characteristic* ia. Mungkin Yang Berhormat dapat tambah orang-orang yang pakar dalam bidang itu untuk membantu jabatan.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Ketereh. Yang Berhormat Ketereh kata tidak ada pakar, Yang Berhormat Arau kata ramai sangat pakar. Saya pun tidak tahu mana satulah tetapi pokoknya, yang penting ialah kita kena ada satu usaha yang bersungguh-sungguh untuk memperbaiki dan meningkatkan lagi keberkesanannya khususnya dari sudut pembungan. Ini kerana kebanyakan daripada pokok ini memang ia ditanam dengan tujuan untuk mengindahkan dan ia akan hanya menjadi indah sekiranya ia menghasilkan bunga-bunga yang banyak.

Soal *Singapore* tadi itu sebenarnya kebetulan kerana orang yang datang jumpa saya dia bawa gambar pokok bunga kertas di tepi jalan di Singapura hendak pergi Changi berbanding pokok bunga kertas yang ada di kawasan Kuala Lumpur. Di mana didapati bahawa gambar yang Changi itu kita tidak nampak ia punya daun kerana penuh dengan bunga, nampak sikit-sikitlah daunnya. Akan tetapi yang di Kuala Lumpur itu kita tidak nampak dia berbunga kerana semua daun. Pokoknya sama.

Saya rasa ini semua adalah apabila konsep di sebalik pengindahan itu tidak dihayati dan ia akhirnya hanya menjadi sebagai kontrak-kontrak yang diberikan kepada kontraktor-kontraktor dengan tujuan yang tertentu tanpa memberikan dengan secara jelas KPInya...

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** *[Bangun]*

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Apa yang kita hendak? Bagaimana yang kita hendak? Kita hendak supaya pokok itu sentiasa berbunga sepanjang tahun dan sebagainya.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** *[Bangun]*

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Maka ukuran-ukuran secara kualitatif itu seharusnya di ambil berat...

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Minta mencelah.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Mencelah sikit, Lembah Pantai di belakang.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Dalam kita memberi mana-mana kontrak...

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** *[Bangun]*

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Yang Berhormat Menteri, bolehkah mencelah?

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Taman dan sebagainya. Sikit lagi. Begitu jugalah apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ketereh itu betul, saya pun setuju bahawa soal kepakaran. Kadangkala soal pokok ini kontraktor dia punya tugas dia kata potong rumput sahaja, *pruning* sahaja pokok, itu sahaja. Asalkan boleh buat *pruning*, asalkan buat potong rumput, pembersihan dan sebagainya dia rasa tugas dia sudah selesai.

Dalam soal Taman Tugu, memang ia merupakan satu projek yang kertas penjelasannya cukup panjang. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kangar, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Arau memang merupakan perkara-perkara yang *insya-Allah* kita akan lakukan ataupun kita ambil kira untuk menentukan hasil yang terbaik daripada projek Taman Tugu ini ya.

Saya merasakan bahawa masanya telah tiba, hendak jawab Yang Berhormat Lembah Pantai tadi. Sama ada sudah tiba masanya ataupun tidak untuk kita membuat satu reformasi berhubung dengan *our whole approach*, pendekatan kita mengenai soal pengindahan, taman dan sebagainya. *Insya-Allah*, ini merupakan persoalan-persoalan yang kita akan beri penekanan kerana perkara ini juga telah ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri...

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Walaupun orang kata ini soal kecil sahaja. Buat apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak bercakap tentang bunga, fasal tasik dan sebagainya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Akan tetapi inilah antara yang diberikan penekanan kerana kita hendak supaya Kuala Lumpur dan Putrajaya menjadi sebagai bandar-bandar contoh dari segi pengindahan kota.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Yang Berhormat Menteri, boleh?

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Silakan Yang Berhormat Beaufort.

**Tuan Pengerusi:** Silakan Yang Berhormat Beaufort.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Ya, terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Selepas itu Yang Berhormat Pontian, selepas itu Yang Berhormat Kubang Kerian dan selepas itu tidak ada lagi soalan ya, soal ini ya. Saya kena pindah kepada isu-isu lain.

**Tuan Pengerusi:** Memadailah saya ingat. *[Dewan riuh]*

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat Lembah Pantai berdiri.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Kalau tidak sampai petang...

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Lembah Pantai Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Sampai ke petang kita cerita fasal bunga sahaja.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Tahu tetapi... *[Disampuk]* Yang Berhormat Menteri, saya Lembah Pantai. Lembah Pantai di Wilayah. Beri keutamaan kepada Wilayah.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Okey, okey. Yang Berhormat Lembah Pantai yang terakhir. Selepas itu tidak ada lagi soalan berhubung dengan pengindahan ini, sila.

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Beaufort.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Pengerusi. Kita orang ini peminat pokok dan keindahan alam. Saya amat bersetuju dan menyokong penuh tadi Yang Berhormat Arau mengatakan bahawa taman di Putrajaya itu memang indah. Selama lima tahun kita berada di sana, kita merasai nikmatnya memang. Itu bukan datang dengan sendirinya, tentulah dengan usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak kementerian, oleh jabatan-jabatan tertentu dan juga para pegawai yang bertanggungjawab untuk memastikan apakah jenis pokok yang harus ditanam bagi memastikan ia terus indah, hijau dan berbunga. Serta juga dapat memastikan *temperature* kita, dengan izin, tidak terlalu panas.

Memang kajian sudah dibuat sebelum ini, pegawai-pegawai, kakitangan semuanya pernah pergi ke *Singapore* dan sebagainya untuk melihat bagaimanakah caranya kita dapat memastikan negara kita ini terutama sekalilah Bandar Raya Kuala Lumpur, Putrajayanya itu terus indah dan pokok-pokok di tanam.

Tahu kah Yang Berhormat bahawa pada suatu ketika dahulu memang ada kempen untuk menanam 20 juta pokok di negara kita Malaysia ini? Pokok-pokok tersebut telah pun dikenal pasti oleh pakar-pakar. Bukan dikatakan tanam sahaja kerana kontraktor hendak tanam pokok yang inilah, asalkan entah cara kontraktor tidak betul dan sebagainya. No, sebab pakar-pakar telah menentukan pokok jenis apakah yang patut ditanam dan sesuai untuk Bandar Kuala Lumpur, Putrajaya dan bandar-bandar yang lain di seluruh negara ini. Erti katanya bukan suka-suka sahaja, memang sudah dikenal pasti. Setujukah Yang Berhormat tentang perkara ini? Terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Yang lain biar saya jawab supaya tidak timbul salah faham. Saya tidak memperkecilkan usaha pihak-pihak yang asal, yang mula-mula menanam pokok-pokok, memilih pokok-pokok, ada dia punya konsultan, ada pilihan yang baik dan tepat. Konsepnya cukup indah, cukup baik dan ia telah terlaksana. Kita tidak menafikan dan kita *give credit where credit's due*.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Yang Berhormat, yang sebenarnya dasar itupun dimulakan oleh Yang Amat Berhormat Langkawi.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Ya, ya. Okey, Yang Berhormat memang- saya tidak menafikan itu tetapi Yang Berhormat Beaufort poin yang saya hendak sampaikan di sini, itulah yang saya katakan bahawa ini bukan soal tak ada atau tidak cukup pokok tetapi ia punya *maintenance* itu apabila diambil alih ia punya penyelenggarannya dan penjiwaan terhadap konsep asal itu.

Betul, apa yang ada di Putrajaya indah, di Taman Tasik indah dan sebagainya tetapi saya yakin sekiranya diberikan kepada kontraktor-kontraktor yang benar-benar pakar seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Ketereh, maka ia akan jadi lebih indah.

Di sinilah persoalan taman-taman dan pengindahan kota dan sebagainya tidak boleh dilihat lekeh oleh kontraktor yang ditugaskan. Ini kerana dia bukan sekadar untuk hendak jaga supaya tidak mati tetapi ia mesti dijaga dengan tujuan untuk memberikan hasil bunga-bunga seperti mana konsep yang asal. Di situlah mungkin ya, kita dapat bahawa telah ada sedikit penyimpangan dan orang sudah lupa diberi kontraktor, ikut kontraktor, asalkan buat kerja seperti mana yang- dapat duit jalan, pokok tidak berbunga.

Kita tengok sahajalah jalan ke Parlimen ini, Jalan Parlimen ini. Pokok-pokok yang ada banding kualiti, jumlah bunga yang kita boleh peroleh sekira ia dijaga dengan baik, dengan apa yang ada sekarang. Minta maaf, ini pandangan saya.

■1220

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih kerana memberi pengiktirafan kepada kerajaan terdahulu yang telah memulakan projek Taman Tugu ini.

Saya ingin bertanya, di bawah konsep hutan dalam bandar— satu konsep yang menarik iaitu hutan dalam bandar sebagaimana yang dilakukan di London, New York, Tokyo dan Kuala Lumpur sedang melakukannya di bawah projek Taman Tugu- adakah konsep taman hutan hujan selamanya ini akan diteruskan iaitu di bawah Amanah Warisan Negara?

Konsep Amanah Warisan Negara itu, adakah ia akan diteruskan untuk mengekalkan kehijauan dan melindungi hutan supaya anak cucu kita tahu apakah itu hutan? Bagaimana cara Taman tugu ini perlu ditambah baik? Adakah ia perlu ditambah lagi kawasan? Dan adakah projek yang bernilai RM650 juta oleh Khazanah Nasional ini akan diteruskan, ataupun kerajaan sekarang ini seperti biasa, akan sentiasa memotong projek dan mengatakan duit tidak ada atas sebab silap sendiri menghapuskan GST?...  
[Dewan ketawa]

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Okey. Saya fikir nanti Yang Berhormat Menteri boleh jawablah. Memang silap sendiri.

Saya hendak balik kepada soalan untuk kita berfikir di luar kerangka yang ada dalam landskap bandar ini. Biasa kita fikir hanya dua benda, sedangkan pada pokoknya ada tiga elemen. Pertama, kita fikir soal pokok untuk kehijauan, yang kedua keindahan pada bunga. Ada satu aspek lagi yang kita perlu fikir iaitu pokok ini dia ada buah. Saya fikir, jikalau perlu, untuk kita merangka ataupun bawa satu kajian *detail* untuk kita menanam pokok-pokok yang bukan sahaja keluar bunga yang cantik tetapi turut mengeluarkan buah.

Sebagai contoh, rambutan, walaupun- klon baru sekarang ini tidak memerlukan kawasan besar ya, dan *ecotourism* sebenarnya pelancong datang bukan sahaja tengok batu dan bunga. Jikalau kita boleh membangunkan kawasan-kawasan tertentu untuk kajian awal bagaimana untuk membangunkan kawasan yang ratus juta kita habis belanja untuk landskap ini, bukannya pelancong datang tengok batu, pelancongan datang tengok bunga tetapi dia dapat hasil buah.

Saya fikir ada beberapa pokok-pokok yang memang sangat sesuai kita tanam, ia boleh mengeluarkan buah dan boleh menarik kedatangan pelancong ke tempat kita. Sebagai contoh, sekarang ini banyak pokok-pokok yang masam pun jadi manis. Jadi saya fikir minta dipertimbangkan supaya aspek tersebut dapat diambil kira dalam pembangunan landskap kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *[Bangun]*

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Last one. Tadi Yang Berhormat Menteri ada sebut. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi:** Yang terakhir ya.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Ya, yang terakhir. Saya cuma hendak ingatkan Dewan ini bahawa pada ketika Ahli-ahli Yang Berhormat di pihak pembangkang memberikan satu persepsi bahawa kita perlu pertahankan tugu dan taman-taman, tetapi bukankah Yang Berhormat Menteri setuju dengan saya apabila kita lihat tempat-tempat hijau, kawasan-kawasan hijau di Kuala Lumpur ini di bawah pentadbiran terdahulu, kita telah kehilangan begitu banyak kawasan hijau di mana kalau tidak kerana keputusan Yang Berhormat Menteri, kita mungkin akan hilang Taman Herba Kiara itu sendiri.

Jadi saya rasa Ahli-ahli Parlimen di sebelah sana tidak patut terlalu gembira ataupun tidak terlalu mahu bermegah dengan apa yang telah dibuat dahulu kerana antara perkara yang telah dibuat dahulu sampai ke hari ini adalah kehilangan begitu banyak kawasan hijau.

Saya ingin memberi komen tentang pokok-pokok laluan ke Parlimen. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri dan Ahli-ahli Dewan, kalau kita lihat, sebenarnya kita boleh usahakan supaya- sebagai contoh, Tuan Pengerusi, Parlimen ini sebenarnya boleh digunakan sebagai ruang dalam Kuala Lumpur ini untuk mengetengahkan kehijauan yang ada di Malaysia. Saya bagi contoh kalau kita pergi ke Diet di Jepun, dia ada satu taman yang mana pokok daripada setiap *prefecture*, dengan izin, ada diwakili dalam taman di Parlimen mereka di Diet mereka. Bukankah kita boleh usahakan satu projek seperti itu di bawah Jabatan Landskap untuk mengetengahkan mungkin pokok-pokok yang boleh diperoleh di negeri-negeri tertentu supaya Parlimen kita ini betul-betul mewakili seluruh negara Malaysia. Itu cadangan saya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad:** Terima kasih kepada semua. Itu baru soalan yang pertama daripada penyoal yang pertama. Yang tanya itu pun ada dalam sepuluh orang dan setiap orang pun soalan lebih daripada satu. Saya ambil kiralah semua yang telah disebutkan tadi termasuklah permintaan Yang Berhormat Wangsa Maju untuk diberikan tumpuan dan kalau boleh, diambil sebagai tempat untuk dijalankan *pilot-project* seperti mana yang saya sebutkan tadi, *insya-Allah*. Yang terpenting, memang inilah satu perkara yang kita ingin untuk dipertingkatkan. Dan dalam soal konsep-konsep dan pendekatan-pendekatan baharu, *insya-Allah*, kita akan cuba serapkan sekali.

Soalan yang kedua yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju juga. Ini berhubung dengan kerja-kerja penyelenggaraan Taman Rekreasi Medan Idaman dan projek Taman Tasik Danau Kota dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat Wangsa Maju, atas kegagalan kerajaan dahulu sebelum ini menangani perwartaan draf Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020, kerajaan baharu Pakatan Harapan mengambil tanggungjawab penuh untuk mewartakan draf Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 pada tahun ini. Terdapat beberapa kelulusan perintah pembangunan, *development order-* ini mungkin termasuklah apa yang disebut oleh Yang Berhormat Lembah Pantai tadi- yang telah dikeluarkan oleh DBKL yang melibatkan penukaran *zoning* dari kawasan lapang kepada pembangunan kediaman atau perdagangan.

So, inilah masalahnya. Kita ada kita punya *master plan*, kita bayar konsultan berjuta-juta, keluarkan dia punya *master plan*, selepas itu kita tidak ikut dan kita membuat *rezoning* sehingga tempat yang sepatutnya kawasan lapang akhirnya jadi tempat pembangunan kediaman ataupun komersial. Kesemua kelulusan ini tertakluk kepada syarat-syarat kelulusan perancangan yang perlu dipatuhi oleh pemaju. Walaupun dibenarkan tetapi adalah syarat-syarat dan sekiranya pemaju gagal mematuhi syarat ini, tindakan boleh diambil. Ini penjelasan yang diberikan...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad:** Kalau macam ini, sampai bila saya hendak habis? Ini soalan banyak. Okeylah, tidak mengapalah.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Baru sekalilah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Shah Alam dahulu pun buat macam ini.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Baru sekalilah. Sejak Yang Berhormat Shah Alam menjadi Menteri, baru sekali ini. Bagi Pasir Salak hendak bertanya. Okey ya? Terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad:** Sahabat ya.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sahabat. Tuan Pengerusi, terima kasih. Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan, Kerajaan Pakatan Harapan memberi jaminan di masa akan datang ini tidak ada lagi pembangunan akan dibuat di Kuala Lumpur yang boleh menjelaskan kawasan-kawasan hijau yang disebutkan tadi? Boleh beri jaminan atau tidak? Perkara ini berlaku pada zaman Perdana Menteri yang keempat lagi. Berapa banyak tanah dalam kawasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ini yang telah diberi kepada kroni-kroni dia untuk pembangunan. Semua orang tahu. Dan saya rasa kroni-kroni ini masih lagi tamak, hendak buat macam-macam pembangunan. Kalau Yang Berhormat Menteri tidak kuat betul pertahankan, saya rasa ada kemungkinan banyak lagi kawasan. Terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Itulah sebabnya mengapa saya dilantik sebagai Menteri Wilayah Persekutuan kerana saya hendak pertahankan... *[Dewan ketawa]*

Saya hendak beritahu Yang Berhormat Pasir Salak, janganlah kita anggap orang dahulu seperti mana yang kita sekarang. Mungkin yang diberikan kepada kroni-kroni itu berlaku pada zaman Barisan Nasional yang terbaru. Akan tetapi pada zaman dahulu, setakat mana yang saya tahu, kebanyakan daripada pembangunan-pembangunan yang telah dilakukan memang mengikut *zoning* yang telah ditetapkan. Itu sebabnya taman tasik masih ada, itu sebabnya Taman Tugu itu masih ada, kerana tidak sempat. Tidak sempat pentadbiran yang sebelum ini menuarkannya dan memanfaatkan kos dan harga tanah yang tinggi untuk menghasilkan pembangunan.

Kalau benar ia merupakan satu amalan daripada sejak dahulu, maka saya tidak faham mengapa ada usaha bersusah payah untuk memperkenalkan taman-taman dan projek-projek pengindahan dan bandar raya seperti Putrajaya yang dikawal pembangunannya.

■1230

Ini menunjukkan pada saya bahawa Yang Berhormat Langkawi yang dulunya Perdana Menteri, dia mempunyai satu wawasan. Akan tetapi, wawasan itu telah tidak

dibawa oleh mereka yang mewarisi kepimpinan selepas beliau. *Wallahu alam*. Akan tetapi, kalau Yang Berhormat Pasir Salak mengambil berat dan merasa ianya satu perkara yang cukup penting, saya cadangkan ulangi tuduhan itu di luar Dewan.

Sekiranya pemaju gagal untuk mematuhi syarat ini, kononnya, dalam *redevelopment order* yang di keluarkan, maka, tindakan boleh diambil. Ini berdasarkan pada peruntukan Akta Perancangan Wilayah Persekutuan 1982. Di sifilah, yang sekarang ini pentadbiran yang baru sedang kita kaji. Sejauh mana *rezoning* yang dilakukan dahulu, syarat-syarat di sebaliknya walaupun sepatutnya ia dikemukakan untuk *Public Hearing*, dan sebagainya. Sejauh mana syarat-syarat itu dipatuhi oleh pemaju-pemaju? Sekiranya ia tidak dipatuhi atau projek pembangunan masih di peringkat permulaan dan mampu diubah ataupun dihentikan, maka kita akan membuat atas dasar *case-by-case*.

Untuk makluman Yang Berhormat Wangsa Maju, Taman Rekreasi Medan Idaman berada di bawah seliaan DBKL. As far as, Taman Rekreasi Medan Idaman itu, ia dijaga oleh DBKL dan kita akan tentukan bahawa ia tidak diubah atau dikenakan *rezoning*.

Kerja-kerja naik taraf Projek Taman Tasik Danau Kota dipantau oleh Jabatan Pembangunan Lanskap dan Rekreasi dan kelewatan di atas projek ini akan diambil tindakan oleh jabatan tersebut bagi memastikan pemaju mematuhi tempoh masa yang telah ditetapkan.

Kerajaan baru Pakatan Harapan kini memahami hasrat warga kota Kuala Lumpur, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan badan profesional yang memohon untuk Draf Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 diwartakan bagi meningkatkan tadbir urus dan ketelusan kerajaan dalam proses kelulusan permohonan pembangunan di Kuala Lumpur.

Kerajaan baharu berharap, isu yang ditimbulkan oleh kerajaan yang terdahulu dapat kita tangani secara lebih tersusun dan rapi dengan adanya pewartaan Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 dan seterusnya, Pelan Pembangunan Kuala Lumpur 2040, yang akan disediakan pada tahun depan. Kita akan minta semua pihak terlibat dalam kita menangani masalah yang sedia ada dan hala tuju pembangunan dan penstrukturran bandar Kuala Lumpur itu.

Taman Awam Danau Kota sedang dibangunkan di tapak dan *progress* di tapak adalah 71 peratus berbanding 87 peratus. Sepatutnya, 87 peratus tetapi sekarang ini telah siap 71 peratus. Lanjutan masa nombor satu, bukan dua atau tiga- baru nombor

satu, baru diluluskan bermula pada 20 Ogos 2018 sehingga 17 November 2018. So, the new date of completion sepatutnya adalah pada November 2018.

Soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju lagi, berhubung dengan pembangunan taman awam dan pembangunan landskap. Saya ingat ini saya sudah jawab lebih kurang tadi. Tidak perlu saya masuk secara lebih detil.

Peningkatan kualiti dan taraf hidup penghuni. Ini berhubung dengan lif. Penyelenggaraan DBKL mengambil serius isu melibatkan penyelenggaraan, pemberian dan baik pulih, menaik taraf dan menyediakan kemudahan baru yang ada bagi rumah-rumah awam. Jabatan telah memperuntukkan sebanyak RM98 juta untuk kerja-kerja penyelenggaraan. Kos ini diterjemahkan dalam bentuk kajian, pengesongan, siasatan dan semakan ke atas kualiti rumah sedia ada agar berada di dalam keadaan selesa untuk dihuni.

Pada masa yang sama, naik taraf perkhidmatan lif dengan ciri-ciri pemantauan yang lebih baik. Hari itu dalam penggulungan saya pun, saya ada sebutkan tentang pemasangan CCTV dan sebagainya dan juga, soal penaikan taraf dan sebagainya. Apa yang dilakukan oleh pihak DBKL biasanya kalau ada tiga lif, maka, kalau satu sedang dinaiktaraf, satu pula sedang diganti, *at all times*, dengan izin, kita tentukan satu lif berjalan bagi penghuni di rumah rakyat ini.

Soal, kebersihan— DBKL telah menguruskan kerja-kerja pembersihan kawasan perumahan yang melibatkan 68 kontraktor kebersihan. Ini adalah sekarang ini. Akan tetapi saya akan memberikan keutamaan kepada persoalan kebersihan ini. Semua kontrak kebersihan dan kontraktor kebersihan akan saya nilai prestasi mereka dan menentukan bahawa pencapaian tahap kebersihan itu dapat kita tingkatkan.

Terdapat soalan berhubung dengan pembasmian kemiskinan bandar. Untuk makluman- ini sebab banyak sangat soalan, saya pun sudah tidak tersusun. Ini mengenai- Yang Berhormat Arau. Tuan Pengerusi dan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat ini mengenai pembangunan taman awam dan juga Tugu Negara. Kerajaan khususnya Kementerian Wilayah sentiasa prihatin mengenai pembangunan terancang di Wilayah Persekutuan dengan mengambil kira faktor pemuliharaan kawasan hijau dan pembangunan lestari.

Pembangunan taman awam khususnya di kawasan Tugu Negara, Projek Taman Tugu yang dibangunkan secara Tanggungjawab Sosial Korporat atau *corporate social responsibility* (CSR) oleh Khazanah Nasional Berhad sedang dalam peringkat

pelaksanaan. Projek ini telah dilancarkan pada 4 September 2016 melibatkan kawasan seluas 66 hektar dan akan dibangunkan sebagai Taman Hutan Bandar.

Ini bermakna, dari segi projek itu, untuk pengetahuan Yang Berhormat Pontian juga, ia juga *insya-Allah* akan diteruskan. Status semasa keseluruhan projek telah mencapai 30 peratus pelaksanaannya dan mensasarkan penanaman semula 5,000 batang pokok hutan. Untuk memastikan kawasan ini kekal sebagai kawasan hijau di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kementerian Wilayah sedang meneliti cadangan bagi membolehkan kawasan seluas 66 hektar yang terlibat diletakkan di bawah penjagaan sebuah Badan Pemegang Amanah— Ini daripada Parti Amanah Negara yang diberikan nama “Amanah Warisan Negara” (AWAN). Dalam Parti Amanah ini, ‘AWAN’ itu adalah Angkatan Wanita Amanah Negara. So, ada AWAN ada AMANAH.

Kementerian juga sedang mengkaji untuk meningkatkan jumlah kawasan yang boleh dipelihara berhampiran dengan kawasan tersebut yang berjumlah 32 hektar, untuk turut dikekalkan sebagai kawasan hijau dan diletakkan juga di bawah pemegang amanah yang sama. Ini menunjukkan komitmen yang padu kerajaan bagi memastikan alam sekitar dan sumber asli negara kekal dipelihara dan dilindungi untuk generasi masa kini dan masa hadapan. Hanya dari segi jumlah peruntukan untuk projek itu sebanyak RM540 juta. Mungkin ianya akan diperincikan. Sekiranya ia merupakan satu jumlah yang munasabah kerana kadangkala kos-kos kontraktor ini, kalau diikutkan pentadbiran yang lama, ia sering *dijacked up*, dia tidak *jacked down*, dia *jacked up*. Kita akan teliti dan apa yang munasabah, akan dikekalkan.

Kementerian Wilayah dalam soal AWAN ini, dalam soal Pemegang Amanah Warisan Negara, kita sedang mengkaji cadangan Khazanah Nasional Berhad bagi membolehkan tanah Projek Taman Tugu ini diletakkan di bawah Badan Pemegang Amanah yang dinamakan AWAN.

#### ■1240

AWAN ditubuhkan pada 10 Januari dan bertujuan untuk menguruskan tanah di bawah Projek Taman Tugu. AWAN menggunakan model pemegang amanah seperti *National Trust of UK*. Ia juga mempunyai matlamat jangka panjang iaitu mengusahakan lebih banyak projek yang melibatkan pemuliharaan, pemeliharaan dan pengendalian tempat-tempat awam terpilih seperti kawasan dan bangunan warisan, ikonik dan bersejarah untuk memastikan generasi akan datang dapat menikmati warisan negara.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan. Penjelasan.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** So beside the greenly, kita juga ambil yang heritage punyai building. Ya, Yang Berhormat Arau, silakan.

**Tuan Pengerusi:** Ya, silakan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya minta penjelasan ini cara terhormat. Kalau Yang Berhormat dulu, sebelum Speaker membenarkan, Yang Berhormat sudah bercakap tetapi saya terhormat. Saya tunggu Speaker cakap dulu...

**Tuan Pengerusi:** Itu dulu. Itu dulu [Ketawa]

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dulu dia macam ini. Macam ini dia. Inilah tempat duduknya dulu.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Dia sudah taubat tu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, daripada lima ribu pokok itu, berapakah pokok yang diimport daripada luar negara? Keindahan taman tasik yang ada sekarang ini kerana banyak pokok yang diimport daripada luar negara. Ada pokok yang bernilai sampai RM80,000 sepokok. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah yang lima ribu pokok ini komponen daripada pokok-pokok tempatan ataupun yang diimport daripada luar negara seperti yang ditanam dengan begitu indahnya seperti sekarang?

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Walaupun cara tanya dengan cara yang terhormat, tetapi bila dapat peluang, tidak lepas peluang untuk mengutuk dan menyerang. Itu kurang berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Pengerusi, saya bukan menyerang. Saya cuma nak...

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Mengkritik?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Mengulang tayang balik yang dia pernah lawan saya dulu masa dekat tempat lama.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Ya? [Ketawa]

**Tuan Pengerusi:** Kita tidak ada masa sudah, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jadi kami tidak pernah bertelagah pun. Saya pernah berjumpa dia.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Arau.

**Tuan Pengerusi:** Kita sudah hampir pukul 1 ya.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Yang Berhormat Arau terlupa. Tadi bangun orang tidak suruh cakap tapi sudah cakap. Tadi kata cara yang terhormat.

**Tuan Pengerusi:** [Ketawa] Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya ikut perangai Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Berhubung dengan pokok-pokok itu, yang lima ribu itu. Kalau kita lihat kepada persoalan matlamat yang asal, di sebalik nak adakan Taman Tugu ini ialah untuk nak adakan ataupun nakkekalkan apa yang dikatakan Taman Hutan Bandar Tropika atau *Tropical Rainforest* yang asli dan selari dengan apa yang ada di negara kita kerana itulah tujuannya. Kalau kita nak tanam pokok-pokok luar negara, saja-saja kalau adapun, mungkin untuk *show sajalah*. Akan tetapi tujuan yang sebenar bagi pandangan sayalah, mungkin ada penjelasan yang lebih lanjut daripada pihak Khazanah. Akan tetapi pemahaman saya pada asalnya ialah ia adalah berhubung dengan hutan tempatan, *tropicana* yang ingin kita kekalkan suasana itu. Bukan kita nak adakan pokok-pokok antarabangsa dan sebagainya.

Soalan tambahan daripada Yang Berhormat Arau juga. Mana dia? Ada banyak ini. Okey, soalan kedua ini.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sementara mencari itu boleh, Tuan Pengerusi, mencelah sikit?

**Tuan Pengerusi:** Soalan terakhir.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Okey, sementara. Bagi peluang Yang Berhormat Menteri mencari-cari itu.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Boleh, boleh, boleh.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya nak bertanya sikit sahaja kepada Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Ya, silakan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Lima ribu pokok itu, bolehkah kita tanam pokok buah-buahan sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian tadi? Banyak itu. Kalau tanam Musang King sahaja, hebat hasilnya ataupun lain-lain buah-buahan. Terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Saya ingat benda itu kita boleh bincang tengok macam mana tetapi seperti mana yang saya sebutkan tadi, tujuan nak adakan Taman Tugu ini bukan untuk buat satu dusun ataupun kebun buah-buahan tetapi ia bertujuan

untuk mengekalkan warisan negara. Antaranya soal hutan tropika yang semakin terjejas.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Minta izin sedikit sahaja. Tak minta izin nanti dia marah pula.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Akan tetapi kalau nak diselitkan dengan beberapa pokok buah-buahan, Yang Berhormat Pasir Salak boleh membuat cadangan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Boleh cadang ya?

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Akan tetapi saya rasa Musang King itu saya rasa tidak boleh hidup dalam kawasan hutan *Tropicana* dan Yang Berhormat Arau pun...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Dia ada teknologi baru. Teknologi...

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Itu Musang King yang barulah itu. Yang Berhormat Arau pun tidak setuju.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** You tidak setujukah, Yang Berhormat Arau?

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Yang Berhormat Arau dan Yang Berhormat Pontian pun tidak setuju. Saya cadangkan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional keluar dan bincang dahulu sebelum dibuat satu cadangan kerana asyik bercanggah *[Ketawa]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kita bincang dengan Yang Berhormat Kubang Kerian juga *[Ketawa]*

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Tadi kata tidak ada kepakaran.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Kubang Kerian juga...

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Satu lagi kata banyak sangat kepakaran. So ini mengelirukan. Saya pun tidak faham pendirian Barisan Nasional.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *It can be*, dengan izin Tuan Pengerusi. *Agrotourism* dalam bandar.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Bagaimana kalau begini? Okey, ini masa sudah semakin mencemburui. Saya kena jawab soalan daripada Yang Berhormat Labuan.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Ya, Labuan.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Ini kerana Yang Berhormat Labuan pun bertanya tentang jambatan. So saya kena beritahu kepada pihak Yang Berhormat Labuan sebenarnya persoalan kajian untuk membuat jambatan itu daripada Labuan ke Menumbok, jawapan yang diberikan kepada saya ialah Kementerian Kewangan

memutuskan kajian pelaksanaan Jambatan Labuan dibatalkan. Mengambil kira dasar penjimatan kerajaan baharu di mana kos untuk kajian itu sahaja, nak buat kajian sahaja belum buat pembinaan lagi, adalah sebanyak RM14 juta yang sangat tinggi dan perlu diteliti. Kos kajian akan diselaraskan dan diteliti bagi program yang boleh mengurangkan kos sara hidup di Labuan.

Saya sebenarnya juga telah bertemu dengan beberapa orang. Mereka mengatakan bahawa mereka pun risau- ini orang di Labuan. Mereka risau kiranya jambatan itu dibina- ini orang Labuan. Ini kerana ramai yang akan terjejas mata pencarian mereka termasuklah mereka yang sekarang ini membuka kedai, gerai-gerai, pengusaha feri dan sebagainya dan ia juga akan menimbulkan masalah dari segi datangnya- ini pandangan dialah. Saya hanya nak beritahu.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Ramai pakar ekonomi rupanya di Labuan.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Ya, ya, ya. Itulah. Itu yang kita kena buat kajian ini. Mengatakan bahawa GDP dan per capita *income* Sabah sebenarnya agak rendah berbanding dengan Labuan. Ada kemungkinan...

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Ini topik paling saya suka, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Saya hanya menyatakan. Ada kemungkinan ia akan menyebabkan lebih ramai dari Sabah masuk ke Labuan dan menimbulkan masalah dengan soal perniagaan, mata pencarian dan sebagainya. Ini satu pandangan.

Akan tetapi yang dipersetujui sama ada oleh mereka yang menyokong jambatan itu ataupun yang menolak jambatan itu adalah yang terpenting kita kena mempertingkatkan ekonomi di Labuan dengan kita membina kekuatan yang sedia ada sama ada dari segi penanaman kelapa matag, projek bagang ikan bilis, penanaman pokok buah-buahan, industri perikanan dengan membekalkan peralatan yang lebih moden kepada nelayan dan sebagainya kerana Labuan sebagai pulau memang ada kelebihan itu. Pada masa yang sama, meningkatkan juga kualiti tempat-tempat indah pantai untuk pelancong dan sebagainya termasuklah juga kualiti restoran-restoran, kedai makan antarabangsa yang menghidangkan makanan *seafood* dengan kualiti lima bintang.

## ■1250

Sekarang ini saya difahamkan bahawa ada beberapa syarikat penerbangan yang akan mengadakan penerbangan *direct* dari Kuala Lumpur seperti mana Malindo yang telah dilancarkan dan juga yang dari Tanah Besar China. Sekiranya, infrastruktur yang

seperti mana yang disebutkan tadi dapat disediakan, maka pertambahan dari segi jumlah pelancong dan sebagainya boleh menyumbang kepada usaha untuk membangunkan ekonomi orang-orang tempatan.

Pada ketika itu, mungkin ancaman ataupun masalah yang akan datang hasil daripada adanya jambatan dan kemudahan yang semakin mudah untuk orang daripada Sabah masuk ke Labuan, ia dapat ditangani dengan baik. Ianya tidak akan dilihat sebagai satu ancaman yang boleh mengganggu kehidupan orang pulau. Ini pandangan. Namun yang dalam soal jambatan itu, jawapannya seperti mana yang disebutkan tadi iaitu kajian itu telah dihentikan susulan arahan Unit Perancang Ekonomi yang telah mengenal pasti dan mengarahkan kajian ini tidak dilaksanakan selepas mengambil kira dasar kerajaan baharu terhadap projek-projek mega. Ya, sila.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Yang Berhormat hendak *share* sedikit. Baru-baru ini saya terbang daripada Labuan ke Kuala Lumpur, jadual baru selepas Malindo sudah terbang, MAS. Kami ada 21 orang saja dalam kapal terbang itu. Saya tanya *average* penumpang Malindo yang baru saja Yang Berhormat Menteri lepaskan, *launch* hari itu pun *average* 40 penumpang sahaja setiap *flight*. Hari itu kita sudah adakan *charted flight*, Taipei ke Labuan. *First flight* penuh, *second flight* 80 lebih orang, *third flight* 30 lebih orang, jadi walaupun kontrak lapan *flight* tidak boleh terbang lagi.

Jadi dia *chicken and egg* punya *situation* lah, dengan izin Labuan ini. Hendak cakap pantai, makanan laut dan sebagainya—*Gateway* ke Borneo, Kota Kinabalu yang banyak *flight* daripada antarabangsa, semua pun boleh menyediakan lebih baik daripada yang ada di Labuan. Labuan ini penduduk dia dulu 100 lebih, sekarang sudah tinggal 90. Tidak ada *critical mess*. Jadi produk-produk dulu yang sudah mula ada disebabkan oleh *oil and gas booming* yang kita rasa dia boleh membantu *tourism*, sebab tumbuh restoran yang baik dan *services* yang lain lah, sudah mula tutup satu persatu. Sebab momentum itu sudah *losing* dia punya *initial*.

Jadi, sebenarnya kita kena dengar pakar ekonomi punya pandangan. Sebab di Labuan itu memang ramai yang mengatakan bahaya kalau ada jambatan. Orang Labuan akan keluar waktu festival. Akan tetapi, orang Labuan ini tidak ada jambatan pun dia keluar. Sudah duduk dalam pulau kecil, lama-lama waktu cuti keluar lah naik feri. Akan tetapi, orang yang dari luar yang ada lapan juta Sabah, Sarawak dan Brunei, dia malas hendak pergi Labuan fasal *travelling* ke Labuan naik kapal terbang, mahal. Hendak naik feri kena dua jam, bas pelancongan daripada Sabah yang sudah banyak sampai ke Menumbok sebenarnya, setiap hari dia tidak *cross* ke Labuan. Sebab,

hendak masuk feri bas ini dia dengan *high tide*, dia punya *fender* depan itu boleh pecah fasal itulah, hendak masuk feri itu dia terjungkit dan sebagainya. Jadi dia tidak pergi ke Labuan.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Labuan.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Jadi, saya rasa kita kena tengok baik-baik..

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof]:** Masa sudah habis.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Kes Labuan ini. Kes Labuan ini memang, kalau tidak dia umur dia sudah beratus tahun ini Labuan ini. Macam-macam itu jelah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof]:** Terima kasih. Ya Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Jadi, Kementerian Wilayah lah kita punya harapan. Terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Terima kasih Yang Berhormat Labuan. Paling kurang kita bersetuju, bahawa memang ada pandangan yang berbeza. Ada yang kata begini, ada yang kata begitu. Sebenarnya memang ianya adalah masalah *chicken and egg* dan oleh sebab ia merupakan masalah *chicken and egg*, maka saya rasa kerajaan yang sekarang ini bertindak secara *prudent*, secara bertanggungjawab dan berhati-hati. Dalam keadaan perbelanjaan yang begitu tinggi, yang perlu dikeluarkan dan hasilnya tidak terjamin. Betul, ataupun tidak dan sama ada ianya akan mendatangkan apa yang diinginkan ataupun mendatangkan masalah kepada penduduk seperti mana yang juga diakui, yang mana pengusaha-pengusaha feri dan sebagainya, dia kemungkinan akan tutup kedailah. Apa yang mereka akan lakukan? Dalam keadaan ekonomi yang tidak dibangunkan.

*So, as what you said* dengan izin, *as what you said is a the chicken and egg* dan saya berikan jaminan bahawa persoalan ini akan kita kaji, *insya-Allah*. Dalam kita membuat kajianya, Yang Berhormat Labuan amat-amat dialukan untuk bersama dalam perbincangan yang kita akan anjurkan di bawah Perbadanan Labuan itu. So, jangan risau. Kerajaan Pakatan Harapan ini, kita tidak akan memulaukan Ahli Parlimen yang bukan daripada kita.

Berhubung dengan persoalan kesejahteraan bandar, apa yang dilakukan oleh Kementerian Wilayah. Ada beberapa program dan skim yang dianjurkan oleh dalam di sini ialah anjuran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Sebagai contoh, Skim Bantuan Sewa Rumah, Tunggakan PPR dan Perumahan Awam DBKL. Inisiatif Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk memberi bantuan kepada golongan miskin bandar yang

tidak mampu membayar sewa rumah dan mempunyai tunggakan yang tinggi bagi mengurangkan kadar kemiskinan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Skim ini telah diwujudkan sejak tahun 2012 dan jumlah penerima yang layak dari tahun 2012 sehingga Julai 2018 ialah 2,088 orang.

Ini memang satu jumlah yang kecil, kalau kita bandingkan dengan jumlah penduduk yang ada di Kuala Lumpur. Kerajaan Pakatan Harapan akan berusaha untuk meningkatkan lagi usaha-usaha untuk membantu golongan miskin ini dan juga untuk mengadakan beberapa program-program, di mana *insya-Allah* mereka akan dapat peluang untuk menjana pendapatan. Kita sedang mengadakan beberapa perbincangan dengan pengusaha dan peniaga, yang mana ada beberapa projek-projek yang akan kita lancarkan, yang akan memberikan tumpuan kepada golongan miskin untuk diberikan peluang untuk menjana pendapatan.

Ya, Yang Berhormat Pasir Salak. Ini kali yang kedua, minat betul dengan Kuala Lumpur ya.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya duduk Kuala Lumpur 40 tahun, untuk makluman Menteri. Terima kasih Tuan Pengurus dan Yang Berhormat Menteri. Bercakap berkenaan dengan program untuk membela golongan miskin ataupun yang berpendapatan rendah di bandar Kuala Lumpur ini. Sebenarnya kalau kita lihat, banyak sungguh peluang yang boleh mereka mendapat pendapatan yang lebih. Peluang sama ada untuk bermiaga, ataupun untuk bekerja. Kalau kita sihat, lihat dari segi pekerjaan *employment in the private sector* dengan izin Tuan Pengurus dan Menteri. *Supermarket, malls, kedai-kedai* tidak ambil orang ini. Mungkin Dewan Bandaraya, Menteri boleh membuat satu daya usaha, inisiatif, menemui mereka-mereka ini untuk memberi peluang kepada mereka semua ya. Terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Dia masalah itu oleh sebab ramai sangat pekerja Bangla yang telah dibawa masuk oleh pentadbiran yang lama. Menyebabkan orang Malaysia ini yang miskin, dia tak mampu untuk hendak cari kerja. Hendak pergi, hendak ambil hendak kerja pun, kadangkala yang tuan punya kedai, dia tidak berapa minat hendak ambil. Oleh sebab dia ada pilihan, pilihan dia, dia ambil orang Indonesia ke, orang Bangla ke, orang Myanmar ke dan ini adalah hasil daripada suasana yang telah dihasilkan oleh pentadbiran lama...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Dengan izin.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** ...Yang telah menimbulkan masalah lambakan pekerja asing di Kuala Lumpur khususnya...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Dengan izin. No, that's true, what you said it's true in certain acceptor.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Saya minta maaf ya. Saya minta maaf. I know—

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Like construction.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** But I don't have time.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tapi dari segi macam you pergi ke..

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Dalam supermarket pun sudah ada orang Bangla.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Malls apa semua tidak ada.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Supermarket pun orang Bangla.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** It's a sweeping statement. Don't do that. You are the Minister.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Yes, I know I am Minister.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** I can take you to the malls, tengok macam mana.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Okey, boleh. We can go to the mall.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** KLCC.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Boleh. Please, can you give me my time?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Pavilion or Bangsar. No, no, no, no.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Thank you, thank you, Thank you.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Can we go and have a look.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Can, can, can. I go to the malls also.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Don't make a stupid statement. You are the Minister now.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** It's a fact, it's a fact dan bukan semua dalam mall, malahan dalam kedai runcit.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** No, I challenge you. Let's go together.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Kedai runcit pun orang Indonesia.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Let's see how many people?

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Kedai runcit pun orang Indonesia ada. *Please lah, don't be in denial. Please, okay.* Saya hendak habiskan.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang pukul 1.01 minit, kita..

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Saya hendak habiskan, sedikit saja lagi.

**Tuan Pengerusi:** Sudah hendak habis, berapa minit lagi?

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Sedikit saja, seminit, seminit dua.

**Tuan Pengerusi:** Seminit?

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Ya, seminit dua saja.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sambung 2.30 petang.

**Tuan Khalid bin Abd Samad:** Yang program-program kesejahteraan bandar selain daripada bantuan sewa rumah, ada juga kelas tuisyen dan bimbingan dan ada juga program-program di mana kita menyediakan Tadika Sang Kancil yang mewujudkan sebanyak 24 unit tadika di sekitar PPR dan perumahan awam dan sebagainya. Di mana, anak-anak di jaga dengan kadar yang rendah dan ada juga kelab warga emas yang ini juga bertujuan untuk menjaga kesihatan dan kemasyarakatan bagi golongan warga emas yang berdaftar.

Soal gelandangan yang tadi yang ditanya oleh pihak Yang Berhormat Kubang Kerian, yang sudah tidak ada tetapi sekadar hendak beritahulah. Bahawa, sebenarnya ini di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Namun demikian, masalah gelandangan ini, kemudahan ada dan saya telah bertemu dengan beberapa anggota masyarakat gelandangan. Mereka seronok tidur di tepi Sungai Klang, Sungai Gombak dan pada waktu pagi pergi ke Masjid KLCC untuk mandi, salin baju dan pada waktu sarapan pagi pergi ke Masjid Jamek di Kuala Lumpur dapat makanan *free*.

Sebenarnya masalahnya ialah, bukan soal tidak adanya kemudahan-kemudahan untuk mereka bermalam dan sebagainya. Akan tetapi, sedikit sebanyak ada tempat-tempat yang begitu selesa untuk mereka ya. Ini juga menjadi satu masalah, kerana bila kita ambil dan kita hantar ke tempat-tempat yang mereka diberikan tempat untuk bermalam dan sebagainya, dia hanya duduk untuk semalam dua. Dia tidak suka untuk di, dia anggap macam diri mereka dikekang ataupun dipenjarakan.

Oleh sebab banyak lagi soalan-soalan yang telah ditanya, saya minta maaf. Saya tidak dapat mengawal masa yang baik. Banyak sangat masa yang digunakan untuk menjawab dua, tiga soalan yang pertama. Yang lain itu, *insya-Allah*, kita akan beri jawapan secara bertulis. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM78,293,745 untuk Maksud B.32, di bawah Kementerian Wilayah jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM78,293,745 untuk Maksud B.32, diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM112,267,581 untuk Maksud P.32 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM112,267,581 untuk Maksud P.32 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018]*

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Majlis ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang.

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.05 petang]**

**■1430**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita teruskan dengan perbahasan dalam Jawatankuasa untuk Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Masa yang dihadkan kepada lima minit. Yang Berhormat Beruas, sila.

**2.33 ptg.**

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 17400 – Program Pembangunan Kampung Baru. Tuan Pengerusi, saya ingin memohon kepada Yang Berhormat Menteri agar membangunkan pekan Kampung Koh di mana ia dikelilingi oleh dua kampung baru iaitu Kampung Baru Kampung Cina dan Kampung Baru Kampung Koh. Saya memohon agar pihak kerajaan dapat

membangunkan pekan Kampung Koh ini supaya ia juga menolong kedua-dua kampung baru yang mengelilingi pekan ini dapat maju ke depan.

Pembangunan pekan Kampung Koh ini sangat penting dan ia boleh dibangunkan sebagai sebuah pekan budaya dan yang bersejarah kerana ia telah mempunyai sejarah selama 116 tahun dan pekan ini merupakan sebuah pekan pendidikan dan banyak sekolah-sekolah di persekitaran pekan tersebut. Saya mohon agar peruntukan lebih kurang RM20 juta diperuntukkan supaya ia dapat dimajukan dengan baik dan menjadi satu tempat pelancongan.

Pihak swasta terutamanya pihak gereja Methodist pun telah menggunakan wang sebanyak lebih kurang RM5 juta untuk membina kompleks bersejarah yang canggih untuk menyimpan barang-barang bersejarah di tempat tersebut. Saya percaya dengan adanya pembangunan pekan ini sebagai sebuah pekan budaya dan bersejarah, ia juga akan memangkinkan ekonomi di kawasan Kampung Koh dan juga kampung-kampung baru di persekitarannya dan juga kawasan Sitiawan keseluruhannya.

Akhir sekali saya juga mengambil kesempatan ini berterima kasih kepada pihak Yang Berhormat Menteri kerana sangat prihatin tentang pembangunan di Manjung. Apabila beliau melawat ke Daerah Manjung, didapati tahun ini hanya RM200 ribu diperuntukkan untuk membuat satu gelanggang futsal, apabila saya membangkitkan hal ini beliau telah terus meluluskan RM400 ribu untuk dibina dua gelanggang bola keranjang di Kampung Baru Kampung Cina dan juga satu gelanggang di Kampung Baru Changkat Keruing.

Saya berterima kasih ke atas keprihatinan beliau dan saya juga menggunakan kesempatan ini untuk beliau mempertimbangkan tiga lagi projek yang dimohon oleh Majlis Perbadanan Manjung iaitu peruntukan untuk dibina semula Pasar Awam Jalan Senawi di Sitiawan, pembangunan taman rekreasi awam, *public park* di pekan Sitiawan dan juga membina sel tambahan tapak pelupusan sampah di Telok Mengkudu. Ketigatiga projek ini Yang Dipertua Majlis Perbandaran Manjung telah menulis kepada pegawai kementerian, melalui surat-surat bertarikh 13 Julai 2018. Saya memohon agar kesemua permintaan ini dapat diluluskan, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Beruas. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Alor Setar.

**2.37 ptg.**

**Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin sentuh dua saja butiran yang berkenaan dengan KPKT ini iaitu 00110 – PR1MA dan 17400. Khususnya untuk Butiran 17400 – Program Pembangunan Kampung Baru. Saya ada pengalaman dalam tiga-tiga negeri, Perlis, Perak dan Kedah. Saya mendapati bahawa ada keperluannya untuk kita membuat penyelarasan dalam peruntukan kepada kampung baru kerana ada di negeri-negeri, di mana kampung baru tidak diiktiraf dimasukkan dalam pentadbiran peringkat negeri yang seharusnya dimasukkan di bawah sama ada pejabat daerah dan juga sama Unit Pentadbiran (UPD).

Ini adalah menyebabkan ada wujudnya, ada peruntukan yang *special* untuk *taker* kerana di setengah-setengah negeri, kampung baru tidak dimasukkan dalam pentadbiran yang seperti mana kampung tradisi di bawah pejabat daerah. Walaupun kampung tradisi dimasukkan di bawah pejabat daerah pun tetap boleh dapat bantuan ataupun peruntukan dari Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) . Maka inilah salah satu juga saya rasa di bawah KPKT, perlu buat semakan dan buat selaras dengan setiap negeri untuk semak, sama ada mana lagi negeri kampung baru ini tidak dimasukkan di bawah pentadbiran negeri. Maka kita pastikan supaya taraf ia setara dengan setiap dengan setiap negeri, kampung baru di setiap negeri dimasukkan di bawah pentadbiran pejabat daerah, barulah KPKT boleh susun peruntukan khususnya dalam program ini supaya sampai matlamat ia di setiap negeri, khususnya kampung baru.

Kedua Butiran untuk 00110 – PR1MA ini adalah untuk perumahan. Saya faham sepanjang berpuluhan tahun ini kita selalu cerita mengenai masalah perumahan. Kita ada banyak program Program Perumahan Rakyat (PPR). Dulu ada Perumahan Awam untuk Kos Rendah (PAKR), ada juga *MyHome* yang bagi insentif RM30 ribu untuk pembelian rumah dan kini kita ada PR1MA. Sekarang ini adalah untuk bantu supaya golongan bawah dapat beli khususnya rumah pertama. Tapi sejauh mana keberkesanannya? Ini kerana saya rasa perlunya ada satu penyelarasan.

Berapa banyak pun program kita wujudkan, perlu ada satu *database* yang dapat semak sama ada pemohon tersebut pernah membeli rumah. Saya rasa di bawah butiran projek ini begitu banyak peruntukan. Kalau kita peruntukkan untuk buat ataupun kita galakkan pemaju untuk buat rumah, akhirnya tidak sampai hasrat itu kerana asyik tidak sampai *target* sasaran pembeli yang pertama kali beli rumah. Ini adalah kerana

pertamanya, tiada *database* untuk semak sama ada pembeli tersebut pernah membeli ataupun pernah jual rumah tersebut.

■1440

Maka, di bawah KPKT khususnya untuk PR1MA ini saya harap perlulah diwujudkan peruntukan *special* untuk kita buat satu data bank supaya semua dari segi PPR, PAKR, MyHome dan sehingga PR1MA ada satu rekod di mana pembeli pertama ataupun yang diluluskan untuk beli ini untuk ada rekod bahawa dia pernah beli supaya kita boleh sasarkan kepada *depa* yang langsung tidak pernah beli.

Paling penting lagi satu adalah bila kita tawarkan rumah-rumah tersebut selalunya ada masalah pinjaman bank tetapi pengalaman saya bahawa sebenarnya ada banyak bank sebenarnya di bawah GLC ataupun yang berkenaan dengan kerajaan contohnya ada Maybank, Bank Islam dan Bank Rakyat tetapi saya dapat bahawa ada juga pemohon yang diluluskan untuk beli rumah contohnya yang ditawarkan ini tetapi ditolak oleh pihak bank termasuk juga bank GLC yang berkenaan dengan kerajaan.

Maka, di bawah SJKP yang sepatutnya di bawah KPKT ialah satu skim ataupun Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad ini sepatutnya perlu diusahakan supaya rumah-rumah yang ditawarkan ini mereka yang sudah lulus dan layak untuk beli rumah, pihak kerajaan kena pastikan supaya pinjaman bank khususnya bank yang berkenaan dengan kerajaan ini boleh selesaikan supaya tidak wujud bahawa sudah layak untuk beli rumah tetapi ditolak, maka terpaksa kita *transfer* lagi tawaran tersebut kepada pemohon yang lain.

Maka, saya harap dalam bab ini, KPKT boleh selesaikan supaya wujudkan bank tersebut bank data dan juga wujudkan satu rekod di mana pemohon dengan kelulusan bank-bank yang lain supaya tidak buangkan, membazirkan masa dari segi wujudkan pelan-pelan baharu ini. Akhir sekali saya harap pihak KPKT boleh bawa peruntukan ini untuk semak, sama ada satu projek terbengkalai di kawasan saya iaitu projek Pangsapuri Bandar Sri Ampang yang sudah lama terbengkalai sama ada perlukah ataupun mampukah KPKT kalau ambil alih supaya selesaikan projek tersebut untuk pembeli-pembeli yang barangkali mungkin *first time buyer*. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Alor Setar, seterusnya saya jemput Yang Berhormat. Boleh saya tahu berapa orang lagi hendak debat?

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Satu sini.

**Tuan Pengerusi:** Okey, sekarang ini saya bagi Yang Berhormat Tebrau, lepas itu Yang Berhormat Kampar, lepas itu Yang Berhormat Ipoh Timur, lepas itu Yang Berhormat Rasah dan lepas itu Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Tuan Pengerusi, Labuan. Labuan.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Pasir Gudang pun ada.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibutti]:** JPS.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Labuan Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Mana?

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Labuan, Labuan.

**Tuan Pengerusi:** Oh! Labuan.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibutti]:** JPS, JPS satu.

**Tuan Pengerusi:** Okey, akan dibagi. Sila Yang Berhormat Tebrau. Eh! Yang Berhormat Pasir Gudang. Minta maaf, Yang Berhormat Pasir Gudang.

## 2.42 ptg.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk maksud B.43, Butiran 060400 - Syarikat Perumahan Negara Berhad. Seperti yang sering dilaporkan dan pernah kita lihat sendiri banyak projek-projek perumahan yang terbengkalai di seluruh negara. Saya berharap pihak kementerian dapat memberi pencerahan taburan projek-projek perumahan yang terbengkalai yang di seluruh negara ini. Apakah peranan Syarikat Perumahan Negara Berhad ini dalam membantu memulihkan semula projek-projek pembangunan rumah untuk rakyat ini yang telah menyusahkan rakyat? Mereka telah bayar, telah menandatangani surat perjanjian jual beli, ada yang meminjam dengan bank dan ada yang meminjam daripada kerajaan tetapi rumah tidak siap.

Jadi, saya ingin tahu supaya peranan Syarikat Perumahan Negara Berhad di bawah KPKT ini bagaimana membantu untuk menyelesaikan masalah ini? Selain daripada itu, ada kaitan dengan rumah terbengkalai ini harap dapat pihak kementerian menjelaskan bagaimana peranan Jabatan Penguatkuasaan di bawah Kementerian Perumahan ini yang memantau projek-projek terbengkalai ini? Sejauh mana jabatan ini mempunyai kuasa, mempunyai keupayaan untuk mengenakan tekanan kepada pemaju-pemaju yang setengahnya yang telah gagal bukan setahun dua, ada lebih 10 tahun tidak bertanggungjawab dengan projek ini yang menyusahkan beratus-ratus pembeli yang telah berhutang dengan bank dan institusi kewangan.

Jadi, sejauh mana Jabatan Pengawatkuasaan yang memantau rumah-rumah terbengkalai ini telah menjalankan kerja ini? Saya harap pihak Menteri, saya mencadangkan supaya mengadakan kerjasama dengan Jabatan Perumahan di peringkat negeri supaya sama-sama membantu pembeli-pembeli yang telah teraniaya ini kerana apa yang saya kaji daripada *sales and purchase agreement* (SPA) ini dia berat sebelah. Kalau pembeli gagal bayar mengikut jadualnya, kena penalti, kena *interest* dan sebagainya. Akan tetapi kalau pemaju yang gagal bertahun-tahun yang terseksa pembeli-pembeli ini. Selagi *vacant possession*, milikan kosong itu tidak diserahkan kepada pembeli-pembeli, tidak ada surat ambil kunci, biasanya disebut itu tidak diserahkan, pihak pembeli-pembeli ini tidak dapat ambil tindakan yang sepatutnya terhadap pemaju-pemaju ini.

Jadi, kesimpulannya perkara ini saya harap kerajaan yang baharu, kementerian KPKT ini supaya menolong beribu-ribu pembeli di seluruh negara, di Johor terlalu banyak perumahan-perumahan ini dan di kawasan saya di Pasir Gudang. Yang Berhormat Menteri pun ada melawat baru-baru ini, banyak rumah-rumah yang terbengkalai yang akibat daripada pihak pemaju-pemaju yang tamak haloba. Satu projek belum siap, buat satu projek yang lain, ambil duit rakyat dan pembeli. Saya harap kerajaan yang baharu ini buka mata dan bertindak. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, Yang Berhormat Pasir Gudang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kampar.

#### 2.47 ptg.

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya bangkit untuk Butiran 00110 – PR1MA. Dalam hal ini, di mana selepas bangunan-bangunan ataupun rumah-rumah ini siap dibina dan diserah milik kepada pemilik-pemilik yang telah membeli rumah-rumah PR1MA ini ataupun bangunan-bangunan strata, masalah timbul apabila hendak tubuhkan jawatankuasa ataupun badan pengurusan bersama di mana saya dapati seperti mana di Kampar terdapat satu kes pesuruhjaya bangunan iaitu *commissioner of building* telah memberi pengiktirafan kepada dua entiti yang berlainan untuk menubuhkan jawatankuasa ataupun badan pengurusan bersama ini.

Selalunya, masalah ini berlaku apabila pemaju yang diberi kuasa untuk menubuhkan jawatankuasa ini selalunya terdapat permasalahan dengan pemilik-pemilik ataupun *residents*. Apa yang telah berlaku adalah di mana dalam kes di Kampar ini pemaju telah pun melantik sebuah syarikat menjadi badan pengurusan bersama yang

mana adalah salah dari segi peraturan-peraturan, Akta Pengurusan Strata. Akan tetapi *commissioner of building* yang sepatutnya menjadi badan ataupun entiti yang berkuasa untuk menyelia kuasa semua ini, beliau telah pun terkhilaf dengan izin, terkhilaf dalam penubuhan badan pengurusan bersama ini dan kemudiannya beliau lagi pada hari yang sama telah menubuhkan satu jawatankuasa pengurusan bersama yang lain.

Jadi, terdapat konflik di mana satu yang betul dan mana satu yang salah. Dalam hal ini pemilik-pemilik mereka tiada *avenue*, dengan izin untuk membawa isu ini ke mana-mana kecuali ke rumah, *housing tribunal*. Saya sarankan agar kementerian dapat mengkaji semula sama ada kementerian dapat mewujudkan satu sistem di mana aduan-aduan ataupun rungutan-rungutan seperti ini dapat diberi ataupun dibawa terus kepada pihak kementerian agar satu penyelesaian yang adil dan saksama dapat dicapai. Kita tidak perlu beritahu bahawa oh! Ini mungkin boleh pergi ke *housing tribunal* untuk penyelesaian sebab ini adalah masalah *administration, you know*. Rungutan seperti tiada diberi sebarang notis oleh pihak pemaju untuk mengadakan mesyuarat pertama itu, itu adalah satu perkara yang amat- masalah yang biasa dihadapi oleh semua *residents*.

#### ■1450

Jadi, adakah kementerian dapat mewujudkan satu sistem ataupun satu cara untuk pemilik-pemilik ini, mereka boleh terus mengadu kepada kementerian agar satu siasatan dijalankan sama ada pesuruhjaya bangunan ini telah menjalankan tugas beliau mengikut undang-undang ataupun tidak. Kalau tidak, kementerian adalah mempunyai kuasa untuk mengarahkan satu mesyuarat sekali lagi untuk menubuhkan badan pengurusan bersama ini demi keadilan kepada semua pemilik ini.

Oleh sebab sekarang di Kampus West City di Kampar ini pemilik-pemilik, mereka langsung tidak ada cara untuk dapat penyelesaian kecuali pergi ke mahkamah. Ini akan menelan belanja dan kos. Banyak residen tidak mampu untuk menanggung kos sekiranya mereka tidak berjaya di mahkamah.

Oleh itu, untuk demi keadilan residen-residen dan pemilik-pemilik, saya rasa kerajaan perlu campur tangan untuk memberi satu penyelesaian kepada pemilik-pemilik seperti ini terutamanya kes di Kampus West City, Kampar yang mana jelas dua pengiktirafan untuk entiti, badan pengurusan yang telah dilantik oleh *commissioner building* pada tarikh yang sama, hari yang sama. Bagaimana ini boleh berlaku? Jadi kementerian perlulah lebih prihatin terhadap isu-isu yang seperti begini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Kampar. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Rasah.

#### **4.51 ptg.**

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan izin kepada saya untuk turut serta di peringkat Jawatankuasa ini. Hanya dua perkara sahaja saya hendak sebutkan sebab tidak banyak yang dikatakan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah P.43. Pertama berkenaan PR1MA di bawah Butiran 00110. Tadi rakan saya telah mengutarakan beberapa isu.

Cuma saya nampak dari segi peruntukan asalnya RM8,435,000,000 telah diperuntukkan dan sekarang ini terdapat pertambahan sebanyak RM375 juta. Saya hendak tahu daripada pihak KPKT berkenaan dengan Projek PR1MA ini. Kenapa berlaku satu pertambahan yang bagi saya satu angka, satu jumlah yang agak mendadak yang melibatkan RM375 juta sama ada disebabkan ada masalah yang telah diwarisi ataupun yang ditinggalkan oleh kerajaan sebelum ini ataupun kontraktor-kontraktor yang dilantik dalam proses ataupun dalam pembinaan atau masalah dalam pembinaan yang menyebabkan kos pembinaan dan sebagainya meningkat dan kerajaan terpaksa menanggung belanja yang lebih.

Kedua, di bawah tajuk Butiran 17400 iaitu Program Pembangunan Kampung Baru. Saya mengalu-alukan pertambahan perbelanjaan ini. Saya percaya ia sebelum ini bukan di bawah kementerian yang sebelum ini iaitu Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu adalah satu agensi di bawah JPM. Sebelum ini di bawah Yang Berhormat Ayer Hitam pada penggal yang lepas tetapi sekarang telah dipindahkan kepada KPKT.

Saya hendak tahu, macam mana agihan RM68 juta yang diletakkan di bawah tajuk Butiran 17400 ini dan macam mana cara agihannya. Agensi mana ataupun pegawai mana yang ditugaskan ataupun diamanahkan dengan tanggungjawab tersebut. Oleh sebab tadi Yang Berhormat Alor Setar mengatakan ada di negeri-negeri tertentu yang tidak ada jawatan khas atau agensi khas untuk mengendalikan hak ehwal berkenaan dengan Kampung Baru. Jadi macam mana dengan pengagihannya untuk semua negeri yang terlibat.

Tuan Pengerusi, di bawah B.43 iaitu di bawah Perbelanjaan Mengurus pula, di bawah Butiran 070100 bahagian Kampung Baru terdapat satu perbelanjaan yang saya kira dalam RM9 juta lebih. Apakah perbelanjaan ini sebab di antaranya yang disebutkan

termasuklah perkhidmatan dan bekalan, emolumen, pemberian dan pengenaan bayaran tetap. Apakah perbelanjaan ini sama ada terdapat tambahan elaun kepada MPKK yang bakal dilantik ataupun dalam proses pelantikan. Macam mana kos ini boleh ada pertambahan padahal JKPP telah pun dimansuhkan oleh Kabinet sebelum ini.

Jadi saya mohon penjelasan dan huraian daripada Yang Berhormat Menteri ataupun kementerian berkenaan dengan dua perkara, tiga perkara yang saya bangkitkan. Sekian sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Ipoh Timur. Selepas itu Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Labuan, Yang Berhormat Kota Melaka dan Yang Berhormat Arau. Ya, Yang Berhormat Ipoh Timur.

## 2.55 ptg.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membahaskan dua butiran iaitu Butiran 00110 iaitu PR1MA dan Butiran 17400 untuk Program Pembangunan Kampung Baru. Saya mula dengan program Pembangunan Kampung Baru.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan sejarah Kampung Baru yang kita ada, kebanyakannya Kampung Baru telah pun ditubuhkan lebih kurang pada tahun 1950-an. Apa yang terjadi adalah pada masa itu sememangnya banyak fasa telah pun ditubuhkan bersama-sama dengan Kampung Baru dan di dalam Kampung Baru tersebut.

Sudah lebih daripada 60 tahun sejak pembinaan pertama fasa-fasa tersebut. Maka di kebanyakannya fasa di Kampung Baru telah pun usang dan membawa banyak masalah tempatan. Khasnya di kawasan saya ada dua Kampung Baru. Nombor satu Kampung Simee dan kedua Kampung Pasir Pinji yang mana sebelum ini lebih kurang sembilan tahun yang lepas saya percaya bahawa pihak KPKT ada memperuntukkan satu jumlah sebanyak RM5 juta untuk pembinaan semula satu fasa. Akan tetapi pada masa itu, cadangan tersebut tidak diterima baik oleh rakan-rakan di pasar dan juga rakan-rakan setempat. Cadangan tersebut tidak dapat dijalankan.

Walau bagaimanapun, daripada *local sentiment* dengan izin yang saya boleh kumpul dan boleh kongsi dengan pihak kementerian bahawa mungkin sekiranya cadangan untuk pembinaan semula tidak mendapat balasan ataupun sambutan yang baik, bolehlah KPKT cuba untuk memperuntukkan peruntukan yang secukupnya untuk tujuan menaiktarafkan pasar secara berperingkat.

Saya percaya bahawa Kerajaan Pulau Pinang sebelum ini untuk pasar di Ayer Hitam dan Chowrasta *market* yang mana kerja-kerja menaik taraf secara berperingkat telah pun disambut dengan amat baik tanpa pembinaan semula keseluruhan pasar.

So, maka dengan itu saya memohon supaya satu peruntukan yang mencukupi boleh diberikan kepada pasar di kedua-dua Kampung Baru di kawasan saya iaitu di Kampung Simee dan juga di Kampung Baru Pasir Pinji. Itu nombor satu.

Kedua, berkenaan dengan Projek PR1MA di bawah Butiran 00110. Baru-baru ini Tuan Pengerusi saya menerima *feedback* dan juga balasan khasnya daripada pemaju-pemaju yang mana setelah pengalihan kuasa, pertukaran kerajaan, portfolio PR1MA ini sekarang sedang distrukturkan semula.

Sebelum ini saya pernah menyemak dengan pihak Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan satu jawapan yang positif kepada saya bahawa kesemua penstrukturran ini sedang dilakukan. Apa yang terjadi adalah apabila dalam masa *grace period* dengan izin untuk penstrukturran ini, ada perjanjian-perjanjian berkenaan dengan PR1MA dengan pemaju-pemaju khasnya tidak dapat ditandatangani.

Dengan itu juga, geran daripada KPKT pun tidak dapat disalurkan kepada pemaju-pemaju berkenaan. Ini bukan sahaja membawa masalah pengaliran kewangan kepada pemaju tetapi pada masa yang sama juga memudaratkan kepentingan pembeli-pembeli yang mana mungkin atas alasan tersebut pembeli-pembeli tidak dapat menerima ataupun mendapat rumah yang dibina dengan sempurna dalam masa yang singkat.

So, dalam pada itu mungkin cadangan saya kepada pihak kementerian supaya untuk mempercepatkan proses penstrukturran semula ini dan supaya juga membolehkan kesemua perjanjian yang tertunggak boleh ditandatangani dan keseluruhan peruntukan yang wajib dibayar haruslah dibayar kepada mereka yang telah pun mendapatkan kelulusan untuk pembayaran.

#### ■1500

So, dengan itu sekali lagi terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Sibuti sikit ya.

**3.00 ptg.**

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 00110 – PR1MA yang memohon sejumlah RM375 juta. Saya ingin memohon sedikit perincian daripada Yang Berhormat Menteri tentang penggunaan jumlah yang memang sangat besar ini memandangkan banyak daripada isu yang dihadapi sekarang selain daripada rumah mampu milik seperti PR1MA ini adalah rumah-rumah yang nilai dia ataupun kosnya adalah lebih rendah.

Contohnya ramai warga kota yang menghadapi masalah mencari rumah dan bagi mereka banyak daripada rumah-rumah ini yang diusahakan pihak kerajaan sama ada di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Kementerian Wilayah ataupun Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sukar untuk mereka beli. Jadi, saya mohon pihak kementerian untuk memberikan pandangan ataupun jawapan sama ada akan diusahakan lebih banyak rumah-rumah yang betul-betul kosnya rendah dan mampu dimiliki oleh warga kota seperti di kawasan Kuala Lumpur. Sebenarnya itu sahaja soalan saya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Labuan.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Rompin, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Labuan, selepas ini Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Rompin dan Yang Berhormat Kuala Kangsar.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Kota Melaka juga.

**3.02 ptg.**

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma nak bertanya projek PPR dan projek PPA1M di Labuan. Adakah ianya diteruskan sebab PPR baru *site clearing* sebelum PRU dan PPA1M belum bermula. Di Labuan memang kita perlukan sangat projek PPR disebabkan di Labuan ini memang ramai yang masih berada di bawah tahap tidak mampu untuk beli rumah sederhana. Semua rumah yang di peringkat sederhanalah, kita perlukan PPR dan Labuan juga sebenarnya merekodkan setinggan per kapita yang tertinggi di dalam negara.

Nombor satu Labuan dan nombor dua Sabah. Jadi memang kita perlukan projek PPR ini diteruskan malah kita mahu pakej-pakej yang seterusnya untuk PPR dijual dan PPR dibeli. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Labuan, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Arau. Sila.

### 3.03 ptg.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi yang budiman. Butiran 00110 – PR1MA. Pertama sekali saya nak ucap tahniah kerana PR1MA telah diwujudkan dengan matlamat utama ialah untuk rumah kos sederhana. Jadi saya ingin bertanya, sekarang ini apakah hala tuju kerajaan? Kita meletakkan matlamat membina rumah satu juta dengan PR1MA diberi tugas untuk membina 500,000. Jadi sekarang ini kita nak tanya, apakah hala tuju kerajaan berhubung dengan PR1MA? Kita lihat PR1MA telah pun merancang, mengikat perjanjian dan sebagainya untuk membina rumah yang telah ditentukan tetapi saya mendapat maklumat bahawa lembaga pengarah PR1MA pun belum mencukupi dan belum mengadakan mesyuarat.

Walaupun berlaku pertukaran kerajaan tetapi program untuk kebaikan rakyat ini tidak harus ditangguhkan. Jadi, saya minta supaya kerajaan meletakkan hala tuju perumahan negara dan bagaimanakah kedudukan PR1MA sendiri. Adakah dia akan meneruskan pembinaan rumah kos sederhana sebab kita tahu bahawa yang ini ditujukan kepada perumahan di pinggir bandar untuk membolehkan mereka yang berpendapatan sederhana untuk mendapat rumah dan juga merupakan aset mereka yang penting di masa akan datang.

Kemudian yang keduanya, dalam PR1MA, kita telah umumkan di Parlimen ini berkali-kali, kita memperkenalkan *rent-to-own* (RTO) iaitu sewa beli tetapi kita tengok kita hanya umum tetapi kita tak dapat laksanakan sampai sekarang kerana kerajaan tidak beri peruntukan kepada PR1MA. Saya nak beritahu bahawa saya tidak ada kepentingan dalam PR1MA, saya cuma nak minta oleh kerana PR1MA telah pun melaksanakan tugas mereka dengan baik, supaya kerajaan memberi peruntukan untuk mengelolakan *rent-to-own* dengan izin, ataupun sewa beli kerana banyak daripada pemohon yang memohon tidak dapat pinjaman.

Kita telah berjanji di Parlimen ini kata kalau sekiranya tidak dapat pinjaman, PR1MA akan uruskan *rent-to-own* (RTO) tetapi saya tengok tidak dapat berjalan kerana peruntukan tidak diberi oleh pihak kerajaan. Saya menyokong supaya peruntukan PR1MA ini kalau boleh ditambah berkali ganda supaya mereka boleh bersama-sama dengan agensi lain untuk membina rumah mampu milik sebanyak satu juta. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Setiu.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Sibuti.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rompin dulu.

### 3.06 ptg.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bercakap sedikit berhubung dengan Butiran 00110 – PR1MA. Saya difahamkan PR1MA ini satu projek yang besar. Ada berita-berita mengatakan bahawa banyak projek PR1MA ini tergendala dan tak dapat dilaksanakan dan mereka menghadapi aliran wang tunai yang serius, terpaksa kerajaan sentiasa membantu.

Saya ingin tahu berapa banyak kah rumah-rumah PR1MA ini yang tak dapat dijual, berapa unit dan berapa jumlahnya yang tak dapat dijual oleh kerana mungkin ada kesilapan di sana sini, pengurusan memilih tempat dan sebagainya. Dua perkara yang saya mohon iaitu berapa banyak rumah PR1MA yang belum dijual dan berapa nilainya? Berapa banyak projek yang terbengkalai, yang belum dimulakan dan berapa banyak tanah-tanah *land bank* yang PR1MA ada ketika ini? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Rompin.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Setiu, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Kangsar, lepas itu Yang Berhormat Sibuti. Yang Berhormat Sibuti, ya?

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Setiu.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Setiu, Setiu Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Setiu dan lepas itu Yang Berhormat Sibuti, sila.

### 3.08 ptg.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum saya teruskan pertanyaan saya, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah Kampung Baru di Kuala Lumpur di bawah Kementerian ini? Yang Berhormat Menteri? Sebab saya tidak pasti setelah reformasi institusi dibuat. *Is it?*

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Nanti dia jawab.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Kampung Baru.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Nanti dia jawablah.

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Ya? Tak apalah ya, saya baca sahaja. Kalau ia bukan di bawah kementerian ini, saya faham ia tidak dijawab. Saya pergi ke Butiran 00110 – PR1MA. Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengurus, terdapat empat syarat kelayakan asas untuk memiliki rumah PR1MA. Adakah Yang Berhormat Menteri akan menukar syarat kelayakan untuk memiliki rumah-rumah ini?

Pertama, warganegara Malaysia. Lepas itu bujang ataupun dah kahwin serta 21 tahun ke atas. Pendapatan isi rumah RM2500 ke RM15,000, lepas itu kediaman PR1MA hanya boleh dibeli sebagai kediaman pertama dan kedua dan yang terbaik adalah tidak perlu membayar deposit. Soalan saya, kalau ianya diubah syarat-syarat kelayakan ini biarlah ia dilonggarkan lagi. Bagus juga. Yang penting, matlamat kita untuk membantu pemilikan rumah yang terbaik sebab pemilik rumah PR1MA bukan hanya memiliki rumah kediaman, sebenarnya mereka memiliki gaya hidup yang holistik dan teratur.

Soalan kedua, saya difahamkan keutamaan diberi kepada pemohon-pemohon tempatan atau di kawasan Parlimen tersebut. Sekiranya unit-unit PR1MA tidak dapat dijual dalam jangka masa yang ditentukan, boleh kah ianya dibuka kepada pembeli-pembeli di luar kawasan Parlimen tersebut?

#### ■1510

Butiran 174000- Program Pembangunan Kampung Baru. Ini adalah kampung baru yang berada di Kuala Lumpur iaitu Kampung Baru Melayu. Mohon Yang Berhormat Menteri nyatakan sekiranya ia di bawah kementerian ini, mohon Yang Berhormat Menteri nyatakan apakah cadangan-cadangan dan keputusan-keputusan setelah kajian Pelan Induk Terperinci Pembangunan Kampung Baru 2020 ini selesai dibuat. Dari Pelan Induk ini, di manakah dan keluasan apakah yang telah dikenal pasti sebagai keutamaan untuk dibangunkan berdasar persetujuan pemilik-pemilik tanah? Adakah kementerian akan meneruskan hasil dari pelan induk tersebut terutama sekali susun atur dan reka bentuk fizikal yang dicadangkan atau ia akan dikaji semula dengan lantikan konsultan-konsultan baru.

Sekiranya ada perubahan, tidakkah ini akan melewatkannya pembangunannya kerana dengan izin, *you have to go back to the drawing board* dan kembali semula mendapatkan pandangan-pandangan pemilik, pewaris dan semua yang berkepentingan. Terima kasih Tuan Pengurus.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Setiu.

### 3.11 ptg.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh Butiran 00110 – berkait dengan PR1MA. Setiu merupakan daerah yang agak terkebelakanglah kalau hendak banding dengan daerah-daerah lain di Terengganu walaupun Daerah Setiu telah ditubuhkan pada tahun 1985. Antara kekurangan di Daerah Setiu ialah penduduk yang tidak ramai disebabkan tidak banyaknya projek perumahan yang dibina di Setiu. Ada di kalangan pegawai ataupun staf khususnya para guru menetap di luar Setiu dan berulang alik ke pejabat ataupun sekolah masing-masing.

Jadi saya berminat hendak tahu tentang masa depan projek perumahan PR1MA yang pernah dijanjikan pada pertengahan tahun 2017 di Kampung Sungai Bari, Setiu yang melibatkan kos sebanyak RM90 juta dan sejumlah 600 buah unit yang akan dibina dan dijangka siap pada tahun 2019. Tapi sehingga hari ini belum nampak bayang bahawa projek ini dilaksanakan.

Jadi, saya mengharapkan dengan peruntukan bajet tambahan sebanyak RM375 juta ini, satu bajet yang agak besar, saya berharap agar kerajaan baru tidak membatalkan projek ini dan meneruskan demi untuk merealisasikan hasrat penduduk dan rakyat di kawasan Setiu. Sekian.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Seterusnya menjemput Yang Berhormat Sibuti.

### 3.13 ptg.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan P.43, Butiran 00100 - PR1MA. Seperti yang kita ketahui projek PR1MA telah diperkenalkan oleh kerajaan yang lepas. Walaupun demikian, di Sarawak hanya terdapat tiga projek PR1MA yang sedang berlangsung iaitu projek PR1MA Matang, Semenggoh dan Bintawa. Tetapi projek-projek PR1MA ini terletak di kawasan Kuching dan sejumlah 3,492 buah rumah PR1MA telah dibina.

Apa yang ingin saya bangkitkan kepada Yang Berhormat Menteri adalah mengapa PR1MA tidak dilaksanakan di kawasan Bandar raya Miri dan juga berdekatan *sub urban* di kawasan Parliment Sibuti. Ini adalah kerana di kawasan Parliment Miri

terdapat masih banyak lagi kawasan-kawasan setinggan dan keperluan rumah-rumah PR1MA. Saya juga berasa hairan mengapa agensi PR1MA mengadakan *road show* sehingga ke Bandar raya Kuching. Jarak Miri ke Kuching seperti daripada Johor ke Pulau Pinang ataupun Kedah. Tidak logik jika sekiranya kami di Bandar raya Miri ingin membeli rumah di Kuching kerana kami memerlukan rumah di kawasan Bandar raya Miri.

Begitu juga dengan penambahan peruntukan sebanyak RM375 juta. Saya mencadangkan agar kementerian ataupun Menteri cuba untuk menukar projek PR1MA di kawasan *northern region*, dengan izin di Sarawak dengan projek PPR yang lebih murah dan lebih mudah untuk dimohon. Saya sangat-sangat memohon dan merayu kepada Menteri agar PR1MA ini dapat dilaksanakan dan dapat menurunkan lagi harga rumah-rumah PR1MA di kawasan Sarawak khususnya di kawasan utara seperti Miri, Sibuti dan Baram. Sekian.

**Seorang Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Libaran, selepas itu Yang Berhormat Keningau dan Yang Berhormat Kota Melaka.

### 3.20 ptg.

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bangkitkan beberapa perkara mengenai dengan perumahan di negeri Sabah. Saya juga tahu bahawa PPR di negeri Sabah ini semenjak kerajaan yang terdahulu memang diberi peruntukan. Saya nampak pada hari ini beberapa projek PPR ini juga termasuk juga projek-projek lain yang berhubung kait dengan kementerian, tidak dapat diteruskan. Saya mengambil satu contoh ialah di Sandakan iaitu sebanyak 900 unit rumah PPR yang telah dibina, diberi peruntukan oleh kerajaan yang lama. Akan tetapi pada hari ini saya nampak projek ini agak terbengkalai dan begitu juga dengan projek PR1MA juga di Sandakan.

Jadi saya ingin tahu, apakah Kerajaan Pakatan Harapan yang ada pada hari ini meneruskan projek-projek yang saya sebutkan tadi? Kami juga mengharapkan bukan juga diteruskan tetapi dapat menambah lagi PPR yang dicadangkan oleh kerajaan sama ada terdahulu atau sekarang kerana terdapat memang ramai rakyat yang memerlukan perumahan, yang tidak ada rumah juga memerlukan perumahan.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan kawalan harga. Saya telah dimaklumkan bahawa kawalan harga untuk unit-unit PPR ini tidak selaras. Kita mohon supaya diselaraskan, supaya tidak ada perasaan pilih kasih, ada yang dapat sewa yang murah, yang lain dapat sewa yang berlebihan.

Selain daripada itu saya telah bangkitkan juga, saya sokong Yang Berhormat Arau mengenai dengan penghuni-penghuni yang duduk di PPR ini. Saya telah melihat bahawa walaupun PPR ini murah dan kita kategorikan sebagai satu tempat atau satu rumah untuk transit, selepas itu mungkin barangkali mereka mendapat kemudahan atau kelebihan boleh beli rumah. Akan tetapi yang saya nampak sekarang kebanyakan rakyat yang duduk di sini orang yang berpendapatan rendah dan saya memohon supaya yang duduk di sana kita beri peluang untuk *rent to own*, sewa beli kerana ini adalah untuk membantu rakyat yang duduk di PPR tersebut.

Mengenai dengan kawalan, kita mahu supaya unit-unit atau penduduk-penduduk yang menghuni unit ini dapat dikawal. Kita tidak mahu bahawa unit-unit ini dipunyai atau didaftar atas nama orang lain tetapi orang lain yang tinggal. Ini akan membawa satu masalah kepada penghuni-penghuni yang lain yang memang memerlukan rumah. Jadi selain daripada itu, saya mengharapkan kerajaan yang ada sekarang ini, apa juga projek-projek untuk rakyat, untuk kepentingan rakyat keseluruhannya terutama sekali di negeri Sabah. Saya nampak di Sandakan begitu juga dapat diteruskan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Libaran. Saya sekarang menjemput Yang Berhormat Keningau, sila.

■1520

**3.20 ptg.**

**Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 040200 – Malaysian Petroleum Resources Corporation yang mana telah diperuntukkan tambahan hampir RM5 juta. Saya ingin meminta penjelasan atau minta diterangkan...

**Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]:** Tuan Pengerusi, dia salah kementerian.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Keningau sekarang bangun di bawah butiran mana?

**Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]:** Butiran...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sekarang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]:** Oh? Saya ingat tentang...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** So, silap masuk jalan lah. Tidak apa, saya maafkan. Nanti tunggu giliran. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kota Melaka.

**Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Nanti tanya pun dia tidak jawab kerana bukan di bawah bidang kuasa dia. Sila Yang Berhormat Kota Melaka.

### 3.21 ptg.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian. Saya merujuk kepada Butiran 00110 – PR1MA. Seperti yang kita maklum, penubuhan PR1MA adalah untuk merancang, membangun, membina dan juga untuk menawarkan satu perumahan yang berkualiti tinggi untuk penduduk yang berpendapatan sederhana.

Saya ingin bertanya kepada kementerian, berapakah projek PR1MA yang telah siap, yang telah diduduki dan berapakah projek yang masih lagi dibina dalam pembinaan? Juga, antara projek yang tengah dibina ini, berapakah yang menghadapi masalah iaitu ketinggalan daripada jadual? Apakah punca yang menyebabkan kerja-kerja ketinggalan ini? Sebab kita risau akhirnya dia akan menjadi projek terbengkalai.

Sebab di Melaka ada beberapa projek PR1MA yang saya pergi tinjau di mana kerja mereka sudah berhenti. Saya dimaklumkan kontraktor menghadapi *cash flow problem*, dengan izin, kerana tidak mendapat pembayaran daripada PR1MA. Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk menyelamatkan projek-projek sedemikian supaya matlamat PR1MA dapat dicapai?

Merujuk pula kepada Butiran 17400 – Projek Pembangunan Kampung Baru di mana sejumlah RM68 juta telah diperuntukkan untuk kampung baru. Kalau kita lihat di Malaysia ini, kita mempunyai lebih kurang 450 kampung baru. Kalau kita bagi secara purata, satu kampung baru hanya menerima lebih kurang RM150,000 sahaja. Jadi, angka ini saya berpendapat bahawa ia agak kurang untuk digunakan ke atas pembangunan di setiap kampung baru. Jadi di sini saya minta supaya kementerian dapat mengambil perhatian untuk memberi lebih peruntukan untuk pembangunan kampung baru ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih, Yang Berhormat Kota Melaka. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tumpat, selepas itu saya akan jemput Yang Berhormat Menteri jawab.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Parit Sulong pun hendak, Yang Berhormat.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Tuan Pengerusi, Kuala Krai.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Parit Sulonglah, satu sahaja butiran.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Bukan Yang Berhormat Tumpat. Kuala Krai.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Oh, Yang Berhormat Kuala Krai. Selepas Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Parit Sulong dan Yang Berhormat Rantau Panjang. Selepas Yang Berhormat Rantau Panjang, saya akan jemput Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila.

### 3.24 ptg.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ada dua persoalan. Pertama ialah B.43 Butiran 060400 – SPNB dan yang kedua ialah P.43 Butiran 00110 – PR1MA. Dua-dua projek ini ada saya difahamkan di Kuala Krai dan tahun lepas lagi telah dimasukkan ataupun telah diluluskan oleh pihak Majlis Daerah Kuala Krai untuk kelulusan projek ini. Akan tetapi, sehingga ke hari ini projek ini tidak dapat dilaksanakan dan mungkin isu yang sama dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Parlimen tadi iaitu berkaitan dengan isu *claim* daripada syarikat ini kepada pihak PR1MA yang tidak dapat dibayar menyebabkan projek ini tidak dapat dilaksanakan.

Jadi persoalan yang saya ingin kemukakan ialah apakah perancangan pihak kementerian untuk memastikan projek-projek yang telah diluluskan dan sebahagian itu telah pun ada pihak pembeli yang telah pun menandatangani projek ini untuk membeli daripada pihak syarikat ini untuk membeli rumah ini? Jadi sudah pasti perlu ada tindakan yang sebaiknya. Janganlah alasan semua projek yang telah dibekukan ini atas alasan tidak ada duit ataupun kantung negara yang kosong menyebabkan projek-projek yang telah pun diluluskan sebelum daripada ini untuk kepentingan rakyat ini dibekukan semua. Jadi, itu persoalan saya untuk dua perkara tersebut.

Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih, Yang Berhormat Kuala Krai. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Parit Sulong. Sila.

### **3.25 ptg.**

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Ada satu butiran sahaja yang saya hendak bangkitkan kali ini iaitu bagi Maksud P.43 Butiran 00110 iaitu berkaitan dengan PR1MA.

Saya cuma hendak mohon agar pihak kementerian untuk menjelaskan sejauh mana kajian ataupun satu mekanisme baharu yang dibuat oleh pihak PR1MA untuk penambahbaikan. Sebab, PR1MA ini satu projek yang saya kira memberi manfaat kepada ramai masyarakat, cuma perlu ada beberapa perkara yang perlu ditambah baik. Jadinya, adakah kementerian membuat kajian berkaitan dengan perkara ini dan sekiranya ada, apakah jenis penambahbaikan kepada apa yang telah dibuat berbanding dengan sebelum ini?

Soalan seterusnya pula, saya hendak minta juga kementerian untuk menyatakan mungkin berapa jumlah projek PR1MA untuk tahun ini, tahun 2018 ini, kalau boleh dikongsikan kepada kita di dalam Dewan ini.

Ada satu lagi perkara yang berkaitan dengan PR1MA ini yang saya hendak minta penjelasan. Apabila mereka membeli rumah ini, kadangkala ada satu cabaran yang dihadapi oleh pengguna ataupun oleh *the customer* of PR1MA, dengan izin, iaitu untuk mendapatkan pinjaman. Jadinya, apakah tindakan pihak kementerian mengenai perkara ini? Saya pernah mendengar ada satu skim yang dinamakan skim *Rent-to-Own* tetapi saya tidak pasti sama ada ianya boleh dituju pakai untuk program-program atau projek-projek PR1MA ini di mana kalau *Rent-to-Own* ini apabila tidak mendapat kelulusan daripada pihak bank, maka kerajaan ataupun kementerian akan mempertimbangkan boleh membantu mereka yang hendak mempunyai rumah-rumah ini sama ada ianya—saya minta penjelasan lebih lanjut daripada pihak PR1MA mengenai perkara ini sama ada ianya ada dibuat oleh pihak PR1MA. Sekiranya ada, mungkin boleh dibentangkan ataupun dikongsikan bersama kita di dalam Dewan yang mulia ini cara dan pendekatan bagi membolehkan lebih ramai lagi kumpulan sasaran yang kita sasarkan melalui projek PR1MA ini.

Terima kasih. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih, Yang Berhormat Parit Sulong. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rantau Panjang. Sila.

**3.28 ptg.**

**Puan Hajjah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih, Tuan Pengurus. Saya ingin menyentuh juga Maksud B.43 Butiran 040000 dan juga Butiran 070000 yang berkaitan dengan Projek Pembangunan Kampung Baru dan juga Projek Perumahan PR1MA.

Kita semua sedia maklum pelbagai masalah juga kita hadapi sebelum ini dalam isu perumahan PR1MA ini di mana di antaranya, sebagaimana yang disebut oleh rakan-rakan yang lain, iaitu isu masalah pinjaman yang tidak diluluskan. Kita mendapat makluman bagaimana laporan daripada Bank Negara, lebih daripada 60 peratus peminjam yang ingin meminjam ini ditolak.

Jadi saya minta penjelasan daripada pihak kementerian, setakat ini berapakah jumlah rumah-rumah yang telah dibina oleh PR1MA yang masih belum terjual oleh kerana bukan pemohon tidak mahu beli tetapi kelayakan pinjamannya ditolak oleh bank? Jadi macam mana kerajaan berusaha untuk mengatasi masalah ini?

Saya ingin tahu juga iaitu tentang projek-projek yang dibina terutama dalam kawasan Parlimen saya di Rantau Panjang. Saya lihat projek ini dibina di tapak yang memang kawasan risiko banjir yang sangat tinggi. Kita tahu tapak itu memang setiap tahun banjir tetapi projek ini seolah-olah tidak mengambil kira. Bayangkan kalau datangnya banjir, separuh rumah itu tenggelam banjir. Jadi macam mana pembeli hendak beli? Jadi ini menyebabkan lambakan rumah yang tidak berapa laku hendak dijual.

Jadi saya ingin tahu kedudukan status terkini macam mana sebab kita tidak mahu peruntukan yang begitu banyak dibazirkan kerana suasana, lokasi ataupun kedudukan— mungkin kerana kontraktor hendak dapat untung, hendak tinggikan tapak itu memerlukan kos jutaan ringgit. Mungkin atas dasar jimatkan kos, mereka bina di atas tapak tanpa ditinggikan. Akhirnya, kesannya, rumah tidak laku dijual dan orang tidak minat hendak beli bukan kerana tidak suka kepada rumah PR1MA tetapi kerana lokasinya yang tidak selamat. Itu satu.

**■1530**

Kedua tentang kampung baru ini, kita lihat di antara masalah utama juga dalam negara kita ini iaitu terutama di kawasan pedalaman iaitu kurangnya tempat-tempat rekreasi yang sesuai, yang mesra keluarga. Sedangkan kita sangat perlu untuk melahirkan keluarga yang sihat. Jadi sejaух mana dalam menentukan kesejahteraan

persekitaran yang baik ini pembinaan pusat-pusat rekreasi termasuk juga pusat ibadah seperti surau, masjid dijadikan keutamaan. Saya ingin tahu peruntukan khususnya untuk Kelantan dan juga kawasan Parlimen saya untuk memastikan supaya projek-projek untuk membina keluarga yang sihat ini dapat dilaksanakan.

Saya beri contoh dalam kawasan saya di sempadan, sebab saya berada di sempadan Thailand. Ramai di kalangan penduduk, mereka mencari tempat rekreasi yang selesa, ada yang pergi ke sebelah Golok, Thailand kerana untuk mereka buat aktiviti dan sebagainya kerana suasana yang lebih selesa dan menarik. Jadi saya harapkan peruntukan diberikan keutamaan terutama di kawasan-kawasan yang pedalaman seperti kawasan saya juga untuk memastikan supaya rakyat kita lebih selesa. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang, setakat ini jumlah 19 Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam Perbahasan, 11 mewakili pihak pembangkang dan lapan mewakili pihak kerajaan. Sekarang saya jemput Menteri untuk menjawab, sila. Masa 30 minit.

### 3.32 ptg.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrain Shah bin Raja Ahmad]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Seperti yang dikatakan oleh Tuan Pengerusi tadi, lebih kurang 40 soalan telah dikemukakan oleh pelbagai pihak, tentang isu-isu di bawah perumahan iaitu banyaknya berpusat tentang isu perumahan PR1MA dan ada juga sebahagian besar di bawah Kampung Baru. Jadi diberikan waktu setengah jam saya rasa mungkin saya tidak akan dapat menjawab sepenuhnya lebih kurang 40 soalan, tetapi saya akan mulakan dengan memberikan jawapan umum tentang PR1MA dan juga Kampung Baru. Bila ada masa yang lebih saya akan pergi satu per satu, mana yang saya sempat mengikut *breakdown* yang telah disebutkan tadi.

Sebagai permulaannya saya ingin mengatakan di sini bahwasanya kami dalam proses mengambil alih PR1MA daripada Jabatan Perdana Menteri, di mana kami di dalam *transitional period*. Akan tetapi, walau bagaimanapun kami telah mendapat banyak maklumat-maklumat yang mungkin akan beri satu gambaran yang kurang positif *background* pelaksanaan PR1MA. Ini kerana memang banyak *expectation* dengan izin, oleh rakyat kerana ini merupakan projek mampu milik tetapi ada juga yang menyatakan bahwasanya walaupun ia merupakan projek mampu milik tetapi, tidak ramai yang

mampu memiliki atau membeli rumah-rumah ini atas sebab-sebab tertentu. Bukan hanya dari segi pembelian yang tidak mampu tetapi juga dari segi pencapaian unit yang dibina tidak sebaik yang dijangka.

Untuk memberi gambaran mungkin saya akan beri *overall picture* tentang unit-unit yang telah dibina seperti apa yang telah di minta oleh beberapa orang daripada mereka yang menyoal tadi iaitu, dari segi projek siap bina, di setiap negeri, seperti di Kedah 3,341 unit, Kelantan 125 unit, Putrajaya 560 unit, Kuala Lumpur 2,275, Johor 1,186 unit, Perak 6,403 unit, Melaka 706, Negeri Sembilan 18, Perlis 231, Selangor 545, Sabah 748 dan Sarawak 544 unit. Jumlah besarnya adalah 16,682 unit. Ini adalah pencapaian daripada tahun PR1MA dimulakan tahun 2013 hingga tahun 2018.

Kita perlu ingat bahwasanya *target* keseluruhan adalah untuk mencapai 1 juta unit pada tahun 2020 iaitu hanya dua tahun lagi. Akan tetapi pencapaiannya hanya 16,682 iaitu lebih kurang 1.6 peratus sahaja. Itulah gambarannya dari segi pencapaian unit-unit yang telah dibina dengan siap, kerana apa yang kita faham setakat ini apabila kami mengambil alih atau di dalam proses mengambil alih, peruntukan yang telah digunakan adalah RM8 bilion. Ini menunjukkan satu situasi yang mungkin akan menimbulkan banyak kemosyikilan, bagaimana begitu banyak wang yang telah diperuntukkan tetapi unit yang dibina sehingga sekarang hanya 1.6 peratus atau 16 ribu unit. Ini sepatutnya memberikan gambaran masalah yang kami hadapi. Kami di pihak KPKT akan meneliti di manakah masalah-masalah yang dihadapi oleh PR1MA dari segi *target*-nya, strukturnya dan bagaimana kami harus menyusun semula atau menstrukturkan semula untuk mengemaskin balik pelaksanaan ini.

Baik, dari segi pembinaan secara ringkasnya, di dalam 14 negeri dalam proses pembinaan adalah 130 projek ialah lebih kurang 131 ribu unit. Itu dari segi perancangan. Yang telah diluluskan adalah lebih kurang 268 ribu unit yang telah diluluskan secara dasar. Namun ini juga perlu kita kaji balik apabila kita melihat dari segi keadaan situasi terperinci projek-projek PR1MA yang telah dilaksanakan setakat ini.

Dari segi apa yang kita nampak, Projek PR1MA ini adalah ia sepatutnya merupakan projek mampu milik dan sudah tentunya mereka-mereka yang ingin membeli perlu diberi satu kelonggaran atau satu kemudahan untuk mendapat pinjaman, untuk membolehkan mereka memiliki rumah ini. Seperti apa yang ditanya oleh seorang Ahli Dewan tadi, adalah adakah kementerian memberi satu tumpuan untuk meminta bank dan *financial institution* untuk memudahkan lagi pinjaman ini. Jawapannya memang ada. Kami juga telah berbincang dengan pihak *financial institution* untuk memudahkan

pinjaman dari segi bukan hanya pembeli utama tetapi juga mereka-mereka yang memegang pekerjaan kedua atau ketiga, boleh juga diambil kira dalam pendapatan mereka untuk membolehkan mereka *eligible* dari segi pendapatan mereka untuk mencukupi peruntukan pencapaian kewangan mereka agar layak untuk pinjaman tersebut.

Kedua, dari segi mekanisme, seperti juga yang telah disebut, kami di kementerian sekarang ini mengambil pandangan yang amat berat tentang perlunya ada *central data system*, atau apa yang boleh dikatakan *integrated data* untuk membolehkan kita memahami di mana keperluan rumah-rumah yang diperuntukkan di bawah PR1MA dan dari jenis apa, dua bilik, tiga bilik dan sebagainya. Serta kemampuan pihak-pihak yang terletak di kawasan-kawasan tertentu dari segi *buying power* mereka. Ini adalah satu perkara yang kami fikir sepatutnya telah di uruskan lebih lama dahulu kerana ini akan mengelakkan dari segi berlakunya pembaziran. Kalau terdapat projek-projek terbengkalai kerana rumah yang dibina di kawasan tertentu tidak sesuai dari segi kemampuan, dari segi *design* dan sebagainya.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** [Bangun]

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad:** Satu lagi perkara yang kita dapat amat mendukacitakan bukan hanya di bawah PR1MA seperti juga perumahan-perumahan lain untuk mampu milik dan rakyat termiskin adalah mereka yang betul-betul mengharapkan dan juga sangat-sangat memerlukan rumah untuk dimiliki kali pertama tidak mendapatkan pertimbangan kerana tidak ada *central data system*. Jadi mereka yang sudah memiliki rumah mampu milik untuk rakyat termiskin kadang kalanya memiliki tiga, empat kali kelulusan tetapi mereka yang menunggu berpuluhan tahun masih menunggu.

#### ■1540

Itulah pentingnya di dalam sistem yang kita hendak adakan di bawah kementerian kita untuk menggunakan *central data system* ini untuk menjamin bahawa *delivery system* dan juga pengagihan rumah-rumah ini dapat dicapai seadil-adilnya. Silakan Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Rantau Panjang, silakan.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Dari sudut *design* rumah itu, apakah dasar yang telah dibuat setakat ini – sekurang-kurangnya semua rumah PR1MA kita mempunyai tiga bilik tidur. Sepatutnya ini menjadi satu dasar kerajaan.

Saya kira sebelum ini memang kita di Kelantan sudah lama menggunakan dasar tiga bilik rumah – satu bilik untuk ibu bapa, satu bilik untuk anak perempuan dan satu bilik untuk anak lelaki. Ini sangat penting untuk kesejahteraan, walaupun rumah itu kecil. Jadi apakah perkara ini dilaksanakan dalam dasar perumahan PR1MA. Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila Menteri.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Ya, ini adalah satu aspek yang agak – amat-amat penting ataupun kritikal di dalam perkiraan untuk mengadakan rumah-rumah mampu milik. Pihak kementerian kami telah mengambil pendekatan untuk mengkaji situasi perumahan atau sistem perumahan yang paling relevan pada kita. Contohnya, baru-baru ini Menteri KPPT telah melawat jiran kita di Singapura kerana Singapura mempunyai *housing development*, HDB Flat yang di antara terbaik di Asia dan mungkin juga di antara terbaik di dunia.

Akan tetapi boleh dikatakan sebelum ini banyak kajian dilakukan di skim perumahan di barat dan sebagainya yang tidak sesuai seperti yang Yang Berhormat menyatakan tadi. Kita mempunyai *extended family* atau keluarga yang agak besar dan tidak sesuai kalau dikaji dengan model di Eropah. Ini adalah satu daripada pendekatan yang kita ambil untuk melihat apakah sistem yang paling dekat yang bukan hanya boleh dilihat tetapi boleh dicontohi dari segi keberkesanannya *socially* dan juga *economically*.

Ini kerana kalau kita tengok di Singapura rakyat-rakyat mereka berbilang kaum tetapi orang Melayu dan Islam juga begitu senang untuk mengendalikan kenduri-kendera, kematian dan sebagainya walaupun tinggal di dalam *flat*. Akan tetapi ini tidak begitu ketara di dalam *flat-flat* yang ada di dalam Malaysia sendiri. Ini sebagai satu contoh.

Salah satu lagi sebabnya kami mengkaji model-model di tempat yang agak ada sistem yang *successful* adalah dari segi keluasan seperti Yang Berhormat katakan tadi bahwasanya kita akan cuba mencari satu formula bahwasanya kita dapat membina rumah yang lebih selesa iaitu sekitar satu ribu kaki persegi. Itu merupakan satu keluasan yang agak munasabah walaupun ia dua bilik atau tiga bilik – keluasan yang lebih kritikal kerana dalamannya boleh diubahsuai.

Dalam masa yang sama juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah menyarankan kita masih kena cuba menurunkan lagi kos rumah-rumah ini walaupun sekarang ini mampu milik boleh dikatakan kosnya lebih kurang RM300 ribu. Akan tetapi

kami masih berusaha untuk menurunkannya kepada RM250 ribu. Ini adalah proses yang kita sedang berusaha kerana ini adalah untuk membolehkan lebih ramai mereka-mereka yang mempunyai masalah mendapat pinjaman kewangan, mendapat *financing* daripada bank dan juga *financial institution* yang mereka hampiri.

Salah satu lagi faktor yang kita mesti ambil kira sekarang ini adalah kerajaan telah mengambil langkah – Kerajaan Persekutuan mengambil langkah untuk cuba menurunkan kos pembinaan bangunan-bangunan mampu milik dan sebagainya dengan mengecualikan daripada cukai SST. Akan tetapi ini dengan bersendirinya tidak boleh meyakinkan atau menjamin kos-kos pembinaan atau kos yang disediakan untuk unit-unit ini boleh diturunkan kalau pihak-pihak lain tidak mengambil peranan atau mengambil tanggungjawab bersama.

Contohnya kerajaan-kerajaan negeri dan juga kerajaan tempatan dari segi premium tanah dan sebagainya perlulah juga diambil kira *contribution*. Dari segi untuk pembangunan, *local authorities* dan sebagainya perlulah juga diambil kira. Dari segi infrastrukturnya, kita juga mengambil pendekatan bahwasanya kerajaan juga mesti memberi sumbangan untuk membantu menurun kos pembinaan rumah-rumah mampu milik ini. Ini adalah satu lagi daripada kajian balik yang kita sedang buat. *Insya-Allah* akan dimasukkan di dalam Polisi Perumahan Malaysia yang baharu yang akan dibentangkan di dalam sebulan lagi. *Insya-Allah* ya.

Dari segi Kampung Baru pula, saya ingin menambah di sini apa yang disebutkan oleh salah seorang daripada...

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** Tuan Pengerusi, sebelum Kampung Baru itu saya hendak tanya beberapa pandangan PR1MA.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Tadi Yang Berhormat Kemaman tidak ambil bahagian dalam perbahasan.

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** Tidak.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Adakah Yang Berhormat Menteri hendak benarkan?

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** Boleh hendak tanya? Tambahan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya, terpulang kepada Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad:** Kalau pendek bolehlah.

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** *Insya-Allah*.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey ringkas.

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** Saya hendak tahu – hendak dapatkan pengesahan berhubung dengan status perumahan yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Terengganu sebelum ini iaitulah pada tahun 2016. Satu cadangan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ketika itu mencadangkan supaya syarikat perumahan yang dicadangkan sebanyak 300 unit rumah PR1MA yang akan dibina di Kijal, Kemaman ini akan diserahkan kepada sebuah syarikat daripada China, *Sunny Group China*. Jadi saya hendak pastikan apakah projek ini berjalan ataupun tidak? Sekian.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat, saya pun hendak menanya juga mengenai PR1MA.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** PR1MA juga.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Okey, terima kasih. Tadi dalam jawapan Yang Berhormat, Yang Berhormat ada menyatakan juga mengenai ada perbincangan antara pihak kementerian bersama dengan bank-bank untuk memudahkan proses untuk mendapatkan pinjaman daripada bank-bank tersebut untuk membantu pengguna ataupun yang akan membeli rumah-rumah tersebut. Cuma saya dalam perbahasan tadi saya bangkitkan ada satu perkara yang dinamakan *rent-to-own*. Yang Berhormat menyatakan tadi, adakah ianya *totally like that* atau – semua macam itu atau pun kerajaan akan buat supaya dia membayar dahulu secara bulanan dan kemudian lima tahun ataupun 10 tahun, kemudian dijadikan sebagai sudah rumah itu kepunyaan individu ataupun keluarga tersebut.

Saya agak – minta penjelasan mengenai perkara ini dengan lebih lanjut. Apa maksud Yang Berhormat telah berbincang? Adakah berbincang dari segi memudahkan kah ataupun berbincang untuk memudahkan untuk terus pinjam ataupun lagi satu yang *rent-to-own* yang seperti yang saya nyatakan tadi. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila Menteri.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad:** Untuk menjawab Yang Berhormat daripada Kemaman tadi, sebenarnya apa yang disebut oleh Yang Berhormat ini adalah di bawah kerajaan negeri dan bukan di bawah PR1MA. Saya rasa perlulah dirujuk kepada pihak yang berkenaan. Akan tetapi bagaimanapun kita akan cuba melalui kementerian juga untuk mengambil sedikit maklumat tentang apa yang kita dapat dalam sistem kita.

Menjawab kepada soalan Yang Berhormat Parit Sulong tadi, memang kita telah melihat kepada segala opsyen yang sesuai yang boleh diserapkan di dalam sistem untuk

membolehkan seramai mungkin mereka menjadi *eligible* untuk permohonan pinjaman ini. *Rent-to-own* ini kita juga masih meneruskan untuk mengkaji dan cuba mencari cara yang terbaik. Kita juga ingin membuat satu perjanjian yang lebih konsisten kerana ada masanya kami dapat ada tempat-tempat tertentu di mana *rent-to-own* juga tidak diadakan satu tempoh yang tetap.

Maknanya mereka diminta bayar *rent-to-own* – caranya tetapi tidak ada tempoh bila mereka akan dibenarkan memasuki perjanjian untuk membeli terus. Ini adalah satu juga kelonggaran yang kami perlu perketatkan.

Pergi kepada Kampung Baru tadi, Yang Berhormat Beruas telah menyebut tentang dua kampung yang berdekatan dengan Kampung Koh di mana struktur kampung tersebut perlu dilihat dari segi *heritage*-nya.

#### ■1550

Saya amat bersetuju bahwasanya tiap-tiap komuniti yang dibangunkan atau dimajukan perlulah mengekalkan warisan yang mereka sedia ada. Ini akan membuat komuniti tersebut *sustainable* bukan sahaja dari segi kepuasan masyarakat tersebut tetapi juga dari segi aspek pelancongan di mana apabila ada satu *characteristic* pelancongan dengan izin yang ada di dalam sesbuah kampung itu, akan membawa satu daya tarikan untuk memberi pulangan lebih kepada kampung-kampung yang berkenaan.

Yang Berhormat juga ada menyebut, saya ingat dua tiga orang Yang Berhormat menyebut tentang Pasar Tradisi atau yang lebih ... pasar kita di mana pembinaannya perlu dibuat secara berhemah dan lebih berhati-hati. Saya amat bersetuju, saya rasa kementerian pun akan mengambil pendekatan yang sama kerana kita telah lihat banyak pasar-pasar tradisi yang telah dirombak yang dibina semula tidak berjaya, malahan menjadi gagal. Oleh kerana itulah salah satu pasar di Terengganu yg kita amat sayangi iaitu Pasar Payang, kita tidak bercadang untuk membenarkannya untuk dirobohkan, tetapi dibina secara peringkat-peringkat. Ini saya rasa juga dengan izin *applicable* kepada pasar-pasar tradisi di kampung-kampung kecil. Oleh kerana itulah *bread and butter* atau tradisi yang dipegang oleh rakyat di kampung tersebut.

Yang Berhormat Kuala Kangsar tadi, untuk Pelan Pembangunan Kampung Baru Melayu Kuala Lumpur, ini tidak termasuk di bawah kita sebenarnya. Kampung baru yang dimaksudkan ialah bukan Kampung Baru di sini, tetapi adalah kampung baru di kawasan luar bandar atau di desa.

Menjawab tentang soalan daripada Yang Berhormat Libaran, Projek PR1MA di Sandakan masih diteruskan dan sedang dalam pembinaan yang dijangka siap seperti yang dijadualkan. Beralih kepada pelaksanaan 2 juta rumah mampu milik daripada

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya Yang Berhormat Libaran.

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Terima kasih lah atas kenyataan bahawa PR1MA di Sandakan itu diteruskan demi untuk rakyat. Tetapi yang saya sebutkan dalam ucapan tadi ialah PPR yang sedang dalam pembinaan tetapi pada hari ini agak tergendala sedikit. Saya mahu pihak kementerian memaklumkan masalah-masalah yang berlaku dan kami juga mengharapkan agar bukan PPR ini sahaja, tetapi PPR yang di lain-lain tempat ini dapat diteruskan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad:** Terima kasih. Baik. Soalan kepada Yang Berhormat daripada Ipoh Timur, naik taraf pasar awam. Berdasarkan semakan, tiada peruntukan bagi naik taraf Pasar Awam Chowrasta Pulau Pinang pada tahun ini. Permohonan ini bolehlah dimohon melalui PBI kepada KPKT.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Minta pencerahan. Cuma pihak Timbalan Menteri saya hendak memperbetulkan sedikit fakta. Bukan saya hendak memohon peruntukan untuk Market Chowrasta tetapi dalam perbahasan saya tadi saya cuma kata pendekatan yang digunakan untuk *market* Chowrasta, boleh digunakan untuk *market-market* yang lain. Saya tadi meminta tadi supaya peruntukan diberikan kepada dua pasar di kampung baru di kawasan saya, Kampung Simee dan juga Kampung Pasir Pinji.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Menteri.

**Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad:** Terima kasih. Baik, *take note*. Menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Alor Setar, tentang projek terbengkalai ialah di bawah peranan Jabatan Perumahan. Kita memudah cara, penyelarasan usaha pemulihan dan pemeliharaan isu projek ini, mengkaji dan menentukan daya maju projek tersebut. Kami juga menyediakan pelan pemulihan, memantau pelaksanaan projek oleh pemaju asal sehingga siap.

Saya ingin menyentuh tentang projek PR1MA. Saya balik sedikit kepada projek PR1MA. Telah disebut tadi tentang kenapakah banyak projek-projek PR1MA terbengkalai dan bermasalah? Saya rasa ini timbul daripada aspek pengawasan. Telah

ditanya kenapa pegawai-pegawai pemantau tidak menjalankan peranan mereka seperti sepatutnya.

Sebenarnya di dalam proses pembinaan, memang ada satu peraturan di mana konsultan-konsultan, baik Jurutera atau Arkitek diberi tugas untuk memantau sepenuh masa. Akan tetapi ada kalanya, apabila projek ini diberi terus kepada pemborong atau kontraktor melalui *developer*, perkara ini tidak dilaksanakan. Saya rasa ini juga kita perlu serapkan di dalam pendekatan KPKT yang akan kami bentangkan dalam waktu terdekat di mana pengawasan atau *standing supervision* perlu diwajibkan. Oleh kerana inilah yang akan menimbulkan banyak masalah projek-projek terbengkalai, projek-projek yang mempunyai begitu banyak *defect* yang menimbulkan banyak pertelingkahan dan juga masalah dari segi penduduk yang tinggal dan menghuni di dalam unit-unit yang kononnya telah disiapkan.

Agaknya saya mempunyai 20 soalan lagi yang mesti jawab.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Jika tidak sempat boleh bagi jawapan bertulis.

**Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad:** Jadi saya akan pilih mana yang saya rasa boleh kita teruskan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ini terpulang kepada kebijaksanaan Menteri.

**Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad:** Okey. Tentang pengurusan yang saya akan sentuh sekali lagi. Soalan daripada Yang Berhormat Kampar. Masalah Badan Pengurusan Bersama yang saya hendak sambung tadi. Akta PR1MA 2012, mempunyai kuasa selaku *Council Regulators* yang mana membenarkan PR1MA membina dan mengawal selia kediamannya. Dari segi konsepnya, begitulah. Tetapi ada kalanya apabila ia diserahkan kepada pemaju, perkara ini tidak berlaku *on the ground*. Oleh kerana itulah kami perlu mengetatkan kuasa ini untuk pihak-pihak berkenaan diwajibkan menjalankan tugas mereka sepenuhnya. Kalau ada kecuaian atau kemungkinan daripada pihak berkenaan bolehlah dilaporkan kepada badan-badan profesional jurutera, arkitek dan sebagainya.

Jawab kepada Yang Berhormat Beruas, peruntukan Pasar Awam Jalan Senawi, Setiawan, Perak. Untuk makluman Yang Berhormat Beruas, berdasarkan semakan peruntukan Pasar Awam Jalan Senawi, Jalan Perak tidak ada dalam senarai kelulusan kami untuk tahun 2018. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat boleh mengemukakan permohonan melalui PBT kepada KPKT.

Jawab kepada Yang Berhormat Alor Setar, perkara tentang bantu golongan bawahan untuk beli rumah. Bagi kediaman PR1MA, permohonan dibuka kepada pemohon yang belum memiliki rumah atau pemohon yang mempunyai satu hartanah. Keutamaan diberi kepada pemohon yang belum memiliki rumah. Sekali lagi saya ingin menekankan tidak ada cara kita untuk memastikan ini berlaku tanpa *Central Data System*, itulah pentingnya.

Kemudahan kepada pembeli rumah pertama juga disebut tadi. Berkenaan tentang pinjaman bank pula, PR1MA mempunyai kemudahan dengan kerjasama Bank Negara dan KWSP. Skim ini dinamakan Skim Pembiayaan Fleksibel PR1MA dan skim ini membantu pembeli mendapatkan pembiayaan dengan bayaran bulanan yang lebih rendah dan nilai pinjaman yang lebih tinggi berbanding dengan bank-bank biasa. Ini adalah salah satu daripada kemudahan yang kami telah aturkan untuk pembeli-pembeli di bawah Skim PR1MA.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Menteri?

**Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad:** Ya.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Boleh tanya soalan?

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Dia ada 2 minit 30 saat sahaja.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** 1 saat.

**Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad:** Saya rasa tadi Yang Berhormat Pasir Salak tidak mengambil bahagian.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Minta 1 saat boleh?

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Tadi Yang Berhormat Pasir Salak tidak terlibat dalam pendebatan dan perbahasan. Untuk berlaku adil, Yang Berhormat Menteri jawab dahulu bagi mereka yang bertanya.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Okey.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak.

■1600

**Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad:** Saya ingin menjawab Yang Berhormat Rantau Panjang berkenaan isu pinjaman. Sehingga kini PR1MA berjaya menjual hampir 1,000 unit sebulan. Pada masa ini, 42,000 unit ditawarkan kepada pembeli dan sedang dalam proses jualan. Lebih kurang hampir 20,000 unit yang telah

dijual dan pembeli yang menghadapi kesukaran pembiayaan boleh mendapatkan Skim Pembiayaan Fleksibel.

Menjawab Yang Berhormat Pasit Sulong, penambahbaikan PR1MA. Antaranya ialah PR1MA akan disesuaikan dengan Dasar Perumahan Kerajaan seperti penubuhan agensi tunggal dan ini akan di-elaborate-kan, dengan izin dalam apa yang kami akan bentangkan pada bulan hadapan.

Menjawab tentang pertanyaan oleh Yang Berhormat Kota Melaka, yang memohon supaya peruntukan pembangunan di Kampung Baru ditambah. Kementerian mengambil maklum akan pandangan Yang Berhormat dan akan memberi pertimbangan terhadap perkara ini.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Tuan Pengerusi. Rompin belum jawab. Kalau tidak, jawab bertulis pun saya boleh terima. Rompin.

**Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad:** Ini kerana banyak sangat kertas atas meja ini. Saya tidak jumpa. *[Ketawa]* Sampai saya kena pakai dua meja. Nasib baik

...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ini saya maklum. Siapa yang tidak sempat jawab, nanti Yang Berhormat Menteri berikan jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Rompin.

**Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad:** Dua meja pun tidak muat lagi ini.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya. Lebih 40 isu telah dikemukakan dalam tempoh perbahasan.

**Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad:** Okey, menjawab Yang Berhormat Rasah, cara mengagihkan RM68 juta dan agensi yang dinamakan dengan tanggungjawab tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan RM68 juta sebenarnya adalah baki peruntukan pada 30 Jun 2018, bukannya peruntukan tambahan. Peruntukan ini akan dibuat semakan semula oleh kementerian dan akan diagihkan mengikut keperluan kampung.

Tentang penggunaan peruntukan RM9 juta di bawah Butiran 070100, peruntukan ini adalah untuk kegunaan pembayaran emolumen kakitangan bahagian Kampung Baru, kos operasi bahagian dan juga bayaran elauan kakitangan awam MPKK. Peruntukan ini juga adalah baki peruntukan setakat 30 Jun 2018 dan bukannya peruntukan tambahan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya.

**Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad:** Jadi saya rasa yang selainnya *insya-Allah* saya akan kemukakan secara bertulis. Akan tetapi saya hendak rumuskan

...

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Termasuk Kuala Krai, Yang Berhormat Menteri.

**Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad:** Ya?

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Termasuk soalan Kuala Krai tadi.

**Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad:** Ya, *insya-Allah*. Saya rasa ada atas meja ini di mana.

Saya ingin rumuskan, menyatakan sekarang ini kami telah diamanahkan empat lagi badan atau agensi kerajaan yang mengendalikan perumahan untuk disusun semula dan di bawah dasar perumahan baharu, *insya-Allah* kita akan cuba membuat satu rangka yang lebih konsisten, yang boleh *deliver the system* yang lebih mantap *to ensure that* mereka yang betul-betul memerlukan dan berhak menerima rumah mampu milik dan termiskin, boleh mendapat rumah mereka dengan *central data system* ini. Saya rasa *the key question, the key issue* adalah untuk kita mengadakan satu sistem maklumat yang betul-betul tepat dan memberi gambaran keseluruhannya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya.

**Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad:** Saya pohon izin untuk ...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Menyokong.

**Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad:** Menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM34,864,060 untuk Maksud B.43 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM34,864,060 untuk Maksud B.43, diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM443,087,106 untuk Maksud P.43 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

[Wang sebanyak RM443,087,106 untuk Maksud P.43 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018]

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Maksud B.45 [Jadual] -**

**Maksud P.45 [Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018] –**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.45 dan Kepala Pembangunan P.45 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Parit Sulong.

#### **4.05 ptg.**

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Bagi Maksud P.45 Kementerian Belia dan Sukan ini ada satu butiran yang saya hendak bangkitkan iaitu Butiran 00119. Ini berkaitan dengan projek Pembangunan Biro Tatanegeara. Baru-baru ini ada pengumuman yang telah dibuat, yang telah dilaporkan lebih kurang kalau tidak salah saya dua hari yang lepas, menyatakan bahawa kerajaan mengumumkan terdapat pembubaran Biro Tatanegeara (BTN) yang berkuat kuasa secara serta-merta. Jadinya bila saya tengok di sini pula, ada peruntukan yang telah di-allocate-kan untuk projek Pembangunan Biro Tatanegeara.

Jadinya soalan saya berkaitan dengan perkara ini adalah sebenarnya peruntukan ini ditujukan untuk apa dan mengapa ia diadakan? Bila sudah dibubarkan serta-merta bermaksud tidak perlunya ada lagi secara langsung yang berjumlah RM1.4 juta ini. Sekiranya waktu ketika ini belum ada keputusan dan selepas dua hari lepas ada keputusan, ke mana pula hendak letak RM1.4 juta yang dinyatakan seperti di dalam Butiran 00119? Saya minta penjelasan daripada pihak kementerian mengenai perkara ini, jumlah ini untuk apa dan mengapa perlu ada lagi di dalam Kertas Perintah 5 yang diberikan kepada kita semua? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Ipoh Timur. Silakan.

**4.07 ptg.**

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Ya terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membangkitkan juga di bawah Butiran 07010 dan juga P.45 Butiran 00119 berkenaan dengan Biro Tatanegara juga.

So, saya percaya bahawa Menteri KBS sebelum ini telah pun menyatakan bahawa Biro Tatanegara akan dibubarkan tetapi akan digantikan dengan satu badan ataupun agensi yang baharu. Soalan saya kepada pihak Menteri Belia dan Sukan adalah, bagaimanakah pihak kementerian dapat menjamin bahawa badan ataupun agensi yang akan ditubuhkan nanti akan menepati sasaran dan tujuannya dan bukan semata-mata untuk tujuan politik? Itu nombor satu.

Nombor dua, di bawah Maksud P.45 Butiran 96200 – Program 1M4U yang mana penguntukan semula peruntukan perbelanjaan tahun 2018 sebanyak RM3.75 juta akan diperuntukkan. Juga saya merujuk kepada kenyataan daripada Menteri KBS beberapa hari yang lepas yang mana beliau menyatakan bahawa program 1M4U ini sebelum ini telah pun disalahgunakan dan kebanyakan program yang dianjurkan adalah bukan untuk 1M4U, dengan izin tetapi untuk 'I Love PM'.

So ini merupakan satu kenyataan yang serius dan saya juga ingin mendapatkan penjelasan dan juga pencerahan daripada Menteri KBS berkenaan dengan bagaimana kementerian sekarang boleh memastikan bahawa program 1M4U yang mungkin akan dilanjutkan ini dan diteruskan ini dapat mencapai sasaran asalnya? Bagaimanakah sekiranya ia melibatkan apa-apa peruntukan luar kepada mana-mana kontrak sama ada proses pelantikan kontrak itu akan dipertimbangkan ataupun diperbaiki semula?

So, itu dua perkara yang saya hendak bangkitkan pada petang ini. Sekian daripada saya, terima kasih Tuan Pengerusi.

**■1610**

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kuala Kangsar.

**4.10 ptg.**

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pergi ke Butiran 96200 – Program 1M4U. Kita lihat misi 1M4U ini ada beberapa elemen. Kita lihat ada semangat kesukarelawan. Kedua, semangat cinta akan negara. Ketiga, dalam kalangan belia di seluruh Malaysia mengadakan, terlibat aktiviti kemasyarakatan selain dinilai dari segi akademik. Akhir sekali, yang terpenting adalah membantu orang ramai secara sukarelawan.

Kalau kita membezakan belia di Malaysia dan juga di seluruh dunia ada satu perkara *a missing link* dengan izin di kalangan belia Malaysia iaitu semangat kesukarelawan secara spontan ataupun secara natural. Saya mohon Yang Berhormat Menteri mencari satu formula mencetus satu psikologi sukarelawan di kalangan belia Malaysia. Saya melihat psikologi sukarelawan ini ada empat nilainya iaitu sistem nilai peribadi, satu. Kedua, keprihatinan hal-hal kemasyarakatan, peka. Ketiga, harga diri pada seseorang belia itu. Keempat, mahu membina negara.

Sekiranya kita cetuskan psikologi sukarelawan ini secara serius dan kita terapkan setiap kali Yang Berhormat Menteri turun ke padang dan bercerita pasal perkara ini, ini adalah satu *niche* ataupun satu kebangkitan, kita boleh usahakan di kalangan belia-belia kita. Kita tidak boleh memaksa orang muda sekarang, kita harus menggunakan usaha-usaha, nilai-nilai yang rasional supaya mereka memahami *the way forward* untuk negara.

Saya juga difahamkan Yang Berhormat Ipoh Timur tadi melihat kenyataan Yang Berhormat Menteri secara negatif. Saya lebih suka sekiranya kita semua Ahli Parlimen di dalam Dewan ini, kita melihat sesuatu kenyataan mana-mana Menteri itu daripada perceptif positif. Saya ingin kongsi dengan Yang Berhormat Ipoh Timur bahawa ketika saya membaca kenyataan Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan, saya melihat ini *if I could share with you my dear Yang Berhormat Ipoh Timur.*

Sasaran Yang Berhormat Menteri adalah memastikan majoriti belia melakukan aktiviti kesukarelawan sekurang-kurangnya sehari setiap minggu. Mohon Yang Berhormat Menteri nyatakan apakah bentuk aktiviti itu kalau sehari setiap minggu. Adakah ia menepati budaya dalam *locality* anak-anak muda di kawasan itu misalannya di Kuala Kangsar, *biking* dan juga hal-hal yang berkaitan dengan *fishing* dekat dengan kawasan-kawasan air adalah perkara yang disukai. Kita tidak boleh membuat sesuatu seperti aktiviti perdana keseluruhan untuk seluruh negara tanpa melihat secara mikro di kawasan-kawasan belia tersebut.

Saya juga harap modul-modul yang akan dilaksanakan mempunyai ciri-ciri ketimuran dan mengambil kira penularan negatif, liberalisme yang melampau serta menjadikan Rukun Negara sebagai teras utama dalam apa sahaja modul aktiviti. Saya meraikan usaha-usaha yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri tetapi kita harus ingat kita adalah negara timur dalam masa yang sama kita meraikan keantarabangsaan belia-belia kita. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Pasir Gudang.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Pasir Gudang, silakan.

#### 4.14 ptg.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya ingin merujuk kepada Butiran 060200 – Latihan PLKN. Saya mempunyai pandangan yang sama dengan Yang Berhormat Parit Sulong iaitu berasa hairan bagaimana butiran mengenai PLKN ini ada di sini seperti mengikuti khabarnya program ini sudah ditamatkan dan jumlah di sini besar kepada Yang Berhormat Menteri, RM65,863.592 ya, besar.

Jadi saya hendak timbulkan soal PLKN ini begini. Program Latihan Khidmat Negara, saya dari kawasan Pasir Gudang, kami berjiran dengan Singapura hanya dipisahkan oleh air selat Johor. Bukan semua di Singapura itu baik, bukan semuanya baik tetapi banyak juga perkara yang boleh kita contohi dari Singapura itu yang baik-baik. Satu daripada contohnya ialah khidmat negara mereka. Anak-anak muda mereka dilatih di bawah *national service* yang kita boleh lihat kerajaan Singapura membelanjakan wang yang banyak untuk melatih belia-belia mereka di bawah *national service* dengan izin, khidmat negara. Kita pun ada di sini.

Wang yang mereka laburkan itu tidak membazir. Saya tidak kata apa di Malaysia ini yang kita laburkan dalam PLKN ini membazir tetapi kalau boleh kita optimumkan wang yang telah kita belanjakan itu. Kalau kita lihat dalam laporan ini besar jumlahnya. Jadi saya mencadangkan kepada pihak kementerian, telah beribu-ribu pelatih-pelatih PLKN ini dilatih. Kalau program ini tidak diteruskan pun tetapi yang telah dilatih ini beribu-ribu, sudah berpuluhan-juta telah dibelanjakan. Saya mencadangkan seperti di Singapura iaitu pelatih-pelatih yang dilatih melalui khidmat negara ini selepas mereka *graduate*, selepas selesai program mereka diserapkan ke dalam pasukan-pasukan beruniform dalam perkhidmatan Singapura seperti tentera, polis, kastam, bomba dan sebagainya dan diberi ikatan iaitu berkhidmat untuk negara mereka dalam pasukan beruniform ini untuk satu tahun, dua tahun selepas itu kemudian bolehlah tentukan kerjaya mereka selepas itu. Akan tetapi maknanya terikat iaitu selepas *national service* itu, mereka mesti berkhidmat dalam pasukan beruniform negara.

Kalau ini kita boleh buat dan contoh di Malaysia ini iaitu pelatih-pelatih khidmat negara kita ini, kita tidak payah hendak cari, hendak rekrut yang lain untuk jawatan-jawatan di Malaysia ini, tentera, polis, bomba, kastam, imigresen daripada pelatih-pelatih

ini yang ramai sekarang masih menganggur. Jadi barulah bermakna duit negara yang kita belanjakan selama ini kita dapat faedahnya semula. Itulah yang ingin saya ketengahkan dalam perkara ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Pasir Salak boleh?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Boleh.

**Tuan Pengerusi:** Ya, silakan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Arau.

#### 4.18ptg.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada butiran mengenai dengan Projek Pembangunan Biro Tatanegara, Butiran 00119. Kita mendengar beberapa kenyataan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin kerajaan pada hari ini yang pemimpin besar, pemimpin kecil rata-rata mempertikaikan apa yang telah terjadi kepada Biro Tatanegara. Satu anggapan kalau tidak tuduhan yang mengatakan BTN ini wujud dan diperalatkan sebagai satu tempat politik dan perkauman untuk – satu tempat di mana kursus-kursus menjurus kepada *politicking* bagi kepentingan orang tertentu, kumpulan tertentu atau parti tertentu.

#### ■1620

Saya kira, kenapa tuduhan ini dibuat? Ini kerana, apa yang kita tahu bahawa kursus yang diadakan oleh BTN ini menjurus kepada membina jati diri, menyedarkan peserta tentang pentingnya negara kita ini dipertahankan daripada ancaman luar. Kita tahu ancaman luar berterusan mengganggu-gugat kerajaan ataupun negara kita ini. Musuh-musuh di luar sana. Kita telah melalui 400 tahun lebih penjajahan. Bangsa kita dizalimi, dihina, dinafikan segala-galanya. Kita tidak mahu penjajah kembali semula ke dalam negara kita ini. “*Neo Colonialism*”, kata Tun Mahathir, satu ketika dulu. Kita jangan lupa pelbagai cara.

Jadi, kita mahu menyedarkan generasi muda dalam negara kita ini. Kita mesti mempertahankan kedaulatan, kemerdekaan negara kita, rakyat kita. Ini sebahagian besar daripada apa yang diajar dalam kursus-kursus BTN ini. Adakah itu satu kesalahan atau sesuatu yang tidak baik? Selain daripada itu, untuk menyedarkan juga supaya berbagai-bagai kaum di dalam negara kita ini untuk jangan bersengketa. Kita kena berbaik-baik antara satu sama lain. Ada perkara-perkara yang sensitif, jangan kita sentuh, jangan kita cabar, jangan kita hina dan sebagainya. Untuk menjamin ketenteraman, negara kita merdeka 60 tahun lebih hidup aman damai. Aman, Cina,

Melayu, India okey *everywhere*. Tidak ada masalah. Kita pergi kedai Cina, orang Cina datang kedai kita tetapi Melayu bukan ada kedai sangat.

Kita yang pergi kedai orang Cina. Kita beli barang-barang mereka, tidak ada masalah. Kita pergi ke majlis-majlis mereka. Kebelakangan ini oleh sebab *politicking* sudah teruk sangat dengan mengapi-apikan supaya rakyat bergaduh antara satu sama lain. Jadi, ini tidak boleh teruskan berlaku begitu. Antara tujuan kursus BTN ini adalah untuk memupuk semangat perpaduan, keharmonian. Orang politik ini, terutama kita semua di dalam sini, tidak usah lagi lah menggunakan isu perkauman ini. Akan tetapi, mempertahankan hak masing-masing *no problem*. Mempertahankan hak masing-masing. Pada 1 September, saya akan membuat perhimpunan di Pasir Salak. Perhimpunan kebangkitan orang Melayu untuk mempertahankan hak dan agama Islam. Itu tidak perkauman. Jangan tuduh. Jangan tuduh! Besok kalau keluar dalam *paper*, jangan tuduh saya. Saya kena buat...

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Yang Berhormat, kita tidak pernah sebut perkauman. Sana sahaja yang selalu buat. Apa khabar?

**Tuan Pengerusi:** Bagi peluang untuk Yang Berhormat Pasir Salak untuk mengemukakan pendapatnya, kemudian jawablah. Silakan. Kebebasan bersuara.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kalau Yang Berhormat Padang Serai datang ke Pasir Salak, tengok bagaimana saya melayan orang India estet itu macam adik-beradik. Ha! Betul. You pun tidak buat dengan sesama orang India. / buat! Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat Hulu Selangor.

#### 4.23 ptg.

**Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh berkenaan dengan Butiran 96200 – Pembangunan Belia.

Tuan Pengerusi, belia memainkan peranan yang besar dalam ekonomi dunia di dalam sesebuah negara melalui peranannya yang proaktif. Penglibatan golongan belia dalam ekonomi telah meningkat sejajar dengan keperluan ekonomi negara. Golongan belia haruslah peka terhadap pembangunan negara kerana mereka merupakan perintis kepimpinan negara pada masa akan datang. Oleh itu, adakah Kementerian Belia dan Sukan mempunyai sebarang *plan* kerangka jangka masa pendek mahupun jangka masa panjang mengenai pembangunan belia, khususnya untuk golongan belia di luar bandar?

Selain daripada itu, saya ingin mencadangkan agar pihak kementerian dapat meluaskan peluang bagi belia luar bandar untuk bergiat aktif dalam sebarang program yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan. Selain itu, saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian untuk mewujudkan hab sukan ekstrem seperti dengan izin, *motocross* di Daerah Hulu Selangor. Ini adalah kerana kejayaan seorang pelumba *motocross* negara yang juga merupakan anak jati Hulu Selangor telah menjadi pendorong dan pembakar semangat anak-anak muda di Daerah Hulu Selangor.

Justeru itu, pembinaan hab sukan ekstrem bukan sahaja dapat mengurangkan gejala lumba haram, malahan, juga dapat dijadikan platform untuk para belia mempelajari teknik perlumbaan dengan izin, *motocross* secara berhemah di dalam satu *facility* yang terjamin dengan tahap keselamatan itu. Dengan itu, saya berharap peruntukan diberikan terutamanya di Hulu Selangor. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Yang Berhormat Pengkalan Chepa bangun tadi. Bukan? Tidak?

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]:** Yang Berhormat Pengkalan Chepa tidak ada.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Pengkalan Chepa tidak ada. Pendang lah.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Pendang. Yang Berhormat Pendang.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Arau. Arau. Arau.

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** Kalabakan.

#### 4.26 ptg.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih. Saya hendak menyentuh berkenaan Butiran 050500 – Sepang International Circuit Sdn. Bhd.

Di mana peruntukan baru telah diberikan sebanyak RM25 juta yang *stated* di dalam anggaran perbelanjaan yang baru. Terima kasih, kita mahu ucapkan lagi sekali kerana memurnikan kembali Sepang International Circuit Sdn. Bhd.

Akan tetapi, dulu, sebelum dihentikan *racing*, dengan izin iaitu kereta-kereta laju ini, kerajaan telah membuat pengumuman kerana perbelanjaan yang tinggi untuk penyelenggaraan ataupun *maintenance* Sepang International Circuit Sdn. Bhd. litar Sepang ini. Kedua, tidak dapat menarik pelancong. Perbelanjaan pengurusan untuk

menganjur *racing* ini adalah disebutkan sebagai satu perbelanjaan yang sangat tinggi dan tidak dapat menampung kos yang boleh menarik pelancong bagi melihat *racing* ini ataupun kepada perlumbaan peringkat antarabangsa ini.

Jadi, tiba-tiba hari ini, kerajaan memunculkan semula *racing* peringkat antarabangsa ini kerana mahu lihat kepada kepentingan rakyat ataupun kerajaan telah membuat kajian untuk kepentingan rakyat ataupun kepentingan individu yang boleh menampung perolehan negara seperti pelancongan dan sebagainya? Ini juga kita minta kerajaan perlu bentangkan kajian supaya kita dapat kepastian, penjelasan hasil daripada kita membangunkan balik litar Sepang ini kerana kita tidak mahu...

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Boleh tanya?

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Sila.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Boleh tanya?

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Boleh. Boleh.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Jiran mahu tanya sedikit.

Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kuala Krai. Silakan.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Saya hendak sebut sedikit, kalau dalam keadaan banyak peruntukan ataupun projek-projek yang telah dipotong balik atau dihapuskan semula, tidak jadi dibuat iaitu projek yang telah diluluskan sebelum ini, tiba-tiba dalam keadaan kantung negara yang kosong tetapi boleh pula buat SIC ini bagi peruntukan yang besar? Adakah Yang Berhormat Pendang setuju dengan apa yang saya sebutkan?

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Jadi, itulah yang saya minta untuk kerajaan membuat kajian sebelum kita mahu melaksanakan SIC ini untuk kita menarik pelancong. Kita boleh refer balik kepada rekod-rekod yang lepas yang mana ketika kita menganjurkan lumba ini, perolehan pada ketika itu ada berapa banyak? Selain itu, kos kita membina litar Sepang ini ada berapa banyak? Sehingga sekarang sudah cover atau tidak kos-kos yang telah dibelanjakan oleh kerajaan? Ini perlu untuk kita lihat kembali. Kalauolah dengan kita menganjurkan Sepang International Circuit tidak memberikan keuntungan kepada kerajaan dan juga melebarkan lagi jurang gejala sosial.

■1630

Apabila penganjuran ini berlaku di mana kita tengok, sepertimana laporan yang lepas-lepas, satu bentuk pemikiran telah menyerap ke dalam remaja kita yang mana

mereka apabila balik ke tempat masing-masing setelah melihat ini, berlakulah motor mat rempit.

Begitu juga lumba kereta di tempat-tempat yang tidak dibenarkan di jalan-jalan raya, ini akan menambahkan lagi, akan menambahkan lagi kemalangan, meningkatkan lagi bilangan kemalangan yang mana kita di antara negara yang tertinggi di Asia dalam *rating* kemalangan ini. Ini perlu diperlihatkan semula, perlu diberi penekanan supaya ada satu kajian yang memberi impak yang baik untuk rakyat, yang memberi keuntungan kepada rakyat dan juga mendapat pulangan kepada negara, supaya sektor pelancongan juga akan terlibat dalam penganjuran. Selain daripada sektor kebudayaan, belia dan sukan ini juga, sektor pelancongan ini juga mendapat *spill over* daripada penganjuran ini.

Akan tetapi, jikalau mendatangkan keburukan kepada rakyat, lebih banyak daripada kebaikan, kita fikir baliklah untuk menganjurkan SIC ini, adakah untuk rakyat ataupun tidak. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Labuan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Selepas itu Arau ya.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Labuan. Saya tengok tempat lain

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Sini, sini, sebelah kiri.

**Tuan Pengerusi:** Tidak mengapa Yang Berhormat Labuan, nanti-nanti giliran kemudian.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Sedikit sahaja, tiga minit, tiga minit.

**Tuan Pengerusi:** Sedikit sahaja. Tadi pun Yang Berhormat Labuan kata sedikit, tetapi panjang.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Sedikit sahaja, satu *item* sahaja. Terima kasih. Tadi dengar Yang Berhormat Hulu Selangor hendak litar untuk anak muda, selepas itu Yang Berhormat Pendang kata, Sepang ini belanjanya terlalu besar dan mungkin tidak berbaloi. Tidak ada *return* daripada pelancongan dan sebagainya.

Saya lihat, formula yang diadakan di Labuan, yang sudah diluluskan adalah solusi yang terbaik. Satu litar mini, tidaklah mahal seperti Sepang dan ada kaitan dengan pelancongan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pendang tadi. Labuan kita punya *branding* untuk *tourism* ini adalah *extreme sport*. Ia sudah diluluskan RM7 juta. Malah fasa pertama RM3 juta telah disalurkan duitnya ke Perbadanan Labuan. Akan tetapi ianya sudah *cancel*. Ini memang sesuatu yang mengecewakan anak muda di

Labuan, yang merasakan ia bukan sahaja boleh mengelakkan mat rempit seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pasir Salak tadi.

Akan tetapi ia adalah penting untuk pelancongan dan akan mengadakan peluang-peluang pekerjaan, perniagaan untuk anak-anak muda di Labuan. Jadi saya ingin bertanya, bolehkah keputusan *cancel* itu dilihat balik dan *dicancel* *cancelation* tersebut. Seterusnya projek-projek lain di bawah Kementerian Belia dan Sukan termasuklah *swimming pool* di Labuan dan ada beberapa lagi, tolong jangan *cancel* dan teruskan demi untuk anak muda Labuan dan negara. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kalabakan, silakan.

#### 4.34 ptg.

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rujuk kepada 96200 - Program IM4U. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri sesuai dengan kepelbagaian lapan kelompok belia, seperti yang disebut di dalam Dasar Belia Malaysia dan *Seven Plan Youth Power* yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri. Hendak tanya Yang Berhormat Menteri bersetuju kah Yang Berhormat Menteri untuk memperkasakan persatuan-persatuan belia sebagai elemen sokongan kepada usaha mengangkat isu patriotisme, integrasi nasional dan pembangunan potensi belia di negara ini.

Sebagai contoh, di tempat saya, kawasan Kalabakan boleh dikatakan kawasan berisiko. Merupakan sempadan laluan masuk Malaysia–Indonesia. Ia juga antara satu kawasan hitam penagihan dadah dalam kategori belia. Maka, adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju agar peruntukan juga harus ditambah dan diberikan kepada kelompok masyarakat sivil bergandingan dengan pemimpin masyarakat setempat, khasnya di kawasan berisiko untuk menangani masalah ini. Mohon supaya IM4U selepas ini tidak hanya tertumpu di tempat yang *famous* sahaja dan mendapat publisiti tinggi, bawalah program ke tempat-tempat seperti di kawasan saya. Itu sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Arau dahulu.

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]:** *[Bangun]*

#### 4.35 ptg.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Pengerusi yang budiman, terima kasih. Di bawah B.45 dan juga P.45. Pertama sekali Tuan Pengerusi, saya hendak bawa ayat Al-Quran yang bermaksud “*pilihlah pemimpin di kalangan kamu*

*seorang yang kuat dan amanah*". Yang Berhormat Sepang mungkin tidak berapa ingat ayat ini, tetapi saya cuma hendak peringatkan lagi iaitu pemimpin itu seorang yang Qawi dan amanah. Amanah kita tahu, Qawi ini maksudnya kuat, kuat ini Iman Ahmad kata ini ialah dirujuk kepada orang muda. Jadi ini sesuai sangat dengan Kementerian Belia dan Sukan.

Jadi, sekarang ini pertama sekali kita hendak di bawah Program Patriotisme dan juga Integrasi Nasional, kita hendaklah latih orang muda supaya ada sifat berkasih sayang dan sebagainya. Kita lihat di zaman dahulu, peperangan, macam kita sekarang pilihan raya lah. Peperangan, Genghis Khan jikalau berperang, selepas menang dia bunuh semua orang. Sebab itu sebab dia telah bunuh 16 juta orang, dia dan juga jeneral-jeneralnya seramai 16 juta orang di seluruh dunia. Daripada Poland sehingga ke China, dia bunuh.

Akan tetapi ada satu panglima yang paling dihormati iaitu bernama Salahuddin Al-Ayyubi apabila habis perang, dia menang, dia ampunkan semua orang. Sehingga Richard the Lionheart pun dia ampunkan. Itu sebab saya kata, makam Salahuddin Al-Ayyubi itu, di tempat nya ada dua makam, satu diperbuat daripada kayu, yang *original* dan satu lagi dibuat daripada marmar, di mana Raja Jerman menghadiahkan batu tersebut menghormati panglima yang hebat.

Jadi, saya tengok apabila kawan-kawan saya berucap di sana, *dok* sebut kerajaan yang lama tidak guna, macam itu, macam ini. Jikalau tidak berguna, okeylah buat yang berguna, tidak payah menyebut kan. Sebab apa, rakyat hendak tengok sekarang ini apa program hebat yang hendak diperkenalkan dan kami sokong. Bermakna kami menyokong secara terbuka. Dahulu kawan-kawan di sana jarang menyokong kami, tetapi hari ini kami menyokong secara terbuka, belanjawan penguntukan semula, supaya rakyat yang sekarang ini gelisah dapat ditenangkan dan ekonomi negara akan berterusan.

Jadi saya minta supaya, Program Patriotisme dan Integrasi Nasional ini diletakkan di tahap kasih sayang dan bukan mengatakan kerajaan lama tidak bagus. Okeylah, jikalau tidak bagus buat yang bagus, kita terima. Akan tetapi jikalau kiranya kita terus menjadi perangai macam Genghis Khan, terus membunuh tanpa melihat bahawa ada kebaikan di kalangan apa yang telah dibuat pada masa yang lepas, itulah yang terbaik.

Apa yang saya hendak sentuh kan di sini cuma satu benda sahaja, pertama saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kementerian Belia dan

Sukan yang dahulu, yang telah merancang program yang begitu hebat dan Yang Berhormat Menteri baharu akan melaksanakan.

Saya hendak sentuh tentang pembangunan sukan. Sukan renang, tidak mahu ambil banyak-banyak, sukan renang sahaja. Kita lihat bahawa negara menjadi popular kerana renang telah memberi pingat yang terbesar dalam sejarah negara daripada semua kategori sukan yang dipertandingkan. Di peringkat Olimpik, SEA Games, Komanwel dan juga lain-lain lagi. Jadi, baharu-baharu ini di samping pemotongan yang dibuat kepada banyak perkara, termasuk sukan renang dipotong peruntukan.

Kita hendak pingat yang banyak, kita hendak negara ternama, kita hendak idola-idola sukan supaya anak muda boleh mengikutinya. Akan tetapi kita potong peruntukan, bukan banyak, sedikit sahaja. Di antara alasannya kita telah belanja banyak untuk menghantar atlet kita berlatih di negara luar terutamanya di negara China. Persatuan sukan cukup terbuka, jikalau sekiranya menghantar atlet, kita terpaksa belanja dengan besar, kalau tidak mahu keluar belanja besar, kita bawa *coach* mereka datang ke sini dan kita bina kemudahan sukan untuk membolehkan mereka berlatih di sini. Tidak ada masalah.

#### ■1640

Sudah sampai masanya— oleh sebab Malaysia sudah pun ternama dan berjenama dengan sukan terjun sebagai contohnya, kita bawa ke sini. Sebab, sukan terjun dalam SEA Games, kita menggondol semua 100 peratus pingat emas. Jadi saya minta supaya kementerian, yang saya ingat belanja tidak banyak, supaya bagi perhatian kepada sukan yang banyak menyumbang pingat kepada negara dan juga mengharumkan nama negara.

Saya juga meminta sekali lagi supaya Program Patriotisme dan Integrasi Nasional ini dilihat sebagai program untuk mengunjurkan kasih sayang, bukan kebencian. Cara kita menyebut sekarang ini kita mewujudkan kebencian. Kebencian tidak menjamin masa hadapan yang cemerlang tetapi kasih sayang akan menjamin masa hadapan yang lebih baik.

Terima kasih. Saya menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Silakan Yang Berhormat Lembah Pantai.

#### 4.41 ptg.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 96200 – Projek 1M4U, yang mana meminta sejumlah RM3.75 juta. Saya difahamkan stesen radio ini telah berhenti

transmisi pada bulan Jun. Saya ingin memohon perincian daripada Yang Berhormat Menteri, apakah kegunaan jumlah yang besar ini sebanyak RM3.75 juta memandangkan kita tidak tentu, sama ada diteruskan ataupun tidak?

Pada masa yang sama, untuk stesen ini, saya cadangkan untuk Stesen 1M4U ini dipulangkan ataupun diberikan spektrum tersebut mungkin kepada mana-mana syarikat lain untuk digunakan dan bukan dikelolakan oleh pihak kerajaan.

Berkenaan dengan Maksud B.45 Butiran 070100 – Biro Tatanegara, yang memohon sejumlah RM15 juta. Memandangkan kita telah menghentikan projek ataupun agensi BTN ini tetapi pada masa yang sama ada keperluan untuk memastikan bahawa rakyat diberikan pemahaman yang sepenuhnya untuk mengelakkan daripada fahaman perkauman sempit sebagai contoh ataupun fahaman ekstremisme, apakah penjenamaan semula ataupun perangkaan semula bagi agensi tersebut untuk membangunkan modal insan?

Saya juga memohon agar sekiranya diteruskan, dimasukkan satu aspek mengenai literasi politik dan aspek keterlibatan dalam demokrasi atau, dengan izin, *participatory democracy* kerana ini adalah amat penting di mana anak-anak muda perlu memahami ruang dan peluang yang ada untuk mereka terlibat dalam proses demokrasi. Saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk pertimbangkan.

Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Rembau. Yang Berhormat Rembau dahulu.

#### 4.43 ptg.

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 060100 – Pengurusan Jabatan Latihan Khidmat Negara. Khidmat Negara atau PLKN dimulakan pada tahun 2003 dan pada tahun 2016 direkayasa semula kepada PLKN 2.0. Saya ada sedikit pengalaman sebagai Ahli Majlis Latihan Khidmat Negara pada tahun 2003, majlis yang pertama dan pengerusi bersama jawatankuasa untuk memperbaiki PLKN pada tahun 2016 bersama dengan bekas Menteri Pertahanan.

PLKN pertama mengambil lebih kurang satu daripada lima daripada kohort berusia 18 tahun dan ini dibuat secara rawak. Modulnya empat tetapi kita dapat bahawa setelah dilaksanakan selama 13 tahun, PLKN tidak menepati sasaran awal iaitu sasaran utama perpaduan di kalangan anak-anak muda kita.

Justeru, pada tahun 2016, kita telah memperkenalkan PLKN 2.0 yang memberi tumpuan bukan hanya kepada perpaduan dan disiplin tetapi juga kepada isu kemahiran ataupun *skills*, dengan izin. Maka dimasukkan modul antara lain literasi kewangan, komunikasi dalam bahasa Inggeris dan juga opsyen bagi mereka yang dipilih melalui *voluntarily participation*, dengan izin. Mereka diberikan peluang untuk mengikuti kursus di institut latihan kemahiran awam (ILKA) seperti IKBN, ILP dan sebagainya selepas tamatnya dua bulan di PLKN. Mulanya tiga bulan. PLKN 2.0 dua bulan. Kita pendekkan masanya.

Jadi saya hendak tanya, oleh sebab tajuk ini masih lagi wujud walaupun dikatakan dimansuhkan tetapi masih lagi ada tajuk JLKN dan PLKN dengan peruntukan RM85 juta, apakah perancangan kementerian untuk PLKN 3.0 ataupun program yang baharu? Sebab, apa yang kita perlukan ialah satu program yang dapat menangani masalah garis selari yang wujud di kalangan anak-anak muda kita.

Garis selari ini, Tuan Pengerusi, adalah *parallel lines* di mana anak-anak muda kita hidup dengan garis selari tanpa ada titik pertemuan. Ada pergi sekolah kebangsaan, ada seorang pergi sekolah jenis kebangsaan dan selama-lamanya dia tidak bergaul. Sebab itulah kita memperkenalkan program seperti PLKN, tetapi nyata jelas terlalu lewat sebab apabila kita cuba untuk mereka bergaul pada usia 18 tahun, itu sudah terlewat untuk membentuk karakter yang mementingkan perpaduan.

Kedua, berkenaan dengan isu PLKN ini, apakah perancangan kementerian untuk kem-kem PLKN yang ada perjanjian sewaan jangka masa panjang dengan Jabatan Khidmat Negara?

Saya merujuk akhirnya kepada Butiran 050000 – SIC. Saya hendak tanya kementerian, apakah status pelaksanaan projek litar lumba yang telah diluluskan di Jengka, Pahang? Strategi kita waktu bekas Menteri Belia dan Sukan ada di KBS adalah untuk membina lebih banyak lagi litar kecil seperti mana di Labuan, seperti mana yang telah kita bina di Tangkak, seperti mana yang akan kita bina ataupun sedang bina di Sungai Petani. Satu lagi yang kita telah lulus yang sepatutnya dibina di Jengka, Pahang untuk mengambil kira minat daripada Pantai Timur.

Saya hendak tahu sebab peruntukan itu telah pun dikenal pasti dan disalurkan oleh Unit Perancangan Ekonomi. Apakah status itu untuk kita pastikan bahawa sukan permotoran ini tidak hanya tertumpu kepada SIC yang sudah jelas terlalu mahal untuk diguna pakai oleh pengguna biasa tetapi untuk kita membina litar-litar yang kecil, yang

lebih kepada *community motorsports* yang dapat membangunkan sukan permotoran di peringkat akar umbi.

Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Sibuti.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Sibuti, silakan.

#### 4.48 ptg.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terlebih dahulu ingin mendapatkan perincian bagi Butiran 050500 – Sepang International Circuit Sdn Bhd. Di sini saya ingin membawa satu permasalahan bahawa keperluan kerajaan untuk tidak membazirkan wang bagi sukan-sukan permotoran di peringkat antarabangsa. Saya bersetuju dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Rembau. Di tempat saya sendiri ataupun di Sarawak, ramai belia yang ingin berlumba dan memerlukan *tracks* ataupun *drag street*. Kalau di kawasan Bandar Raya Miri ataupun Sibuti, kami terkenal dengan perlumbaan motosikal *drag* ataupun kereta *drag* tetapi kami kini tidak mempunyai *circuit* ataupun mempunyai litar yang lebih kurang berjarak sekurang-kurangnya 300 hingga 400 meter untuk kita melaksanakan perlumbaan *drag*.

Selain daripada itu juga, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Arau berkenaan sukan renang. Kami di Sarawak banyak melahirkan bakat-bakat renang dan juga sukan-sukan air. Akan tetapi, sepanjang saya melihat pembangunan sukan renang, kami tidak mempunyai kolam-kolam renang. Kalau di tempat saya, kita tahu di Sarawak banyak sungai tetapi kami tidak mampu untuk berenang dalam sungai kerana di Sarawak tidak banyak buaya darat tetapi buaya sungai itu banyak dan kita tidak mampu untuk berenang lebih laju daripada buaya sungai itu. *[Dewan ketawa]*

Selain daripada itu juga, saya ingin membangkitkan berkenaan Butiran 060200 – Latihan PLKN. Sejumlah wang yang banyak telah diperuntukkan.

#### ■1650

Sekiranya kerajaan seperti telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri membatalkan Program PLKN, saya mencadangkan agar wang-wang tersebut diagihkan untuk pembangunan infrastruktur-infrastruktur. Contohnya keperluan padang sintetik dibawa ke negeri Sarawak. Saya ulangkan lagi trek-trek, *drag street* ini. Sukan-sukan lumba air contohnya kalau di kawasan Sibuti hampir setiap tahun dan beberapa bulan sekali kita mengadakan sukan lumba bot laju. Kita memerlukan infra untuk

membangunkan sukan-sukan ini dan sukan-sukan ini sangat murah. Tidak seperti untuk menyediakan satu kereta Formula 1. Sebuah kereta Formula 1 tersebut mungkin kita dapat melahirkan beratus orang pelumba-pelumba *drag*.

Selain daripada itu juga, berkenaan tentang Butiran 96200 – Program 1M4U. Saya di sini ingin membangkitkan bahawa sejak program-program berkaitan dengan belia, saya melihat kalau di sektor ataupun di wilayah Sarawak, saya melihat program-program tersebut terlalu *urban centric* ataupun tersangat di bandar. Kenapa kita tidak membawa sukarelawan-sukarelawan untuk pergi ke kawasan-kawasan terpencil. Contohnya di kawasan-kawasan Baram ataupun kawasan-kawasan yang sejauh Kapit yang berdekatan dengan sempadan-sempadan Sarawak dan Indonesia supaya kita dapat melihat kesusahan ataupun kepayahan.

Saya tahu Yang Berhormat Rembau pernah sampai ke kawasan Ulu Kapit, Hulu Rajang. Itu adalah yang perlu dilakukan oleh belia-belia sekarang untuk memahami kesusahan supaya apa yang mereka lihat di Sarawak dapat dibawa ke bandar, dibawa ke Kuala Lumpur agar dapat menjadi satu pengajaran.

Selain daripada itu juga, satu modul khusus untuk mengekalkan keharmonian di kalangan belia perlu dilakukan di peringkat awal di seusia 13, 14, 15 tahun. Perkara ini perlu kerana jika kita ingin mendidik belia ataupun orang muda pada usia 18 ke 21 tahun, saya rasa pemikiran mereka telah terbentuk.

Saya juga berharap agar Butiran 00119 – Projek Pembangunan Biro Tatanegara ini tidak diguna pakai seperti apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur untuk *indoctrinate* dengan izin ataupun mengagung-agungkan pemimpin-pemimpin kerajaan semasa dan sebaliknya digunakan platform Biro Tatanegara ini kepada satu yang lebih positif. Saya yakin Biro Tatanegara masih lagi mempunyai modul-modul yang positif untuk menyimpan ataupun menanam semangat patriotisme ataupun keharmonian sekiranya sistem ini dirombak. Saya yakin Pakatan Harapan dapat melakukan yang lebih baik daripada kerajaan yang lepas dan kita sama-sama bekerjasama.

Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Pontian.

**Tuan Pengerusi:** Sebelah sini siapa bangun? Putatan atau– Mana sebelah sini tadi?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Pontian ada.

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]:** Bachok.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Pontian. Yang Berhormat Tampin. Sorry.

**4.53 ptg.**

**Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 080100 – Program 1M4U. Kita dapat bahawa antara tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk membangkitkan semangat sukarelawan di kalangan anak-anak muda yang kita dapat bahawa sifat kesukarelawan di kalangan masyarakat kita amat rendah dan amat kurang. Justeru, mungkin ada satu kajian yang perlu dilihat semula tentang program ini. Kalau ia mencapai matlamatnya, mungkin kita boleh teruskan. Akan tetapi kalau ia tidak mencapai matlamatnya, kita akan perbaiki untuk kita mencapai apa yang dihajati.

Justeru, saya ingin bertanya kepada kementerian apakah modul yang akan dikemukakan kepada generasi muda untuk meningkatkan semangat kesukarelawan di kalangan generasi muda sekiranya program yang telah dilaksanakan dahulu tidak mencapai maksud ataupun tujuan yang sepatutnya. Jadi mesti ada satu kurikulum yang betul-betul mantap dan kuat untuk kita meningkatkan semangat kesukarelawan di kalangan masyarakat ataupun generasi muda.

Satu lagi aspek yang saya ingin tanya kepada kementerian iaitu dalam Butiran 070100 – Biro Tatanegara. Sekiranya kurikulum Biro Tatanegara ini yang pada peringkat awalnya ataupun kewujudan Biro Tatanegara ini ialah suatu perkara yang baik untuk meningkatkan rasa kesepaduan, perpaduan di kalangan masyarakat yang pelbagai kaum di negara kita tetapi dalam aspek pengisian, mungkin terdapat kekurangan, kelemahan ataupun tidak mencapai tujuan yang dikehendaki. Jadi oleh sebab itulah saya ingin bertanya apakah ada rancangan yang akan dibuat oleh kementerian untuk menyusun kembali kurikulum ataupun silibus yang akan ditawarkan kepada Bito Tatanegara ini supaya tujuan kewujudan program ini mencapai apa yang kita kehendaki. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Saya ingat Yang Berhormat Beaufort bangun dulu. Yang Berhormat Beaufort, silakan.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagan Serai.

**4.57 ptg.**

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh kepada dua perkara sahaja iaitu Maksud B.45 Butiran 06200 – Latihan PLKN dan Butiran 070100 – Biro Tatanegara.

Kedua-dua badan ini, latihan di bawahnya telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri akan ditiadakan lagi. Akan dibubarkan. Ada ramai yang mengatakan bahawa berkaitan dengan Biro Tatanegara ini kerana program-programnya adalah merupakan indoktrinasi politik. Namun daripada pengamatan dan pengalaman yang telah kita lalui, Latihan PLKN adalah sesuatu yang baik untuk anak-anak muda kita lepasan SPM. Ramai yang terlibat dan bukan sahaja daripada Kementerian Belia dan Sukan yang terlibat, malahan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga pernah terlibat untuk program-program membina anak-anak muda ini menjadi anak-anak muda yang mempunyai jati diri yang tinggi.

Di Biro Tatanegara juga ada banyak program yang secara peribadi saya pernah melalui yang dilaksanakan untuk anak-anak muda, kaum belia kita untuk membangunkan jati diri mereka supaya mereka tidak terlibat dengan perkara-perkara yang tidak baik, yang merosakkan masa hadapan mereka. Saya mengalu-alukan apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa selepas ini akan ada program baru yang banyak akan memberikan manfaat kepada kaum muda kaum belia kita di negara ini.

Cuma saya ingin tahu apakah jenis-jenis program yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri dan kementerian untuk memastikan program-program yang telah dilaksanakan terlebih dahulu ini akan ditambah baik lagi dan akan memberikan manfaat yang sebenar-benarnya kepada anak-anak muda generasi kita yang akan datang ini.

Satu perkara yang ingin saya sampaikan di sini bagi mewakili ramai ibu bapa yang ada di luar sana yang merasa bimbang pada ketika ini dengan trend yang nampaknya saya katakan trend ini yang mana ramai anak-anak muda kita sudah mula terlibat dengan gejala LGBT ini. Jadi adakah nanti di dalam program-program yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan ini akan masuk juga kurikulum ataupun satu-saya tidak tahu apalah yang akan dipanggil yang boleh ada kaitan dengan seksual orientasi yang boleh membantu anak-anak muda kita dan akan menghilangkan kegusaran di kalangan ibu bapa yang ada di luar sana. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Nibong Tebal.

■1700

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin terus kepada Butiran Pembangunan Integrasi Nasional dan seiringan dengan dua tiga butiran yang lain iaitu PLKN dan juga Program Biro Tatanegara. Tuan Pengerusi, saya ingin menarik Dewan dan juga kementerian untuk memberi perhatian kepada program pembangunan insan, terutama sekali di Program Biro Tatanegara dan juga pembangunan PLKN. Setakat hari ini kita perhati yang tumpuan diberikan kepada pembangunan secara untuk integrasi nasional. Pembangunan yang memberi perhatian kepada patriotisme dan juga lain-lain yang berkaitan dan kurang di beri perhatian kepada pembangunan insan untuk membangun jati diri, memberi peluang-peluang kerja ataupun peluang-peluang untuk menjadikan mereka bekerja sendiri.

Dalam hal itu Tuan Pengerusi, saya ingin sarankan dari yang pertama, peserta. Kita dapati yang belia adalah aset negara yang cukup besar. Malah, Laporan ILO baru-baru ini pun menyebutkan yang di abad yang akan datang ada 400 juta orang belia di seluruh dunia. Maknanya, kita perlu wujudkan 400 juta kerja. Maksudnya juga, lebih kurang 40 juta peluang pekerjaan bagi tiap-tiap tahun dan di negara kita sudah tentu angka ia pun besar juga. Justeru, dalam hal itu saya ingin cadangkan yang program-program macam ini kita buka ruang sepenuhnya kepada golongan belia, terutama sekali pada dua kategori.

Kategori yang pertama ialah siswazah, yang baru keluar daripada universiti. Kedua ialah lepasan-lepasan pendidikan menengah iaitu selepas SPM. Betul, ada program-program yang khusus seperti TVET dan juga yang dilakukan oleh Kementerian Tenaga Manusia, bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan juga Kementerian Industri Asas Tani, Kementerian Pembangunan Wanita untuk ambil perhatian kepada golongan-golongan belia ini.

Akan tetapi dalam hal ini, saya ingin syorkan yang mereka ini dimasukkan dalam kursus yang dianjurkan oleh Kementerian Belia ini. Memberi perhatian kepada peluang-peluang untuk mewujudkan pembinaan ekonomi mereka. Bukan saja setakat menanam ataupun memupuk semangat patriotisme. Oleh kerana saya yakin yang perasaan cintakan negara, perasaan untuk bersama-sama keharmonian di antara kaum dalam negara ini, ia berpunca daripada iri hati di antara satu sama lain. Kalau sekiranya jurang perbezaan ekonomi ataupun kedudukan status sosial ekonomi di antara penduduk antara kaum di negara ini dapat kita kurangkan, maka perasaan sentimen itu boleh

dikurangkan tanpa kita memberi perhatian tentang program-program untuk memupuk mereka dalam patriotisme yang menitik beratkan tentang isu-isu perkauman.

Justeru itu Tuan Pengerusi, kita ingin jadikan pusat-pusat latihan ini mungkin modulnya kita kena tengok. Satu peserta, yang keduanya modul. Modul itu satu, memberi perhatian kepada pembangunan ekonomi. Bukan sekadar membentuk seorang fizikal ataupun peserta yang cintakan negara melalui kekuatan fizikal tetapi membina kekuatan mental untuk sediakan mereka untuk mengambil bahagian ataupun *participate* dalam pembangunan ekonomi negara.

Mungkin kita dapat jadikan dalam modul itu satu aspek untuk jadikan *business development*, LED umpamanya. Dengan membawa, yang pertama ialah dengan memberi penerangan kepada golongan ini, kepada golongan sasar ini, penerangan, pendedahan daripada jabatan-jabatan yang berkaitan. Seperti yang saya sebutkan tadi, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Industri Asas Tani, Kementerian Pembangunan Wanita, yang kesemuanya adalah pembangunan usahawan. Satu lagi, Kementerian Pembangunan Usahawan. Mendedahkan kumpulan sasar ini pada peluang-peluang yang mereka boleh terokai.

Maknanya di situ Tuan Pengerusi ialah kita wujudkan *job creators*, bukan *job seekers*. Jadi maknanya, selepas ini orang-orang ini boleh ada ruang untuk membina kehidupan sendiri, *be independent*. Bebas, bukan terpaksa kena cari kerja, itu saja. Keduanya Tuan Pengerusi, saya ingin ikut apa yang Yang Berhormat Arau sarankan tadi iaitu kementerian pula perlu mengambil perhatian yang cukup berat dalam bidang sukan. Saya juga yakin yang bidang sukan ini boleh memupuk semangat patriotisme dan juga perhubungan kaum yang lebih harmoni di kalangan rakyat kita. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Pontian.

## 5.05 ptg

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mencadangkan di bawah tajuk PLKN ini, jika lah kursus itu selama tiga bulan. Bulan yang pertama ialah ditanamkan sikap-sikap dan nilai-nilai yang baik, jika tiga bulan. Kalau jika tiga minggu, minggu yang pertama. Minggu yang kedua ataupun bulan yang kedua ialah mengenai modul patriotisme, perpaduan dan juga kenegaraan. Bulan yang ketiga ataupun minggu yang ketiga ialah mengenai kemahiran asas berniaga. Kita telah melakukan ini di SME Corp dengan Tunas Usahawan Belia

Bumiputra (TUBE) dan ada 4,000 sekarang ini usahawan yang dikursuskan selama tiga minggu.

Minggu pertama Tuan Pengurus, diadakan kursus ala tentera dan minggu kedua dan ketiga ialah asas-asas perniagaan. Kemudian, mereka diberikan geran RM15,000 apabila sudah mengadakan syarikat. Kemudian, mereka menjadi peniaga, golongan usahawan. Tidak kiralah kaum apa, mereka menjadi usahawan. Itu mengenai PLKN.

Mengenai BTN, BTN ini saya pernah terlibat dalam BTN. Kita, pegawai-pegawai dihantar oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Kubang Pasu pada ketika itu, orang yang sama Yang Berhormat Langkawi sekarang. Kami dihantar ke Jepun, ke Jerman, ke Indonesia, ke Korea Selatan. Ahli-ahli Yang Berhormat di sini ramai yang tidak tahu tentang cerita ini. Maka, saya ceritakan. Apakah yang kami buat di empat buah negara itu? Mencari modul yang sesuai untuk Biro Tatanegara dan akhirnya kami mencipta satu modul, latihan sikap berteraskan sistem nilai. Dipanggil sebagai *experiential learning*, dipanggil sebagai *total training*. Maka, wujudlah Program Bina Negara, diadakan Kursus-kursus Bina Negara, lima hari empat malam, tiga hari dua malam di Kem-kem Bina Negara yang telah pun dibina di seluruh negara.

Mula-mula apabila diadakan latihan yang pertama di Kem Bina Negara, Langkawi. *Master trainer* nya ialah Yang Amat Berhormat Langkawi sendiri. Saya pada ketika itu menjadi Penolong Setiausaha, abang kepada Menteri KPDNHEP, menjadi setiausahaannya. Abang beliau ya. Apa yang kami buat di situ, mendengar ceramah daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tiga jam pagi, tiga jam petang, tiga jam malam. Apakah isi kandungan ceramah? Tiga jam mengenai kerja kuat, tiga jam mengenai disiplin, tiga jam mengenai berani, tiga jam mengenai amanah. Itu dia, Tuan Pengurus. Jadi pada saya, apa yang hendak dibuat oleh Menteri baru KBS ini, mengumumkan Biro Tatanegara patut dimansuhkan dan sebagainya. Dia tidak tahu sebenarnya cerita-cerita tentang ini. Apakah falsafah Yang Amat Berhormat Langkawi? Falsafah beliau ialah jatuh, bangun, gagal, jaya, satu negara, satu bangsa itu adalah berteraskan sistem nilai yang di amal oleh negara bangsa itu.

Jika negara bangsa itu mengamalkan amanah, mengamalkan disiplin, mengamalkan cekap, mengamalkan kerja kuat, mengamalkan berani, negara bangsa itu akan maju. Ini bukan cerita semangat perkauman sempit, kami berteraskan kepada Surah Ar-Ra'd ayat 11, "*Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib suatu kaum itu sehingga kaum itu mengubah apa yang ada pada dirinya*". [Membaca sepotong ayat al-Quran] Ini Ahli-ahli Parlimen PAS dan yang lain pun tahu jugalah tentang perkara itu.

Selain daripada itu, kita menceritakan tentang Wawasan 2020. Kemudian apabila di bawah pemerintahan Yang Berhormat Pekan, yang diceritakan adalah Gagasan 1Malaysia. Walau bagaimanapun, patriotisme itu masih lagi menjadi *core* kepada modul. Modul itu dibukukan dan semua orang boleh melihat modul itu. Saya ingin mengesyorkan Ahli-ahli Parlimen DAP, terutamanya yang inginkan BTN ini dihapuskan, pergi kursus-kursus untuk latihan sikap dan *experiential learning, total training* untuk mengubah menjadi orang-orang yang mempunyai nilai-nilai yang mulia ini.

**■1710**

Jadi saya harap KBS jangan tergesa-gesa untuk menghapuskan Biro Tatanegara ini. Rujuk kembali kepada Yang Amat Berhormat Langkawi dan saya kira arahannya masih serupa dengan arahan yang diberikan kepada kami pada tahun 1991, 1990 pada ketika saya mula-mula menjadi pegawai Biro Tatanegara. Dr. Tan Seng Giaw juga dipanggil baru-baru ini untuk jadi panel untuk penjenamaan semula Biro Tatanegara dan saya harap Biro Tatanegara tidak dimansuhkan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sebelah sini dulu, tidak ada? Yang Berhormat Merbok.

**5.10 ptg.**

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** Saya ingin merujuk kepada Perkara 080100 – IM4U. Sedikit saja kita sedia maklum di bawah inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan sejak ditubuhkan pada 2012, IM4U ini merupakan platform sukarelawan yang terbesar di negara ini yang menyemarakkan semangat kesukarelawanan di hati belia melalui pelbagai aktiviti berimpak tinggi dan tidak konvensional. Aktiviti yang dijalankan bukan saja untuk memupuk semangat keprihatinan masyarakat tetapi juga mewujudkan perpaduan dalam kalangan belia bagi mendorong perubahan positif dalam komuniti tempatan.

Pada saya mana yang baik pernah dibuat oleh kerajaan terdahulu perlu diperhalusi semula kerana program-program yang dirancang serta menelan belanja jutaan ringgit perlu ada kesinambungan bukan setakat Touch 'n Go. Saya juga bersetuju apa Yang Berhormat Kuala Kangsar sebutkan tadi, pendekatan haruslah bersifat ketimuran tanpa mengabaikan nilai-nilai murni. Bukanlah berbentuk doktrinasi politik yang mengarah kepada mengapi-apikan perkauman. Saya juga ingin berkongsi hasil kajian belia dan program kesukarelawan di Malaysia, satu kajian empirikal oleh Tuan Pah Rokiah Syed Hussain dari UUM, menunjukkan tahap penghayatan belia terhadap

semangat kesukarelawanian adalah memuaskan kecuali *construct* tahap perasaan dan motivasi.

Bagi *construct* perasaan misalnya, kajian menunjukkan semangat kesukarelawanian yang masih rapuh kerana golongan belia tidak sanggup atau seronok melakukan aktiviti kesukarelawanian di kawasan yang berpenyakit, kotor dan kekurangan kemudahan awam. Situasi sebegini sememangnya akan wujud terutama apabila negara berdepan dengan kejadian bencana dan ini menggambarkan tahap penghayatan golongan belia kita terhadap semangat sukarelawan masih kurang memuaskan. Justeru itu, aspek kesukarelawanian di kalangan anak muda perlu dikaji dengan lebih mendalam kerana ia penting disebabkan golongan belia inilah yang menjadi tulang belakang sesebuah tamadun manusia pada masa akan datang.

Belia yang kurang menghayati erti kesukarelawanian menunjukkan telah wujud masalah berkaitan penerapan nilai murni dalam sesebuah masyarakat. Justeru kajian berkaitan dengan penghayatan belia berbilang kaum terhadap kesukarelawanian ini adalah penting dalam usaha negara menuju kemajuan dan nilai-nilai baik perlu terpelihara sepanjang zaman. Saya juga dengan ini mengharapkan dengan adanya Menteri Belia Sukan yang baharu yang termuda, *energetic*, dengan idea-idea baharu serta oksigen yang banyak saya yakin pendekatan-pendekatan terhadap anak muda atau belia ini perlu diberi nafas baharu dan pendekatannya mesti berbeza tanpa menggadaikan nilai-nilai ketimuran yang menjadi pegangan kita selama ini. Sekian.

**Tuan Pengerusi:** Silakan, Yang Berhormat Bachok.

### 5.13 ptg.

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya terus kepada B.45 – Kementerian Belia dan Sukan, Butiran 060200 – Latihan PLKN. Pertama kita ucapkan takziah kepada PLKN yang telah 15 tahun berbakti kepada negara dan mungkin di atas kritikan-kritikan yang berterusan ke atasnya, maka kerajaan baharu hari ini telah mengambil keputusan untuk memansuhkannya dan di bawah kementerian baharu Kementerian Belia dan Sukan, kerajaan berjanji dengan satu program baharu yang belum lagi dinyatakan secara spesifik.

Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa PLKN ini ditubuhkan sejak 2004 dengan matlamat yang begitu besar kepada anak negara kita iaitu pembinaan karakter jati diri, kenegaraan, perpaduan dan juga kesukarelawanian. Saya berharap agar pihak kerajaan dapat selepas ini memperincikan cadangan baharu tersebut dan turut

mengambil kira pandangan *stakeholders* terutama sekali para ibu bapa, NGO's yang berkaitan dengan pembinaan jati diri. Ini agar dapat membaiki kelemahan yang dihadapi sebelum ini dalam pelaksanaan PLKN atau program PLKN yang baharu ini.

Isu yang dibangkitkan mengenai PLKN sebelum ini bukan saja berkaitan dengan kosnya yang agak tinggi tetapi yang lebih besar, lebih utama adalah mengenai kesesuaian modul yang diguna pakai sebelum ini. Ada dua perkara yang saya ingin tekankan berkaitan modul baharu bagi program baharu yang akan dicadangkan nanti. Pertama, sewajarnya berlaku integrasi objektif-objektif program pengganti PLKN ini ke dalam modul kurikulum di sekolah-sekolah hari ini dan dilakukan secara lebih efektif. Ini adalah bagi memastikan tidak berlakunya percanggahan dalam pembinaan sahsiah para pelajar kita, anak muda kita akibat modul yang berbeza di antara dua kementerian yang terbabit.

Jika tidak akan berlaku satu kejutan sahsiah diri sebagai mana pernah ditimbulkan kritikan ke atasnya dalam pelaksanaan PLKN yang dahulu. Medan pembinaan sahsiah anak-anak kita di sekolah yang memakan masa bertahun-tahun lamanya tidak boleh sama sekali dipinggirkan oleh satu program oleh Kementerian Belia dan Sukan yang tidak diintegrasikan. Kedua Tuan Pengurus, adalah perlunya modul baharu yang menerapkan, bagi saya perlunya satu modul baharu yang menerapkan nilai-nilai Islam yang terbukti berjaya dan menepati objektif kerajaan untuk memastikan pembentukan karakter jati diri dan semangat kenegaraan di kalangan anak-anak kita. Nilai-nilai yang diterapkan oleh Islam begitu menitik beratkan soal pengenalan diri dan hubungannya dengan Allah dan kehidupan mereka di dunia ini. Ia juga begitu menitik beratkan soal akhlak dan semangat kesukarelawanan yang tinggi sesama insan.

Saya yakin dengan modul yang benar-benar berkesan akan memastikan kejayaan kita membina dan melahirkan generasi muda negara kita yang cemerlang. Suka saya sebutkan di Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan seharusnya menjadikan kalau boleh menjadikan Jabatan AMAL Malaysia di bawah PAS sebagai salah satu contoh yang baik kepada kejayaan sebuah program kesukarelawanan yang dikendalikan oleh rakyat kita sendiri. Jabatan AMAL ini yang anggota-anggotanya bukan saja berkhidmat untuk program-program parti tetapi mereka telah berjaya dibentuk untuk bersegera di dalam memberikan khidmat bantuan kesukarelawanan kepada masyarakat di dalam susah senang kehidupan mereka terutama pada waktu banjir, bencana alam, lemas dan sebagainya.

Malah di setengah-setengah negeri telah berlaku *engagement* Jabatan AMAL dengan agensi kerajaan seperti bomba, trafik polis dan sebagainya. Ini adalah hasil modul latihan yang dibentuk dan diperbaharui setiap masa sejak lebih 20 tahun yang menjadikan Islam sebagai sumber utama pembinaan modulnya. Justeru saya fikir Jabatan AMAL perlu dijadikan salah satu contoh utama bagi pihak kerajaan untuk mengangkat nilai jati diri dan kesukarelawanan dalam diri setiap remaja kita hari ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ada sesiapa?

**Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]:** Tuan Pengerusi, Parit.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagan Serai.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Parit.

**Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]:** Parit.

**Tuan Pengerusi:** Selepas itu Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Parit dulu.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sila, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Mungkin sebelum itu kita ambil dua orang pembahas sebab Yang Berhormat Parit ialah pembahas yang ke-20 selepas itu..

**Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]:** /Ketawa/ Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Dua orang lagi.

**Laksamana Muda Dato' Pahlawan Danyal Balagopal Abdullah (B) [Port Dickson]:** Port Dickson.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Port Dickson, tiga orang *then* kita minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Parit dulu.

### 5.18 ptg.

**Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]:** Saya juga ingin turut serta membahaskan B.45 Kementerian Belia dan Sukan dan saya ingin menyentuh Butiran 050500 – SIC. Kita sedia maklum bahawa kos penganjuran ini memang cukup tinggi setiap tahun. Namun begitu pulangan daripada penganjuran kejohanan ini semakin berkurangan dari segi penonton, pengunjung dan jumlah kedatangan pelancong asing semasa perlumbaan berlangsung sejak beberapa tahun yang lalu.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah kewajaran peruntukan di bawah butiran ini memandangkan kerajaan sedang melaksanakan langkah penjimatan? Adakah terdapat keperluan yang mendesak untuk diadakan peruntukan terhadap SIC ini? Adakah kementerian berhasrat untuk mengembalikan semula kejohanan Formula 1 dalam keadaan negara yang dikatakan mempunyai bebanan hutang yang tinggi seperti didakwakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan?

■1720

Kedua, saya juga ingin menyentuh Butiran 060200 – PLKN. PLKN ini merupakan satu medan bagi memupuk hubungan baik dan perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum di dalam negara kita. Negara kita terdiri daripada masyarakat pelbagai kaum. Pusat Latihan Khidmat Negara mewujudkan perpaduan dan kerjasama antara semua kaum. Melalui program ini pelatih berpeluang untuk mengenali antara satu sama lain serta berkongsi budaya dan adat resam antara suku kaum yang lain.

Objektif penubuhan PLKN ini juga adalah bertujuan untuk meningkatkan semangat patriotisme di kalangan generasi muda khususnya bagi memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional, membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni, menyemarakkan semangat kesukarelaan, melahirkan generasi muda yang lebih cergas, cerdas dan juga penuh keyakinan. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, bagaimanakah status aset-aset yang diperoleh oleh PLKN sekiranya program ini dimansuhkan?

Kedua, apakah program yang telah dirangka oleh kementerian bagi menggantikan program PLKN ini? Bagaimanakah usaha yang akan dijalankan oleh kementerian dalam usaha memupuk semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda Tuan Pengurus.

**Tuan Pengurus:** Terima kasih. Yang Berhormat Port Dickson.

## 5.22 ptg.

**Laksamana Muda Dato' Pahlawan Danyal Balagopal Abdullah (B) [Port Dickson]:** Tuan Pengurus, saya rujuk pada Butiran 030800. Adakah kementerian ambil kira penyiasatan SPRM terhadap RM100 juta yang didapati ada penyelewengan walaupun Yang Berhormat Rembau pertikai mengatakan hanya RM38 juta sahaja? Itu satu. Butiran 070100 – Biro Tatanegara. Saya berpendapat bersetuju dengan Yang Berhormat Pontian, BTN memang ada satu matlamat yang bagus, silibus yang jujur serta yang bagus bagi pemimpin-pemimpin masa depan.

Namun sedemikian, apa yang telah berlaku adalah tatacara pengendalian kursus BTN. Di mana pensyarah-pensyarah tertentu telah menggunakan program itu untuk membangkitkan isu-isu perkauman. Itu yang telah terjadi. So, *in other words, they have* dengan izin *created polarization.*

Butiran 080100 seperti yang telah diusulkan oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar dan program sukarelawan patut dititik beratkan. Ini memang satu dengan izin *a witness of the current generations. There is a lack of volunteerism.* Saya juga meminta perhatian mengambil kira keperluan peruntukan yang lebih pada usul-usul yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Arau dan juga Yang Berhormat Sibuti bagi atlet-atlet ataupun olahragawan-olahragawan yang dicalonkan untuk menyertai negara seperti yang berlaku pada Asian Games yang akan datang di mana atlet telah disuruh membayai kos sendiri sehingga RM5,000 perseorangan. Itu tidak boleh diterima. Seharusnya dibiayai oleh kerajaan.

Di sini saya minta kementerian meneliti semua peruntukan yang telah dibentangkan di sini supaya kekurangan yang lain seperti diusulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat diatasi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Bagan Serai. Selepas Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Pengkalan Chepa, pembahas terakhir ya.

## 5.25 ptg.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *Bismilahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengambil maksud B.45 dan juga P.45 butiran 060200 iaitu Latihan PLKN dan juga Butiran 00119 iaitu Projek Pembangunan Biro Tatanegara. Seperti yang kita sedia maklum PLKN ini dah lama dah 14 tahun sejak tahun 2004 lagi di mana satu kem dulu membelanjakan hampir atau melebihi sedikit RM3 juta. Membina satu kem ini, satu kem di setiap negeri pada asalnya dan kemudian sehingga kini ada 81 kem.

Seperti yang telah kita dengar dalam perbahasan hari ini sudah tentu cita-cita murni dan usaha-usaha yang baik dilakukan mempunyai modul-modul yang betul-betul dibuat kajian untuk melahirkan insan yang betul-betul berguna untuk negara. Akan tetapi dalam apa aspek sekali pun, dalam apa kerja sekali pun, pelaksanaan dan nawaitu mestilah jelas, mestilah jujur dan sebagai nya. Kalau tidak macam-macam perkara yang akan berlaku untuk mencapai hasrat dan cita-citanya.

Apabila Yang Berhormat Menteri memberikan kata-kata bahawa PLKN dan BTN ini kemungkinan besar akan dimansuhkan, saya terfikir tentang pengusaha-pengusaha ini. Pengusaha-pengusaha yang telah membuat pelaburan yang banyak dulu membina hostel, membina asrama, membina dewan, dewan makan, padang dan sebagainya infrastruktur, prasarana dan kini berdepan dengan masa depan yang macam mana. Jadi, kalau ini dimansuhkan bagaimakah masa depan pengusaha-pengusaha ini?

Kita dengar tadi ada kakitangan kontrak semuanya akan diserapkan dalam KBS. Bagaimana dengan orang-orang lain yang terlibat dalam menjalankan PLKN ini? Sudah tentu ada yang mungkin kehilangan kerja. Saya juga ingin bertanya bagaimakah perancangan tempat ini untuk masa depan? Adakah tempat ini, yang begitu besar, yang begitu banyak pelaburan, akan jadi seperti gajah putih?

Begitu juga dengan Butiran 00119 iaitu Projek Pembangunan Biro Tatanegara. Kalau tempat ini dimansuhkan, bagaimana dengan benda-benda yang akan berlaku ini terutama yang melibatkan pekerjaan dan pelaburan yang begitu banyak. Begitu juga aset-aset yang ada ini, apakah dia akan jadi juga seperti yang saya katakan tadi "*gajah putih*"? Jadi, sini saya bertanya kepada Menteri. Saya ucapan terima kasih kepada Tuan Pengurus bagi peluang kepada Bagan Serai untuk bercakap. Terima kasih.

**Tuan Pengurus:** Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Rantau Panjang.

[Ketawa]

**Tuan Pengurus:** Oh! Rantau Panjang, maafkan saya. Negeri yang sama, kawasan lain. [Ketawa] Maafkan ya.

### 5.28 ptg.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Pengurus kerana memberi peluang kepada saya. Saya juga ingin berbahas Butiran 03000 di bawah maksud B.45 Kementerian Belia dan Sukan dan juga Butiran 050000, Butiran 060000, dan juga Butiran 070000. Kalau kita melihat peranan generasi muda hari ini sangat penting sebab dia adalah masa depan ummah. Belia yang kita harapkan adalah belia yang akan menjadi harapan masa depan negara yang akan mengganti kepimpinan yang ada.

Jadi, kita seharusnya peranan yang dimainkan oleh Kementerian Belia ini sangat penting. Kita lihat masalah belia hari ini cukup membimbangkan kita. Jadi, saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian sejauh mana modul yang akan digubal oleh

pihak kementerian untuk menggantikan projek-projek yang telah dibatalkan termasuk PLKN, BTN dan 1M4U yang akan distrukturkan semula. Sejauh mana modul untuk melahirkan jati diri belia, untuk melahirkan belia yang mempunyai kekuatan jiwa, yang mempunyai kekuatan fizikal, yang mempunyai kekuatan mental untuk berdepan dengan segala cabaran yang ada.

■1730

Oleh sebab kita lihat hari ini, walaupun kita telah merdeka lebih daripada 60 tahun, apa jadi kepada belia kita? Betapa ramai belia kita yang terlibat dengan dadah, berapa ramai belia kita yang terlibat dengan gejala sosial. Semua ini adalah merugikan masa depan negara.

Saya ingin menyentuh berkaitan dengan Butiran 03000 iaitu berkaitan dengan kakitangan kontrak yang di bawah Latihan Khidmat Negara. Hasil daripada penutupan PLKN ini, saya ingin tahu berapa ramai kah kakitangan kontrak ini yang terlibat? Apakah masa depan mereka apabila PLKN ini ditutup, apakah masa depan mereka? Maksud saya kerja akan diberikan kepada mereka ataupun kontrak mereka tidak akan disambung. Apakah pampasan yang telah diberi kepada mereka?

Begitu juga pusat-pusat latihan PLKN, kem-kem yang sudah tentu telah menelan kos yang begitu banyak, setiap tahun wang negara kita telah dilaburkan untuk kem-kem Pusat Latihan Khidmat Negara ini.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempergerusikan Jawatankuasa]*

Saya ingin tahu berapakah anggaran kerugian hasil daripada penutupan PLKN ini, begitu juga dengan BTN. Saya ingin tahu, apakah perancangan supaya kem-kem ini tidak dijadikan sarang tempat gejala sosial, tempat penagihan dadah dan sebagainya. Perkara ini perlu disegearkan supaya harta-harta aset negara ini tidak dibazirkan begitu sahaja.

Saya ingin penjelasan juga iaitu berkaitan dengan projek SIC yang menelan kos RM25 juta. Apakah justifikasinya program *one-off* diberi kepada SIC ini di mana banyak peruntukan lain telah dipotong sedangkan projek ini kita lihat diberi peruntukan begitu banyak.

Begitu juga tentang berkaitan dengan Biro Tatanegara. Jadi saya ingin tahu, apakah program alternatif yang akan dibuat selepas kerajaan mencadangkan

penutupan Biro tatanegara. Berapakah kakitangan yang terlibat? Oleh sebab kita tengok dan lihat di sini begitu banyak emolumen, peruntukan yang telah disediakan untuk kedua-dua agensi ini di bawah PLKN dan di bawah Biro Tatanegara. Bagaimana mereka hendak diserap di bawah Kementerian Belia dan Sukan sedangkan mereka berada merata di seluruh negara. Apakah perancangan untuk mereka sebab kita tidak mahu golongan kakitangan kita ini teraniaya.

Begitu juga dengan Program 1M4U yang saya kira program ini sebenarnya, sekiranya digunakan dengan sebaik mungkin untuk kita melatih lebih ramai lagi sukarelawan belia-belia kita, remaja-remaja kita untuk memberi sumbangan kepada negara. Jadi saya ingin tahu dari sudut cadangan penstrukturkan semula yang akan dibuat terhadap Program 1M4U ini, apakah dasar yang akan diguna pakai.

Sejauh mana penglibatan kementerian untuk memastikan belia dan beliawanis ini, peranan mereka kita optimumkan untuk menjamin kepimpinan generasi akan datang. Jadi kita harapkan semua program di bawah Kementerian Belia dan Sukan ini dapat disusun dengan terbaik untuk melahirkan belia negara yang mempunyai jiwa yang hebat yang akan jadi pemimpin pada masa depan. Itu sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang sebagai pembahas yang terakhir. Telah ada seramai 23 Ahli Yang Berhormat telah membahaskan perkara ini. Sekarang saya menamatkan perbahasan dan menjemput Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan untuk menjawabnya. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

### 5.34 ptg.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Sim Chee Keong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah bangkit untuk membahaskan butiran-butiran yang berkenaan dengan Kementerian Belia dan Sukan. Saya tadi kira lebih kurang ada 23 Ahli Yang Berhormat dan kalau setiap orang bertanya lebih kurang dua soalan maka ada 46 soalan, hampir 50 soalan yang perlu saya jawab.

Akan tetapi saya nampak daripada soalan-soalan yang ditanya banyak yang mempunyai persamaan. Jadi saya akan menjawab secara serentak. Kalau ada apa-apa soalan yang difikirkan belum terjawab termasuk kalau Yang Berhormat Arau merasakan soalan beliau tidak terjawab, saya akan berikan tumpuan khas supaya dijawab melalui jawapan bertulis. Tuan Pengerusi yang saya hormati.

*Tenaga anak muda jangan dipandang ringan,  
Hang Tuah lima bersaudara pendekar Bentan,  
Walau belia umur belasan,  
Amuk dilawan lanun di tawan.*

Saya ingin menginsafkan Dewan yang mulia ini terhadap asbab anak muda ataupun belia di Malaysia ini. Kita jangan pandang enteng terhadap kebolehan, kemampuan dan tenaga orang muda. Oleh sebab tenaga ini mampu menjana sama ada kerosakan ataupun pembinaan sebuah negara dan bangsa yang cemerlang. Saya lihat banyak soalan adalah berkenaan dengan program-program PLKN dan BTN. Antara kegusaran yang telah diluahkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ialah jika program ini dimansuhkan, mengapa pula ada bajet-bajet yang diperuntukkan dalam butiran tersebut.

Di sini saya ingin memulakan jawapan saya dengan menyatakan bahawa semua butiran atau perbelanjaan ini bukan perbelanjaan yang baru. Semua perbelanjaan ini merupakan perbelanjaan yang telah pun diluluskan di bawah Bajet 2018 di bawah kerajaan yang lama dahulu. Apabila berlaku perpindahan dari segi tugas ataupun *the supervision*, dengan izin program-program tersebut ke Kementerian Belia dan Sukan maka baki bagi program-program tersebut juga dipindahkan dengan setara.

Jadi, saya ingin memberi jaminan bahawa ini bukan perbelanjaan baru tetapi merupakan perbelanjaan yang telah pun ditetapkan. Ada yang juga berkata bahawa jangan dimansuhkan lagi PLKN ataupun BTN. Ada yang kata biarlah kita mansuhkan dan kita tambahkan dengan program yang lain. Ada yang kata, biar kita pertingkatkan yang sedia ada.

Di sini saya ingin memaklumkan bahawa PLKN dan BTN telah pun dimansuhkan dengan keputusan Kabinet pada minggu lepas. Jadi tidak ada soal sama ada hendak mansuh ataupun belum mansuh lagi. Itu satu.

Kedua, oleh sebab perpindahan program ini baru berlaku, akhir minggu lepas keputusan dibuat. Perpindahan program ini masih dalam proses peralihan atau dengan izin, *it's still in transition period*. Maka, ada beberapa perkara yang kita perlu jitukan termasuklah pekerja-pekerja tidak kiralah kontrak atau pun pekerja tetap di bawah program-program dan agensi ini. Kalau tidak ada peruntukan yang dipindahkan maka mungkin mereka terpaksa diberhentikan serta-merta.

Jadi, peruntukan ini adalah untuk memastikan sekurang-kurangnya di dalam proses atau masa peralihan ini kita dapat membayai kos-kos emolumen, perkhidmatan, pekerjaan dan utiliti yang telah pun diperlukan dalam bajet lepas. Berkenaan soalan tentang apa pula pengisian baru ataupun apa pula program-program baru yang akan diwujudkan untuk menggantikan program-program seperti PLKN dan BTN. Saya di sini ingin menyatakan bahawa seperti yang saya katakan tadi, kita baru terima keputusan Kabinet dan masih lagi dalam proses peralihan.

Akan tetapi apa yang saya boleh jamin ialah apa yang kita tengah lakukan sekarang ialah sedang menyusun dan meneliti semula program terdahulu dari segi skopnya, dari segi fungsinya, dari segi peruntukan kewangannya, dari segi asetnya. Kita hendak supaya jika ada program baru yang diwujudkan nanti, sudah tentu akan mengambil kira aspek-aspek atau idea-idea cadangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi termasuk Ahli Yang Berhormat Rembau yang saya kira mempunyai banyak pengalaman.

Itulah saya rahmat kepada Parlimen ini yang di sebelah sana, mereka mempunyai pengalaman menjadi kerajaan, jadi tahu serba sedikit selok-belok kerajaan. Sebelah sini pula ada pengalaman jadi pembangkang. Jadi kita tahu bagaimana rasanya jika dimangsakan oleh kerajaan. Maka kita tidak akan mengulangi kesilapan-kesilapan yang dilakukan sebelum ini.

#### ■1740

Jadi matlamat kita ialah kita ingin menggunakan pendekatan yang lebih holistik dengan menggabungkan aktiviti-aktiviti *indoor* dan *outdoor* termasuk apa yang telah dicadangkan tadi, tidak kira daripada Yang Berhormat Rembau ataupun daripada Yang Berhormat Nibong Tebal, aktiviti-aktiviti yang boleh menjurus kepada peningkatan kemahiran termasuklah kemahiran daripada segi ekonomi. Tujuannya semua ini adalah untuk menjurus kepada membina, menyerlahkan potensi anak muda Malaysia sebagai *strategic partner*, dengan izin, rakan strategik dalam membentuk hala tuju negara kita.

Kita memberi jaminan di sini bahawa program-program baru yang bakal diperkenalkan itu akan bebas daripada elemen yang mempunyai kepentingan politik parti yang sempit dan juga bebas daripada unsur-unsur perkauman. Saya harap jaminan itu akan disambut baik bukan sahaja daripada pihak kita tetapi juga daripada pihak di sebelah sana.

Saya kira prinsip yang kita hendak gunakan untuk membangunkan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan, Yang Berhormat.

**Tuan Sim Chee Keong:** Sebelum saya berikan kepada Yang Berhormat Arau, saya hendak jawab soalan Yang Berhormat Arau sebenarnya tentang Salahuddin Al-Ayyubi.

Prinsip yang kita hendak gunakan dalam mencorakkan semula program PLKN, BTN dan saya rasa prinsip secara amnya dalam kerajaan baharu ini— tadi Yang Berhormat Arau kata mesti berpandukan kasih sayang, *love*. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Arau kepada tema Hari Kebangsaan kita pada tahun ini iaitu ‘Sayangi Malaysiaku’ atau dalam bahasa Inggeris, dengan izin, ‘Love Our Dear Malaysia’, *our country*.

Jadi saya rasa Yang Berhormat Arau tidak perlu bimbang, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga tidak perlu bimbang. Prinsip ataupun nilai yang akan diterapkan tak kira dalam PLKN yang baharu ataupun BTN, kalau ada yang baharu, akan berpandukan nilai-nilai kasih sayang, nilai-nilai inklusif. Nilai-nilai ketimuran, ya saya setuju tetapi saya juga menarik perhatian Yang Berhormat Kuala Kangsar bahawa nilai-nilai ketimuran tidak semestinya bercanggah dengan Rukun Negara ataupun nilai-nilai liberal sebab dalam Rukun Negara kita, dalam mukadimahnya juga disebut negara Malaysia kita mendukung cita-cita hendak menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaan yang kaya dan pelbagai corak.

Jadi kita akan terapkan unsur-unsur begini. Unsur-unsur dalam agama Islam, saya rasa tidak perlu juga akan adanya label. Kita akan terapkan unsur-unsur keadilan, unsur-unsur seperti kemanusiaan, hormat-menghormati, unsur-unsur seperti meraikan kepelbagaian. Saya percaya, saya yakin ini juga ada dalam ajaran agama bukan sahaja agama Islam tetapi agama-agama lain. Jadi itu jaminan yang kita hendak bagi.

Saya berikan kepada Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Pengurus, apakah Yang Berhormat ingin beri jaminan bahawa pekerja-pekerja, kakitangan kontrak ataupun tetap diberi jaminan bahawa mereka tidak dibuang kerja? Yang Berhormat, Yang Berhormat faham apa makna kasih sayang. Yang Berhormat pun pandai berkasih, saya pun pandai bersayang. Jadi, kasih sayang bukan setakat mulut tetapi mesti diiringi dengan perbuatan. Kalau setakat kata kita kasih sayang tetapi perbuatan lain, itu bukan kasih sayang, Yang Berhormat.

Kalau sekiranya Yang Berhormat nak ambil pendekatan Genghis Khan iaitu bunuh habis orang selepas menang, jadi Yang Berhormat boleh berbuat demikian, tetapi kalau Yang Berhormat nak ambil pendekatan Salahuddin Al-Ayyubi yang memberikan

keampunan kepada *Richard the Lionheart*, itu yang terbaik. Sebab, cara Yang Berhormat cakap tadi bahawa kerajaan ini ialah meletakkan kasih sayang, saya setuju.

Kami ini, kalau yang baik, kami tetap sokong. Bajet ini kami sokong tetapi boleh tak bagi kasih sayang sedikit? Ini dah menang, kita dah menang. Supaya jangan menghukum mereka. Hukum kami tak apa, kami rela, reda tetapi jangan hukum anggota kerajaan yang berstatus kontrak dan sebagainya.

**Tuan Sim Chee Keong:** Bab kasih sayang memang kita perlu banyak belajar daripada Yang Berhormat Arau tetapi jangan Yang Berhormat Arau bimbang. Jika...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dari Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Tuan Sim Chee Keong:** [Ketawa] Jika pembangkang di sebelah sana pun kita tidak hukum dan kita tidak menggunakan kaedah pendekatan balas dendam, apakah lagi penjawat awam yang telah banyak berkhidmat kepada negara tanpa mengira siapa tuan politiknya. Jadi saya rasa dalam bab itu tidak perlu dikhuatiri sebab kita akan mengadakan rombakan semula dan di mana yang boleh, kita akan serapkan ke dalam program-program yang baharu.

Daripada segi ...

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Maaf.

**Tuan Sim Chee Keong:** Okey.

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Tuan Pengurus, walaupun saya tadi tidak ambil bahagian tetapi kerana nampaknya saya ada sikit perlu penjelasan daripada Timbalan Menteri mengenai, sama juga, program JLKN.

Tadi Yang Berhormat Arau sebut bahawa kasih sayang iaitu tak perlu balas dendam kepada anggota-anggota yang terlibat dalam program ini. Tapi saya minta penjelasan daripada Timbalan Menteri, macam mana dengan kontraktor-kontraktor khasnya yang dapat keuntungan tinggi daripada sewaan kem-kem dalam program ini? Macam mana kerajaan baharu ini akan selesaikan semua kem-kem dan sewaan yang tinggi dan juga keuntungan kontraktor semua ini?

**Tuan Sim Chee Keong:** Terima kasih Yang Berhormat dari Kluang. Kita tidak tahu formula apa yang telah digunakan ataupun prinsip apa yang telah digunakan oleh kerajaan terdahulu apabila mereka memberikan kontrak kem-kem, menggunakan kem-kem PLKN ini kepada kontraktor swasta dan tidak menggunakan fasiliti kerajaan. Mungkin difikirkan pada masa itu lebih sesuai, kita tidak tahu. Akan tetapi apabila kita

melihat semula, nampaknya antara kos paling tinggi dalam program PLKN ini ialah bayaran sewa kepada kontraktor-kontraktor yang melaksanakan kem-kem ini.

Jadi, amat malang sekali, kerajaan dahulu telah pun mempunyai kontrak di mana telah dipersetujui akan menggunakan antara beberapa kem ini sehingga tahun-tahun tertentu, contohnya sehingga tahun 2020. Untuk program yang baharu yang kita akan anjurkan, kita akan meneliti semula kontrak-kontrak yang telah ditandatangani untuk memastikan jika tidak dapat memansuhkan kontrak yang tidak adil sekalipun, kita kena memastikan bahawa ia memberikan kepentingan di pihak kerajaan dan bukan memberikan kepentingan kepada kontraktor swasta, jauh lagi kepentingan kepada kontraktor kroni. Saya bukan kata kita tidak akan mansuhkan ataupun kita akan mansuhkan sebab kita kena teliti dahulu kontrak yang telah dimeterai sebelum ini, sebelum keputusan dibuat.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Sim Chee Keong:** Silakan.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sikit sahaja mengenai kos PLKN ini. Saya cuma nak beri pembetulanlah, perspektif yang betul. Kos ini ada dua komponen. Satu mungkin ada, dengan izin, *padding*. Maknanya kalau kosnya RM50, ada tambahanlah atas sebab tertentu ya. Yang Berhormat Menteri mungkin memberi gambaran mungkin ada.

Satu lagi ialah makan ini sebenarnya memanglah kos tinggi kerana— disebut sewa ya. Itu sebenarnya sewa dan makan kalau tak silap saya. Jadi saya nak Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan, adakah sewa sahaja ataupun makan sekali? Sebab makan ini ada pagi, petang, malam.

Pada pandangan saya, sebahagian kos itu untuk makan. Memang mana-mana program kursus dan latihan mana-mana pun, kalau kita pergi ke maktab ataupun latihan tentera atau polis, yang paling tinggi sekali ialah makan. Saya nak minta penjelasan ini. Ada dua komponen. Yang sewa itu adakah untuk bangunan sahaja ataupun untuk makan? Pada pandangan saya, sewa bangunan campur dengan makan. Itu sebabnya ia agak tinggi.

**Tuan Sim Chee Keong:** Terima kasih Yang Berhormat dari Jeli. Itulah yang saya katakan tadi, rahmat Parlimen kali ini ialah pembangkang yang mempunyai pengalaman berada di sebelah sini. Jadi mereka tahu serba sedikit tentang apa yang telah berlaku.

Saya nak katakan di sini, apa-apa pun kosnya itu, sudah tentu saya akan semak apakah pecahan ataupun komponen kos sewa yang dikatakan tinggi itu, tetapi apa hala

tuju kita yang seterusnya yang saya rasa lebih penting ialah untuk mengoptimumkan perbelanjaan yang akan digunakan tak kira untuk PLKN, BTN ataupun SIC sekalipun. Antara caranya ialah untuk melaksanakan perolehan secara tender terbuka. Saya rasa Yang Berhormat Jeli akan setuju bahawa dengan kaedah itu, kita bukan sahaja akan ada ketelusan tetapi kita akan ada ketelusan yang akan menjurus kepada kecekapan daripada segi kewangan dan kecekapan daripada segi *delivery*.

Jadi, soalan daripada Yang Berhormat Ipoh Timur tadi tentang apakah jaminan yang akan diberikan agar program baharu yang dianjurkan itu, diwujudkan itu tidak akan mempunyai agenda politik sempit kepentingan parti.

### ■1750

Saya di sini hendak sebut juga sebab saya tengok kebelakangan ini banyak kita yang takut sangat dengan perkataan politik. Tuan Pengurus yang saya hormati sekalian, politik sebenarnya bukan perkara buruk. Kita semua ahli politik. Kalau politik itu perkara buruk, maka kita semua orang jahat. Saya rasa tidak. Kita semua, apa yang kita tolak di sini ialah politik sempit, politik rasuah, politik salah guna kuasa, politik penindasan, politik perkauman. Kita hendak mengangkat politik dalam corak kerangka demokrasi, politik dalam corak kerangka keadilan.

Justeru, dari segi membentuk program-program yang baru, kita akan mendapatkan pandangan, *feedback*, maklum balas, cadangan dan idea. Bukan saja daripada sektor kerajaan tetapi kita akan dapatkan idea daripada pelbagai sektor. Saya jemput Ahli-ahli Yang Berhormat di sini, tidak kira di sebelah sini ataupun di sebelah sana untuk tampil memberikan cadangan kepada kami dalam kita membentuk satu perubahan yang betul-betul akan membawa manfaat...

#### **Seorang Ahli: [Bangun]**

**Tuan Sim Chee Keong:** Nanti, tunggu sekejap. Biar saya habiskan bab ini. Apa yang betul-betul akan memberikan manfaat kepada negara kita. Sudah tentu dalam membentuk program-program yang baru ini kita akan melibatkan sektor masyarakat sivil daripada para akademik, *stakeholders* seperti ibu bapa dan juga anak muda sendiri, belia sendiri. *We want to hear from them what they want*, dengan izin. Oleh sebab kita tidak boleh lagi melihat belia- ini juga saya hendak sebagai rekod dalam Dewan yang mulia ini. Kita tidak boleh lagi melihat belia sebagai suatu sektor yang bermasalah sahaja. Cakap fasal belia, kita cakap fasal dadah, cakap fasal belia, kita cakap fasal gejala sosial, cakap fasal belia, kita cakap fasal budaya lepak. Jangan ingat, jangan lupa, di sini kalau dari segi umur belia, kita ada Yang Berhormat Menteri 26 tahun yang sudah

pun menjadi seorang Ahli Kabinet. Kita ada Ahli Parlimen yang umurnya baru 22 tahun saya rasa, ya daripada Batu.

Jadi, belia tidak semestinya kena kaitkan dengan unsur-unsur yang jahat. Kita hendak- antara prinsip yang kita hendak lihat ialah kita hendak menggunakan peluang yang ada melalui program-program baru ini untuk menjadikan belia seperti yang saya katakan tadi, rakan strategik, melibatkan dalam membentuk hala tuju negara. Justeru itu, antara visi kerajaan baharu ini ialah undi 18 tahun, di mana kita hendak melibatkan anak muda sampai umur 18 tahun dalam proses demokrasi di negara kita. Saya harap juga bila cadangan ini dibawa ke Dewan yang mulia ini, akan mendapat sokongan tidak berbelah bahagi daripada kedua-dua pihak. Yang Berhormat Kuala Kangsar.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Pengurus, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya terdengar tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut mengenai politik sempit dan juga politik rasuah dan perkauman. Saya juga ingin mengesyorkan supaya Yang Berhormat Menteri panjangkan sedikit senarai itu, menolak politik fitnah dan juga politik persepsi yang tidak betul. Keduanya Yang Berhormat Menteri, di dalam Dewan ini ada seorang insan yang bernama Yang Berhormat Rembau yang telah berusaha begitu gigih sekali ketika beliau menjadi Menteri Belia dan Sukan. Ketika beliau menganjurkan satu program bernama TN50. Di mana saya harap Yang Berhormat Menteri akan cedok ataupun dapat beberapa ilham daripada usaha beliau mengenai pandangan-pandangan anak muda yang beribu-ribu cadangan-cadangan yang telah diformulasikan dan saya harap kita raikan bersama. Terima kasih.

**Tuan Sim Chee Keong:** Saya setuju sama sekali tentang perlunya untuk menolak politik fitnah. Saya harap Dewan yang mulia ini dan Ahli-ahli Yang Berhormat di sini akan menjadi teladan kepada anak muda di luar sana supaya kita bukan saja tidak mengamalkan politik fitnah, malah kita menolak siapa-siapa yang mengamalkan politik fitnah ini. Saya tadi sudah kata, kita ambil cadangan. Tadi saya pun sudah sebut nama Yang Berhormat Rembau, kita ambil cadangan beliau. Berkenaan TN50 pun sudah dimaklumkan sebelum ini bahawa maklum balas yang telah diterima, input-input yang telah diterima daripada Program TN50 itu telah pun diserahkan kepada EPU dan akan dipertimbangkan sebagai satu input untuk merangka dasar-dasar kerajaan di masa hadapan. Jadi, kita tidak menolak. Apa yang baik kita terima, apa yang buruk kita tolak.

IM4U- tadi Yang Berhormat Kuala Kangsar dan juga Yang Berhormat Merbok ada menyebut tentang kekurangan semangat kesukarelawan di negara kita Malaysia ini.

Saya rasa itu satu pemerhatian yang benar. Memang kita lihat tidak ramai yang sudi untuk tampil berkecimpung dalam bidang-bidang kesukarelawan, aktiviti-aktiviti kesukarelawan. Jadi, apakah faktornya yang menjurus kepada perkara ini? Saya rasa ada banyak faktor dan berbalik kepada apa yang saya katakan tadi, pemimpin patut jadi sebagai teladan.

Jadi, saya hendak- apabila kita merombak semula program 1M4U ini, saya juga hendak mengajak semua pemimpin-pemimpin, Ahli-ahli Parlimen di sini, pemimpin-pemimpin politik di luar sana, pemimpin-pemimpin persatuan, biarlah kita juga menjadikan diri kita sebagai satu contoh yang baik. Jangan apabila Menteri kita menjadi teladan, mengutip sampah selepas pertandingan bola, orang Jepun kutip, kita tepuk tangan. Apabila orang kita sendiri, Menteri kita sendiri kutip hari itu, ada Ahli Parlimen dari sebelah sana yang perli semasa sesi soal jawab yang saya jawab tadi, yang saya jawab hari itu.

Jadi, kita jangan menjadikan perkara sukarelawan ini sebagai satu benda yang lucu, jadi *volunteer* saja, tidak ada gaji, buat drama ataupun *just a show*. Saya rasa kita patut menggalakkan dan kita mulakan dengan diri sendiri sebagai teladan kepada anak-anak muda di sana. Bak kata pepatah, “*guru kencing berdiri, murid kencing berlari*”. “*Bapak borek, anak rintik*”. Kalau generasi yang lebih tua, lebih matang, menunjukkan teladan yang baik, *we make volunteerism sexy again*, dengan izin.

Kalau pemimpin-pemimpin bersama-sama bertekad hati menjadikan unsur sukarelawan ini sebagai satu benda yang menarik, saya rasa anak muda juga akan tertarik kepada aktiviti-aktiviti sebegini. Kos yang tinggi diperuntukkan kepada Biro Tata Negara RM1.4 juta. Apakah elemen-elemen, butir-butir dalam kos tersebut, RM1.4 juta lebih kurang. Saya akan senaraikan di sini. Pertama sekali, sebab ini merupakan seperti yang saya katakan tadi, ini merupakan bajet terdahulu yang dipindahkan ataupun yang diperuntukkan semula ke KBS. Bajet ini terutamanya digunakan untuk menyelenggara dan membaiki kem-kem BTN yang dalam keadaan kritikal. Kem-kem tersebut termasuklah:

- (i) Projek pembinaan tapak perkhemahan di tapak Pusat Latihan Pasir Mas, Kelantan;
- (ii) Kerja-kerja pembaikan cerun di Kem Bina Negara Bukit Sagu, Kuantan, Pahang;
- (iii) Kerja-kerja pembaikan mendapan tanah di Kem Bina Negara Tanjung Rhu, Sepang, Selangor;

- (iv) Kerja-kerja pembaikan cerun di Kem Bina Negara Alor Gajah;
- (v) Kerja-kerja pembangunan cerun, tembok dan hakisan pantai di Kem Bina Negara Balik Pulau, Pulau Pinang; dan
- (vi) Kerja-kerja pembangunan cerun di Kem Bina Negara Kundasang, Sabah.

Jadi, boleh dilihat daripada senarai ini memang unsur-unsur yang agak kritikal, yang perlu dilaksanakan kerja-kerja pembangunan. Dikhawatirkan akan berlaku kemalangan jika tidak dipulihkan dengan segera. Jadi, RM1.4 juta ini adalah bertujuan untuk perkara ini. SIC juga, RM25 juta itu merupakan baki daripada bajet terdahulu sebanyak lebih kurang RM70 juta yang telah diperuntukkan sebelum ini kepada *Sepang International Circuit* (SIC) dan untuk RM25 juta ini ialah untuk penyelenggaraan litar.

#### **■1800**

Saya hendak sentuh sikit tentang SIC ini. Banyak kertas juga. Yang Berhormat Pendang rakan saya, orang Kedah, telah membangkitkan tentang isu peruntukan yang banyak dan adakah SIC ini mampu untuk berdikari? Saya rasa perkara ini juga perkara yang diambil berat oleh pentadbiran baru dan Yang Berhormat Kuala Krai juga bangkitkan isu ini tadi. Kita telah mengarahkan agar Sepang International Circuit (SIC) ini mencari kaedah kewangan yang lebih mampan atau, dengan izin, *sustainable* dan menjadi lebih berdikari.

Dahulunya, apabila mereka hanya bergantung kepada kerajaan, maka tidak ada keperluan untuk mencari kaedah-kaedah menjana pendapatan yang lebih. Akan tetapi kini apabila telah diarahkan supaya jangan bergantung sepenuhnya kepada kerajaan tetapi *become sustainable financially*, dengan izin, maka SIC telah mempunyai pelan jangka pendek untuk meningkatkan ataupun menambahkan pendapatan di Litar Sepang tersebut.

Contoh rancangan jangka pendek termasuklah satu, untuk mewujudkan satu pusat pengalaman memandu. Keduanya, membina litar *go-kart* ataupun *renovate*, menaik taraf litar *go-kart* dan juga mewujudkan litar *off-road*. Akan tetapi untuk jangka masa panjang dalam 5 tahun ini beberapa litar baru akan ditambahkan ke infrastruktur di SIC. Bukan sahaja untuk memperbanyak aktiviti sukan motor ini tetapi ini juga untuk membolehkan SIC menjana pendapatan yang lebih daripada sumber-sumber berkaitan dengan aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan di *facility* baru tersebut.

Contohnya, litar *drift*, taman tema, hotel, litar *motorcross* dan litar *drag*. Jadi, kita mempunyai keyakinan bahawa dengan kaedah pengurusan baharu yang menjurus

kepada penjimatan wang, menjurus ke arah ketelusan dan menjurus ke arah kewangan mampan, *self sustainable* yang berdikari, maka kita akan melihat pentadbiran ataupun pengurusan yang lebih sihat dari segi FIC.

Tadi ada soalan tentang adakah F1 akan diteruskan? Sudah pun diumumkan sebelum ini bahawa oleh kerana kekangan kewangan, maka perlumbaan F1 tidak akan diteruskan dan saya beri sebabnya. Apabila kita mula-mula dahulu menganjurkan F1, *rights fee* ataupun yuran hak penganjuran F1 tahun 1999, hanya RM25 juta. Pada tahun 2017, jumlah itu telah meningkat kepada RM228 juta. Maka, jelas peningkatan yang begitu banyak tinggi ini akan membelanjakan wang yang banyak dan mengurangkan peruntukan kepada aktiviti sukan yang lain. Akan tetapi walaupun kita telah membatalkan sukan F1 tetapi fokus akan terus diberikan kepada sukan pemotoran lain seperti MotoGP dan sebagainya. Berkennaan isu ini juga tadi ada disebut litar di Labuan, Yang Berhormat Labuan, ada lagi?

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Ya.

**Tuan Sim Chee Keong:** Litar di Labuan tersebut untuk makluman Ahli Yang Berhormat Labuan, ianya sebenarnya bukan di bawah kelolaan Kementerian Belia dan Sukan tetapi di bawah ICU di Jabatan Perdana Menteri.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Ya, betul tetapi...

**Tuan Sim Chee Keong:** Jadi, saya pun tidak dapat menjawab soalan ini bagi pihak Jabatan Perdana Menteri.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Akan tetapi akan di*handover* setelah siap kepada kementerian, diharap kementerian pun boleh tolong *fight*. Tolong *fight for us* lah.

**Tuan Sim Chee Keong:** Saya rasa apa Yang Berhormat boleh buat dan juga saya dengar tadi Yang Berhormat Hulu Selangor ialah untuk tampil, berikan satu surat kepada kita supaya kita boleh sama-sama bincang semula perkara ini. Saya rasa banyak-banyak soalan yang ditanya, soalan-soalan tersebut jugalah yang telah kita berikan jawapannya. Saya harap kalau ada mana-mana pihak yang rasa jawapan yang diterima itu belum mencukupi ataupun tidak dapat...

**Puan Hajjah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Saya tanya tadi berkaitan dengan jumlah kakitangan kontrak yang terlibat hasil daripada pemansuhan itu. Berapa jumlah yang terkesan?

**Tuan Sim Chee Keong:** Saya ada maklumat untuk jumlah kakitangan bagi Latihan Khidmat Negara. Kakitangan kontrak, kita ada lebih kurang 2,000 orang. Bagi

BTN, saya tidak ada jumlah kakitangan kontrak ataupun tetap. Jumlah keseluruhan kakitangan BTN ialah 628 orang, untuk makluman Yang Berhormat Rantau Panjang. Jadi, saya rasa itu sahaja jawapan saya kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

Saya berharap semua Ahli di dalam Dewan yang mulia ini kita boleh bekerjasama sebab belia merupakan aset negara. Saya ulangi, kita jangan lihat belia ataupun anak muda dari segi yang negatif sahaja. Bila sebut sahaja anak muda, kita bincang fasal lepak, dadah, bohsia, gejala sosial. Akan tetapi kita kena lihat anak muda ataupun belia, terutamanya belia pada hari ini. Kita perlu ada peralihan konsep umur abad ke-20 kepada konsep umur abad ke-21.

Saya merupakan belia abad ke-20, bila saya berumur 16 tahun baru dapat sebiji komputer yang pertama, *Intel Pentium 166 megahertz*. Saya rasa ramai anak muda sekarang pun tidak tahu apa benda itu sebab sekarang umur 16 tahun sahaja sudah ada sebiji *super computer* dalam poket mereka. Jadi, pendedahan, pengalaman yang mereka ada jauh lebih kaya, lebih mendalam, lebih meluas daripada belia pada zaman-zaman kita.

Jadi, kita kena lihat belia sebagai satu golongan yang matang yang kita perlu engage dan bukan hanya golongan yang kita perlu bantu dan kita perlu nasihat dan kita perlu memberikan pimpinan ataupun didikan semata-mata. Jadi dengan itu, saya mohon untuk mengakhiri ucapan saya dengan ayat ini yang dicadangkan oleh penjawat awam sendiri di *Townhall* bersama Yang Amat Berhormat Langkawi pagi tadi. Tuan Pengerusi, 'saya yang menjalankan amanah'. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM163,700,415 untuk Maksud B.45, di bawah Kementerian Belia dan Sukan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM163,700,415 untuk Maksud B.45, diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM5,156,957 untuk Maksud P.45 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

[Wang sebanyak RM5,156,957 untuk Maksud P.45 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018]

**Maksud B.46 [Jadual] –**

**Maksud P.46 [Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018]**

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.46 dan Kepala Pembangunan P.46 di bawah Kementerian Sumber Manusia terbuka untuk dibahas.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Yang Berhormat Setiu. Setiu, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya jemput Yang Berhormat Rembau.

**6.09 ptg.**

**Brig. Jen. Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ringkas sahaja di bawah Maksud Butiran 060500 - Penyelenggaraan Peralatan Latihan dan Bangunan IKBN (Baharu) dan juga 090000 – Pembangunan Belia dan Sukan (Baharu). Terdapat sebenarnya satu pemindahan besar dalam sistem TVET Kebangsaan. Kalau tidak silap saya, oleh kerana tajuknya Penyelenggaraan Peralatan Latihan dan Bangunan IKBN (Baharu) dan Pembangunan Belia dan Sukan (Baharu), bermaksud bahawa Bahagian Pembangunan Kemahiran yang dahulu terletak di bawah Kementerian Belia dan Sukan telah pun dipindahkan ke Kementerian Tenaga Manusia.

**■1810**

Ini bermaksud bahawa 20-21 daripada Institut Latihan Kementerian Belia dan Sukan termasuk IKBN dan IKTBN dan sebagainya telah pun dipindah kepada Kementerian Tenaga Manusia dalam usaha untuk merasionalisasikan sistem TVET negara kita.

Soalan saya kepada Kementerian Tenaga Manusia adalah, apakah pelan ataupun perancangan untuk TVET khususnya ILKBS yang terdahulunya terletak di bawah KBS apabila dimasukkan ke dalam Kementerian Tenaga Manusia? Hal ini disebabkan IKBN mempunyai sistem yang agak berbeza daripada ILP iaitu ILKA yang berada di bawah Kementerian Tenaga Manusia. IKBN, sejarah asal usulnya adalah

pusat belia yang memberi tumpuan kepada disiplin, yang memberi tumpuan kepada akhlak dan juga cara bagaimana untuk memulihkan anak muda yang mempunyai masalah sosial.

Jadi, apabila dimasukkan kepada Kementerian Tenaga Manusia, sentuhan ILP berbeza dengan IKBN. IKBN lebih kepada satu sistem yang lebih *strict*, satu sistem yang lebih tegas yang melihat kepada disiplin berbanding dengan ILP. Namun demikian, dalam Transformasi IKBN yang telah dilaksanakan pada tahun 2013 hingga tahun 2016, kita telah memberi tumpuan kepada aspek bagaimana IKBN dapat dirapatkan lagi dengan industri untuk meningkatkan lagi kebolehpasaran pelatih-pelatih IKBN.

Pada tahun 2013, 2014 tahap kebolehpasaran IKBN hanyalah 83 peratus lebih kurang dan pada akhir tempoh transformasi sehingga pada awal tahun ini, tahap kebolehpasaran pelatih IKBN adalah 93 peratus. Maka soalan saya adalah, apakah IKBN ini akan dijadikan seperti ILP? Bagaimana dengan institusi TVET yang lain? Hal ini sebab apabila KSM telah mengambil alih IKBN masih lagi terletak beberapa institusi TVET yang ada di luar daripada skop KSM.

Sebagai contoh politeknik yang ada di bawah Kementerian Pendidikan. Kedua, Kolej Kemahiran Teknologi MARA yang sekarang ini berada di bawah Kementerian Ekonomi. Jadi kalau hendak dipusatkan di KSM, satu cadangan yang baik sebab kita perlu ada *central authority* untuk TVET ini, apakah cadangan-cadangan berkenaan dengan penyelia TVET yang lain? Bermula dengan IKBN tak apalah, IKBN telah diserahkan oleh KBS bulat-bulat. Apa pula dengan yang lain? Ini juga berhubung kait dengan, saya dengar ada satu jawatankuasa yang ditubuhkan berkenaan dengan TVET yang dikatakan di bawah Yang Berhormat Permatang Pauh, apakah *jurisdiction* yang ada pada jawatankuasa ini? Hal ini kerana saya dengar ia diletak di bawah Kementerian Pendidikan.

Jadi, masalah pertindihan dari segi TVET, dari segi institusi TVET ini masih lagi berlaku. Kalau sekiranya hanya ambil IKBN sahaja, ia tidak menyelesaikan masalah keseluruhan berkenaan dengan satu sistem TVET yang dapat diurus pandu oleh satu kementerian, sama ada Kementerian Tenaga Manusia, Kementerian Pendidikan ataupun jawatankuasa yang telah ditubuhkan, masih lagi tidak ada satu pencerahan yang diberikan oleh pihak kerajaan. Jadi, dalam konteks saya tanya apakah masa depan IKBN, saya juga hendak tahu tentang masa depan TVET yang sepatutnya diselaraskan di bawah satu bumbung. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Rembau. Saya jemput Yang Berhormat Permatang Pauh.

#### 6.14 ptg

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi di atas peluang untuk saya turut serta di dalam Perbahasan RUU Perbekalan (Penguntukan Semula). Saya terus pergi kepada Butiran 060000 - Program Khusus, 070000 - Dasar Baharu, 090000 - Pembangunan Belia dan Sukan Baharu dan juga 100000 - Pengurusan Sumber Manusia dan Pembangunan Modal Insan Baharu. Saya terus juga kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rembau tadi di mana bila pemindahan berlangsung di antara kesemua IKBN dan IKTBN dan institusi kemahiran yang dahulunya di bawah Kementerian Belia dan Sukan, sekarang di bawah Kementerian Tenaga Manusia, ada beberapa bentuk pembaharuan yang telah diperkenalkan semasa dipimpin oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Saya sempat berbincang panjang dengan Ketua Setiausaha kementerian, Dato' Lokman Hakim Ali, di mana dinyatakan dari segi prestasi contohnya, enrolmen yang melibatkan 87,000 pelajar dari tahun 2010 hingga tahun 2017 dan mengeluarkan 48,406 graduan mengikut statistik *Malaysian Youth Data Bank System*. Maksudnya kebolehpasaran yang disebutkan tadi lebih kurang 93 peratus. Sekarang antara pembaharuan yang baru diperkenalkan dari segi kurikulum mengambil kira Industri Revolution 4.0, saya dirujuk kepada kejayaan *Penang Skill Development Centre* oleh kementerian. Maka saya mahu tahu dengan jelas, apa sebenarnya perancangan Kementerian Tenaga Manusia supaya usaha awal tidak mempunyai kesinambungan yang jelas. Hal ini kerana kita tahu kadangkala bila diserap masuk, ada cara yang berbeza dan kita harus pastikan *the best practices* itu tidak tenggelam dalam semua pembaharuan yang berlangsung.

Tuan Pengerusi, saya juga pergi kepada isu seterusnya berkait dengan penyelarasian TVET. Saya diberi mandat untuk melahirkan atau menyediakan laporan menjelang Disember tahun ini tetapi mahu tidak mahu, kita juga mahu perkembangan terkini oleh kementerian berkait dengan tabung PTPK. Kita tahu lebih ramai pelajar yang daripada keluarga berpendapatan rendah yang memerlukan dana pinjaman mungkin geran daripada PTPK tetapi jumlahnya jauh lebih kecil kalau berbanding dengan PTPTN.

Jadi, antara usaha-usaha kerajaan sementara kementerian mengambil masa untuk mengawal selia pelbagai perkara tidak boleh dipinggirkan. Seterusnya isu berkait dengan TalentCorp. Tuan Pengerusi, kita ada lebih jurang sejuta rakyat yang telah keluar dari Malaysia sehingga tahun 2011, sejuta orang. Saya pasti sekarang lebih ramai lagi. Saya hanya rujuk kepada statistik dan juga analisa yang dibuat terhadap TalentCorp. TalentCorp sangat penting- sekarang bawah Kementerian Tenaga Manusia diberikan tanggungjawab— untuk selama lapan tahun yang wujud ini, mengajak lebih ramai rakyat pulang ke Malaysia untuk bersama sebagai tenaga kerja.

Saya muh tahu bagaimakah kementerian bercadang untuk memastikan TalentCorp ini sesuatu yang penting mampu menggarap dan melahirkan lebih ramai lagi rakyat yang pulang ke Malaysia dengan masa depan terjamin. Saya rujuk ada sedikit *assessment*, laporan dengan izin, “*the organization’s annual review this for TalentCorp revealed there were only 398 approvals from Malaysians who agreed to come back to Malaysia, that we received in 2016. 56 percent lower than 900 approvals received in 2013.*” Maksudnya dalam lapan tahun, TalentCorp itu beroperasi, kita lihat kejatuhan hampir 60 peratus dari segi kejayaan membawa pulang rakyat Malaysia.

Jadi penting untuk kementerian, dana dikurangkan sekarang, dana tidaklah sebanyak dahulu. Dulunya RM26 juta, sekarang dikurangkan sebanyak RM2.475 juta dan pengurusan hanya RM1.2 juta. Sementara saya faham, kita ada kerajaan baharu. Kita muh lahirkan momentum dan semangat untuk rakyat Malaysia di luar pulang tetapi harus juga tahu menerusi analisa yang agak terperinci, sebab-sebab kenapa program ini tidak memperoleh kejayaan sepatutnya. Saya pohon terakhir Tuan Pengerusi, laporan tentang *Critical Occupations Skill Report* kerjasama *Critical Skills Monitoring Committee* (TalentCorp) dan *Institute of Labor Market Information and Analysis* di bawah Kementerian Tenaga Manusia, didedahkan kepada pengetahuan Dewan supaya kita dapat sama-sama memberikan maklum balas bagaimana memperbaiki program yang penting ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Permatang Pauh.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Lembah Pantai.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Setiu, Tuan Pengerusi.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Parit Sulong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya jemput Yang Berhormat Setiu.

**■6.19 ptg**

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak bercakap tentang Butiran 001000 - IKBN.

**■1820**

Saya ingin bangkitkan isu kurangnya IKBN di negeri Terengganu di mana setakat ini hanya dua sahaja yakni di Wakaf Tapai dan juga Kemasik. Saya merasakan IKBN ini amat bagus ataupun amat sesuai untuk anak muda. Jadi saya cadangkan supaya pembinaan IKBN yang baru bagi memenuhi hasrat anak muda di Terengganu khususnya di kawasan Setiu sebagai satu daerah yang belum banyak IPT. Setakat ini ada dua sahaja IPT. Satu IPT swasta iaitu Kolej Universiti Bestari dan kolej komuniti.

Jadi saya harapkan supaya dapat dibina satu IKBN di Setiu bagi merealisasikan hasrat penduduk Setiu. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Setiu.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Parit Sulong.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Lembah Pantai.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sekarang saya menjemput...

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Lembah Pantai?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Jeli.

**6.21ptg.**

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Dua perkara yang pertama B.46, P.46. Butiran 090100, Butiran 00100, Butiran 00200 berkaitan dengan kemahiran belia yang disentuh oleh Yang Berhormat Rembau. Pertama, saya hendak tahu setakat mana Kerajaan Pakatan Harapan ingin menyelaras kesemua institusi latihan belia dalam negara kita. Kita sedia maklum bahawa di bawah Kementerian Pendidikan ada sumber manusia, ada luar bandar, belia pun ada. Itu yang pertama.

Kedua, setakat mana kerajaan ingin meningkatkan kaedah *Dual Training Programme* ala Jerman. Ia mula diperkenalkan kira-kira 10 tahun yang lalu. Saya hendak tahu setakat mana ia berjaya kerana dengan adanya penglibatan swasta yang lebih ini akan meningkatkan kebolehpasaran. Jadi setakat mana kerajaan— apakah

perancangan masa depan untuk meningkatkan kebolehpasaran belia yang dilatih di Institusi Kemahiran Belia Negara tersebut.

Seterusnya saya hendak tahu setakat mana telah diperluaskan Skim *Apprentice* maknanya pelajar-pelajar ini banyak belajar di kilang dan syarikat bukan di sekolah kerajaan. Ini juga kaedah yang diguna di banyak buah negara. Saya tahu sudah diperkenalkan. Adakah kerajaan ingin meningkatkan kaedah ini iaitu swasta, maknanya kerja di syarikat pagi atau satu hari, esok dia pergi ke sekolah kerajaan.

Seterusnya, saya hendak tahu setakat mana peranan swasta iaitu syarikat-syarikat berkaitan dengan *apprentice* tadi. Adakah kerajaan ingin meningkatkan peranan syarikat swasta untuk membangunkan lebih ramai lagi tenaga kerja. Kita tidak boleh serah kepada kerajaan semuanya dalam kontekskekangan kewangan. Kalau semua kerajaan buat maka kerajaan akan menghadapi banyak masalah. Jadi satu kaedah untuk memindahkan sebahagian tugas ini kepada syarikat-syarikat kerana mereka lah yang akan menjadi *beneficiaries*, dengan izin mereka akan mendapat faedah daripada latihan tersebut.

Seterusnya, B.46 dan P.46 juga berikan TalentCorp yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pematang Pauh tadi. Butiran 100100 dan Butiran 90000, kita sedia maklum TalentCorp dahulunya di bawah Jabatan Perdana Menteri ditubuhkan pada 20 November, tiga tujuan. Pertama, untuk melatih kepakaran tempatan. Kedua, untuk menarik rakyat Malaysia dari luar negara bekerja di Malaysia. Ketiga, untuk menarik orang-orang asing yang berkemahiran tinggi bekerja di Malaysia.

Apa yang penting menjadi sebuah negara maju kita perlu ada kepada *talent pull* satu bilangan yang besar orang-orang yang berkemahiran. Dalam sebuah negara ada tiga kumpulan tenaga kerja. Pertama, *unskilled* tiada kemahiran. Kedua ialah berkemahiran. Ketiga ialah mereka yang mempunyai kemahiran tinggi dalam bidang pengurusan dan juga teknikal.

Saya hendak merujuk kepada yang ketiga tadi, mereka yang terlibat dalam pengurusan tertinggi. Kita hendak jadi sebuah negara maju, hendak jadi negara yang bertaraf dunia, hendakjadikan Kuala Lumpur sebagai ibu negara yang mampu menarik ramai pekerja daripada luar negara termasuk rakyat Malaysia maka apakah tindakan secara holistik yang akan dilakukan oleh TalentCorp dengan kerjasama semua pihak MIDA, jabatan-jabatan lain dan Kementerian Pendidikan harus ada satu tindakan holistik untuk memastikan kita dapat mewujudkan *world class talent*.

Kita mahu *talent* bertaraf antarabangsa. Kalau tidak kita akan terus berada di tahap sekarang apa yang dipanggil dengan izin *middle-income trap*. Ini antara sebab kenapa beberapa syarikat tidak mahu melabur dengan negara kita Malaysia kerana kekurangan *talent*. Sesetengah ada Singapore, sesetengah di Beijing, Hong Kong, Australia dan lain-lain. Jadi apakah tindakan yang akan diambil?

Sehubungan dengan ini, Kuala Lumpur hendaklah menjadi satu *liveable city* semalam dikeluarkan hasil kajian EIU yang menunjukkan Vienna daripada Australia nombor satu dalam dunia, Melbourne nombor dua tetapi Kuala Lumpur di tempat yang rendah oleh sebab hal-hal berkaitan dengan Kuala Lumpur yang mungkin tidak berapa mesra berbanding dengan bandar-bandar lain.

Jadi untuk menarik *talent* bekerja di Malaysia ini iaitu menarik pelaburan kita perlu wujudkan *global city* yang mana taman-tamannya, yang mana keselamatannya, *educationnya* kerana *talent* untuk bekerja di Malaysia ini kita perlu ada *education* bertaraf dunia. Apakah tindakan-tindakan yang diambil secara holistik untuk memastikan bahawa TalentCorp akan dapat menarik lebih ramai rakyat Malaysia untuk bekerja di negara kita yang ada di luar negara dan untuk *retain Malaysian talent*. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Jeli. Saya jemput Yang Berhormat Lembah Pantai.

## 6.26 ptg.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 100100 Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp). Seperti yang kita semua sedia maklum kalau kita lihat di laman sesawang [www.talentcorp.com.my](http://www.talentcorp.com.my) tercatat sejak tahun 2011 sehingga Disember 2017 seramai 4,568 orang telah berjaya dibawa pulang ke Malaysia dalam program *Returning Expert Programme* dengan izin. Apakah ini satu angka yang kita boleh banggakan setelah berbelanja jumlah yang sangat banyak. Jika diambil purata, lebih kurang 761 orang dibawa pulang ataupun diberikan terlibat dalam program REP ini. Adakah ini satu angka yang boleh kita banggakan memandangkan TalentCorp masih memerlukan, sebagai contoh RM1.2 juta untuk tahun ini dan mereka juga memohon RM2.475 juta di bawah Butiran 90000.

Jadi, saya ingin bangkitkan persoalan, apakah masih kita perlukan agensi seperti TalentCorp atau adakah perkara-perkara lain yang perlu kita tumpukan. Kedua, saya ingin bangkitkan Butiran 090100 Pembangunan Kemahiran Belia yang pemohon RM100

juta lebih. Seperti kita semua sedia maklum bila Yang Berhormat Jeli sebutkan tentang masa depan dan juga untuk anak muda semestinya salah satu daripada perkara adalah tahap kesiapsiagaan anak muda untuk berkecimpung dalam bidang ekonomi yang mungkin sebelum ini pekerjaan-pekerjaannya tidak wujud.

Saya ingin bertanya pihak kementerian kepada Yang Berhormat Menteri, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan bukan sahaja dari segi kemahiran belia ini kita tumpukan, berikan fokus sama ada melalui TVET tetapi apakah yang kita lakukan untuk menyediakan mereka dalam suasana sama ada *Industrial Revolution 4.0* dengan izin ataupun dengan teknologi-teknologi baharu seperti *blockchain*.

Malah juga kalau kita lihat internet pada hari ini kalau kita lihat anak-anak muda yang mungkin menghasilkan kerja-kerja tangan seperti perkakas perabot dan sebagainya mereka menggunakan aplikasi *Instagram* dengan izin untuk menguar-uarkan dan cuba menjual barang-barang mereka. Jadi, apakah langkah-langkah susulan ataupun langkah-langkah yang boleh diberikan pihak kementerian untuk memastikan lebih banyak daripada teknologi ini mudah difahami dan mudah digunakan memang disebatikan dengan cara anak-anak muda yang melalui dalam program Pembangunan Kemahiran Belia dan juga di IKTBN dan sebagainya untuk bersiap siaga dalam suasana ekonomi yang baharu ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Parit Sulong.

#### **6.29 ptg.**

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak merujuk maksud B.46 dan juga P.46 bagi Butiran 100100 dan juga Butiran 90000.

#### **■1830**

Satu program yang saya tertarik telah diumumkan dalam pengumuman bajet oleh Yang Berhormat Pekan yang lepas, ada memaklumkan mengenai satu program dalam perancangan iaitu program *National Leaders Circle*. Di mana program ini saya tengok tujuan ia diadakan adalah untuk mengenal pasti potensi ataupun pemimpin-pemimpin yang berpotensi dan kemudian boleh di *shortlist* kan dan kemudian boleh dipupuk dan juga digunakan *to retain* mereka yang berpotensi ini untuk mengisi jawatan-jawatan penting terutamanya di dalam kerajaan dalam usaha untuk memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Cuma soalan saya mengenai perkara ini adalah, saya ingin mendapatkan penjelasan mengenai status dan juga perancangan kementerian mengenai program NLC ini dan berapakah jumlah peserta yang telah dikenal pasti untuk menyertai program-program ini? Berapa peratus kah daripada peserta yang telah dikenal pasti ini adalah daripada golongan wanita?

Seterusnya saya melihat bahawa kementerian ini juga melalui program di bawah TalentCorp ini juga ia satu memastikan kerjasama di antara GLC dan juga syarikat-syarikat pelaburan berkaitan dengan kerajaan. Saya hendak bertanya kepada pihak kementerian sama ada dasar ini akan diteruskan ataupun bagaimanakah perancangan akan datang yang akan dibuat oleh pihak kementerian? Ini kerana saya melihat kerjasama ini sangat penting kerana ia boleh kita gunakan sebagai membangunkan ataupun kita boleh dengan izin, *groom the future leaders* dengan mengisi *talent pool* yang ada di negara ini.

Melalui perancangan ini juga, apa yang telah dibuat adalah ia berkongsi *good practice* ataupun amalan terbaik dan juga *transfer of knowledge*, dengan izin di antara peserta dan juga syarikat-syarikat yang masuk ataupun yang bekerjasama di dalam program NLC ini. Saya percaya kalau sekiranya ia melalui perancangan pihak kerajaan, saya ingin mendapatkan maklumat lebih lanjut lagi mengenai berapa peratus kah penyertaan adalah daripada golongan wanita?

Seterusnya di bawah tajuk yang sama juga, saya hendak tahu *progress* dan juga status program TalentCorp bersama JPA ataupun Jabatan Perkhidmatan Awam melalui program yang dinamakan *Scholarship Talent Attraction and Retention* (STAR). Saya hendak tanya *progress* dengan dia bukan apa tetapi kerana hendak pastikan bahawa pulangan pelaburan itu nanti akan balik semula ke dalam negara. Kita pastikan siapa yang menerima biasiswa itu dia akan balik dan kemudian akan berkhidmat juga kepada negara.

Seterusnya bagi tajuk yang sama juga, saya hendak bertanya kepada pihak kementerian mengenai satu program pemerkasaan terhadap GLC untuk terus meningkatkan aturan kerja lebih fleksibel. Jadinya faedah-faedah lebih fleksibel seperti pusat asuhan kanak-kanak di tempat-tempat ataupun di pejabat-pejabat utama dan pengurangan waktu bekerja bagi wanita hamil untuk memastikan produktiviti dan keberkesanan warga kerjanya. Jadinya apakah perancangan seterusnya yang akan dibuat oleh pihak kementerian berkaitan dengan perkara ini?

Terakhirnya juga, saya ada meneliti yang mana pihak kerajaan dalam PRU yang lepas ada mengatakan bahawa dia akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada masyarakat terutamanya kepada golongan belia. Jadinya saya hendak tahu, apakah perancangan pihak kerajaan mengenai perkara ini dan juga apakah yang akan dilaksanakan oleh pihak kementerian untuk memastikan ketidakbergantungan kita kepada pekerja asing ini dapat dikurangkan? Apa yang dijanjikan adalah untuk mewujudkan satu juta peluang pekerjaan kepada rakyat. Jadinya, bagaimanakah pihak kerajaan bercadang untuk melaksanakan perkara ini? Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Dungun.

### 6.35 ptg.

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam membahaskan peruntukan yang diberi kepada Kementerian Sumber Manusia yang di bawah Butiran 00100 – Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN).

Pertama, saya ingin tahu bagaimanakah tahap kebolehpasaran graduan IKBN terutamanya dalam tempoh enam bulan selepas bergraduasi? Berapakah jumlah yang diambil bekerja oleh syarikat tempatan dan juga jika ada syarikat-syarikat antarabangsa?

Kedua, adakah kursus-kursus di IKBN akan dikendalikan sepenuhnya dalam bahasa Inggeris pada masa akan datang? Ini memandangkan tahap keperluan apabila berada dalam pasaran pekerjaan memerlukan kemahiran bahasa. Jadi adakah di IKBN ini akan mengendalikan kursus-kursus dalam bahasa Inggeris? Sejauh manakah tahap penguasaan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris bagi mereka yang akan dapat memberi tahap penguasaan mereka dalam kursus dan tahap kebolehpasaran mereka.

Ketiga, di bawah tajuk yang sama juga iaitu di bawah Butiran 00100. Apakah dasar dan inisiatif atau program IKBN yang baharu selari dengan keperluan Revolusi Industri 4.0 pada masa kini? Ini adalah keperluan yang baharu yang sepatutnya juga diberikan perhatian dalam program-program IKBN.

Di bawah Butiran 00200 iaitu berkait dengan Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara di Sepang. Pada jangkaan bagi apa yang telah dinaiktarafkan daripada IKBN

biasa, apakah ada pada masa-masa yang akan datang penaiktarafan IKBN yang bukan sahaja di Sepang tetapi juga di tempat-tempat lain? Adakah cadangan itu akan berlaku dan jumlah cadangan penaiktarafan IKBN yang lain selain dari Sepang? Jika berlaku, berapakah jumlah kos naik taraf ini? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Dungun. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pontian.

### **6.38 ptg.**

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. saya ingin menyentuh tentang Butiran 090100 – Pembangunan Kemahiran Belia. Saya ingin mencadangkan bahawa belia di Malaysia ini diajar dan dilatih sehingga betul-betul berjaya dalam *online business* atau meniaga atas talian.

Sehubungan dengan itu saya ingin membawa perhatian Yang Berhormat semua kepada seorang yang bernama Jeffrey Preston Bezos atau nama ringkas yang lebih dikenali sebagai Jeff Bezos. *Net worth* dia adalah USD154 bilion. Jika USD154 bilion darab empat RM618 bilion lebih kurang. Apakah yang dibuat oleh Jeff Bezos ini? Beliau adalah orang yang paling kaya sekali di planet, orang paling kaya di dunia. Beliau adalah peruncit *online* terbesar di dunia. Beliau adalah pengasas kepada *Amazon.com*. *Amazon.com* yang mula-mula sekali dalam urusan *online business* ini. Selepas itu baru kita dengar *Alibaba.com*, Jack Ma. Jack Ma nombor 20 yang paling kaya dalam dunia. *Lazada.com* ini adalah kecil.

Akan tetapi apa yang saya ingin harapkan ialah supaya kementerian Yang Berhormat, tentang kemahiran belia ini menumpukan tentang *electronic business*, *e-Business*, *e-Commerce*, *e-Dagang* ini supaya kita ada kerjasama yang unik, kerjasama yang baik dengan contohnya, kolej komuniti di bawah kementerian lain, Skim Latihan 1Malaysia.

### **■1840**

Kalau Yang Berhormat tidak suka nama SL1M ini, boleh ubah nama lain, Skim Latihan Harapan kah, apa kah. Asalkan ia diteruskan untuk anak-anak muda. Kita ada GIATMARA di bawah kementerian lain. Jadi supaya, sebagaimana yang Yang Berhormat Jeli sebut tadi, segala kemahiran belia ini perlu dikoordinasi dengan baik supaya ia akan jadi lebih berkesan untuk kita laksanakan.

Satu lagi ialah kerjasama antara agensi. Antara agensi-agensi yang boleh membantu dari segi *online business* ini ialah SME Corp misalnya. SME Corp ini ada

pelbagai usaha bersama dengan Kementerian MITI sebelum ini. Sekarang ini SME Corp di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan.

Satu lagi agensi, Yang Berhormat, yang boleh diambil kepakaran mereka ialah MDEC. MDEC ini yang diketuai oleh seorang ‘mek kelate’ bernama Dato’ Yasmin Mahmood. Sudah tidak ada ya. Dia sudah tidak ada sebab ada sikit isu katanya. Akan tetapi beliau baru ini diumumkan sebagai 100 tokoh terkemuka dunia dalam kerajaan digital ini. Saya kira beliau boleh diambil segala input dan juga kemahiran dan kepakaran beliau untuk membantu supaya anak-anak muda kita ini juga boleh menjadi peruncit *online*. Kalaupun tidak terbesar di dunia, terbesar di kampung mereka masing-masing terlebih dahulu, terbesar di daerah mereka, kemudian terbesar di Malaysia dan seterusnya ke peringkat yang lebih tinggi.

Satu lagi yang akhir yang saya ingin timbulkan di sini ialah tentang ada satu pusat kemahiran di Pontian. Yang Berhormat boleh datang melawat Pontian, saya boleh menjemput Yang Berhormat, kita boleh pergi melawat institut kemahiran itu. Sebelum ini diuruskan oleh KOBENA. Akan tetapi Koperasi Belia Nasional (KOBENA) ada masalah yang tertentu, maka institut kemahiran di Pontian itu terpaksa menghadapi masalah.

Jadi saya mencadangkan agar Institut Kemahiran Belia Negara mengambil alih institut kemahiran di Pontian di bawah KOBENA itu dan kita boleh menambah lagi kemahiran untuk belia-belia bagi masa depan anak-anak muda di Malaysia. Politik itu satu hal. Akan tetapi kita membantu belia ini adalah satu hal yang berbeza mengatasi segala— yang politik ini kita ketepikan, kita tumpukan untuk membangunkan belia negara kita. Terima kasih. Saya kira Yang Berhormat sudi untuk datang ke Pontian dan membincang tentang perkara ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Supaya mereka boleh melahirkan orang-orang macam Jeff Bezos. Kalaupun tidak sama, mungkin satu per seribu daripada dia. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Nerus.

**6.43 ptg.**

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. [Membaca selawat]* Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya hendak merujuk kepada Butiran 090100 – Pembangunan Kemahiran Belia. Saya ingin mendapat penjelasan tentang status Institut Latihan Kementerian Belia dan Sukan dan kaitannya dengan IKBN, IKTBN dan AK Belia Golf. Ini kerana saya lihat dahulunya berada di bawah Kementerian Belia dan Sukan dan sekarang ini saya hendak tahu bagaimana hubungan ataupun kedudukannya, strukturnya dengan Kementerian Sumber Manusia ini? Berapa ramai jumlah belia yang telah mengikuti program kemahiran ini dalam tempoh dua tahun terakhir khususnya rakyat daripada kawasan saya di Kuala Nerus? Ini kerana di Kuala Nerus tidak ada pusat kemahiran ini atau institut kemahiran ini.

Persoalan penting juga ialah tentang sukan pengajian. Kita faham bahawa institut latihan seumpama ini tentulah menyediakan kemahiran. Akan tetapi, kita bukan hanya mahu melahirkan orang yang mahir dari sudut kemahirannya tetapi juga kita mahu sistem nilai atau nilai agama itu ada dalam diri anak-anak muda kita ini. Ini kerana al-Quran mengajar kita dua konsep iaitu satunya al-Qawi dan yang keduanya al-Amin. Al-Qawi bermakna gagah, kuat, perkasa, bijak dan berkemahiran. Kedua, ada sifat jujur dan juga amanah. Sudah tentulah kita mahu melahirkan belia-belia yang hebat, berkemahiran tinggi tetapi juga mempunyai sahsiah yang baik untuk berhadapan dengan cabaran semasa pada hari ini.

Adakah kerajaan berhasrat untuk mewujudkan institut latihan ini dengan sasaran di setiap satu daerah satu pusat latihan ataupun satu kawasan Parlimen ada satu pusat kemahiran? Adakah dana kerja disediakan? Sebaik sahaja mereka ini mengikuti pengajian, bila berakhir sesi pengajian, mereka diberikan pula dana kerja untuk meneruskan kemahiran mereka.

Adakah dibuat kajian tentang status mereka yang keluar daripada institut ini, apakah nisbah mereka yang bekerja dengan orang, dengan majikan dan nisbah mereka yang bekerja sendiri? Sejauh mana kejayaan kita melahirkan orang yang berkendiri, tidak bergantung kepada orang lain? Ini kerana saya rasa tujuan institut ini ditubuhkan adalah untuk melahirkan anak-anak muda yang jangka masa panjangnya mempunyai sifat kendiri.

Kemudian, saya juga hendak bertanya tentang Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran yang juga berada di bawah butiran ini. Saya mahu tahu

tentang jumlah peminjam tabung ini untuk enam bulan terakhir tahun 2018. Mereka yang meminjam adalah mereka yang menjadi pelajar di institut ini. Lebih penting, saya mahu tahu, adakah skim pinjamannya itu patuh syariah? Kalau patuh syariah, siapakah anggota panel penasihat syariah yang meluluskan skim pinjaman tersebut? Saya tengok ada tiga skim yang besar— Skim Pinjaman Lepasan Sekolah, Skim Pinjaman Pekerja dan Skim Pembiayaan Geran.

Kemudian saya hendak merujuk kepada Butiran 100000 – Pengurusan Sumber Manusia. Saya hendak ambil kesempatan untuk kita meneliti tentang kebanjiran warga asing dan juga kesannya terhadap tenaga kerja kita sendiri.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Yang Berhormat Kuala Nerus, minta sikit penjelasan.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Ya.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Kuala Nerus menyebut tentang Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran. Pada bulan Julai lepas dimaklumkan oleh Menteri bahawa kes penyelewengan tabung PTPK ini masih belum selesai. RM40 juta tabung ini yang sepatutnya disalurkan kepada 30,000 pelatih pusat kemahiran ini belum dapat diberikan mengikut jadual. Jadi mohon bagaimana pihak kementerian melihat kes ini untuk diselesaikan? Terima kasih.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Ya, masukkan soalan tersebut dalam ucapan saya untuk dijawab oleh Menteri.

Cuma, saya hendak merujuk tentang kebanjiran warga asing dan kesannya terhadap sumber manusia tempatan kita. Ini kerana kebanjiran warga asing ini isu yang besar dan kita bincang sebelum PRU ke-14.

Saya mahu tahu juga tentang berapa jumlah terkini warga asing yang mendapat permit kerja berakhir Julai 2018 dan adakah kementerian ada anggaran untuk warga asing yang bekerja tanpa permit? Berapa jumlah anggaran yang ada? Adakah lebih kurang dengan jumlah yang mendapat permit? Apa polisi terkini kementerian untuk menangani kebanjiran ini?

Ini kerana tentulah kebanjiran ini akan memberikan kesan, pertamanya, tentang perkongsian budaya, kesan pada gejala sosial. Sudah tentulah kementerian perlu ada satu perancangan untuk para pekerja asing ini yang mendapat permit sekurang-kurangnya mereka mempelajari budaya setempat, Malaysia kita ini.

Sudah tentulah timbul isu tentang aliran wang negara yang keluar hasil dari kebanjiran warga asing ini. Berapa bilion anggaran wang kita keluar ke luar negara pada enam bulan pertama tahun 2018?

Saya juga lihat dahulu kita punya perancangan mengambil warga asing tujuannya antaranya ialah supaya rakyat Malaysia boleh berkongsi kemahiran. Akan tetapi hari ini saya melihat kebanjiran warga asing yang menjadi pengawal keselamatan, kemahiran apa yang kita dapat daripada Nepal yang menjaga keselamatan? Kebanjiran mereka yang bekerja di kedai-kedai runcit tempatan, di kedai-kedai pakaian dan sebahagiannya yang daripada Bangladesh, kemahiran apa yang kita dapat daripada mereka?

Saya rasa ini perkara yang perlu kita lihat balik, nilai balik kerana ia akan memberi kesan besar kepada rakyat kita sendiri. Ini kerana berlaku juga di situ persaingan dengan rakyat tempatan untuk mendapatkan pekerjaan.

#### ■1850

Juga merujuk kepada sumber manusia juga, hari ini saya lihat daftar daripada Bank Dunia menunjukkan 72 peratus rakyat Malaysia yang berhijrah ke luar negara. Saya rasa ini bukan angka yang kecil, saya hendak dapat kepastian daripada kementerian tentang isu ini, jumlah sebenar rakyat Malaysia yang keluar negara untuk mendapatkan pekerjaan. Bagi mereka, pekerjaan di sana baik daripada Malaysia. Ini perpindahan tenaga kerja mahir kita keluar. Dalam masa yang sama, kita tarik orang luar masuk ke dalam, jadi tidak seimbang di situ. Saya bimbang dari sudut jangka masa panjang kepada ekonomi negara.

**Tuan Penggerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Minta Yang Berhormat Kuala Nerus rumuskan, masa sudah tamat.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Jadi, apa misi kerajaan untuk isu ini? Saya mohon penjelasan daripada kementerian. Terima kasih.

**Tuan Penggerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus. Saya kena berpindah di sebelah sini. *[Menunjuk ke arah blok kerajaan]*

**Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]:** Parit.

**Tuan Penggerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya minta Yang Berhormat Pasir Gudang.

**6.50 ptg.**

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga mohon membahaskan anggaran berkenaan Kementerian Sumber Manusia. Saya merujuk kepada Maksud P.46, Butiran 00200 – Naiktaraf Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), Sepang. Jadi, saya mengucapkan syabas sebab kita ada institut kemahiran tinggi seperti di Sepang ini. Saya hanya ingin bertanya kepada pihak kementerian, ada berapa buah institut kemahiran tinggi belia negara ini di seluruh negara? Selain daripada Sepang, ada tidak di tempat-tempat lain? Di sini disebut kemahiran tinggi, syabas.

Saya berharap pihak kementerian kalau sudah ada, bagus tetapi kalau belum ada, bolehkah dicadangkan supaya *syllabus* atau kursus-kursus dalam Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara itu dimasukkan kursus berkenaan kemahiran, dengan izin, *oil and gas*, minyak dan gas untuk melahirkan pekerja-pekerja berkemahiran tinggi bagi bekerja di hab *oil and gas*, terutamanya di Pengerang, Rapid Petronas dan juga industri petrokimia di Pengerang yang besar itu memerlukan pekerja-pekerja yang mahir.

Mungkin dalam hal ini, Kementerian Sumber Manusia boleh fokus supaya kita dapat melahirkan pekerja-pekerja tempatan, rakyat kita sendiri yang mahir untuk menggantikan pekerja-pekerja mahir daripada India, daripada Pakistan, daripada negara luar yang sekarang ramai di Pengerang dalam Projek Rapid Petronas ini.

Kita harap kalau Projek Rapid Petronas dan industri petrokimia di Pengerang ini sepenuhnya siap nanti, kita sudah dapat melahirkan pekerja-pekerja yang terlatih yang mendapat gaji yang besar bagi pekerja-pekerja yang mahir di bidang ini. Itu yang pertama. Kedua, tentang Butiran 00100 - Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN). Saya hendak menambah sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Pontian. Memang betul wujud IKBN di Pontian, Institut Kemahiran Belia Negara tetapi keadaannya sangat daif, Yang Berhormat Menteri. Institut Kemahiran Belia Negara di Pontian itu asalnya ialah kilang buat nanas, kilang mengetin nanas. Sudah tutup.

Kemudian, pusat itu membuat perabot rotan dan kemudian akhirnya menjadi Institut Kemahiran Belia Negara. Saya faham sekarang kita perlu berjimat tetapi apabila keadaan membenarkan, saya harap supaya kementerian dapat menyediakan peruntukan membina Institut Kemahiran Belia di Pontian itu dengan kampus yang baru, yang kondusif untuk melahirkan pekerja-pekerja yang mahir di kalangan belia kita. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Sibuti.

**Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]:** Parit.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya jemput Yang Berhormat Arau.

**Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]:** Parit.

#### **6.54 ptg.**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi yang dikasih, kementerian ini akan menampung banyak program daripada belia yang dimasukkan ke sini. Yang Berhormat, saya ingin bercakap di bawah tajuk B.46 dan P.46. Yang Berhormat, dengan secara ringkasnya bahawa tugas besar telah diberikan untuk menguruskan program pembangunan belia dan juga pengurusan sumber manusia. Yang Berhormat dahulu semasa pembangkang, Yang Berhormat di antara orang yang lantang bercakap benda ini. Kita telah membiarkan negara ini, peluang pekerjaan dikuasai oleh orang asing.

Yang Berhormat Menteri Wilayah sebut tadi bahawa kerajaan telah mengimport terlambat ramai orang-orang daripada Bangladesh menyebabkan kita menghadapi masalah. Akan tetapi Yang Berhormat, banyak pekerjaan yang mereka ambil ini bukan sahaja pekerjaan biasa tetapi pekerjaan mahir yang patut dikuasai oleh orang-orang tempatan. Contohnya, macam kepala-kepala kerja, kepala-kepala kontrak kerja ini. Kepala-kepala kontrak ini banyak dipegang oleh orang asing. Kalau contohnya kita mendapat projek RM10 juta, kita kena *sub* kepada kepala kerja ini yang mana pekerjanya ialah semua orang asing.

Yang Berhormat, kalau mengikut daripada Laporan Menteri Kewangan 2011 hingga 2015, mereka telah menghantar balik wang sebanyak RM119.6 bilion. Pada tahun 2015 sahaja, wang telah mengalir keluar, wang dihantar balik sebanyak RM34.7 bilion. Ini bererti lebih banyak duit yang keluar daripada kutipan SST yang kita akan buat tidak lama lagi dan hampir menyamai, hampir ke jumlah GST yang dikutip. Ini ialah suatu benda yang tidak wajar berlaku dan sewajarnya diberikan perhatian yang serius. Yang Berhormat, pekerja asing ini ada yang datang secara sah dan ada yang tidak sah.

Tugas Yang Berhormat, termasuk Menteri dan Timbalan Menteri di antara orang yang bercakap hebat tentang perkara ini, kita minta diambil tindakan serta-merta. Oleh

sebab kita pun pening kepala sekarang ini. Kita pergi ke mana pun, kita beralih kiri dan kanan, kita akan berjumpa dengan orang asing. Kita pergi di mana-mana, kita pergi ke Jalan Alor kah ataupun Petaling Street kah. Ini contoh-contoh ataupun KLCC kah, Yang Berhormat dan kalau kita balik ke kampung pun, kita masuk ke kampung pun kita lihat di kampung sendiri bukan mereka bekerja, mereka jadi tauke. Jadi, barangan mereka lebih murah kalau dibandingkan dengan barang yang dipamerkan oleh kedai-kedai kita.

Jadi, kedai runcit telah dikuasai oleh mereka. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, di antara duit yang mengalir keluar ini ialah ke Indonesia, Filipina, Bangladesh, India dan Nepal. Jadi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kuala Nerus tadi, kemahiran apa yang kita dapat kalau kita bawa mereka ini dengan begitu banyak dan dalam masa yang sama, mereka masuk secara tidak sah. Jadi, tugas utama kementerian ini, di samping memberi kemahiran kepada belia kita agar menguasai peluang pekerjaan, dalam masa yang sama kita kena ambil tindakan yang tegas kepada mereka yang sedang bermaharajalela di negara ini.

Tanya Speaker, tanya Menteri, tanya siapa sahaja, semua orang gelisah dengan kehadiran orang asing yang menguasai semua bidang. Kita tidak tahu apakah mereka ini diberi lesen untuk membuat perniagaan kecil, jual kacang. Contohnya, kalau kita pergi banyak– daripada kawan-kawan daripada Iran jual kacang-kacangan dan juga lain-lain lagi. Jadi, semua ini membebankan mata kita untuk melihat. Akhir sekali Yang Berhormat, ini pasal ada ini Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Bagi dia habiskan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Tuan Pengerusi, minta maaf.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Celahan apa?

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Celahan daripada Yang Berhormat Tapah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, silakan.

**Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]:** Tuan Pengerusi...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** 10 second.

**Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]:** Ringkas sahaja, ringkas.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya, ringkas sila.

**Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]:** Hari ini kita lihat keadaan sudah berubah. Pekerja asing ini bukan lagi sebagai pekerja asing di negara kita, mereka sudah mula

memiliki tapak-tapak perniagaan. Ini akan mengancam masa depan generasi akan datang. Apakah pendapat Yang Berhormat Arau?

■1900

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya setuju 100 peratus, masukkan ia dalam ucapan saya. Akhir sekali Tuan Pengerusi, ini mengenai *maid* yang lari. Pembantu rumah yang lari. Datang kerja hari ini, petang lari. Bukan sahaja di rumah siapa, rumah Menteri pun ada *maid* yang lari. Tuan Pengerusi pun ada *maid* yang lari? Mungkin tidak ada lah. Dia lari, dia lari. Oleh sebab ejen itu— dia lari balik semula kepada ejen. Jadi, ejen akan caj lagi kepada kita. Jadi, kita kena bayar berkali-kali untuk mendapatkan pembantu rumah yang sebagainya. Cerita tentang pembantu rumah lari ini, Yang Berhormat boleh *check* dengan Kementerian Dalam Negeri mengenai laporan polis yang telah dibuat dengan begitu banyak. Akan tetapi kita sukar untuk mengesan mereka kerana mereka sudah berada di dalam pasaran, orang-orang mereka yang ramai di sini.

Jadi, di samping memberikan kemahiran kepada sumber manusia tadi, Yang Berhormat tolong, kalau boleh tengok tentang bagaimana hendak menghadapi masalah pekerja-pekerja asing. Jangan Yang Berhormat katakan ini kerajaan dahulu. Tidak, betul. Tidak apalah. Apa yang salah, kami terimalah. Yang Berhormat buat yang baharu ini, buatlah apa Yang Berhormat hendak buat. Yang Berhormat mahu tangkap sehari 1,000 orang pun tidak akan selesai, ini masalahnya. Cari jalan bagaimana kita mahu tangkap sehari 10,000 orang mungkin boleh selesaikan masalah. Mungkin boleh pakai Kem PLKN yang ditutup itu untuk simpan mereka sementara menunggu untuk mereka keluar. Yang Berhormat, jangan lupa kalau boleh orang-orang Rohingya ini kalau boleh diberikan permit kerja. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih...

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Labuan. Sedikit.

**Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]:** Parit. Parit.

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Labis.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya telah memberikan peluang kepada Barisan Nasional lima orang, Pakatan Harapan tiga orang, PAS tiga orang, saya berikan peluang kepada Sibuti.

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Labis.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Labuan *last*. Sedikit sahaja.

### 7.01 mlm.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kerana memberikan ruang kepada saya. Butiran 00100 – Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN). Di sini kita dapat melihat bahawa banyak peruntukan yang telah diberikan. Saya juga berterima kasih kepada kerajaan baharu kerana meneruskan untuk memperkasakan TVET di Malaysia. Ini sangat perlu kerana golongan belia semakin bertambah dan peluang pekerjaan pun agak terhad jika kita tidak mempunyai kemahiran.

Di sini saya ingin bangkitkan, di bandar raya Miri, kita mempunyai sebuah IKBN dan IKBN tersebut turut berdekatan dengan ILP yang juga adalah milik kepada Kementerian Sumber Manusia. Di sini, saya ingin berkongsi pandangan daripada salah seorang Yang Berhormat kita tadi berkaitan tentang industri minyak dan gas. Di Miri, adalah merupakan tempat ataupun minyak pertama yang dijumpai di Malaysia. Kita juga merupakan pengeluar yang terbesar di negara Malaysia.

Saya berharap agar pihak kementerian dapat mempertimbangkan untuk menggantikan kursus-kursus yang terdapat di IKBN Miri supaya berorientasikan industri minyak dan gas. Sebagai contoh, kalau kita dapat memperkenalkan kursus-kursus seperti *diving* yang mempunyai nilai tambah yang sangat tinggi dan gaji yang besar.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengerusikan Jawatankuasa]*

Banyak pengalaman yang kita ada di negeri Sarawak. Kita mempunyai pengalaman-pengalaman daripada Petronas dan juga Shell yang telah bertapak lama di bandar raya Miri. Selain daripada itu juga, saya ingin mengetahui adakah Program IKBN ini setelah ia diteruskan kelak, adakah elauan ataupun makan dan minum para pelajar akan ditanggung oleh kerajaan? Walaupun kita ingin menggunakan pendekatan penjimatan, namun saya masih berharap agar elauan sara hidup pelajar-pelajar masih diteruskan.

Selain daripada itu juga, saya ingin menambah sedikit berkenaan dengan modul kursus IKBN. Oleh sebab Negeri Sarawak telah mengisyiharkan untuk menjadi sebuah negeri yang mengutamakan *digital economy*, dengan izin, saya ingin menambah agar kursus-kursus *coding* ataupun *blockchain* dapat diperkenalkan di dalam IKBN atau ILP. Selain daripada itu juga, Butiran 90000 – Talent Corporation. Ramai rakan saya dan

saudara mara saya, terutamanya di sebelah keluarga Cina saya, keluar negara dan tidak ingin kembali walaupun mereka mempunyai kelulusan yang tinggi. Ini kerana mereka merasakan tiada keadilan sosial pada kerajaan yang lepas.

Walaupun mereka ingin berkhidmat kepada Malaysia tetapi mereka sekarang pun— Pada musim PRU Ke-14, mereka kembali dan saya bertanyakan adakah mereka akan kembali semula ke Malaysia? Mereka masih lagi memikirkannya dan ingin melihat agar kerajaan baharu dapat melakukan sesuatu berkenaan tentang keadilan sosial. Selain daripada itu juga, walaupun kita fokus untuk mendapatkan profesional melalui TalentCorp ini, saya merasakan agar kita melihat dalam satu sektor untuk mendapatkan kepakaran. Ini terutamanya dari segi kepakaran untuk *talent-talent*, dengan izin, yang dapat menjamin bekalan makanan di Malaysia.

Selain itu, *talent-talent* yang dapat memastikan sungai-sungai atau bekalan air di Malaysia mencukupi untuk masa hadapan. Sekian, itu sahaja Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Saya sekarang menjemput...

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Tuan Pengerusi? Labuan.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Kangar, sedikit.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Labuan. Satu.

**Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]:** Parit.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Satu item sahaja Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya mana? Yang Berhormat Kangar?

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Ya. Sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, Yang Berhormat Kangar.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Selepas itu Labuan. Satu sahaja.

**Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]:** Parit.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Cepat. Cepat. Ringkas. Ringkas.

## 7.06 mlm.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri dan sidang Dewan yang saya hormati. Saya hanya ingin membincangkan tentang Butiran 00100 – Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN). Di Perlis kita ada sebuah IKBN di bawah Parlimen saya, iaitu IKBN Kuala Perlis. Kalau kita tengok di Perlis, selain daripada IKBN, kita juga ada Institut GIATMARA yang mana di

dalam kedua-dua program yang ditawarkan di kedua-dua institut ini kita boleh katakan sama iaitu automotif, elektrik dan juga elektronik.

Jumlah graduan setahun, tidak sampai tidak sampai 400 orang graduan, sekitar 300 orang graduan dalam kedua-dua institut. 300 lebih orang di GIATMARA dan 300 lebih orang di IKBN Kuala Perlis. Cuma saya mahu bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah bidang-bidang yang ditawarkan di IKBN ditentukan? Oleh sebab kita ada IKBN di seluruh negara. Ini kerana saya berpendapat bahawa lebih baik mungkin selepas ini dapat diselaraskan semula supaya bidang-bidang yang ditawarkan di IKBN mengikut negeri ini sesuai dengan corak pembangunan ataupun kawasan di negeri itu.

Sebagai contoh, di Perlis kita ada– macam di Kuala Perlis ini banyak industri perikanan mungkin sepatutnya IKBN menumpukan bidang-bidang kalau kejuruteraan, bidang kejuruteraan yang dekat dengan kehidupan masyarakat setempat. Jadi, mereka pun dapat mempraktikkan apa yang mereka belajar dan mereka dapat menambah nilai dalam kegiatan sampingan sambil belajar di sana. Itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya menjemput Yang Berhormat Labis.

#### **7.07 mlm.**

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh mengenai Butiran 00100 - Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Maksud P.46. Tuan Pengerusi, menurut Laporan Bank Negara awal tahun ini, kadar pengangguran belia di negara ini berada di kadar 11.7 peratus iaitu satu kadar yang amat membimbangkan. Sebahagian besar orang muda yang tidak suka atau tidak cemerlang dalam bidang akademik telah berdaftar dengan IKBN untuk menjalani Program Latihan Amali.

Jadi, memandangkan sejumlah besar yang telah diperuntukkan bagi Projek IKBN ini, persoalan saya kepada Yang Berhormat Menteri adalah empat soalan. Pertama, berapakah kos untuk menguruskan sebuah IKBN? Kedua, berapakah jumlah graduan yang dihasilkan oleh IKBN setiap tahun? Ketiga, dari sudut kemahiran, apakah tahap kebolehpasaran graduan IKBN selepas tamat pengajian? Keempat, adakah kerajaan bercadang untuk mendirikan satu atau sebuah IKBN di kawasan Parlimen Labis memandangkan sebahagian besar golongan muda di kawasan saya menganggur selepas tamat SPM? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, seramai 14 orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbahasan.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Tuan Pengerusi? Satu item sahaja.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Pembangkang sembilan orang dan wakil pihak kerajaan seramai lima orang. Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri, silakan menjawab. Sebelum Menteri menjawab, selepas ini saya hadkan setiap kementerian lima orang pembahas dan masa penggulungan untuk Menteri adalah selama 15 minit. Silakan.

**Timbalan Menteri Tenaga Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]:** Saya pun 15 minit?

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Jika boleh.

■1910

**Timbalan Menteri Tenaga Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Kita ada empat lagi kementerian selepas ini.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Terima kasih kepada semua 14 ahli yang mengambil bahagian dalam membahaskan peringkat Jawatankuasa di peringkat Kementerian Tenaga Manusia. Walaupun ada yang terkeluar rel dia terkeluar rel sebab ada isu-isu yang berkaitan dengan pekerja asing umpamanya. Pekerja asing tanpa izin itu bukan di bawah kuasa kementerian. Kementerian hanya bertanggungjawab di bawah hal-hal yang berkaitan dengan orang yang disahkan menjadi pekerja, itu di bawah bidang kuasa Kementerian Tenaga Manusia. Jadi itu harus difahami oleh Ahli-ahli Parlimen.

Keduanya saya ucapkan terima kasih atas saranan-saranan yang telah pun dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan isu penyelarasan TVET ini. Memang kementerian atau kerajaan sendiri telah pun mengambil langkah-langkah awal, untuk melakukan penyelarasan TVET ini melalui Kementerian Pendidikan, melantik Yang Berhormat Permatang Pauh sebagai pengerusi kepada isu yang berkaitan dengan penyelarasan TVET ini.

Kami antara kementerian ini telah pun mengadakan pertemuan, beberapa pertemuan dan *insya-Allah* selepas daripada siapnya laporan penuh, satu kajian yang dibuat oleh satu pihak di bawah kementerian saya, Kementerian Tenaga Manusia bersama dengan PricewaterhouseCoopers akan kita bawa kepada perbincangan yang

melibatkan semua kementerian. Sekarang ini ada tujuh kementerian yang terlibat secara langsung berkaitan dengan pendidikan latihan kemahiran ini.

Ini memerlukan kepada perbincangan-perbincangan lanjut untuk memastikan supaya pendidikan TVET ini akan dapat diperkasakan dari masa ke semasa.

**Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Minta penjelasan.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Baru hendak mula, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Sedikit sahaja fasal TVET.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Sila.

**Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya cuma hendak mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan penyelarasan TVET ini. Ada atau tidak perbincangan itu dari segi menjuruskan lepasan-lepasan TVET ini di peringkat diploma untuk mereka mendapatkan ijazah secara laluan yang kita sifatkan lebih ekspres? Oleh sebab sekarang ini nampak macam, selepas mereka buat di peringkat sijil atau diploma, terhenti setakat itu. Jadi hendak masuk ke peringkat ijazah ini agak sukar sebab utamanya dia orang terpaksa bersaing dengan lulusan-lulusan peringkat STPM dan sebagainya, jadi agak sukar. Jadi macam mana, ada perancangan atau tidak di peringkat kementerian? Terima kasih.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Tasek Gelugor. Itu antara isu-isu yang akan dibahaskan untuk memastikan kemudahan akan diberikan kepada pelajar-pelajar lulusan keluaran di peringkat diploma ini untuk mendapat laluan yang lebih mudah bagi mereka. Walaupun dengan ada isu-isu tertentu dalam kelayak-kelayakan mereka itu untuk sampai ke peringkat mengambil ijazah. Jadi bagi saya, tidak ada masalah kerana peraturan-peraturan ini dibuat hanya garis untuk garis panduan bukan untuk disembah, bagi saya. Jadi ada kadang-kadang perkara-perkara tertentu dalam keadaan-keadaan tertentu, kita harus melihat kembali peraturan-peraturan yang kadang-kadang akan menyebabkan menjadi ia sebagai satu kekangan kepada kita untuk maju lebih ke hadapan dalam isu-isu yang berkaitan dengan pendidikan kemahiran ini. Oleh sebab kita hendak supaya selepas ini, pendidikan kemahiran ini bukan lagi dilihat sebagai pendidikan kelas dua, tetapi ia juga adalah pendidikan yang setanding dengan pendidikan seperti biasa yang telah pun kita lalui.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Pengerusi, penyelarasani ini permulaan daripada dengan perpindahan dengan perpindahan Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan ini, KTM ini bagi saya ialah bagi pihak KTM melihat bahawa perpindahan ini

merupakan langkah awal bagi memastikan penyelarasan TVET. Akan tetapi sudah tentulah dia memakan masa yang lebih panjang untuk kita melihat, bukan sahaja sekadar penyelarasan TVET itu dalam konteks di bawah satu bumbung dan sebagainya. Akan tetapi harus dilihat penyelarasan dan pemerkasaan itu untuk menanamkan satu budaya di kalangan masyarakat Malaysia ini, bukan hanya sekadar untuk belajar kemahiran, untuk menjamin dia mendapat kerja. Betul, dari segi, keperluan industrinya masih belum mencukupi tenaga-tenaga mahir. Pekerja-pekerja mahir dalam negara kita.

Oleh sebab itu kita menyasarkan supaya menjelang tahun 2020 ini bermakna bahawa kita harus berganjak daripada kedudukan sekarang, 27 persen tenaga mahir dalam negara kita kepada 35 *percent*. Itu pun masih jauh kalau hendak banding dengan Jerman yang sudah pun jauh sampai kepada peringkat 80 persen ataupun 85 persen. Begitu juga dengan negara-negara yang lain. Jadi, tetapi apa pun bagi saya, yang pentingnya pendidikan kemahiran ini harus ditanam.

Saya selalu, dalam lawatan saya bertemu dengan tenaga-tenaga pengajar dan juga pelajar-pelajar di institut latihan kemahiran di bawah Kementerian Tenaga Manusia ini, saya menanamkan satu perkara baharu yang harus dibentuk dalam masyarakat kita iaitu, pendidikan kemahiran ini bukan sekadar untuk peluang mereka mendapat kerja, tetapi ia adalah peluang untuk mereka *survive* dalam hidup mereka tanpa dapat kerja kerajaan kah, sektor awam, sektor swasta dan sebagainya, tetapi dia boleh hidup, dia boleh hidup, dia boleh berdikari. Ini yang kita mahu supaya dia bukan selama-lamanya menjadi pekerja tetapi dia harus berganjak daripada pekerja kepada usahawan.

Hal ini kerana pendidikan kemahiran ini akan menjurus seseorang itu kepada untuk menjadi usahawan. Apabila dia menjadi usahawan, dia boleh kembangkan lagi untuk melahirkan pekerja-pekerja mahir dalam bidang yang dia sememangnya ada kepakaran dan kemahiran.

Keduanya ialah pendidikan kemahiran ini harus dilihat untuk melahirkan masyarakat pencipta. Kita harus berganjak daripada menjadi masyarakat pengguna kepada masyarakat pencipta. Kemudian berganjak daripada masyarakat pencipta kepada masyarakat yang pengeluar kepada hasil ciptaan yang dilakukan oleh masyarakat kita. Ini yang telah pun kita lalui, hasil-hasil daripada penyertaan kita di peringkat dalam negara dan juga di peringkat antarabangsa, kita telah memenangi reka cipta perekra cipta yang baharu dalam teknologi-teknologi tertentu dan ini satu yang sangat membanggakan kita.

Kita dapat pingat emas di Korea pada tahun 2017, kita dapat pingat emas dalam berbagai-bagai bidanglah. Pingat emas, pingat perak dan sebagainya, ini satu kejayaan yang sangat besar kepada negara kita.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan, penjelasan.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Jadi, kita hendak lihat selepas daripada ini yang kita menang itu satu ciptaan baharu, inovasi baharu yang berjaya dilahirkan oleh tenaga pengajar di institut kita dan juga pelajar-pelajar. Akan tetapi, bagaimana selepas itu? Apakah kita cukup menang sekadar pingat emas membariskan kita setanding dengan negara lain, tetapi kita tidak boleh *commercializekan* apa yang telah terhasil daripada ciptaan yang dilahirkan oleh anak-anak Malaysia ini?

Jadi, ini yang saya sebut apabila saya melawat ILP di Kepala Batas, mereka menang pingat emas di Korea. *Alhamdulillah* sekian begitu lama, belum dapat dilakukan apa-apa kemajuan tetapi hari ini kita telah pun menjalinkan kerjasama sebagai *pilot project* hasil ciptaan itu dengan Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang. Untuk melihat bagaimana selepas ini, para nelayan boleh manfaatkan hasil ciptaan anak bangsa kita yang memberikan kemudahan yang lebih baik dan juga menjimatkan perbelanjaan, daripada sekian RM500 hingga RM600 kepada beberapa puluh ringgit sebulan sahaja. Dari sudut penyediaan ais untuk memberikan kesegaran kepada ikan. Jadi ini akan dilakukan dan kita harap jikalau ini berjaya, maka ini akan membawa kita kepada boleh mengeluarkan barang yang mungkin akhirnya akan diguna oleh masyarakat antarabangsa.

Ini yang kita lihat dan macam di ADTEC di Mahang, Kulim. Walaupun dia duduk di tengah keliling pokok kelapa sawit dan pokok getah, tetapi inovasi mereka cukup hebat. *Depa* menang pingat emas berkaitan dengan penghasilan ciptaan dengan berkaitan *absorber* kereta, menang pingat emas di Korea. Ini bagi saya, saya kata kita harus berjumpa dengan industri automobil dalam negara kita seperti Proton, Perodua dan juga syarikat-syarikat yang lain untuk melihat bagaimana hasil ciptaan anak Malaysia ini diguna oleh pengeluaran kereta dalam negara kita.

Ini yang kita harapkan sebab saya menekankan bahawa kita tidak boleh selama-lama hanya belajar semata-mata sekadar untuk mencari peluang pekerjaan dan kita menjadi pekerja selama-lamanya. Kita hendak masyarakat kita maju, mencipta dan juga melahirkan usahawan-usahawan yang berjaya. Jadi *insya-Allah* hujung bulan ini kita akan hantar satu kontinjen kita yang meliputi termasuk daripada IKBN, termasuk daripada MARA, termasuk daripada JKR dan juga sememangnya daripada Kementerian

Tenaga Manusia sendiri, untuk bertanding World Skills Competition peringkat ASEAN di Bangkok. Kita menasarkan untuk sepuluh pingat emas untuk kita berjaya.

■1920

Saya harap doa Yang Berhormat semua, *insya-Allah* mudah-mudahan kita akan dapat mencapai pingat emas. Esok saya akan berikan amanat bersama dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada kementerian...

**Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]:** Tuan Pengerusi, boleh mencelah?

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Kementerian Kerja Raya memberi amanat kepada kontingen, *insya-Allah*. Apa dia?

**Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]:** Boleh mencelah Tuan Pengerusi?

**Beberapa Ahli:** Belakang, belakang.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Tampin, sila.

**Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]:** Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah usaha-usaha yang dilakukan kepada pelajar-pelajar yang tidak berminat ataupun habis darjah enam? Mereka ini yang tidak berminat untuk melanjutkan pelajaran bukan kerana disebabkan kemiskinan, kerana memang dia tidak minat. Perkara ini memang banyak berlaku di kampung-kampung dan juga di FELDA. Jadi, apakah usaha-usaha kemahiran yang akan diberi oleh Kementerian Sumber Manusia kepada mereka ini? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Ya, terima kasih Yang Berhormat daripada Tampin. Saya mengambil maklum apa yang disebut oleh Yang Berhormat dan sememangnya kita memberikan tumpuan kepada antaranya mereka yang agak lemah dalam akademik ini sebab untuk memberikan peluang kepada mereka untuk *survive* dalam hidup mereka. Jadi sebab itu antara yang disebut oleh Yang Berhormat itu sentiasa diberikan perhatian oleh pihak Kementerian Sumber Manusia.

Kita boleh bersedia untuk melihat apa-apa laluan yang lebih mudah, yang tidak memerlukan kelayakan-kelayakan yang tinggi untuk mendapatkan Sijil Kemahiran Malaysia umpamanya dalam bidang masakan, kulinari dan sebagainya. Ini saya fikir boleh kita membantu mereka. Hari ini pun dalam bidang masakan bukan lagi dianggap sebagai lekeh tetapi dianggap sebagai selebriti. Orang lebih berminat untuk hendak jadi tukang masak, chef. Akan tetapi sudah tentulah dia perlu ada *skill* untuk memastikan masakan yang boleh sampai kepada satu standard yang diiktiraf. Jadi, *insya-Allah* kita akan mengambil perhatian ini. Bagi menjawab...

**Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]:** Yang Berhormat Menteri, pohon bertanya?

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Nanti sekejap, saya hendak jawab. Tadi saya jawab umum dahulu. Bagi menjawab Yang Berhormat Rembau, terima kasih Yang Berhormat Rembau. Pihak KSM seperti yang saya sebut tadi melihat bahawa perpindahan IKBS ini merupakan langkah awal bagi memastikan penyelarasan TVET. Pihak KSM melihat elemen bina insan yang meliputi 20 peratus merupakan perkara yang terbaik dan diteruskan bagi memastikan graduan TVET ini dilatih menjadi tenaga mahir yang terbaik.

Jadi kalau kita lahir maknanya dalam konteks orang Islam itu sendiri kita berikan pendidikan, keagamaan kepada mereka, akhlak yang baik, terpuji dan sebagainya itu yang terbaik bagi saya. Kalau dia boleh menghafal Al-Quran umpamanya, sambil dia formen kereta tetapi dia berwirid, berzikir dan sebagainya. Itu satu yang terbaik, yang harus diteruskan seperti mana yang diamalkan.

Setakat ini ada di sebut oleh Yang Berhormat daripada mana, berkaitan dengan soal elauan dan sebagainya. Setakat ini apa yang berjalan di IKBN dan IKTBN itu diteruskan sehingga salah satu keputusan semula apabila penyelarasan itu diletakkan di bawah KSM ini. Jadi yang ada sekarang ini akan berjalan terus seperti biasa. Jadi pelajar-pelajar tidak perlu ada kerisauan dan sebagainya, *insya-Allah*. Kemudian daripada...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, penjelasan.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Daripada Permatang Pauh, daripada Permatang Pauh.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Kemerosotan berkaitan dengan secara totalnya semenjak diperkenalkan pada tahun 2011, *Returning Expert Program* (REP) telah pun meluluskan 4,801 bakat berkemahiran tinggi. Kejayaan REP banyak dipengaruhi oleh faktor luaran sebagai contoh kemerosotan nilai Ringgit Malaysia, sistem pendidikan untuk anak-anak mereka dan sebagainya.

Walau bagaimanapun sejak Mei 2018, statistik permohonan untuk program ini telah meningkat sebanyak 20 peratus perbandingan antara tahun, dari tahun ke tahun. Ini menunjukkan bahawa kesediaan untuk mereka yang duduk di luar itu, untuk balik ke Malaysia, permohonan itu semakin meningkat. Jadi ini menunjukkan program ini akan terus dan harap akan maju ke hadapan dan kita bersedia meneliti semula untuk menarik

minat lebih ramai bakat Malaysia di luar negara untuk pulang memberikan sumbangan dalam pembangunan negara kita ini.

Mana Yang Berhormat Setiu? Mana rakan saya Yang Berhormat Setiu tidak ada? Tidak mengapa, *insya-Allah* kita akan ambil pertimbangan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Setiu berkaitan dengan– dia minta adakan satu IKBN di kawasan Setiu. Jadi kita akan cuba ambil pertimbangan apa yang harus difikirkan. Akan tetapi untuk RMKe-11 ini...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Pokok Sena, penjelasan.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Kita lebih banyak memberikan fokus kepada mengoptimumkan kapasiti IKBN yang sedia ada dan memperkasakan program transformasi bagi melahirkan graduan TVET yang memenuhi keperluan-keperluan industri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Pokok Sena, penjelasan. Arau.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Arau, Arau.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Oh! Yang Berhormat Arau, kawan baik. Mana boleh tinggal.

**Tuan Penggerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Walaupun kawan baik masa tinggal 20 saat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sekejap, 20 saat?

**Tuan Penggerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Masa dia 20 saat?

**Tuan Penggerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat terus – saya cuma hendak sebut IKBN ini kita tengok banyak kawasan lapang. Saya ingat Yang Berhormat boleh bina gerai-gerai untuk memamerkan barang-barang kemahiran mereka untuk di-commercialize-kan dengan izin. Terima kasih.

**Tuan Penggerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila menggulung.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Terima kasih, satu cadangan yang baik dan saya minta maaf.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Yang Berhormat, saya ada satu ayat sahaja.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Ya, satu ayat sahaja.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Satu ayat sahaja.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Masa sudah tamat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Itu dua ayat itu.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Okey, okey. Di Labuan ada ILP di antara yang terlama, tertua di Malaysia dan sudah diconvert kursus-kursusnya kepada *oil and gas* sebab permintaan. Tadi banyak cakap fasal *oil and gas*, ada yang minta baru dan sebagainya. Akan tetapi yang ini sudah di-convert tetapi *equipment*-nya belum diberi. Jadi mereka terpaksa membuat *twinning* dengan industri, terpaksa terbang ke Kota Kinabalu ILP...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Itu ILP kah?

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** ILP. Jadi IKBN tidak ada, ILP ada...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Baik, itu sudah lebih daripada dua ayat itu.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Okey, tolong.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Berpuluh-puluh ayat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Terima kasih. Saya akan ambil perhatian dan saya percaya pegawai-pegawai saya telah pun mencatat tentang laporan yang dibuat oleh Yang Berhormat. Saya hendak maklumkan akhirnya kepada Yang Berhormat Pasir Gudang tadi tentang *oil and gas* dalam pendidikan kemahiran di IKBN. Sememangnya wujud dan kita harap bahawa mereka ini, kebolehpasaran mereka memang sampai kepada peringkat dalam keseluruhan, bukan sahaja dalam *oil and gas* tetapi keseluruhan IKBN itu sampai kepada peringkat 93 peratus. Terima kasih dan mananya jawapan yang tidak dapat saya berikan, saya akan sampaikan secara bertulis. Terima kasih.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Bertulis ya, bertulis.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Esok ya, esok. Esok, hantar esok.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang budiman dan tepati masa.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Hebat lebih daripada Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pokok Sena ini petah berbahas. Jika kita tidak hadkan masa dia boleh sampai ke esok. Memang dia ada keupayaan luar biasa.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM111,201,360 untuk Maksud B.46, di bawah Kementerian Sumber Manusia jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM111,201,360 untuk Maksud B.46,, diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM77,706,829 untuk Maksud P.46 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM77,706,829 untuk Maksud P.46 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018]*

**Maksud B.47 [Jadual] -**

**Maksud P.47 [Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018] –**

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sekarang adalah perbahasan giliran Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Oh! Ramai.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya hadkan kepada lima orang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kluang, selepas itu Yang Berhormat Rasah. Sila.

**7.28 mlm.**

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bangkitkan tentang Butiran 01600 – CyberSecurity Malaysia, kerana pada hari ini undi yang lepas, PRU ke-14 yang lepas pada hari itu kedua-dua – bukan kedua-dua sahaja, tetapi hampir semua ahli politik ataupun pegawai-pegawai penting negara kita telefon

bimbit mereka diserang oleh pihak kita tidak tahu mana. Panggilan SPAM itu hampir *paralyzed* dengan izin, fungsi-fungsi setiap orang telefon bimbit mereka.

Nampaknya isu ini belum diselesaikan sampai hari ini dan kita tahu bahawa MCMC sudah menjalankan satu siasatan. Saya harap kalau boleh MCMC boleh bentangkan satu laporan dan khasnya untuk tambah lagi CyberSecurity Malaysia kita.

#### ■1930

Ini kerana di bawah butiran ini kita dapat tambah peruntukan, kita memperuntukkan RM35 juta untuk tambah CyberSecurity Malaysia kita. Saya harap program ini diambil perhatian oleh semua ahli politik, Ahli Parlimen Yang Berhormat di sini kerana CyberSecurity tidak kurang penting daripada keselamatan negara kita. Paling penting sekali, portal-portal internet kerajaan kita sekarang banyak. Hampir semua agensi kerajaan ada tubuhkan satu *website* mereka tetapi kadangkala ada *website* kerajaan yang kurang di selenggara dan senang jadi *target* untuk serangan *online* ini.

Saya harap Menteri boleh jelaskan apa aktiviti ataupun apa program akan dilaksanakan untuk menambah baik CyberSecurity negara kita? Apa penyelesaian ataupun apa *conclusion* dengan izin tentang serangan ke telefon bimbit semua ahli politik dan juga IGP kita pada 9 Mei yang lepas? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rasah.

#### 7.32 mlm.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya turut serta. Terlebih dahulu saya ucapkan tahniah kepada kerajaan sebab hari ini, tanggal 15 Ogos bermulanya TM akan menaik taraf UniFi Turbo secara berperingkat sehingga awal tahun depan. Saya percaya penaiktarafan UniFi ini sehingga yang paling tinggi saya dimaklumkan 800 *megabits per second*. Sesuatu yang bagi saya selaras dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan kerajaan elektronik dan ia juga selaras dengan kerajaan baharu Pakatan Harapan yang mahu memberikan ataupun membolehkan rakyat negara kita dapat menggunakan ataupun menikmati perkhidmatan UniFi yang lebih efektif. Selaras dengan keperluan semasa dan keperluan supaya kita dapat bersaing, meningkatkan daya saing kita dalam dunia yang penuh dengan cabaran ini.

Saya juga mengambil kesempatan ini bersetuju dengan Yang Berhormat Kluang tadi. Saya sendiri pada pagi 9 Mei yang lepas bersama dengan Yang Berhormat Seremban selaku Menteri Pengangkutan, kami sama-sama diserang bertubi-tubi tetapi Menteri dia kena serang lebih. Ahli Parlimen, dia kurang sikit serangannya. Jadi saya harap perkara ini jangan kita ambil mudah. Kita kena pastikan pada PRU yang ke-15 tidak berulang lagi.

Tidak berulang bukan setakat untuk pihak kerajaan tetapi juga Yang Berhormat ataupun calon-calon daripada pembangkang supaya sama-sama kita dapat bertanding dalam PRU dalam keadaan aman damai. Tanpa ada serangan-serangan siber sebegini yang menjelaskan tumpuan dan juga menjelaskan peluang untuk kami berkomunikasi dengan pihak-pihak luar khasnya pada waktu yang genting, waktu yang kritikal ketika PRU.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang saya nak kemukakan, selaras dengan hasrat kita di bawah Maksud P.47, Butiran 10600 – Projek Kerajaan Elektronik adalah berkenaan dengan signal telefon bimbit. Saya rasa sudah tiba masanya kerajaan mempunyai iltizam untuk memastikan supaya liputan atau coverage signal untuk telefon bimbit supaya dapat ditingkatkan ke satu tahap yang lebih baik, lebih memudahkan semua penduduk di semua tempat.

Saya nak ambil contoh satu kawasan perumahan yang nak kata baru tidak berapa baru. Hampir lebih sepuluh tahun di kawasan saya iaitu Forest Heights di bawah Parlimen Rasah yang mana ramai penduduk menghadapi masalah. Kalau dalam rumah itu, tidak boleh nak jawab panggilan ataupun buat panggilan. So, perkara sebegini tidak seharusnya berlaku tidak kira di bandar, di desa, di luar bandar dan sebagainya.

Jadi saya mohon pihak kerajaan khasnya saya percaya di bawah seorang Menteri yang cukup berwibawa, seorang Menteri yang cukup berkarisma, kita mampu menyelesaikan masalah-masalah yang selama ini tertunggak tanpa diambil perhatian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Rasah.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Tuan Pengerusi, dua minit sahaja.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Sibuti.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Sebelah sinilah pula.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya bagi Yang Berhormat Sibuti. Selepas itu Yang Berhormat Pontian dan diakhiri dengan Yang Berhormat Batu Kawan.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Okey, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila.

### 7.35 mlm.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya ingin membangkitkan berkenaan tentang Butiran 01600 – CyberSecurity Malaysia. Dengan peruntukan yang besar yang diteruskan oleh pihak kerajaan, saya berharap agar kita dapat mengekalkan tahap keselamatan sekuriti lebih-lebih lagi kita sekarang menuju kepada era *blockchain* dan *fintech* di mana kita mempunyai e-wallet yang perlu meyakinkan pengguna dengan sekuriti yang tinggi.

Selain daripada itu juga, dengan mantapnya CyberSecurity di Malaysia, saya merasakan pada pilihan raya umum yang akan datang, mungkin kita dapat menggunakan pengundian secara elektronik sekiranya CyberSecurity kita kukuh.

Selain daripada itu juga, berkenaan tentang Butiran 10600 – Projek Kerajaan Elektronik. Saya membesar di dalam era menuju 2020 dan pada masa kini negeri Sarawak juga telah memperkenalkan dasar digital ekonomi dan juga kerajaan digital dan elektronik. Saya berharap agar pihak kerajaan dapat memperkasakan pelaksanaan kerajaan elektronik, sekurang-kurangnya mewujudkan lebih banyak lagi aplikasi-aplikasi yang dapat membantu dan memudahkan kehidupan masyarakat dan rakyat. Contohnya, tidak salah jika kerajaan dapat menyediakan aplikasi untuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat agar kita dapat mengenal pasti ataupun menggunakan konsep *Instagram*. Kita ambil gambar, kita hantar kepada kementerian agar kementerian dapat *respond*.

Selain daripada itu juga, kita perlu mempelbagaikan penggunaan MyKad kita kerana pada masa kini MyKad kita masih lagi *underutilize* dengan izin. Selain daripada itu juga, berkenaan tentang komitmen kerajaan baharu kepada dasar pelaksanaan kerajaan digital ataupun *digital economy* di Sarawak. Adakah kerajaan baharu akan memberi bantuan terutamanya dari segi pelaksanaan jalur lebar yang lebih laju?

Saya mengambil contoh seperti di kawasan saya, Parlimen Sibuti. Pusat khidmat saya akan terletak di kawasan Taman Tunku bersebelahan dengan Lapangan Terbang Miri tetapi pusat khidmat saya tidak dapat menikmati jalur lebar UniFi walaupun jumlah pengundi di kawasan Taman Tunku sahaja mempunyai puluhan ribu masyarakat tetapi UniFi tidak dapat dinikmati oleh rakyat. Walaupun Yang Berhormat Rasah tadi telah memberi ucapan tahniah tetapi kami di Sibuti dan juga di kawasan luar bandar Sibuti

seperti Bekenu dan juga Batu Niah hanya dapat menikmati kelajuan Streamyx dengan kelajuan 4MB dan 8MB sahaja.

Selain daripada itu juga saya ingin mendapatkan perincian berkenaan Butiran 94000 – NKEA. Saya berpendapat bahawa kerajaan perlu meningkatkan *content industry* ataupun industri kandungan ataupun banyak terutamanya golongan-golongan karyawan ataupun dokumentari *producer*, *short film producer* ataupun *application coding* ini perlukan bantuan, perlukan sokongan daripada pihak kerajaan agar kita dapat mengangkat *content industry* dengan izin di Malaysia kerana ia mampu memberi pendapatan kepada kerajaan. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi .

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pontian.

### **7.39 mlm.**

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Merujuk kepada Projek Kerajaan Elektronik sebanyak RM238.4 juta itu, saya ingin tahu apakah komponen kerajaan elektronik. Apakah maksudnya kerajaan elektronik itu dan adakah ia terlibat dengan pembinaan menara telekomunikasi di kawasan-kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak? Berapa banyak menara telekomunikasi telah dibina di bawah SKMM itu? Kita tahu kadang-kadang menara telekomunikasi telah dibina tetapi masih lagi di kawasan itu hanya ada 3G. Belum ada kapasiti 4G.

Jadi, apakah langkah-langkah yang dibuat oleh kementerian untuk memastikan menara telekomunikasi itu dapat dijadikan satu usaha yang berkesan untuk membantu rakyat bagi mengatasi apa yang dipanggil sebagai *digital divide* ataupun mengurangkan jurang digital.

### **■1940**

Apabila kita kata tentang *digital divide* ini dan kita perlukan untuk IKS, PKS kawasan luar bandar itu, mereka sebenarnya juga ingin terlibat dengan *online business* sebagaimana yang saya telah nyatakan tadi. Apabila tersekat dari segi kelajuan *internet*, kita perlukan kelajuan yang berganda. Kita juga perlukan dengan harga yang lebih patut. Itu mengenai projek kerajaan elektronik.

NKEA ini RM54.3 juta ini apa komponennya? Saya ingin tahu. Di bawah kementerian ini juga saya lihat ada Cyberview Sdn. Bhd. Saya ingin tahu RM18.9 juta itu apa butirannya?

MAMPU juga berada di bawah kementerian Yang Berhormat Menteri sekarang. Sebelum ini MAMPU adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri. Saya kira walaupun nampak pelik sedikit MAMPU di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia tetapi saya harap peranan MAMPU akan dapat membantu kementerian-kementerian lain bagi melaksanakan urusan pemodenan tadbiran dan perancangan pengurusan Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Batu Kawan.

#### 7.41 mlm.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membawa perhatian Kementerian Komunikasi dan Multimedia ke Butiran 01600 – CyberSecurity Malaysia.

Saya ingin membawa isu di Dewan yang mulia ini mengenai panggilan ‘*Macau Scam*’ yang mengklon nombor telefon agensi-agensi kerajaan untuk *blackmail* atau memeras ugut mangsa untuk memindahkan sejumlah wang ke dalam akaun pemanggil. Sebagai contoh, pada minggu lepas, ibu saya sendiri telah menerima satu panggilan ke rumah beliau melalui talian tetap bawah Telekom kononnya daripada Mahkamah Majistret Seremban. Dua hari sebelum itu, jiran saya telah menjadi mangsa apabila beliau menerima telefon daripada kononnya balai polis. Jadi, kita lihat trend sindiket-sindiket ini untuk mengklon nombor-nombor telefon balai polis atau majistret, mengugut pemanggil dan biasanya pesara-pesara, dengan izin, *retirees* untuk memindahkan sejumlah wang.

Apabila saya membawa ibu saya untuk membuat laporan polis, balai polis sendiri kata mereka telah menerima *call* daripada sindiket ini. *The police station itself are not safe, then where do we go from here?* Jadi saya mohon untuk pihak kementerian memandang serius perkara ini, bekerjasama dengan KDN untuk memastikan bagaimana nombor-nombor ini boleh diklon, especially bawah Telekom Malaysia. *These are fix line. They get calls on their house number at home.*

Dalam kes-kes macam ini, kita lihat juga sehinggalah pemanggil tersebut akan menyatakan nombor badan mereka, *if they are from the police*— dan *lately* mereka juga klonkan waran tangkap *and also they send it as a WhatsApp message*. Jadi saya harap pihak kementerian akan mengambil tindakan yang tegas untuk menangani perkara ini sebelum ia berleluasa. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Baiklah, maka berakhirlah perbahasan peringkat jawatankuasa untuk Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Sekarang saya jemput Menteri untuk menjawab.

#### **7.43 mlm.**

**Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Gobind Singh Deo]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada lima Ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dan untuk soalan-soalan yang diajukan.

Terlebih dahulu, Tuan Pengerusi, izinkan saya merujuk kepada apa yang dikenali sebagai Cyberview Sdn Bhd yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Pontian sebentar tadi. Yang Berhormat Pontian minta apakah sebenarnya dilakukan oleh badan ini khususnya dari segi keterangan projek-projek yang dibuat.

Setakat mana yang saya ada maklumat, projek-projek yang terlibat di bawah Cyberview Sdn Bhd ini adalah termasuk memberikan perkhidmatan bas yang beroperasi 24 jam sehari bagi menyediakan perkhidmatan untuk pelajar dan pekerja yang tinggal di luar Cyberjaya. Kemudian, ada penyelenggaraan yang termasuk cukai tanah, cukai taksiran, insurans, yuran pengurusan dan pembayaran ansuran pinjaman bangunan milik kerajaan khususnya melalui perjanjian *build and manage transfer*.

Kemudian, kita juga ada apa yang dikenali sebagai penyelenggaraan dan pembayaran ansuran pinjaman bangunan milik kerajaan juga melalui perjanjian *build manage transfer* dan termasuk juga ansuran tanah kepada Cyberview. Kemudian di akhirnya kita ada perbelanjaan operasi yang meliputi kos kakitangan dan operasi syarikat bagi tahun khususnya tahun 2018.

Ini adalah sedikit sebanyak maklumat yang berkenaan dengan dana yang diperlukan bagi tujuan Cyberview Sdn Bhd yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Pontian sebentar tadi.

Berkaitan dengan isu CyberSecurity, Tuan Pengerusi. Saya mula dengan merujuk kepada apa yang disebut sebagai serangan yang berlaku pada hari pilihan raya iaitu pada 9 Mei yang lepas di mana kita masih ingat lagi pagi kita bangun dan kita dapat bertubi-tubi panggilan telefon kita tidak berhenti berdering-dering. Kita tengok nombor-nombor yang kita tidak kenal itu ianya satu-persatu, *one after another* dan ianya berterusan untuk berjam-jam.

Jadi, dalam keadaan tersebut, apa yang berlaku adalah, nombor satu, kita tidak tahu apa yang berlaku kerana sekarang kita dalam zaman, Tuan Pengerusi, di mana kita ini sangat *dependent* kepada *handphone* kita. Khususnya pada satu hari yang cukup penting di mana kita ini perlukan *handphone* itu supaya kita boleh berkomunikasi dengan pihak masing-masing kita yang bertugas di sekolah dan sebagainya, pusat-pusat yang tertentu, jadi kita ini perlukan perkhidmatan telefon itu.

Jadi apabila kita berada dalam satu keadaan di mana kita ini terima tanpa henti panggilan-panggilan seperti itu, kita tidak tahu apa yang berlaku. Ini adalah apa yang disebut sebagai serangan *botch*, Tuan Pengerusi. Maknanya, apa yang berlaku adalah nombor-nombor ada dibekalkan dan ianya secara automatik membuat panggilan. Jadi, kita menghadapi satu serangan sebegini dan apa yang berlaku adalah ianya akan berterusan. Jadi ramai yang tidak tahu macam mana hendak buat dan macam mana kita hendak hadapi keadaan itu.

Saya telah pun minta untuk satu laporan terperinci berkenaan dengan perkara ini daripada kementerian saya. Laporan awal telah pun saya dapatkan tetapi, Tuan Pengerusi, apa yang penting adalah bukan sahaja kita hendak ada satu laporan tetapi kita hendak laporan dan juga kita mahu kaedah-kaedah tertentu diberikan sebagai rekomendasi bagaimana kita boleh pastikan keadaan ini tidak berulang sekali lagi.

Saya juga hendak memberikan gambaran satu keadaan kepada Yang Berhormat daripada Kluang dan Yang Berhormat Rasah. Apa yang kita alami pada hari itu adalah hanya setakat beberapa jam di mana kita ini kelihatan kita tidak boleh menggunakan telefon bimbit kita. Cuba bayangkan satu keadaan di mana kalau ianya berterusan untuk beberapa hari atau beberapa minggu. Ini bermaksud kita langsung tidak boleh gunakan sistem talian *handphone* kita dan ramai mereka yang kalau mereka ini bergantung kepada telefon bimbit mereka untuk melakukan perniagaan dan sebagainya, maka ianya mempunyai kesan yang memudaratkan perniagaan-perniagaan mereka.

So, ini adalah satu masalah yang kita lihat dari segi dan dari aspek CyberSecurity di mana kita perlu mengadakan satu sistem di mana kita boleh pastikan bahawa apabila berlaku masalah sebegini, maka ianya boleh disekat dengan cepat. Maka, di peringkat SKMM, kita dalam proses sekarang kita ini mendapat tahu—*problem* itu kita sudah tahu ianya serangan *botch* tetapi apakah yang perlu kita lakukan untuk kita menghalang atau pun memastikan ianya tidak berlaku?

Satu laporan telah pun saya minta dan laporan itu belum siap lagi. Apabila ianya siap, saya akan buat pengumuman berkenaan dengan perkara itu, Yang Berhormat

daripada Rasah dan Yang Berhormat Kluang. Saya akan memberikan salinan laporan itu kepada kedua-dua Yang Berhormat selepas daripada itu.

Kita sekarang berbalik, Tuan Pengerusi, kepada isu CyberSecurity yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Rasah dan juga daripada Yang Berhormat Kluang. Kalau kita lihat kepada zaman digital sekarang ini, kita semua faham betapa pentingnya kita ini mempunyai satu sistem siber di mana kita ada tahap-tahap keselamatan supaya tidak ada sebarang perasaan risau pada pihak kita bahawa apa yang kita gunakan itu ada ancaman dari pelbagai aspek.

Saya minta kebenaran untuk memberikan penjelasan. Tujuan utama kita melaksanakan projek kita mengukuhkan ketahanan negara adalah untuk kita menghadapi ancaman siber. Ianya, Tuan Pengerusi, kita laksanakan kerana kita hendak memperkuuhkan keselamatan sistem dan rangkaian komputer dalam negara supaya kita bersedia dalam menghadapi segala ancaman serangan siber.

#### ■1950

Justifikasi pelaksanaan projek-projek sedemikian Tuan Pengerusi, adalah kekurangan kajian dalaman ancaman siber yang semakin meningkat dan semakin sukar untuk ditangani. Selain itu, tiada langkah proaktif yang diambil bagi menangani isu jangkitan *malware* secara menyeluruh, memantau ancaman siber dan pemantauan Internet oleh badan-badan keselamatan di Malaysia dilihat sebagai faktor utama kita nak menubuhkan projek-projek yang kita fokuskan kepada siber sekuriti di negara kita.

Justeru itu, kita ada beberapa projek ataupun apa yang disebut sebagai inisiatif yang kita ambil supaya kita boleh adakan satu holistik *approach* kepada bagaimana kita nak menghadapi ancaman siber. Di antaranya Tuan Pengerusi kita ada pembangunan forensik siber dan siasatan di mana di dalam keadaan ini kita lihat kepada satu sistem di mana kita mewujudkan rujukan teknikal dalam bidang keselamatan teknologi khususnya dalam bidang keselamatan teknologi tanpa wayar (*internet of things*) dan pengkomputeran awan (*cloud computing*).

Di mana kita melihat kepada kesan-kesan atau cara-cara bagaimana kita boleh pastikan bahawa sesiapa yang menggunakan apa-apa inisiatif ini ataupun apa-apa program yang kita bekalkan itu, maka ada sistem di mana mereka boleh pastikan bahawa apa yang mereka lakukan melalui *cloud* ataupun melalui IOT dan sebagainya ianya selamat daripada ancaman-ancaman siber. Itu adalah satu daripada inisiatif yang kita adakan.

Sebenarnya ada banyak Tuan Pengerusi tapi masa tidak mengizinkan, saya akan senaraikan saja dan maklumat-maklumat lanjut itu saya boleh berikan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat secara terperinci sekiranya dikehendaki.

Keduanya, kita ada projek pembangunan maklumat penyelidikan dan perkhidmatan jaminan keselamatan bagi teknologi-teknologi yang termaju. Kemudian kita ada Projek Pembangunan Perkhidmatan Penilaian Kriptografi Negara. Kita juga ada Projek Pembangunan Pusat Jaminan Keselamatan Sistem Kawalan Industri Negara, kita ada program pensijilan Tuan Pengerusi dan pematuhan keselamatan siber negara, kita ada projek pendidikan keselamatan siber dan pembangunan profesional, kita juga ada projek-projek pembangunan sistem analisis strategik-strategik keselamatan siber negara.

Jadi kita ada banyak inisiatif-inisiatif yang digunakan, justeru itu kita memerlukan bekalan supaya kita boleh pastikan bahawa projek-projek itu bolehlah kita mulakan dan sebagai kementerian yang sentiasa melihat kepada perkara-perkara yang berhubung kait dengan Internet.

Tuan Pengerusi kita kena faham, bila kita lihat ke masa depan kita boleh tahu bahawa negara ini bukan saja kita akan menghala ke satu keadaan di mana kita bergantung dengan besar sangat kepada ekonomi digital. Kita juga ada satu keadaan di mana kita perlu setakat mana yang kita boleh pastikan bahawa kita ada satu kerajaan yang ada sifat digital secara keseluruhannya. *In other words what we will have in future is digital economic and also a government that is based on a digital platform and of course take assistance, dengan izin from Internet and the system what we called the internet and of course the applications that we effort.*

Dalam keadaan itu Tuan Pengerusi, kalau kita lihat kepada apa yang akan berlaku kita tidak mahu satu keadaan di mana kita ini berjaya adakan sistem *economic digital*, sistem satu kerajaan digital tetapi kita tidak boleh menyatakan dengan kukuh dan pasti bahawa sistem-sistem yang wujud itu adalah selamat daripada ancaman siber.

Ini bukan saja satu keadaan yang terpakai kepada Malaysia, ini satu keadaan yang terpakai kepada semua negara-negara lain di seluruh dunia ini. Sekarang semua negara ini mereka tukar, bukan macam dulu. Dulu itu kalau kita lihat kepada dokumentari fizikal dan sebagainya *but now we are moving towards a digital era*. Kalau kita ini nak meyakinkan bukan sahaja pengguna-pengguna tempatan tapi pengguna-pengguna daripada luar. Kita nak yakinkan pelanggan-pelanggan kita bahawa sistem yang kita bekalkan itu adalah sistem yang selamat daripada ancaman siber, maka kita

perlu lihat bagaimana kita ada satu sistem di mana kita boleh memberikan sijil misal kata.

Bila kita boleh pensijilan, kita boleh mengiktiraf apa yang kita ada itu sebagai selamat, ini adalah sebahagian daripada inisiatif-inisiatif yang kita ada di mana kita mewujudkan satu ekosistem di mana kita boleh dengan cukup jelas menunjukkan bahawa apa yang kita ada itu adalah selamat daripada ancaman. Itu saya rasa adalah satu perkara yang paling utama yang kita mahu wujudkan supaya kita boleh ambil dengan izin, *full advantage of the internet* bukan saja di Malaysia tapi di seluruh dunia ini.

Tuan Pengerusi saya minta maaf, masa sangat tidak mengizinkan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Memang kerana, '*masa itu emas*'.

**Tuan Gobind Singh Deo:** *[Ketawa]* Ya, jadi saya akan berikan jawapan bertulis setakat mana yang saya boleh kerana banyak soalan yang ditanya, banyak maklumat yang saya ada tapi dalam dua minit lebih saya rasa susah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, saya lihat beg Yang Berhormat Menteri pun besar juga walaupun penggulungan. Beg memang besar.

**Tuan Gobind Singh Deo:** *[Ketawa]* Ya, tapi saya...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Kandungan pun banyak.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Saya berikan setakat mana yang saya boleh, dua tiga Yang Berhormat daripada Sibutti ada sebut berkenaan dengan kawasan Yang Berhormat, saya telah pun ambil maklum berkenaan dengan aduan itu saya akan bawa kepada kementerian dan kita tengok bagaimana kita boleh selesaikan. Saya mungkin akan bagi jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Berkaitan dengan isu yang dibangkitkan berkaitan industri kandungan dan karyawan di mana disebut bahawa kita perlu memberikan lebih ruang supaya kita boleh bangkitkan industri ini. Saya setuju, saya setuju. Ini adalah satu perkara yang saya telah pun kaji, saya dalam proses bincang dengan semua pihak yang terbabit dan saya harap bahawa dalam masa yang akan datang kita ada beberapa agensi yang terlibat dalam perkara ini. Kita ada FINAS kita juga ada MyCreative Ventures dan sebagainya yang telah pun memulakan inisiatif-inisiatif ini. Ini adalah satu perkara dalam naungan kementerian saya, dan saya akan lihat bagaimana kita boleh pastikan bahawa apa yang kita lakukan itu membawakan manfaat dan akan mengangkatkan industri ini supaya ianya boleh menjadi lebih kompetitif dalam masa yang akan datang.

Akhirnya berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Batu Kawan berkenaan dengan apa yang dikatakan sebagai ‘*Macau Scam*’. Memang itu adalah satu perkara dalam perhatian kita, kita ada banyak aduan di mana ramai menerima panggilan daripada pihak-pihak tertentu dan maklumat-maklumat yang diberikan itu adalah seolah-olah ianya benar. Juga seperti mana yang disebutkan tadi ada keadaan di mana mereka mengenal pasti mereka sebagai pihak tertentu polis dan sebagainya. Ini aduan yang telah pun di bawa kepada perhatian kita. Dalam perkara itu saya— kes-kes sebegini boleh dilaporkan melalui Cyber999 perkhidmatan yang disediakan oleh Siber Sekuriti Malaysia dan juga kita ada melakukan *outreach programme* Yang Berhormat, untuk membawa kesedaran jenayah siber untuk sektor awam dan swasta.

Dalam keadaan itu kita ada apa yang dikatakan sebagai *sides programme CyberSAFE*, yang mempunyai sasaran ataupun *target group* yang melibatkan beberapa peringkat ataupun *age group* yang berbeza. Inilah inisiatif-inisiatif di mana kita ini selain daripada kita cuba untuk menyelesaikan dari segi siasatan dan sebagainya kita juga nak bawa *awareness* kepada pihak-pihak yang menjadi *target group*. Jadi kalau ada aduan-aduan sebegini dan ianya akan berubah, *it will changes in many different ways in which you'll see this problem*. So, saya minta supaya kalau ada aduan tersebut, aduan itu bawa kepada kita melalui apa yang saya sebut tadi Cyber999 kita akan menanganinya. Dalam masa yang sama kita pastikan bahawa kita juga *we will outreach, we'll create awareness* supaya mereka yang terlibat itu mereka dapat tahu apa yang perlu dilakukan dalam keadaan-keadaan tersebut.

Tuan Pengerusi saya...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Memang masa sudah tamat.

**Tuan Gobind Singh Deo:** Tidak ada masa. Saya minta maaf kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat yang saya tidak jawab. Saya akan memberikan jawapan bertulis saya. Yang Berhormat Pontian telah pun minta supaya saya berikan huraian berkenaan dengan perkara-perkara tersebut, saya akan berikan secara bertulis kerana banyak kalau saya nak ulangi di sini ia nya akan makan masa. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang memberikan kerjasama menepati masa.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM73,458,392 untuk Maksud B.47, di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM73,458,392 untuk Maksud B.47, diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM362,888,709 untuk Maksud P.47 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM362,888,709 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018]*

## ■2000

**Maksud B.62 [Jadual] -**

**Maksud P.62 [Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018] –**

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Kini sampai ke giliran perbahasan Kementerian Dalam Negeri. Saya nampak empat orang pertama. Pertama, Yang Berhormat Pasir Gudang, kemudian Yang Berhormat Pontian, kemudian Yang Berhormat Tasek Gelugor.

**Beberapa Ahli:** KK, KK!

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Sini, sini!

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Kota Kinabalu dan terakhir Yang Berhormat...

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Rasah. Rasah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Tv screen tidak cukup besar. Yang Berhormat Kalabakan. Minta maaf, minta maaf. Sila, yang pertama, Yang Berhormat Pasir Gudang.

**8.01 mlm.**

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin membahaskan tentang anggaran perbelanjaan Kementerian Dalam Negeri iaitu Kepala P.62, Butiran 18000 - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Di dalam anggaran ini kita lihat peruntukannya besar. Peruntukan semula perbelanjaan tahun 2018 sebanyak RM308 juta lebih tetapi di sini tiada butirannya. Perbelanjaan ini, perbelanjaan pembangunan ini untuk apa ini ya? Jadi, adakah kemungkinan untuk membeli aset-aset, kapal-kapal untuk penguatkuasaan maritim Malaysia? Tuan Pengerusi, seperti kita semua sedar bahawa negara kita sebuah negara maritim dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak dikelilingi oleh perairan air ya. Selat Melaka, Laut China Selatan. Jadi, saya melihat bahawa hasil negara kita iaitu ikan-ikan, hasil laut ini terdedah kepada pencerobohan nelayan-nelayan asing.

Jadi, mungkin ini ada kaitannya dengan peruntukan membantu agensi maritim ini. Mencegah pencerobohan nelayan asing. Kedua, kemasukan pekerja-pekerja asing, misalnya satu ketika dahulu pekerja-pekerja daripada Indonesia menyeludup masuk melalui perairan kita dan bolos. Penyeludupan-penyeludupan yang juga berlaku di negara kita dari segi barang dan sebagai nya. Jadi, itu sahaja yang saya minta perhatian daripada pihak kementerian. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pontian. Sila.

**8.04 mlm.**

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada *Eastern Sabah Security Command (ESSCOM)*. Apakah status keselamatan ESSZONE sekarang ini yang agak merisaukan kita? 1,733 kilometer yang meliputi pelbagai daerah. Kita tahu bahawa ketika berlaku pencerobohan Tanduo, Lahad Datu, beberapa hari selepas itu saya turut berada di kawasan itu dan melihat sendiri apa yang berlaku di situ bersama dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim.

Apakah status tentang risikan kegiatan masyarakat Palau yang ada disebut dan dituduh menyebelahi penjenayah? Perkara ini perlulah di maklumkan. Satu lagi ialah mengenai Agensi Penguatkuasaan Maritim dinyatakan di sini 129.4 juta, perkhidmatan bekalan 37 juta. Kita perlu satu usaha untuk mencanggihkan APMM ini kerana sebagai contoh, laluan Selat Melaka itu adalah merupakan laluan antara yang paling sibuk dalam

dunia. Pada tahun 2007 misalnya, transit yang melalui laluan Selat Melaka itu ialah berjumlah 84,456 jumlahnya. Laporan *Sea-Trade Maritime News* menyebut bahawa sejak tahun 2011, trafik kapal sentiasa meningkat dan ia melibatkan tiga buah negara Singapura, Malaysia dan juga Indonesia.

Masalah yang dihadapi di kawasan laluan Selat Melaka itu ialah untuk kita membuat rondaan keselamatan dan aset-aset APMM ini perlu sentiasa canggih. Contohnya, keperluan APMM ialah *unmanned aerial vehicle* (UAV) yang perlu membantu dari segi teknologi yang canggih, dari segi radar sistem yang lebih baik daripada apa yang ada sekarang. Satu lagi masalah yang dihadapi oleh APMM ini dan saya harap ada jawapan daripada Kementerian Dalam Negeri ialah mengenai sempadan yang bertindih. Sempadan yang bertindih di Selat Melaka.

Apabila nelayan kita memasuki kawasan ke Indonesia atau pun sebelum sampai kawasan sempadan Indonesia pun, nelayan kita sudah ditangkap. Walhal sebagaimana yang disebut oleh nelayan-nelayan Pontian yang telah ditangkap dan kemudian dibebaskan oleh Kerajaan Indonesia, kawasan mereka itu sebenarnya berada dalam kawasan Malaysia. Jadi, apa yang berlaku ialah sempadan yang bertindih ini. Sempadan bertindih ini bukan isu kecil, ia adalah isu besar yang daripada dulu sehingga lah ke hari ini masih lagi tidak dapat diselesaikan.

Jadi, saya harap perkara ini diambil perhatian yang berat supaya kita boleh menyelesaikan sempadan bertindih di lautan. Terutama di Selat Melaka yang kita harap tidak akan berlaku apa-apa pencerobohan aktiviti lanun dan sebagainya. APMM berjaya untuk melaksanakan keselamatan itu dan akibatnya perdagangan import dan eksport yang melibatkan banyak negara melalui Selat Melaka ini berlaku dengan selamat. APMM bercadang untuk membina enam kapal dan diberitahu bahawa kapal itu boleh melangkaui 200 batu nautika. Saya ingin tahu apa yang berlaku tentang enam kapal besar yang cadangan APMM untuk membina dan membantu mereka menjaga kawasan persisiran pantai kita dengan lebih selamat lagi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tasek Gelugor.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Setiu.

#### **8.07 mlm.**

**Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 16000 - Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM). Pertama sekali saya hendak mendapatkan penjelasan daripada Menteri. Apakah

sekarang ini kita menggunakan nama jabatan itu sebagai Angkatan Pertahanan Awam Malaysia atau pun Jabatan Pertahanan Awam Malaysia? Oleh sebab saya difahamkan dulu kita mengubah dan menyebutnya sebagai Angkatan Pertahanan Awam Malaysia. Jadi, kalau ada kesilapan, saya mohon supaya ianya diperbetulkan.

Kedua, berkenaan dengan angkatan atau pun Jabatan Pertahanan Awam Malaysia ini, pegawai-pegawai daripada Jabatan Pertahanan Awam ini adalah sedikit sangat jumlahnya yang memegang jawatan tetap dan mereka juga agak kurang kemahiran dari segi pengurusan. Ini secara umum lah, bukan semua. Akan tetapi ada rungutan-rungutan daripada anggota-anggota Jabatan Pertahanan Awam Sukarela, di mana mereka agak sukar berhubung atau pun berkomunikasi dengan pegawai-pegawai tetap. Di antaranya menyebutkan bahawa pegawai-pegawai tetap ini macam mempunyai *gap* hubungan di antara pegawai tetap ini dengan pegawai-pegawai sukarela.

Jadi, di sini saya rasa pihak kementerian perlu mengambil perhatian. Oleh kerana kesannya ialah ia menyebabkan kurang minat daripada pegawai-pegawai atau pun anggota-anggota sukarela untuk meneruskan perkhidmatan mereka dengan Jabatan Pertahanan Awam. Oleh kerana disebabkan oleh hubungan dari segi anggota atau pun pegawai tetap berjawatan dengan anggota-anggota sukarela.

## ■2010

Kedua ialah berkenaan dengan insurans. Sekarang ini bagi pegawai-pegawai dan juga ahli-ahli sukarela Jabatan Pertahanan Awam, mereka terpaksa membayar insurans sendiri sebanyak RM17 seorang. Jadi kenapa tidak insurans ini disediakan oleh pihak kementerian bagi setiap kakitangan ataupun pegawai dan juga ahli-ahli pertahanan awam baik peringkat sukarela ataupun di peringkat tetap supaya mereka lebih terjamin dan lebih selamat dalam melaksanakan tugas-tugas yang begitu berbahaya kadangkalanya.

Seterusnya dimaklumkan juga bahawa syarikat-syarikat insurans ini pula sering kali bertukar-tukar. Jadi menyebabkan anggota-anggota pertahanan awam ini keliru dan sukar kalau berlaku sesuatu hendak membuat tuntutan dan sebagainya. Jadi perlu ada satu penyelarasan di peringkat Kementerian Dalam Negeri tentang kebajikan bagi kakitangan dan juga pegawai-pegawai Jabatan Pertahanan Awam khususnya dalam hal yang berkaitan dengan insurans.

Seterusnya yang ketiga berkaitan dengan Jabatan Pertahanan Awam juga ialah dari segi kemudahan dan juga peralatan-peralatan hendaklah sentiasa dikemaskinikan

dengan peralatan-peralatan baharu dan juga peralatan-peralatan yang sesuai dengan zaman, sesuai dengan masa dari segi kecanggihan teknologinya dan juga dari segi keberkesanan peralatan-peralatan itu untuk digunakan dalam apa jua keadaan operasi yang melibatkan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih. Seterusnya dijemput Yang Berhormat Kota Kinabalu, sila.

#### **8.11 mlm.**

**Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]:** Ya terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada ESSCOM, Butiran 011500 dan bersama Butiran 08800 dalam Pembangunan. Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada pasukan ESSCOM yang berjaya membanteras kes jenayah yang *cross boundary* yang baru-baru ini cuba berlaku di perairan dekat Lahad Datu sudah berjaya ditahan.

Saya rasa semakin hari semakin tahun, ESSCOM semakin berjaya dalam mengawal keselamatan di kawasan pantai timur di Sabah atau ESSZONE. Akan tetapi masalahnya kalau kita teruskan praktis atau perintah berkurung di ESSZONE, ini memberikan satu tanda bahawa pantai timur di Sabah tidak selamat.

Saya harap ada suatu strategi yang baharu kita harus kaji semula sama ada kita hendak memindahkan *army camps* dari pantai barat di Sabah seperti di Lok Kawi atau *navy* di Sepanggar. Kita harus berfikir sama ada kita hendak mempertimbangkan permindahan mereka dari pantai barat ke pantai timur. Hal ini kerana kesemua kes yang ada risiko keselamatan memang tertumpu di kawasan pantai timur di Sabah dan bukan di kawasan Pantai Barat.

Saya harap ini mungkin melebihi had kuasa seorang Menteri sahaja iaitu Kementerian Dalam Negeri. Saya harap Kementerian Pertahanan juga terlibat dalam perbincangan untuk pemindahan kem-kem tersebut. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih, Yang Berhormat Kota Kinabalu. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kalabakan. Sila.

#### **8.13 mlm.**

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 050800 - Aset. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri. Sabah ini yang begitu luas dan mempunyai pesisir pantai yang panjang untuk dikawal daripada ancaman luar harus juga diambil kira ESSCOM kini di bawah

Kementerian Dalam Negeri. Dengan kedatangan pelancong-pelancong yang signifikan sehingga hampir lebih 1,000 orang setiap hari melawat pulau-pulau yang indah di pantai timur Sabah terutamanya Semporna.

Satu lagi laluan yang penting sekarang laluan maritim yang dipanggil laluan Lombok *Strait* yang bakal menjadi laluan penting selain daripada laluan Selat Melaka. Jadi saya juga difahamkan pasukan polis kita di Sabah dan Sarawak hanya ada sebuah helikopter yang dikongsi oleh dua negeri. Hanya ada satu helikopter untuk pasukan polis Sabah dan Sarawak.

Oleh yang demikian, saya ingin meminta penambahan bajet untuk KDN untuk membeli aset-aset dan penyelenggaraan aset-aset yang sedia ada dan pemberian. Kalau boleh pemberian balai-balai polis dan pemindahan balai-balai polis dan pos-pos keselamatan di tempat-tempat yang strategik sangat diperlukan pelaksanaannya segera. Itu sahaja.

**Tuan Pengurus [Tuan Nga Kor Ming]:** Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, maka tamatlah perbahasan peringkat Jawatankuasa. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri sila jawab.

### **8.15 mlm.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]:** Terima kasih, Tuan Pengurus. Terima kasih kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat di atas pertanyaan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2018 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2018 untuk Kementerian Dalam Negeri.

Suka saya jelaskan di sini bahawa peruntukan-peruntukan ini dijelaskan di dalam rang undang-undang ini merupakan peruntukan yang dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri ke Kementerian Dalam Negeri. Oleh itu mungkin agak sukar bagi saya untuk memberikan maklumat terperinci atau secara terperinci dari segi pecahan-pecahan projek pembangunan yang telah diluluskan di dalam rang undang-undang ini.

Di sini juga saya mengambil kesempatan tentang keselamatan ini. Ia merupakan satu perkara yang tidak boleh diambil mudah dan bencana merupakan satu situasi atau fenomena yang tidak boleh dijangka untuk berlaku. Sehubungan dengan itu, keputusan untuk meletakkan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Eastern Sabah Security Command di

bawah KDN merupakan satu langkah yang tepat dan praktikal sesuai dengan keadaan semasa.

Ini kerana Kementerian Dalam Negeri adalah agensi utama yang menjaga keselamatan dan keamanan dalam negeri dan perpindahan ini akan melengkapkan kawalan keselamatan negara secara menyeluruh di mana semua pintu masuk negara dikawal oleh Jabatan Imigresen Malaysia, sempadan perairan negara oleh APMM dan sempadan darat negara oleh Agensi Kawalan Sempadan Malaysia.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan Yang Berhormat. Penjelasan, penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau hendak celah, boleh?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya hendak bercakap tadi tidak dapat sebab saya pergi keluar buka puasa. Sekarang saya masuk saya hendak tanya soalan pasal APM tadi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** APM ini hampir dua pertiga daripada Ahli Parlimen ini adalah kolonel kehormat APM. Mereka tahu apa yang telah kita buat pada masa yang lepas. Ini termasuk Tuan Pengerusi yang banyak bercakap fasal bencana pada masa yang lepas. Tuan Pengerusi faham. Sekarang ini masalahnya ialah yang mengendalikan bencana ialah NADMA. NADMA diletakkan di bawah Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Sekretariat kepada Jawatankuasa Pengurusan Banjir ialah APM di peringkat negeri.

Jadi bagaimana penyelarasan itu boleh dibuat kalau sekiranya Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri Pengerusi NADMA tetapi sekretariat pengurusan bencana di peringkat negeri ialah APM? Apakah wajar dipertimbangkan semula supaya APM ini dimasukkan di bawah Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri ataupun Jabatan Perdana Menteri semula? Oleh sebab tugas utamanya ialah memberi perhatian kepada pengurusan bencana.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Menteri sila jawab.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Berkenaan dengan apa yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Arau sebentar tadi berkenaan dengan NADMA. Tuan Pengerusi, sebagaimana yang saya sebutkan tadi agensi-agensi ini sebenarnya sebelum ini diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan ia baru diletakkan di bawah Kementerian Dalam Negeri.

So, kalau boleh saya ingin meminta agar jawapan ini saya akan serahkan secara bertulis kepada Yang Berhormat Arau. Menjawab soalan Yang Berhormat Pasir Gudang sebentar tadi, peruntukan yang besar diberikan kepada APMM yakni sebanyak lebih RM300 juta sebagaimana disebut. Untuk makluman, sebagaimana saya sebutkan tadi saya tidak dapat memberikan secara terperinci dari segi nilai projek yang disenaraikan. Akan tetapi secara ringkas saya boleh sebutkan di sini banyak projek penyelenggaraan seperti contohnya baik pulih selenggara kapal-kapal bot APMM, perolehan enam buah kapal ronda, pembinaan pejabat-pejabat, baik pulih dan sebagainya. Jadi ini di antara penyumbang besar yang membuatkan peruntukan APMM ini mencecah hampir ratusan juta ringgit.

## ■2020

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan. Arau.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau lagi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini nak tolong ini, nak tolong. Saya rasa peruntukan ini terlampau kecil. Yang Berhormat sedia maklum bahawa APMM ini ataupun *coast guard* menjalankan penguatkuasaan daripada tiga batu nautika sampai ke 200 batu nautika tetapi dia mempunyai enam helikopter. Bomba sekarang ini ada sembilan, campur dua yang baru. Jadi apakah Yang Berhormat bercadang untuk meminta peruntukan tambahan supaya kita tambah peruntukan untuk membeli helikopter. Oleh sebab mana mungkin sebuah negara dengan laut yang begitu luas dari Perlis sampai ke Sabah dengan Laut China Selatan dan juga Laut Sulu, hanya enam helikopter yang menjaga penguatkuasaan.

Jadi Yang Berhormat, saya bukan sahaja menyokong peruntukan yang diberi tetapi memohon supaya peruntukan tambahan diminta untuk membeli dua helikopter yang pada masa yang lepas telah disetujukan pada dasarnya. Ini adalah khas untuk diletakkan di Sabah dan juga di Sarawak. Ataupun tiga, satu di ESSCOM.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Saya sebenarnya setuju dengan apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Arau. Apa yang saya maksudkan jumlah yang banyak itu jika dibandingkan di antara tiga agensi yang disebutkan di dalam rang undang-undang ini, APMM mendapat peruntukan yang besar. Itu yang saya sebutkan tadi. Saya setuju. Kalau diikutkan hati saya, kalau boleh minta kerajaan meluluskan lagi banyak kerana kita tahu ianya untuk kepentingan negara dan keselamatan negara kita.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Kena cari hasil dululah, bayar hutang dulu. Sila.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** [Ketawa] Untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Pontian sebentar tadi, dia ada menyebut tentang teknologi UAV. Untuk makluman, kesemua enam buah kapal NGPC akan dilengkapkan dengan UAV jenis Fulmar. UAV turut dirancang untuk ditempatkan pada kapal OPV tiga buah yang akan siap sepenuhnya pada tahun 2020 mengikut kemampuan untuk memantau dan mengawal pengairan negara kita selaras dengan pmodenan peralatan untuk memastikan pencerobohan nelayan dan kegiatan jenayah dapat kita pantau dan atasi.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Setiu minta laluan, Yang Berhormat Menteri. Timbalan Menteri, Setiu.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Setiu. Depan, depan.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Saya nak bangkitkan tentang pencerobohan nelayan asing di perairan Terengganu di mana khususnya Vietnam walaupun telah diberi amaran oleh Kesatuan Eropah, tetapi mereka masih berdegil. Dianggarkan RM3 juta pendapatan yang mereka dapat sekali mereka masuk ke perairan kita. Saya dimaklumkan mereka menggunakan pukat tunda dan kerosakan unjam dan bubu-bubu yang dipasang. Tadi Yang Berhormat Arau ada sebut helikopter tetapi saya nak sebut APMM ini juga perlu dibekalkan dengan fasiliti yang sempurna seperti radar, enjin bot dan sebagainya supaya mereka dapat membuat kerja dengan baik. Sekian.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Menteri sila.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Ya, kita akan ambil maklum. Cadangan dan permohonan itu kita akan minta untuk dimasukkan nanti di dalam bajet akan datang.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Pengerusi. Sikit sahaja penjelasan. Yang Berhormat, pada masa yang lepas, semua Ahli Parlimen bersetuju supaya amaran kepada kapal-kapal dan bot nelayan asing yang ditangkap ini supaya kita tenggelamkan ataupun kita bakar. Kita memang telah bakar dan memang kita telah tenggelamkan. Apakah polisi ini akan diteruskan supaya nelayan asing gerun dengan negara kita.

Pada masa sekarang, untuk pengetahuan Yang Berhormat, Indonesia mengebom semua kapal dan bot nelayan asing yang masuk, mereka bom. Perairan Indonesia adalah di antara perairan yang bersih daripada nelayan asing. Apakah Yang Berhormat bercadang supaya polisi untuk menenggelamkan semua kapal dan bot nelayan asing yang masuk ke sini termasuk dan terutamanya dari Vietnam.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sejak semalam, Yang Berhormat Arau sudah menjadi puak yang radikal. Semalam dia cadangkan tahun depan dijadikan tahun

haramkan pembalakan, hari ini dia cadangkan bom semua kapal nelayan. Sudah tukar watak. Dulu dia tak macam ini, sekarang cukup radikal. Sila Yang Berhormat Menteri. Dahsyat.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Saya setuju apa yang disarankan. Kita akan meneruskan kalau ianya baik untuk kepentingan negara. Saya menjawab sekali lagi untuk isu pencerobohan bot nelayan asing yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pontian sebentar tadi. Isu ketirisan hasil laut negara yang melibatkan pencerobohan nelayan asing perlu ditangani secara holistik. Selain penguatkuasaan oleh APMM, pendekatan penambahbaikan dasar, akta dan peraturan berkaitan perikanan sedia ada akan diperhalusi.

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** Mohon penjelasan.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Yang Berhormat Pontian juga ada bertanya tentang status keselamatan di ESSZONE dan permasalahan masyarakat ...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Merbok di belakang, Yang Berhormat Merbok.

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** 30 saat sahaja, sebab dah Yang Berhormat Menteri sebut pasal pencerobohan. Berlaku juga di Merbok dan APMM memang tak ada di situ. Dia ada di Kuala Kedah dan juga di Langkawi. Jadi kalau berlaku pencerobohan, APMM tak dan sampai. Maksud dia, pencerobohan itu lagi berleluasa. Jadi APMM tak dan sampai, *depa sempat larilah*. Jadi minta juga masukkan Merbok *na*. *Thank you.*

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Akan diambil perhatian, terima kasih Yang Berhormat Merbok.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, penjelasan sikit Yang Berhormat. Sikit sahaja, sikit.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Jangan curi masa Yang Berhormat Menteri. Dia tinggal empat minit lebih sahaja.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya ambil sikit sahaja. Yang Berhormat kalau dengar soalan ini cukup cantik ya. Pasal APMM tadi, saya cadangkan tadi bukan dibakar, saya kata ditenggelamkan sebab...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Tadi kata cadang nak bom kan kapal nelayan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bom itu Indonesia buat, Indonesia buat. Menterinya nama Susi, wanita. Wanita garang. Sekarang ini saya nak minta Yang

Berhormat supaya jawapan yang diberi tadi itu, penambahbaikan dasar. Ini adalah satu cerita yang tidak wajar dibaca ucapan itu. Sekarang ini kita nak *action*, harapan nak *action* bukan- jawapan itu saya tahu pegawai bagi tetapi tak boleh kata nak penambahbaikan dasar. Tidak! Sekarang ini *action*. Apakah tindakan wajar yang akan diambil?

**Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]:** Ini macam batu api sahaja.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bukan batu api, ini betul ini.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Dulu Yang Berhormat Arau pun baca jawapan yang disediakan oleh pegawai.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri, kalau Yang Berhormat nak selamatkan negara ini, kita rugi RM6 bilion satu tahun kerana ikan kita telah dicuri oleh orang asing. Jadi kalau Yang Berhormat nak selamatkan, kita kena ambil tindakan yang tegas seperti Yang Berhormat Pokok Sena tadi, dia akan ambil tindakan yang tegas. Akan tetapi saya harap jangan cakap sahaja, kena buat betul.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** *[Ketawa]* Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Sekali lagi saya ulang, saya setuju dengan apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Arau. Saya akan bawa ke peringkat kementerian untuk kita laksanakan. *[Tepuk]* Okey, status keselamatan di ESSZONE adalah terkawal buat masa ini. Tidak ada kes penculikan ataupun cubaan jenayah dari negara jiran kita. Kebanyakan cubaan berjaya dipatahkan oleh ESSCOM. Untuk mengatasi masalah masyarakat pulau, terdapat jawatankuasa peringkat kerajaan negeri yang ditubuhkan untuk menjaga kebajikan masyarakat ini. Ketua Menteri Sabah telah menekankan isu pendidikan masyarakat ini akan diambil perhatian melalui jawatankuasa yang telah pun dibentuk.

Saya tekankan juga di sini isu keselamatan di negeri Sabah ini, saya kalau boleh saya terus jawablah apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Kalabakan, saya jawabkan sekali. Saya cukup setuju. Di kawasan Pantai Timur Sabah ini, saya masih ingat sewaktu berlaku Ops Darurat yang mana pencerobohan berlaku di Lahad Datu di Tanduo. Pada masa itu, perairan Pantai Timur Sabah ini terlalu terbuka dan sebab itulah kenapa ditubuhkan ESSCOM dan ESSZONE. Saya setuju sekali lagi dengan apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Kalabakan. Saya harap agar dalam pembentangan bajet yang akan datang, isu keselamatan ini khususnya di Pantai Timur negeri Sabah ini perlu diberikan perhatian yang secukupnya.

Tadi disebut tanya satu helikopter sahaja di negeri Sabah, kongsi dengan Sarawak. Ini satu perkara yang saya minta Kementerian Kewangan akan pertimbangkan untuk ditambahkan bajet dalam belanjawan yang akan datang. [Tepuk]

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Berapa helikopter Yang Berhormat Menteri mahu?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya. Tuan Pengerusi, kalau sekiranya Yang Berhormat nak minta helikopter satu untuk Sabah dan satu untuk Sarawak, tak sesuai. Dia kena sama dengan Semenanjung. Enam di Sarawak, enam di Sabah.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Setuju.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sebab apa, Sarawak lebih besar daripada Semenanjung. Yang Berhormat, saya bukan cakap melawak ini Tuan Pengerusi. Saya cakap ini benda yang serius sebab tidak wajar untuk mereka melihat ancaman keselamatan itu akan datang dan sebagainya. Kita pernah diancam dengan teruknya di kawasan ESSZONE di mana kita tubuhkan ESSCOM. Jadi saya nak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, di samping kita mengucapkan tahniah, kita patut bagi markah A++ lah kepada ESSCOM yang telah berjaya mentadbir kawasan tersebut dengan jayanya.

Saya nak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, tadi ada Yang Berhormat Menteri menyebut bahawa minta tarik balik perintah berkurung. Yang Berhormat Menteri, sekarang kita selamat, kita tarik balik. Esok bila jadi pula, kita buat pula.

## ■2030

Saya cadangkan supaya perintah berkurung ini dikurangkan. Sekarang 6.00 petang sampai 6.00 pagi. Mungkin 8.00 malam hingga 6.00 pagi. Kurangkan begitu.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau ini macam menggulung, bukan bertanya.

**Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau]:** Tuan Yang di-Pertua, kali ini saya sokong sama Yang Berhormat Arau. Betul itu.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Yang Berhormat Arau, sebagaimana yang saya sebut, kita kena mengambil kira kekangan kewangan negara kita. Oleh sebab itu saya sebutkan tadi melalui kekangan kewangan ini saya harap dalam belanjawan akan datang, isu keselamatan ini kita tidak boleh pandang ringan kerana bila berlaku pencerobohan khususnya kawasan di Pantai Timur negeri Sabah, dia tidak bagi tahu

bila penceroboh hendak masuk, sebab itu saya setuju. Akan tetapi dalam pada itu kita memahami kekangan kewangan yang ada.

Oleh sebab itu dalam penjimatan yang dilakukan pada masa ini oleh kerajaan baru, saya harap isu keselamatan dapat diberikan penekanan yang khusus, khususnya di negeri Sabah yang sentiasa menghadapi ancaman musuh dan penceroboh daripada negara jiran. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi jawapan yang saya ingin jawab ini.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya faham.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Akan tetapi, boleh ada masa...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Boleh berikan jawapan bertulis.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Boleh ya? Tidak ada masa kecederaan? Datang daripada Sabah, jauh ini. Naik kapal terbang. *[Dewan ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Waktu kecederaan kita main bola sepak.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Main bola sepak.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Bukan dalam Dewan yang mulia ini.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Jadi kepada rakan-rakan, Ahli-ahli Parlimen yang tadi tidak sempat saya jawab soalan-soalan, *insya-Allah* saya akan jawab soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat secara bertulis. *Insya-Allah*, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang budiman kerana sudi menepati masa. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM225,835,996 untuk Maksud B.62, di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM225,835,996 untuk Maksud B.62, diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM375,322,695 untuk Maksud P.62 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM375,322,695 untuk Maksud P.62 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sekarang sampai ke giliran Kementerian Pendidikan, perbahasan peringkat Jawatankuasa.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Parit Sulung.

**Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]:** Tampin.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]** Pontian, tidak ada orang lain sudah.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Parit Sulong dulu Tuan Pengerusi.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** *[Bangun]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]*

**Maksud B.63 [Jadual] -**

**Maksud P.63 [Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018] –**

**Tuan Pengerusi:** Kita teruskan dengan Kementerian Pendidikan. Kepala Bekalan B.63 dan Kepala Pembangunan P.63 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Parit Sulung, Parit Sulong dulu.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Pontian juga ada.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Rantau Panjang.

**Tuan Pengerusi:** Jadi, saya akan ikut apa yang sudah berlangsung awal tadi. Kita akan benarkan hanya lima orang pembahas.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Okey.

**Tuan Pengerusi:** Lima minit.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Saya dulu, Parit Sulong dulu.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat Pontian dulu. Yang Berhormat Pontian, kemudian...

### 8.33 mlm.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 080100 – Bahagian PERMATA, Butiran 080000 – Dasar Baru dan Butiran 070200. Falsafah PERMATA Negara ini ialah

pembentukan insan yang cemerlang, seharusnya dimulakan sejak awal dan akan lebih berkesan sekiranya dimulakan sejak lahir. Kita dimaklumkan bahawa terdapat 5,421 pusat PERMATA Negara di seluruh Malaysia yang melibatkan 54,000 anak-anak dan 54,000 orang anak-anak ini adalah daripada keluarga-keluarga yang miskin. Kita difahamkan bahawa PERMATA ini ada beberapa program, PERMATA Negara, PERMATA Pintar, PERMATA Seni, PERMATA Insan, PERMATA Kurnia dan penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak ini adalah daripada lahir sehingga ke umur 4 tahun.

Falsafahnya ialah setiap anak adalah permata negara dan satu lagi ialah kejayaan PERMATA Negara ini sebagai contoh, memberikan khidmat untuk membantu 877 kanak-kanak autisme dan melatih 6,600 ibu bapa dan juga guru dan orang kampung yang ada melibatkan kanak-kanak autisme. PERMATA Negara juga mendapat pengiktirafan antarabangsa bagi membina sahsiah anak-anak yang berumur daripada lahir sehingga ke empat tahun.

Saya ingin mengesyorkan agar kementerian meneruskan program ini dan diperkembangkan dan diperluaskan dengan konsepnya, yang penting ialah orang-orang kaya di bandar-bandar mereka mempunyai kaedah dan juga kewangan yang mencukupi untuk melatih anak mereka sejak lahir daripada lahir sehingga umur empat tahun. Akan tetapi orang-orang miskin di kawasan luar bandar memerlukan PERMATA Negara ini dan perlu dibanyakkan lagi termasuklah di Sabah dan Sarawak.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Pengerasi, maafkan saya. Waktu tidak...

**Tuan Pengerasi:** Oh! Ya, *timer* tidak berjalan. Sudah...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Kita jangan sentiasa menyatakan masalahkekangan kewangan sebagai alasan untuk kita menutup program-program yang baik. Terima kasih.

**Tuan Pengerasi:** Terima kasih. Sebelah sini tidak ada ya?

### **8.36 mlm.**

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Pengerasi memberi peluang kepada saya untuk sama-sama untuk membahaskan...

**Tuan Pengerasi:** Yang Berhormat Rantau Panjang

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Maksud B.63 – Pendidikan. Ada beberapa perkara saya hendak sentuh di sini. Pertama saya hendak

mengambil dulu Butiran 090000 – Pengurusan Sektor Pendidikan Tinggi (Baharu) iaitu di bawah pengurusan ibu pejabat.

Baru-baru ini pada 15 Julai 2018 berlaku satu insiden di sebuah universiti tempatan, berlaku kes rogol kepada salah seorang mahasiswa. Ini adalah satu isu yang berat, yang seharusnya jangan dipandang remeh terutama oleh kementerian. Apa lagi pemangsa dalam isu ini adalah pegawai keselamatan yang menjaga universiti tersebut dan mangsa ini adalah pelajar baru, berdepan dengan trauma dan akhirnya berhenti. Jadi ini adalah satu isu yang besar. Apa yang kita kesalkan ialah ada pihak pentadbiran, pihak universiti tersebut cuba menutup kes tersebut kerana ada hubungan rapat, katanya adik-beradik dengan pemangsa yang tertuduh itu ada hubungan dengan pihak pentadbir universiti.

Jadi apa yang saya hendak di sini ialah supaya pihak Kementerian Pendidikan khususnya, bahagian pendidikan tinggi memastikan jaminan keselamatan di semua universiti terutama apa lagi yang melibatkan pelajar wanita. Bayangkan seorang pelajar yang menjadi mangsa dengan dicekik dan dibogelkan dengan keadaan yang mengaibkan dan habis *handphone* nya, beg duitnya dicuri oleh pemangsa dan pemangsa adalah pengawal keselamatan di universiti tersebut. Jadi, saya harap perkara ini tidak akan berlaku di universiti-universiti lain dan saya harap perkara ini tidak ada pilih kasih walaupun dia melibatkan ada hubungan keluarga dengan pihak pentadbir universiti dan perkara ini mestilah diadili dengan seadil-adilnya.

Saya harap perkara ini diambil perhatian oleh pihak kementerian sebab ini akan menjelaskan nama baik Malaysia dan bukan saja itu, menyebabkan kegerunan pelajar-pelajar baru terutamanya untuk berada di asrama. Jadi sejauh mana pihak kementerian memastikan jaminan keselamatan terutama pelajar-pelajar kita yang berada di universiti sama ada universiti awam atau swasta supaya perkara ini tidak berulang lagi.

Saya ingin menyentuh juga tentang Butiran 063400 berkait dengan perpustakaan desa. Satu peruntukan baru di mana kita mengharapkan projek ini bukan saja berlaku bandar atau di kawasan tertentu tapi kita mencadangkan semua peringkat kawasan Parlimen terutama di luar bandar dapat menikmati perkhidmatan perpustakaan desa ini. Saya ingin tahu setakat ini berapa buah yang telah dilaksanakan setakat ini dan apakah program-program yang sedang dicadangkan untuk menarik minat terutama belia-belia di luar bandar menggunakan perpustakaan desa ini. Di samping kita meningkatkan lagi peningkatan terutama dari sudut pengetahuan belia-belia kita di desa.

Begitu juga saya ingin menyentuh Butiran 063500 berkaitan dengan PERMATA. Saya mengucapkan tahniahlah kerana di bawah kerajaan baharu telah membawa program PERMATA daripada di bawah Jabatan Perdana Menteri kepada di bawah Kementerian Pendidikan yang sebelum ini kita telah beberapa kali sebut supaya tidak ada sistem pendidikan dua darjah dalam negara kita.

■2040

Jadi, kita melihat PERMATA sebelum ini seolah-olah menjadi anak emas berbanding dengan sekolah tadika dan prasekolah yang lain. Jadi saya ingin tahu, macam mana perancangan pihak kementerian untuk memastikan program di bawah PERMATA ini dapat kita selaraskan juga dengan keperluan-keperluan tadika di bawah?

Begitu juga tentang program tadika KEMAS yang berada di bawah Kementerian Luar Bandar. Apakah akan dibawakan juga di bawah Kementerian Pendidikan? Saya ingin penjelasan. Juga setakat ini, berapakah kos yang telah dibelanjakan oleh kerajaan di bawah program PERMATA ini? Apakah ada perancangan perubahan yang akan dibuat untuk memastikan bajet yang begitu banyak yang telah diperuntukkan ini akan benar-benar sampai matlamat sebagaimana yang dikehendaki dalam penubuhan institusi ini?

Jadi setakat itu dua, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat Parit Sulong.

**8.41 mlm.**

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak terus kepada Maksud B.63 iaitu di bawah Butiran 070200. Ini berkaitan dengan juga PERMATA. Untuk makluman, ada satu pusat PERMATA di dalam kawasan Parlimen Parit Sulong dan sejak ianya diwujudkan, saya telah melihat sendiri kejayaan-kejayaan pendidikan ataupun hasil daripada pendidikan untuk anak-anak PERMATA ini.

Sehubungan dengan itu, saya melihat daripada Bajet 2018 sebelum ini, saya nampak bahawa terdapat pengurangan yang agak besar di dalam *reallocation* ini dan kerana itulah saya ingin bertanya kepada pihak kementerian mengenai apakah jenis program yang akan dilaksanakan untuk separuh akhir pada tahun 2018 ini dan juga apakah jenis penstrukturran yang akan dilaksanakan oleh kementerian untuk Bahagian PERMATA ini berbanding dengan ketika PERMATA itu di bawah JPM?

Juga pertanyaan yang ingin saya nyatakan apabila ada pengurangan di situ—soalan seterusnya— adalah apabila terdapat pengurangan dari segi peruntukan itu,

adakah akan terdapat pengurangan staf pengurusan dan bagaimanakah—memandangkan ianya diletak di bawah kementerian yang baharu. Walau bagaimanapun, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana mengambil program ini dan menjadikan ianya sebagai satu sumber ataupun platform yang terbaik dalam usaha untuk kita mengimbang potensi manusia mengikut gaya pembelajaran dan juga peribadi mengikut nilai-nilai amalan baik bukan sahaja di tempatan tetapi juga di antarabangsa.

Seterusnya bagi Butiran 30000 – Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak, ada satu isu yang saya hendak bangkitkan mengenai subjek ataupun *syllabus* pembelajaran pendidikan peringkat awal. Ada persoalan yang selama ini diutarakan mengenai subjek pembelajaran prasekolah di mana ia kurang menekankan pembangunan sahsiah diri dan juga sukan pelajaran yang agak kurang sesuai untuk usia mereka.

Jadinya saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, adakah kementerian ada cadangan untuk memastikan subjek pembelajaran pendidikan awal kanak-kanak ini akan diubah kepada bentuk pendidikan yang lebih fokus kepada IQ, kepada EQ dan juga lebih meningkatkan sahsiah diri pelajar itu sendiri? Jadinya ianya boleh meningkatkan lagi minat di kalangan anak-anak untuk pergi ke sekolah dan mengeluarkan pelbagai idea dan juga kreativiti masing-masing di usia yang masih muda.

Seterusnya, terdapat juga saya dengar rungutan daripada ibu bapa mengenai jumlah anak-anak mereka yang menghadiri kelas prasekolah yang agak terhad. Kalau kita hendak tengok *the statistic enrollment* untuk peringkat prasekolah sehingga 30 Jun 2017, ada terdapat 204,105 orang murid—ini di sekolah harian. Saya bercakap mengenai sekolah harian. Selepas itu, jumlah ini kalau saya tengok, ia begitu kecil. Kalau kita tengok, ia begitu kecil kalau kita bandingkan dengan jumlah pelajar sekolah rendah yang kemudiannya mendaftar pada sesi persekolahan tahun 2018 iaitu seramai 2.66 juta pelajar. Jadi daripada angka ini, kita lihat bahawa ramai pelajar yang tidak berpeluang untuk mendapatkan pendidikan di prasekolah dan ibu bapa terpaksa menghantar ke *avenue* yang lain.

Jadinya soalan saya kepada pihak kementerian, apakah usaha kementerian dalam hendak menambah kelas-kelas prasekolah terutamanya di kawasan-kawasan yang padat penduduk seperti kawasan-kawasan perumahan-perumahan baharu? Terima kasih banyak, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, Yang Berhormat Parit Sulong. Ada di sebelah sana? Ya, Yang Berhormat Tampin, silakan.

**8.45 mlm.**

**Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak membicarakan Butiran 063400 – Perpustakaan Desa. Kita mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana memasukkan perpustakaan desa ini di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan.

Cumanya, saya ingin bertanya, sejauh mana kajian yang menyeluruh yang dilakukan terhadap penggunaan dan juga kemanfaatan perpustakaan desa ini yang telah wujud di seluruh negara yang berjumlah, kalau tidak silap saya, ialah 1,095 buah perpustakaan desa? Jadi saya bertanya itu, apakah ada kajian yang menyeluruh tentang penggunaan dan juga minat membaca di kalangan masyarakat desa terhadap perpustakaan desa ini?

Perkara yang kedua yang saya hendak sentuh ialah Butiran 090000 – Pengurusan Sektor Pendidikan Tinggi. Saya ingin bertanya kepada kementerian, sejauh mana kuasa autonomi yang telah diberikan kepada universiti IPTA dan apakah keseluruhan institut pengajian tinggi awam telah diberi kuasa autonomi? Juga, apakah bidang-bidang yang telah diberi kuasa autonomi terhadap universiti itu?

Perkara yang kedua yang saya hendak tanya ialah soal kenaikan pangkat pensyarah-pensyarah di mana saya dapat bahawa terdapat universiti awam di negara ini—ini tentang kenaikan pangkat di sebuah universiti daripada 48 ke 52 yang sebelum ini ialah lima tahun kemudian diangkat kepada 10 tahun. Jadi ini memberi satu soal demotivasi kepada pensyarah untuk mendidik anak bangsa yang lebih cemerlang dan lebih baik.

Perkara yang ketiga yang saya hendak sebut dalam soal Butiran 090000 ini ialah galakan penyelidikan yang dilakukan kepada universiti kepada pensyarah-pensyarah. Sejauh mana soal galakan penyelidikan ini dan juga berapa banyak jumlah peruntukan yang telah diberikan? Juga, sejauh mana pihak kementerian telah melihat penyelidikan ini amat penting dan mengguna pakai penyelidikan-penyelidikan yang dilakukan di universiti awam ini terhadap apa yang dilakukan untuk memberi manfaat kepada masyarakat di negara ini? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, Yang Berhormat Tampin. Yang Berhormat Lembah Pantai, pembahas terakhir.

**8.48 mlm.**

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan Butiran 44700 – Kajian Sektor Kebudayaan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, nilai RM663,000 ini apakah ianya ada apa-apa hubung kait dengan aktiviti-aktiviti ataupun kajian-kajian yang dibuat oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya? Mengapa adanya kajian sektor kebudayaan ini dan apakah relevannya?

Saya juga ingin membangkitkan Butiran 50000 – Jabatan Perpustakaan Negara. Nilai hampir RM10 juta ini apakah perincian yang boleh diberikan? Memandangkan kita faham bahawa Perpustakaan Negara ini adalah salah satu daripada aset penting yang ada di Kuala Lumpur, sebagai contohnya. Juga, bolehkah Yang Berhormat Menteri berikan sedikit perincian tentang statistik kehadiran ataupun jumlah mereka yang datang melawat, jumlah buku yang ada di Perpustakaan Negara dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan budaya membaca ini terus benar-benar menular, *becomes viral*, dengan izin?

**■2050**

Akhir sekali saya ingin membangkit satu persoalan tentang Butiran 44200, Perolehan Bahan Arkib yang telah dihilangkan nilainya adakah ini bermaksud tidak ada peruntukan untuk memperoleh bahan-bahan Arkib selepas ini ataupun bagaimana dengan itu minta pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. 15 minit.

**8.50 mlm.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin ucapkan ribuan terima kasih kepada kelima-lima orang Ahli Parlimen yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Peruntukan Tambahan bagi Kementerian Pendidikan. Saya rasa isu-isu yang dibangkitkan ada tiga bahagian. Satu adalah tentang PERMATA, kedua adalah tentang universiti dan ketiga adalah tentang perpustakaan desa. Jadi saya akan menjawab mengikut ketiga-tiga topik yang telah disentuh oleh lima orang Ahli Parlimen yang mengambil bahagian dalam perbahasan sebentar tadi.

Tuan Pengerusi, KPM memang komited untuk terus melaksanakan Program PERMATA demi kepentingan pembangunan pendidikan kanak-kanak sehingga remaja

termasuklah kanak-kanak autisme. Jadi sebelum Pakatan Harapan menjadi kerajaan, memang seruan kita selalu adalah bukan hendak memansuhkan PERMATA tetapi letak PERMATA di Kementerian Pendidikan Malaysia dan bukan lagi di bawah JPM. Ini kerana kita rasa PERMATA tugasnya adalah memberi pendidikan awal kepada kanak-kanak dan sepatutnya PERMATA ini adalah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia supaya kita boleh menyelaraskan pendidikan untuk anak-anak kita sejak awal sehingga mereka di tahap universiti. Jadi ini adalah hasrat kita.

Jadi pihak Kerajaan Pakatan Harapan kita memang komited untuk terus memperluas, melaksanakan dan juga memperluaskan lagi program ini. Setakat ini Tuan Pengurus, Pusat PERMATA di seluruh Malaysia adalah sebanyak 89 buah Pusat PERMATA dan jumlah anak-anak sekarang yang terlibat dalam Pusat PERMATA setakat ini adalah sebanyak 3,365 orang dan jumlah pendidik di Pusat PERMATA adalah sebanyak 458 orang. Namun pada masa yang sama kita masih ada tabika Kemas, kita masih ada tadika swasta di bawah JKM yang menggunakan pakai silibus atau kurikulum yang disediakan oleh PERMATA.

Jadi di seluruh Malaysia kita jumlah taska yang menggunakan pakai silibus dan kurikulum yang disediakan oleh PERMATA adalah sebanyak 4,953 buah dan jumlah anak-anak adalah sebanyak 52,944 orang. Untuk tabika Kemas kah ataupun tadika swasta di bawah JKM yang menggunakan pakai silibus dan juga kurikulum PERMATA ini, semua pendidik-pendidik mereka perlu lah menerima satu kursus yang disediakan oleh PERMATA dan kursus itu adalah sepanjang tiga bulan.

Untuk memastikan bahawa pendidik-pendidik di tabika Kemas ataupun di tadika swasta ini mencapai standard minimum yang ditetapkan oleh PERMATA, kita ada satu unit yang dipanggil PERMATA Q untuk membuat penilaian untuk memastikan bahawa pendidik-pendidik di tabika Kemas ataupun di tadika swasta ini mereka boleh mencapai satu pencapaian minimum yang telah ditetapkan oleh KPM.

Selain daripada itu, bagi kita memang pendidikan awal untuk kanak-kanak autisme adalah sangat-sangat penting. Jadi sekarang kita memang ada Program PERMATA Kurnia yang menyediakan pendidikan kepada kanak-kanak autisme ini. Sekarang kita mengadakan—pada tahun 2016, jumlah pelajar kita adalah sebanyak 382 orang dan sehingga kini jumlah pelajar yang menikmati atau mengikuti Program PERMATA Kurnia adalah sebanyak 764 orang.

Selepas itu, kita lihat sejak 2016 sehingga hari ini, kanak-kanak yang berjaya masuk ke aliran perdana adalah sebanyak 249 orang. Jadi kita rasa ini adalah sangat

penting kerana kanak-kanak autisme ini memang mereka ada sedikit kelemahan tetapi kita percaya bahawa kalau kita memberi mereka pendidikan awal, kita memberikan mereka bimbingan yang mencukupi, masih ada peluang untuk kanak-kanak autisme ini masuk ke sekolah kerajaan ataupun sekolah swasta untuk terima pendidikan aliran perdana.

Kita memang komited, KPM memang komited untuk terus memperluaskan Program PERMATA dan oleh sebab itu dua Pusat Anak PERMATA Negara akan bermula operasi satu adalah di Putrajaya kapasitinya adalah sebanyak 400 orang. Untuk Pusat Anak PERMATA Negara di Putrajaya ini sasaran kita adalah kapasitinya 400 orang tetapi 200 orang adalah budak-budak biasa dan 200 orang lagi adalah budak-budak autisme. Ini supaya mereka ada integrasi sejak awal-awal kita tidak mahu lah – kita rasa ini adalah penting untuk budak-budak biasa juga memahami bahawa mereka ada kawan-kawan yang perlu perhatian khusus tetapi pada masa yang sama kita juga hendak bantu budak-budak autisme ini boleh berkawan dengan budak-budak biasa kerana ini adalah sebahagian usaha kita untuk memasukkan budak-budak yang mempunyai isu autisme ini boleh masuk ke aliran perdana.

Selain daripada itu, kita juga berhasrat untuk mendirikan lebih banyak Pusat PERMATA Kurnia. Sebuah akan dirikan di zon utara dan satu lagi akan di dirikan di zon selatan. Jadi kita harapkan bahawa selepas kita – semua pusat-pusat yang di dalam rancangan ini *start* beroperasi kita bolehlah memberi lebih banyak pendidikan awal kepada anak-anak kita terutamanya mereka yang datang daripada golongan miskin. Kerana untuk ibu bapa menghantar anak-anak mereka pergi ke Pusat Anak PERMATA Negara, syaratnya adalah pendapatan ibu bapa mereka isi rumah itu adalah tidak melebihi RM4,000. Jadi kita rasa ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Pakatan Harapan untuk memperluaskan lagi akses kepada pendidikan awal.

Untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong. Walaupun PERMATA telah dipindah dari JPM kepada KPM tetapi memang tidak ada pengurangan staff dan juga keguruan kerana memang semua Pusat PERMATA ini sama ada Pusat Anak PERMATA Negara ataupun Pusat Kurnia PERMATA ini semua beroperasi seperti biasa.

Jadi memang kita tidak mengurangkan seorang pun. Kalau ada guru yang bercuti kita memang akan cari guru ganti untuk memastikan bahawa kita boleh ada satu nisbah yang *reasonable* untuk memastikan anak-anak di Pusat PERMATA ini boleh dapat

pendidikan dan juga penjagaan yang baik. Selain daripada itu, kurikulum PERMATA telah diubah dengan mengambil kira *milestone* dan perkembangan kanak-kanak.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Minta Penjelasan.

**Puan Teo Nie Ching:** Ya sila.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Arau mohon penjelasan. Silakan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Pengerusi, jadi ini bermakna Yang Berhormat akan mempertahankan PERMATA di samping akan menambah baik dan juga di samping mungkin akan menambahkan lagi pusat-pusat PERMATA kepada setiap-tiap Parlimen?

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Arau. Seperti saya sebut tadi sepanjang masa ini Ahli Parlimen daripada Pakatan Harapan kita tidak pernah menentang Program PERMATA tetapi hasrat kita adalah kita rasa ini adalah tidak betul untuk kita letak PERMATA di bawah JPM. *[Dewan tepuk]* Dan sebab itu selepas kita menjadi kerajaan satu keputusan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Okey. *Thank you.* Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching:** Okey. Jadi saya sebenarnya sudah sebut tadi. Jadi bagi kita adalah kerana PERMATA ialah menjadi pendidik peringkat awal jadi sebab itulah kementerian yang jaga portfolio ini adalah KPM.

## ■2100

Jadi, jangan risau Yang Berhormat Arau, kita memang akan melaksanakan program PERMATA ini. Kita komited untuk terus memperluaskan program ini. Terima kasih. Selain daripada itu, jadi kurikulum PERMATA memang telah diubah. Kita merujuk kepada kurikulum yang didirikan oleh kurikulum untuk pendidikan awal antarabangsa. Jadi, kalau ada cadangan bagaimana kita boleh menambah baik tentang kurikulum ataupun silibus untuk PERMATA, kita buka untuk perbincangan. Selepas itu Tuan Pengerusi, keputusan Jemaah Menteri pada 30 Mei ialah bahawa bahagian PERMATA di bawah JPA ini dipindah ke KPM. Untuk melaksanakan urusan perpindahan, pihak KPM adalah komited untuk memastikan perpindahan ini dilaksanakan tanpa menjelaskan objektif Program PERMATA.

Jadi, sekali lagi saya hendak tegaskan kita memang komited. Tentang isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang, sebenarnya ia tidak berkaitan dengan butiran-butiran yang kita sebut dalam bajet tambahan ini. Ini kerana bajet tambahan ini adalah– kita pinda emolumen untuk kakitangan di sektor pendidikan tinggi di Putrajaya ke sektor pendidikan tetapi- biar saya habiskan, Yang Berhormat Rantau

Panjang. Akan tetapi memang saya mengambil serius tentang kes rogol yang berlaku di universiti ini. Pihak kementerian, kita sudah terima laporan dan perjumpaan juga akan diadakan. Jadi, di sini saya memang ingin memberi komitmen saya kepada Yang Berhormat Rantau Panjang bahawa KPM memang memandang serius tentang kes-kes rogol ataupun kes-kes seksual terhadap bukan sahaja mahasiswa tetapi juga di sekolah, murid-murid ataupun di kalangan pelajar-pelajar.

Sejak hari pertama saya menjawat jawatan sebagai Timbalan Menteri, apabila ada laporan di surat khabar yang menyatakan bahawa ada seseorang guru yang telah disyaki bahawa telah merogol ataupun mencabul pelajar-pelajar, arahan kita adalah guru itu perlu dipindahkan, tidak boleh sambung tugas di sekolah itu. Jadi, saya ambil maklum bahawa ada dakwaan bahawa pegawai itu sekarang sebenarnya telah di-ada pihak yang berhasrat untuk tutup kes ini kerana pegawai itu ada hubung kait dengan pihak pentadbir universiti. Kita ambil maklum tentang tuduhan itu dan kita akan buat siasatan.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta laluan sikit.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Rantau Panjang, silakan.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sangat berterima kasih di atas keprihatinan kementerian sebab isu ini adalah isu yang besar, melibatkan maruah pelajar. Kita mengharapkan isu seumpama ini tidak akan berulang lagi. Apa yang kita harapkan ialah apa jua kes yang melibatkan maruah pelajar, jangan ada pihak yang cuba menyembunyikan kes. Cuma cadangan saya ialah supaya di semua universiti, terutama melibatkan asrama wanita, kerajaan kena memperuntukkan penyelia wanita. Sebagaimana kes inilah sebab yang menjaga keselamatan adalah lelaki. Jadi, kita seharusnya mengadakan penyelia keselamatan wanita, terutama di sebelah malam. Begitu juga CCTV, terutama di kawasan blok-blok wanita yang mungkin dari segi keselamatannya, termasuk juga ialah bangunan. Saya dapat laporan banyak bangunan-bangunan usang asrama ini yang mudahkan penjenayah masuk melalui bumbung, melalui pintu yang kuncinya tidak berfungsi dengan baik, pagar yang tidak berfungsi dengan baik. Jadi, kita mengharapkan pihak kementerian memberi perhatian yang serius, terutama isu-isu yang melibatkan bangunan-bangunan usang yang boleh menjelaskan keselamatan pelajar wanita.

Jadi, isu yang berlaku kepada salah sebuah universiti ini, kita harap perkara ini diberi perhatian. Saya sangat kesal sebab apabila ada pihak pentadbir universiti cuba menutup kes ini kerana ada hubungan dengan pihak tertuduh. Jadi, saya harap *insya-*

Allah pihak universiti akan memberi perhatian dan kes ini diadili dengan seadil-adilnya. Terima kasih.

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Boleh saya tanya penjelasan?

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Petaling Jaya.

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Ini kerana Yang Berhormat yang kata kalau ada kes rogol, guru-guru itu akan di-transfer. Adakah dia akan di-transfer ke lain-lain sekolah, perogol itu atau tindakan jenayah akan diambil?

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih atas soalan tambahan tersebut. Untuk menjawab Ahli Parlimen Petaling Jaya, bukan di-transfer, dipindah ke sekolah lain. Dia tidak boleh bertugas di sekolah sampailah siasatan oleh pihak polis diselesaikan. Jadi, sama ada dia akan didakwa di mahkamah atau tidak, itu bukan di bawah bidang kuasa KPM. Ini kerana di bawah pihak polis dan juga di pihak Peguam Negara ataupun pendakwa raya. Jadi, itu bukan di bawah kuasa KPM untuk membuat keputusan bahawa sama ada guru itu atau penyelia itu akan dibawa ke mahkamah atau tidak. Akan tetapi polisi kita adalah kalau ada semasa dalam siasatan, walaupun belum terbukti bahawa dia memang sudah *committed crime* tersebut, dengan izin, akan tetapi dia akan dipindahkan ke luar daripada kawasan sekolah untuk menjamin keselamatan pelajar-pelajar kita.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Puan Teo Nie Ching:** Okey. Jadi, saya di sini pohon maaf kerana isu-isu tentang perpustakaan desa tidak dapat saya jawab, saya akan memberi jawapan bertulis. Sekian sahaja, ribuan terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM181,876,837 untuk Maksud B.63, di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM181,876,837 untuk Maksud B.63 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM62,766,122 untuk Maksud P.63 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

[Wang sebanyak RM62,766,122 untuk Maksud P.63 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018]

**Tuan Pengerusi:** Sekarang kita teruskan dengan kementerian yang terakhir iaitu Kementerian Kewangan.

**Maksud B.10 dan B.11 [Jadual] -  
Maksud P.10 [Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018] –**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.10 dan B.11 dan Kepala Pembangunan P.10 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Silakan Yang Berhormat.

**9.06 mlm.**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pendek sahaja. Menteri Kewangan telah pun menjawab sebahagian besar kecuali satu Tuan Pengerusi, memaklumkan bahawa projek-projek kecil tidak termasuk dalam senarai yang telah disebutkan untuk ditangguhkan dan sebagainya. Akan tetapi saya minta yang ini kalau boleh Menteri Kewangan tolong maklumkan kepada jabatan yang terlibat dengan projek kecil supaya tidak menghentikan projek kecil sebab kalau tidak kegelisahan. Kita tahu bahawa kontraktor kelas F ini bukan sahaja daripada BN tetapi semua. Mungkin sekarang ini yang teramai kontraktor kelas F daripada PH sebab mereka mencari makan. Bila ditangguhkan projek-projek kecil yang telah diluluskan ataupun ditarik balik, maka ia akan terganggu sikit mereka-mereka yang bergerak aktif di peringkat bawah dalam bidang ekonomi.

Jadi, saya minta supaya dipertimbangkan projek kecil yang telah diluluskan itu supaya tidak ditangguhkan ataupun ditamatkan. Projek yang saya sebut kepada Menteri Kewangan yang saya maksud 20 ribu itu ialah projek-projek kecil. Mungkin projek itu RM1 juta, RM2 juta. Akan tetapi perbelanjaannya ialah di tahap RM20,000 satu projek. Keduanya adalah projek-projek yang membentuk keagamaan yang telah diluluskan. Contohnya ialah Masjid Jejawi di Arau, Perlis telah diluluskan RM2 juta, yang itu pun ditarik balik. Termasuk kemudahan sukan di UiTM Arau diluluskan RM2 juta juga ditarik balik. Ini kerana mereka mengambil pentafsiran Surat Pekeliling Ketua Setiausaha

Perbendaharaan itu sebagai semuanya ditangguhkan. Termasuk yang RM500,000 projek kecil juga ditangguhkan.

Jadi, saya minta supaya Kementerian Kewangan memberi penjelasan yang sewajarnya kepada jabatan-jabatan bahawa yang dimaksudkan arahan itu ialah kepada projek-projek mega dan sebagainya. Kalau tidak, ia menimbulkan masalah.

## ■2110

Kedua, ialah UKAS. UKAS sekarang ini telah dimasukkan kepada Kementerian Kewangan. Kita tahu bahawa UKAS terlibat dengan usaha-usaha untuk kerjasama awam dan swasta. Ramai orang bercakap pasal BERNAS baru-baru ini termasuk Yang Berhormat Permatang Pauh pun cakap fasal BERNAS, ramai-ramailah. Yang Berhormat Alor Setar pun cakap pasal BERNAS dan sebagainya. Saya minta supaya – termasuk UKAS menetapkan syarat, kalau sekiranya sesuatu projek yang telah diswastakan dan selepas itu disenaraikan, tidak dibenarkan projek yang berkenaan dipersendirikan seperti yang berlaku pada BERNAS semasa diswastakan dan selepas itu disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Di mana dalam pemegang sahamnya kita lihat terdiri daripada Pertubuhan Peladang dan lain-lain lagi. Selepas itu Pertubuhan Peladang pun juga menjual saham mereka apabila tuan punya utama itu membeli dengan harga yang sedikit tinggi. Akhirnya, BERNAS sekarang dippunyai oleh satu orang, bukan dipunyai oleh Pertubuhan Peladang dan sebagainya.

Saya menyokong ...*[Disampuk]*. Cakap bangun lain kali ya, saya benarkan. *[Dewan ketawa]* Jangan cakap di belakang. Saya tidak faham. Saya bersetuju dengan pandangan kawan-kawan supaya kerajaan pertama sekali tidak membenarkan ia dipersendirikan. Keduanya, supaya monopoli itu juga tidak dibenarkan kepada syarikat yang dipersendirikan. Dulu kita benarkan monopoli gula dan sebagainya. Zaman itu sudah lepas. Sekarang zaman di mana – saya ingin mengisyiharkan kepada Yang Berhormat Shah Alam bahawa saya ialah tuan punya BERNAS yang awal. Akan tetapi saya hanya pegang 30 percents. Lain-lain dipunyai oleh Pertubuhan Peladang dan juga lain-lain lagi. Ini adalah penswastaan yang terbaik yang pernah dibuat oleh kerajaan di mana dia tidak beri kepada satu orang untuk makan semualah orang kata. Jadi semua orang ada saham masing-masing.

Kita kena mengucapkan tahniah kepada BERNAS sebab dia berjaya menolong kerajaan balik daripada rugi RM100 juta setahun kepada untung RM200 juta sehingga RM400 juta setahun. Jadi ini penting, syarikat yang – sepatutnya bursa saham juga patut tahan syarikat yang mempunyai keuntungan begini tidak patut dipersendirikan.

Sepatutnya mestilah dipunyai oleh bersama. Kalau kerajaan hendak buat BERNAS 2, saya menyokong supaya monopoli tidak dipegang oleh pihak individu tetapi dipegang bersama oleh rakyat terutamanya petani, MADA, nelayan dan juga lain-lain lagi. Terima kasih, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Pontian, silakan.

### 9.13 mlm.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, Tuan Pengerusi. Pembangunan lima koridor dalam tajuk Butiran 00113 ini melibatkan RM13.5 bilion dan melibatkan penguntukan ini ialah RM690 juta. Apa yang saya minat ialah tentang IRDA iaitu Pihak Berkusa Wilayah Pembangunan Iskandar. Kita ingin menjadikan negeri Johor sebagai negeri termaju nombor satu di Malaysia, mewujudkan metropolis yang bertaraf dunia. Maka kita ada *smart city*, EduCity dan pelaburan antarabangsa yang hebat di kawasan IRDA ini.

Saya ingin bertanya tiga soalan. Berapakah jumlah pelaburan terkini di IRDA? Kedua, berapakah peluang pekerjaan terkini yang diwujudkan di IRDA? Ketiga, apakah persiapan-persiapan IRDA bagi memastikan peluang-peluang pekerjaan itu adalah daripada anak-anak tempatan? IRDA, NCIA, ECER, DC, RECODA, SCORE, SEDIA, ia melibatkan Sabah, Sarawak, timur, utara, selatan yang menyebabkan jurang wilayah boleh dikurangkan. Kita ingin memajukan dan membangunkan negara Malaysia ini keseluruhannya. Oleh kerana itu, kelima-lima wilayah ini, Pihak Berkusa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Iskandar, pantai timur (RECODA) dan juga SEDIA di Sabah ini perlu diteruskan. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan, adakah kekangan-kekangan yang tertentu jika ia tidak diteruskan? Pada pandangan saya ia wajar diteruskan.

Selain daripada pembangunan yang mereka ingin laksanakan seperti Sarawak, 70,000 kilometer persegi, 600,000 penduduk, itu hanya di satu tempat dinamakan Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE), lima juta tanah sesuai untuk pertanian, ia bukan hanya di Sarawak perlukan pembangunan tetapi SEDIA dengan pelaburan Sabah itu juga perlukan pembangunan. Selain daripada kita ingin mengurangkan jurang digital dan juga jurang pembangunan wilayah. Pada saya, semua pusat lima pembangunan ini perlu menjadi pusat kepada Industri 4.0. Industri 1.0 ini kuasa air, wap. Industri 2.0, kuasa elektrik. Industri 3.0, automasi. Industri 4.0 ini sistem *cyber physical*. Apabila kita sebut tentang perkara ini kepada rakyat biasa, mereka agak

sukar untuk memahaminya, *Internet of Things, technology cyber, cloud computing, smart logistics, smart office, smart factories, smart homes* dan *artificial intelligent* ini. Jadi saya kira ia perlu ada pusat di manakah IR 4.0 ini perlu dikembangkan dan saya ingin mencadangkan supaya IR 4.0 ini dikembangkan di lima pusat pembangunan wilayah. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, Yang Berhormat Pontian. Ada sesiapa lagi?

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Jeli.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagan Serai.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat Jeli. Selepas ini.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih.

#### **9.16 mlm.**

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ringkas sahaja. Ini berkaitan dengan pembangunan wilayah seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pontian tadi iaitu Butiran 100100, Butiran 100200, Butiran 100300, Butiran 100400, Butiran 100500 iaitu B.10 dan juga P.10.

Kita sedia maklum bahawa lebih sepuluh tahun dahulu kerajaan telah memutuskan untuk menubuhkan agensi-agensi pembangunan wilayah dan kita ucapkan tahniah kepada mereka termasuklah CEO mereka. Kalau lihat kepada IRDA di Johor umpamanya, Butiran 100100, telah pesat membangun di Johor. Begitu juga *northern corridor, eastern corridor* dan Sarawak dan Sabah. Cumanya saya ingin bangkitkan tentang pertindihan fungsi antara agensi-agensi ini dengan beberapa badan lain termasuklah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) di MITI sebagai contoh. Walaupun kita sudah cuba untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti agensi ini dengan badan-badan lain tetapi saya cadangkan supaya ditingkatkan lagi penyelarasan supaya tidak ada pertindihan fungsi dan menimbulkan *confusion*, dengan izin di kalangan para pelabur. Kita sedia maklum bahawa dengan adanya agensi ini, maka kerja-kerja untuk memajukan wilayah ini lebih fokus.

Saya hendak tumpu kepada Butiran 100300 – ECER iaitu pantai timur di mana ia bertanggungjawab untuk membangunkan kawasan pantai timur termasuklah Kelantan, Terengganu, Pahang dan juga timur Johor. Kita ucap terima kasih kerana kita difahamkan bahawa agensi-agensi ini akan terus memainkan peranan dan saya harap

dimantapkan lagi. Realitinya, agensi seperti ECER telah memainkan peranan untuk membangunkan kawasan-kawasan yang mundur termasuklah kawasan saya Jeli yang mana sekarang ada satu projek untuk membangunkan satu kompleks perniagaan yang kecil, mengambil kira pembangunan di kawasan sempadan. Jeli terletak dengan sempadan Thailand. Ada sebuah jambatan menghubungkan Malaysia dengan Thailand. Cumanya perlu digiatkan lagi usaha-usaha untuk meningkatkan pembangunan di sempadan termasuklah untuk merancakkan promosi.

Saya cadangkan supaya jambatan dan juga ICQ yang ada di kawasan saya ini ditingkatkan penggunaannya. Di jambatan juga ICQ sudah pun siap kira-kira sepuluh tahun dahulu tetapi oleh kerana di sebelah Thailand katanya belum siap lagi dan juga oleh kerana beberapa projek infrastruktur belum siap lagi, kita harap ia akan dapat digunakan sepenuhnya. Ini penting dalam konteks untuk memajukan wilayah, dalam konteks untuk memastikan pembangunan dirasai oleh setiap kawasan di Malaysia. Itulah kenapa ditubuhkan agensi-agensi ini dan saya harap kerajaan akan melihat secara menyeluruh bagaimana hendak meningkatkan lagi hubungan ekonomi antara selatan Thailand dengan Kelantan khususnya kawasan sempadan dan ECER memainkan peranan penting dalam hal ini.

Sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada semua badan ini, pengurusannya dan kita harap pertamanya, dikurangkan pertindihan fungsi. Keduanya diberi lebih fokus untuk memastikan ia akan memusatkan pembangunan termasuklah di Sabah dan Sarawak. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

## ■2120

**Tuan Pengerusi:** Silakan Yang Berhormat Pasir Gudang.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagan Serai.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan Anggaran Perbelanjaan tajuk Kepala B.10 Butiran 100100 iaitu berkaitan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA). Ada beberapa pertanyaan yang ingin kemukakan kepada pihak kementerian. Pertama, berapakah jumlah pelaburan Kerajaan Pusat dalam projek Iskandar Malaysia di bawah IRDA ini dari mula beroperasi hingga tahun 2018 ini? Kedua, ingin tahu apakah sumbangan pelaburan yang besar di Iskandar Malaysia ini kepada pertumbuhan ekonomi negara kita?

Ketiga, juga ingin tahu apakah tahap kemajuan Iskandar Malaysia yang dipengerusikan pengerusi bersama Perdana Menteri dan juga Menteri Besar Johor?

Apakah tahap kemajuan setakat ini? Seterusnya ingin tahu, bagi pihak kerajaan sekarang ini, apakah kerajaan Pakatan Harapan sekarang puas hati dengan prestasi kemajuan Iskandar Malaysia ini yang ditadbir oleh pihak berkuasa IRDA ini.

Soalan saya yang terakhir ialah di dalam kawasan pembangunan Iskandar Malaysia ini yang terletak di daerah Johor Bahru, di Gelang Patah sana wujud satu projek harta tanah yang besar *Forest City*. Projek harta tanah kondominium, padang golf yang berskala besar yang terbuka kepada rakyat-rakyat dari luar negara boleh membeli harta itu yang diberi *title free hold*, milikan bebas.

Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan kementerian, adakah projek *Forest City* ini, termasuk dalam projek Iskandar Malaysia? Adakah dia sebahagian daripada Iskandar Malaysia yang ditadbir oleh IRDA? Kalau ya, katakan ya. Kalau tidak saya ingin bertanya, kalau ia bukan kenapakah boleh *Forest City* yang besar projek ini dibiarkan dibangunkan tanpa dikawal oleh pihak berkuasa Iskandar Malaysia? Kenapa itu boleh berlaku, kalau jawapannya tidak tadi. Jadi siapa sebenarnya yang kawal Projek *Forest City* ini? Itu sahaja yang saya ingin tahu yang ada dalam perbahasaan ini. Terima kasih.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Pengerusi, Bagan Serai...

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Yang Berhormat Rantau Panjang pula. Silakan.

#### ■9.23 mlm

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Ya, terima kasih Tuan Pengerusi beri peluang kepada saya...

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Satu lagi...

**Tuan Pengerusi:** Pembahas terakhir.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Akhir ya.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagi peluang satu lagi Tuan Pengerusi, untuk Yang Berhormat Bagan Serai.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Untuk maksud B.10 Perbendaharaan saya ingin menyentuh Butiran 100300 – Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC). Saya ingin penjelasan, apakah status kemajuan program projek ECERDC yang ada di Kelantan khususnya pada hari ini. Saya ingin tahu juga tentang projek *Halal Hub* yang ada di kawasan parlimen saya yang sampai hari ini masih belum operasi sepenuhnya. Jadi apakah halangan? Apakah

masalah sebenarnya? Bilakah projek ini akan dimulakan? Apakah program-program perancangan dalam membangunkan projek ECERDC dalam perhubungan dengan *Halal Hub* sebagaimana yang sedang diusahakan sekarang ini? Apakah cabarannya?

Begitu juga saya ingin bertanya tentang infrastruktur yang perlu sebab dalam kita memajukan ekonomi, sudah tentu kita memerlukan kepada infrastruktur yang sesuai. Jadi kita lihat terutama di pekan Rantau Panjang di antara cabaran utama ialah bagaimana suasana di pintu masuk yang masih jauh ketinggalan berbanding dengan pekan Golok terutama jambatan yang uzur yang menghubung antara pekan Rantau Panjang dengan Golok yang sebelum ini kerajaan terdahulu telah berjanji beberapa kali untuk membina jambatan baharu yang menghubung antara Rantau Panjang dan Golok yang dipanggil Jambatan Muhibah. Akan tetapi sampai sekarang belum jadi kenyataan semasa Yang Berhormat Jeli menjadi Menteri.

Begitu juga saya beberapa kali menyebut tetapi kita tengok pembesaran terutama di pintu masuk imigresen ini masih belum menjadi kenyataan. Banyak masalah dan kelengkapan yang tidak sesuai terutama di musim-musim perayaan. Jadi dalam saya mengharapkan untuk kita untuk membina kemajuan terutama dari sudut pembangunan wilayah ekonomi ini perlu kepada segala kemudahan, kelengkapan dan infra yang mencukupi. Jadi saya ingin tahu apakah perancangan kementerian terutama dalam menjadikan Rantau Panjang di antara salah satu pekan utama untuk menjadi pintu masuk utama dalam import eksport dengan Thailand, kemudahan-kemudahan yang akan disediakan sama ada dari sudut kemudahan jalannya, kemudahannya jambatan dan sebagainya supaya akan menjadi peluang yang besar dari sudut perkembangan ekonomi terutama di sebelah wilayah timur.

Jadi saya mengharapkan perhatian yang serius oleh pihak kerajaan untuk memastikan pembangunan di wilayah sebelah timur ini terus membangun supaya jurang ekonomi antara Malaysia barat dan timur itu tidak begitu jauh. Jadi apa perancangan di bawah Kerajaan Pakatan Harapan dalam menangani isu sebegini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Pengerusi, satu sahaja Bagan Serai, boleh?

**Tuan Pengerusi:** Baik terima kasih. Kita tidak perlu memanjangkan masa untuk perbahasan sedikit. Usul ya.

*[Majlis mesyuarat bersidang semula]*

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

##### **9.27 mlm**

**Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut peraturan mesyuarat 12(1), tanpa menghiraukan usul terdahulu, mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntukan Semula Perbelanjaan) 2018 dan diputuskan usul-usul berkaitan dengannya dan selepas itu majlis mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, Khamis 16 Ogos 2018.

**Timbalan Menteri Tenaga Manusia [Dato’ Mahfuz bin Haji Omar]:** Saya sokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Majlis bersidang dalam jawatankuasa]*

**Tuan Pengerusi:** Oleh kerana kita mempunyai sedikit masa, saya mempersilakan Yang Berhormat Bagan Serai. *Last speaker ya.*

##### **9.28 mlm**

**Dato’ Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 100200 – Pihak Berkusa Pelaksanaan Koridor Utama (NCIA). Ini telah dilancarkan tahun lepas *Blue Print 2.0* dengan berdasarkan Model Ekonomi Baharu dengan 80 projek strategik untuk empat negeri di utara Malaysia. Jadi daripada tujuh projek berimpak tinggi, duanya di Perak iaitu Greater Kamunting Conurbation dan Manjung-Aman Jaya Maritime City.

Saya ingin bertanya kepada Menteri, apakah kriteria NCIA ini pilih kawasan? Contohnya di pekan-pekan lebih kecil seperti di Parlimen Bagan Serai, apakah yang telah dilakukan? Saya difahamkan ada projek udang, ada projek tanam sayur, apa sudah jadi? Adakah kemajuan ekonomi di tempat-tempat begini? Khususnya di tempat-tempat yang saya sebutkan tadi di Parlimen Bagan Serai. Kita dengar ada program-

program begini tetapi kita hendak tahu apakah keberkesanan? Apakah peningkatan ekonomi yang dapat meningkatkan hidup rakyat di kawasan luar bandar begini? Terima kasih Tuan Pengerusi

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

### 9.29 mlm.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahi Rahmanir Rahim*, dengan masa yang cukup terhad ingin saya memberi respons kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Pertamanya Yang Berhormat Arau yang membangkitkan tentang projek-projek kecil agar jangan ianya ditangguhkan ataupun ia perlu dikaji semula dan sebagainya.

#### ■2130

Kita memberi jaminan bahawa projek-projek yang benar-benar memanfaatkan rakyat dan memberi kesan kepada ekonomi agar ia tidak terjejas. Mengikut Arahan Perbendaharaan pada 29 Jun 2018, mengkaji semula perolehan yang belum dikeluarkan surat setuju terima dan kedua, bagi yang telah dikeluarkan surat setuju terima semua projek yang kurang daripada RM10 juta diteruskan, hanya projek yang bernilai lebih daripada RM10 juta dan kemajuan fizikalnya kurang 15% yang dikaji, dengan itu kontraktor-kontraktor kecil ataupun projek-projek kecil tidak terlibat. Jadi pendekatan Kementerian Kewangan adalah untuk memastikan bahawa hanya projek kritikal dan mesra rakyat ini akan kita teruskan. Ketelusan perolehan secara tender bagi memastikan bahawa kita mendapat *value for money* bagi setiap projek yang dijalankan/

Jadi, saya jawab jugalah walaupun Yang Berhormat Arau tidak ada di sini bahawa bagi projek-projek kecil, ia akan kita teruskan kerana ia memberikan impak kepada masyarakat dan juga kepada ekonomi. Kemudian Yang Berhormat Arau juga membangkitkan tentang BERNAS yang katanya lahir dari perut UKAS dahulu katanya. Jadi untuk makluman Yang Berhormat Arau yang sudah tidak ada dalam Dewan bahawa sebenarnya BERNAS sekarang ini telah berpindah dan di bawah jagaan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Dari segi apa yang disebutkan tadi bahawa yang menjadi persoalan sekarang ialah bagaimana monopolii untuk suatu perkhidmatan atau pembekalan itu tidak hanya berada di satu pihak. Jadi ini saya ingat memang dilihat dengan teliti oleh pihak

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Oleh yang demikian katanya kalau hendak diadakan supaya tidak ada monopoli supaya diwujudkan BERNAS 2.0, saya ingat ini kita serahkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang sedang melihat perkara ini dengan detil nya.

Kemudian yang keduanya daripada Yang Berhormat Pontian. Terima kasih masih kerana berada di Dewan untuk mendengar jawapan. Yang Berhormat Pontian membangkitkan tentang IRDA, berapa jumlah pelaburan terkini kemudian jumlah – saya tulis tetapi saya pun tidak berapa hendak faham ini. Jumlah pelaburan terkini, jumlah peluang pekerjaan yang diwujudkan dan persiapan-persiapan IRDA untuk memastikan bahawa peluang-peluang pekerjaan ini adalah untuk anak-anak tempatan. - Dahulu teringin hendak jadi doktor *kot*, itu yang tulis pun tidak berapa boleh hendak baca ini.  
[Merujuk kepada teks yang sedang dibaca] [Dewan ketawa]

Bagi menjawab soalan tersebut, jumlah pelaburan oleh pihak IRDA adalah sebanyak RM153.54 bilion daripada 2006 sehingga 2018. Manakala jumlah pekerjaan yang diwujudkan adalah sebanyak 746,457 itu dia, sampai 57. Sebanyak 746,457 peluang pekerjaan yang diwujudkan dan sudah tentulah saya ingat dengan kerjasama pihak-pihak yang lain, dengan latihan yang diberikan dan sebagainya, kita akan cuba memastikan bahawa semua peluang pekerjaan yang diwujudkan ini dapat diisi oleh anak-anak tempatan yang sudah mempunyai *skill set* yang sepatutnya. Ini adalah untuk memenuhi peluang-peluang pekerjaan yang diwujudkan selama mana IRDA ini telah ditubuhkan dan berjaya mewujudkan peluang-peluang pekerjaan seperti yang saya sebutkan tadi.

Oleh yang demikian seperti mana saranan Yang Berhormat Pontian tadi sudah tentulah oleh sebab ada kejayaan-kejayaan yang telah diwujudkan ini sudah tentulah kita akan memastikan bahawa program yang seumpamanya akan dapat diteruskan demi memastikan bahawa ekonomi dapat kita kembangkan dan rakyat mendapat manfaat daripada apa yang telah diwujudkan tadi.

Saya pergi kepada Yang Berhormat Jeli yang telah menyatakan tentang pertindihan fungsi. Yang Berhormat Jeli mengucapkan terima kasih kerana diwujudkan agensi seperti ECER ini yang memberi tumpuan untuk mengurangkan jurang perbezaan ekonomi daripada satu wilayah ke satu wilayah yang lain. Dari segi pertindihan fungsi, ya memang kalau kita lihat apabila dibuat *trade mission* ke luar negara MIDA pun sudah tentu akan ada dan juga hampir kesemua pihak berkuasa pembangunan wilayah ini juga untuk ada dan macam *going for the same people* dengan izin untuk membawa masuk.

Akan tetapi sebab itulah dalam proses penguntukan semula peruntukan ini, penyusunan semula agensi kerajaan ini dapat kita lihat dan dengan dipindahkan koridor berada di bawah MoF ini akan kita laksanakan kaji semula skop pihak berkuasa koridor supaya kita dapat elakkan semaksimum mungkin pertindihan ini supaya jelas. Kemudian yang mana yang perlu dibuat oleh MITI dibuat oleh MITI dan yang mana perlu dibuat oleh pihak koridor dibuat oleh pihak koridor. Usaha ini akan kita laksanakan sebagai sebahagian daripada penyediaan Bajet 2019 yang akan kita umumkan nanti pada 2 November, *insya-Allah*.

Kemudian Yang Berhormat Jeli juga menyebutkan tentang memantapkan agensi ini dan juga tentang jambatan dan ICQ yang diwujudkan di Jeli untuk dipertingkatkan penggunaannya. Saya ingat itu seperti yang juga disebutkan oleh Yang Berhormat Jeli tadi, sebahagiannya ialah kerana ketidaksediaan pihak Thailand untuk menyambut kita di sebelah sini. Saya ingat apabila mereka telah bersedia, saya ingat apa yang diminta oleh Yang Berhormat Jeli tadi akan menjadi suatu kenyataan, *insya-Allah*.

Yang Berhormat Pasir Gudang menyebutkan tentang IRDA, jumlah pelaburan Kerajaan Pusat. Yang Berhormat Pontian panjang, Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Pasir Gudang, saya mohon untuk jawapan kepada Yang Berhormat Pasir Gudang ini saya berikan secara bertulis kerana saya rasa tidak ada *kot* di sini. *Over dinner sat* lagi ya. Itu yang Yang Berhormat Pasir Gudang. Yang Berhormat Pasir Gudang juga bertanya tentang sama ada kita berpuas hati dengan kemajuan Iskandar Malaysia yang ditadbir oleh IRDA.

Seperti yang saya sebutkan semasa menjawab soalan daripada Yang Berhormat Pontian tadi, memang jelas kita mendapat pelaburan-pelaburan yang tinggi dan berjaya mewujudkan peluang pekerjaan yang cukup banyak ataupun hampir 750,000 peluang pekerjaan yang saya kira cukup besar. Sudah tentulah usaha-usaha sebegini kita harap dapat diteruskan supaya dapat memberikan kesan yang lebih baik. Tentang *Forest City*, tentang *freehold title*, adakah projek ini termasuk dalam Iskandar Malaysia? Ya, katakan ya. Kalau tidak, kenapa tidak dikawal? Ini Yang Berhormat Pasir Gudang, saya minta untuk saya jawab secara bertulis, boleh?

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Tidak boleh jawab dalam Dewan ini?

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Saya hendak jawab pun sebab jawapan tidak ada dekat sini Yang Berhormat Pasir Gudang. *[Disampuk]* Bertulislah, bertulis. Bukan setakat bertulis, *over dinner* pula itu dengan...

**Seorang Ahli:** Siapa belanja? Siapa belanja?

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Siapa belanja jangan tanya. [Dewan ketawa] Akhirnya ialah Yang Berhormat Rantau Panjang. Yang Berhormat Rantau Panjang juga bertanya tentang ECER, tentang status projek sekarang ini dan juga tentang halal hab, juga tentang Jambatan Golok, Jambatan Muhibah yang disebutkan tadi.

■2140

Jambatan ini sebenarnya tidak di bawah seliaan ECER tetapi di bawah Kementerian Kerja Raya. Jadi, saya mohon untuk memberikan jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat Rantau Panjang kerana ia berada di bawah Kementerian Kerja Raya.

Kemudian tentang halal hab. Halal hab di Pasir Mas terdapat banyak pelabur yang berminat tetapi terdiri daripada pengusaha yang tidak mempunyai kewangan yang kukuh. Jadi, saya ingat pihak ECER masih lagi berusaha untuk mendapatkan *players*, dengan izin, yang lebih berpotensi untuk menjalankan kerja ataupun menjalankan perniagaan di sini. Akan tetapi, setakat ini, Yang Berhormat Rantau Panjang, mereka yang telah register *interest*, dengan izin, berada di dalam keadaan yang nampaknya mempunyai minat yang tinggi tetapi tidak mempunyai kewangan yang kukuh. Kita harap pihak ECER akan dapat berusaha dengan lebih gigih sama ada untuk membimbing mereka ini untuk mendapatkan modal yang lebih baik ataupun mencari *players* yang lebih berpotensi untuk menjadi *players* di dalam halal hab yang hendak diwujudkan di Pasir Mas ini.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Pengurus. Saya berterima kasih di atas jawapan Menteri. Kita memahami dengankekangan yang ada, tambahan dengan keadaan ekonomi sekarang ini. Jadi, saya ingin tahu, apakah perancangan kementerian untuk membantu terutama pengusaha-pengusaha Bumiputera yang berminat tetapi tidak mempunyai kemampuan modal? Seharusnya ini diberikan ruang oleh pihak kerajaan untuk memberikan apa ju bantuan untuk memastikan pengilang-pengilang atau pengusaha-pengusaha projek ini dapat dilaksanakan. Sebab ini adalah kawasan luar bandar yang kebanyakannya Bumiputera Melayu kita yang masih dalam keadaan jauh ketinggalan.

Jadi, saya ingin tahu dari sudut perancangannya— kita tidak akanlah hendak membiarkan tapak itu kosong bertahun-tahun, sedangkan projek itu kita laksanakan

untuk membina dari sudut ekonomi rakyat. Jadi, saya minta penjelasan, apa perancangan untuk mengatasi isu sedemikian? Terima kasih.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Saya ingat dari segi untuk membantu usahawan-usahawan ini, sudah tentulah ECER sepatutnya memainkan peranan dengan menghubungkan mereka dengan kementerian-kementerian yang memang— sekarang ini kita sudah ada Kementerian Usahawan yang boleh disalurkan mereka ini untuk melihat apakah modal-modal pusingan yang dapat mereka dapat untuk memastikan bahawa perancangan perniagaan mereka ini akan dapat diteruskan.

Jadi, kita mengambil perhatian saranan daripada Yang Berhormat Rantau Panjang supaya memastikan bahawa cadangan halal hab yang dicadangkan di Pasir Mas itu dapat menjadi kenyataan dengan penyertaan usahawan-usahawan yang dapat kita bantu dari segi modal, dari segi pemasaran dan sebagainya. Terima kasih.

Kemudian tentang yang saya sebutkan tadi mengenai jambatan dan bagaimana hasrat Yang Berhormat Rantau Panjang untuk melihat Pekan Rantau Panjang sendiri sebagai kawasan utama untuk menjalankan *border trade* yang berhampiran dengan Thailand itu dapat disemarakkan lagi dengan infrastruktur-infrastruktur yang dapat membantu ia menjalankan perniagaan di situ.

Jadi, saya kira, Tuan Pengerusi, itu sahaja...

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagan Serai ada menanyakan soalan tadi.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Oh ya. Yang Berhormat Bagan Serai.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** *Next page*, saya lupa.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kena tengok. Over dinner kah?

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Yang Berhormat Bagan Serai ini nak kena pergi makan ikan...

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sembilang.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Ha, ikan sembilang. Disebutkan tentang beberapa projek yang telah dikenal pasti untuk dijalankan di negeri Perak dan apakah kriteria memilih kawasan. Katanya ada projek udang tetapi setakat mana keberkesanannya dan sebagainya.

Jadi, oleh sebab soalan ini agak detil, Yang Berhormat Bagan Serai, *insya-Allah*, saya akan jawab secara bertulis dan *dinner* yang dijanjikan itu boleh kita kira kemudianlah *kot* dengan Yang Berhormat Bagan Serai. Udang pun kalau udang ini jadi elok di Bagan Serai ini, kita boleh *over dinner* di sanalah.

Ha, sampai pun.

**Tuan Pengerusi:** Tak jadi *dinner* lah.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Tidak jadi dinner. Projek Eco Culture di Selinsing, Perak ialah penternakan udang. Pemilihan projek adalah berdasarkan kepada cadangan daripada kerajaan negeri mengikut kesesuaian tanah dan juga kawasan. Ia telah dilaksanakan pada RMKe-10. Tentang sejauh mana kejayaannya dan sebagainya itu, saya minta notis untuk dijawab secara bertulis untuk Yang Berhormat Bagan Serai. Boleh ya?

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebab projek itu menjadi senyap, itu yang saya mahu tanya itu.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Apabila ia senyap itu maknanya udang itu eloklah itu.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih. Saya menunggu jawapan secara bertulis nanti.

**Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Jadi, Tuan Pengerusi, saya kira itu sahaja respons yang dapat saya berikan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM515,967,227 untuk Maksud B.10 dan RM448,000,000 untuk Maksud B.11 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM67,967,227 untuk Maksud B.10 dan RM448,000,000 untuk Maksud B.11 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,097,484,230 untuk Maksud P.10 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan (*Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan*) 2018 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

[Wang sebanyak RM2,097,484,230 untuk Maksud P.10 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018]

[**Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang**]

[Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018 dan Usul Anggaran Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2018 dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[**Majlis Mesyuarat bersidang semula**]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

### Bacaan Kali Yang Ketiga

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan sebahagian daripada tahun 2018 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujukan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dr. Md Farid bin Md Rafik]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

■2150

### USUL

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbangkan Usul

yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

"BAHAWASANYA, berikutan dengan Pilihan Raya Umum Keempat Belas, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula, beberapa kementerian baharu telah ditubuhkan dan satu kementerian telah dibubarkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan kepada kementerian-kementerian lain:

DAN BAHAWASANYA Perbelanjaan Pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu serta kementerian yang dibubarkan telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2018:

DAN BAHAWASANYA terdapat keperluan untuk menyelaraskan peruntukan perbelanjaan berkenaan dengan beberapa kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula itu berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsinya:

DAN BAHAWASANYA amau yang belum dibelanjakan berhubung dengan kementerian yang telah dibubarkan dan kementerian-kementerian yang peruntukan perbelanjaannya perlu dikurangkan itu akan disebat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406]:

DAN BAHAWASANYA menurut subseksyen 4(2), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], penguntukan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula dan kementerian-kementerian baharu itu hanya boleh dibuat melalui suatu Usul yang diluluskan oleh Dewan ini:

BAHAWA DEWAN INI, mengikut subseksyen 4(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang sebanyak enam bilion dua ratus dua puluh sembilan juta lapan ratus lima ribu tiga ratus enam puluh satu ringgit (RM6,229,805,361) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2018, bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2018 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2018 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang kesembilan dan kesepuluh Penyata tersebut dan Usul ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 2 Julai 2018." Hendaklah disahkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dr. Md Farid bin Md Rafik]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul Menteri Kewangan, yang berbunyi;

"BAHAWASANYA, berikutan dengan Pilihan Raya Umum Keempat Belas, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula, beberapa kementerian baharu telah ditubuhkan dan satu kementerian telah dibubarkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan kepada kementerian-kementerian lain:

DAN BAHAWASANYA Perbelanjaan Pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu serta kementerian yang dibubarkan telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2018:

DAN BAHAWASANYA terdapat keperluan untuk menyelaraskan peruntukan perbelanjaan berkenaan dengan beberapa kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula itu berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsinya:

DAN BAHAWASANYA amau yang belum dibelanjakan berhubung dengan kementerian yang telah dibubarkan dan kementerian-kementerian yang peruntukan perbelanjaannya perlu dikurangkan itu akan disebat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406]:

DAN BAHAWASANYA menurut subseksyen 4(2), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], penguntukan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula dan kementerian-kementerian baharu itu hanya boleh dibuat melalui suatu Usul yang diluluskan oleh Dewan ini:

BAHAWA DEWAN INI, mengikut subseksyen 4(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang sebanyak enam bilion dua ratus dua puluh sembilan juta lapan ratus lima ribu tiga ratus enam puluh satu ringgit (RM6,229,805,361) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2018, bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2018 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2018 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang ketujuh dan kelapan Penyata tersebut dan Usul ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 2 Julai 2018", hendaklah disahkan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Diputuskan,*

*"BAHAWASANYA, berikutan dengan Pilihan Raya Umum Keempat Belas, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula, beberapa kementerian baharu telah ditubuhkan dan satu kementerian telah dibubarkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan kepada kementerian-kementerian lain:*

*DAN BAHAWASANYA Perbelanjaan Pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu serta kementerian yang dibubarkan telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2018:*

*DAN BAHAWASANYA terdapat keperluan untuk menyelaraskan peruntukan perbelanjaan berkenaan dengan beberapa kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula itu berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsinya:*

*DAN BAHAWASANYA amaun yang belum dibelanjakan berhubung dengan kementerian yang telah dibubarkan dan kementerian-kementerian yang peruntukan perbelanjaannya perlu dikurangkan itu akan disebat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406]:*

*DAN BAHAWASANYA menurut subseksyen 4(2), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], penguntukan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula dan kementerian-kementerian baharu itu hanya boleh dibuat melalui suatu Usul yang diluluskan oleh Dewan ini:*

*BAHAWA DEWAN INI, mengikut subseksyen 4(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang sebanyak enam bilion dua ratus dua puluh sembilan juta lapan ratus lima ribu tiga ratus enam puluh satu ringgit (RM6,229,805,361) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2018, bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2018 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2018 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang ketujuh dan kelapan Penyata tersebut dan Usul ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 2 Julai 2018.]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dengan itu tamatlah sidang Majlis untuk hari ini dan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 16 Ogos 2018.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.57 malam]**